

SEKOLAH

Chedet.co.cc

June 12, 2009

By Tun Dr. Mahathir Mohamad

1. Seorang tetamu datang berjumpa saya kerana masalah yang dihadapi olehnya. Semasa dia menuju pintu keluar dia berkata, " Saya sedih anak saya yang sedang bersekolah tak tahu langsung sejarah Malaysia."
2. Isterinya yang turut bersama mencelah, "Anak saya tak tahu pun ibukota negeri-negeri. Dulu semasa saya di sekolah saya hafal nama semua ibukota bukan sahaja negeri-negeri di Malaysia, tetapi negara-negara di dunia."
3. Saya baca dalam akhbar bahawa bahasa Inggeris tidak perlu diwajibkan. Jadi apakah yang diwajibkan jika sejarah tak wajib, bahasa Inggeris pun tidak.
4. Saya percaya kita hantar anak ke sekolah supaya dia akan menguasai ilmu. Kita tidak hantar mereka bersekolah untuk dapat sijil tanpa ilmu.
5. Sijil dengan sendirinya tidak akan melayakkan kita untuk apa-apa. Yang melayakkan kita ialah ilmu-ilmu yang sijil berkenaan menyenaraikan telah dikuasai oleh pemegang. Oleh itu jika kita kurangkan ilmu yang diwajibkan supaya kita lulus dengan mudah, catitan dalam sijil tidak punyai makna lagi. Sijil sudah tidak berguna lagi.
6. Mungkin sejarah tak ada kena mengena dengan jenis kerja yang akan dibuat oleh kita. Tetapi tanpa sejarah kita tidak tahu siapa kita, dari mana kita datang dan kenapakah kita berada di sini dan tidak di tempat lain. Apabila kita tidak tahu dari mana kita datang, maka sukar bagi kita menentukan kearah mana kita akan pergi. Mungkin kita percaya kita sedang maju ke hadapan tetapi sebaliknya kita sedang undur ke belakang.
7. Semua mata pelajaran susah. Kalau senang apa gunanya kita adakan sekolah, apa perlunya guru yang terlatih. Sebenarnya sekolah mempermudah penguasaan ilmu melalui susunan dan tingkatan, sehingga yang lemah pun boleh belajar, dari satu tingkat ke satu tingkat.
8. Dahulu kita dikehendaki baca dan hafal. Di sesetengah negara Islam masih dilihat kanak-kanak berkumpul di keliling guru (ustaz) di masjid dan membaca Al-Quran dan kitab-kitab dengan suara yang nyaring. Apakah mereka faham atau tidak saya tak tahu. Apakah kelulusan guru dan adakah sijil yang dikeluarkan?
9. Sekarang kita bukan sahaja baca tetapi kita perlu faham apa yang dibaca dan kita tahu relevannya kepada kehidupan masa depan kita.
10. Sesungguhnya cara menyampaikan ilmu telah ditingkatkan sepanjang masa. Demikianlah peningkatan cara menyampaikan ilmu di zaman komputer ini sehingga guru pun akan dapat mempelajari bersama dengan murid.
11. Dalam mempelajari bahasa umpamanya, terdapat software (perisian) yang bersuara dan gambar bergerak yang boleh kita turuti.
12. Jika guru tidak cekap pun, software menerangkan apa yang perlu dibuat untuk

mempelajari sesuatu.

13. Tulisan atas skrin akan dibaca oleh pakar dengan sebutan yang baik dan boleh diulangi sehingga sebutan pelajar menjadi cukup baik.

14. Soalan boleh ditanya kepada software dan pelajar boleh banding jawapannya yang ada dalam software. Jika salah jawapan boleh diulangi sehingga pelajar dapat lafazkan jawapan yang baik. Ulangan boleh dibuat berkali-kali.

15. Dinding bilik sekolah boleh diguna sebagai skrin dan ditayang gambar orang yang berkata sesuatu dan perkataan akan tertulis di kaki gambar seperti subtitle yang sering kita lihat.

16. Ia tidak bosan untuk mengulangi berapa kali pun. Pita rakaman boleh dibawa balik untuk mengulangi episod-episod tertentu.

17. Dalam menggunakan software ini guru juga akan mempelajari atau memperbaiki lagi penguasaan bahasa berkenaan.

18. Soal tidak cukup guru tidak timbul. Yang dikehendaki ialah latihan kepada guru bagaimana mengguna software berkenaan. Saya percaya siapa pun boleh belajar cara menggunakannya.

19. Sesungguhnya sistem software untuk belajar bahasa amatlah berkesan dan berjaya. Kalau bersungguh-sungguh hanya beberapa hari sahaja yang diperlukan oleh guru atau pelajar untuk menguasai bahasa apa pun.

20. Saya belajar bahasa Perancis secara main-main tetapi saya dapat faham bahasa ini dengan menggunakan hanya piring hitam sebelum ada komputer. Kemudahan di zaman komputer ini jauh lebih baik daripada piring hitam.

21. Seperti bapa dan ibu yang kecewa dengan ilmu yang dipelajari oleh anak mereka, saya juga kecewa dengan desakan supaya dipermudah lagi perolehan sijil sekolah.

22. Jika sijil sudah begitu mudah diperolehi ia tidak akan dihargai lagi, tidak akan berguna untuk dapat kerja dan tak berguna untuk meneruskan pelajaran lebih tinggi juga.

23. Kalau sudah tak berguna, apa perlunya adakan sekolah dan sijil.

233 Comments

Zulhaiqal Irwan

December 24, 2009 at 12:54 pm | [Permalink](#)

Sekolah adalah gedung menuntut ilmu secara formalnya, tetapi ilmu boleh didapati dimana2 sahaja. Ilmu adalah tunggak kejayaan sebuah negara kerana setiap apa yang ingin kita lakukan kita memerlukan ilmu. Berbalik kepada

topik yang diutarakan oleh Tun, pada pandangan dan pendapat saya tidak kira dalam bahasa apa yang diajar yang penting pelajar memahami apa yang disampaikan. Tetapi ada perlunya sesetengah subjek diajar dalam bahasa inggeris contohnya math dan science, kerana ia dapat membantu pelajar yang lemah lebih menguasai bahasa inggeris. Kita haruslah mengikut perubahan ekonomi dunia dan pasaran kerja pada masa ini. Pelbagai aspek perlu difikirkan, tetapi kalau Sejarah untuk diajar dalam bahasa inggeris masih boleh dipertimbangkan lagi adakah ia perlu atau tidak. Janganlah isu bahasa menjadi masalah besar pada kita, kita masih boleh menggunakan bahasa komunikasi di rumah maka tidaklah hilang bahasa kita. Yang menjadikan sesebuah negara itu maju adalah bukan kerana bahasa yang digunakan tetapi kepintaran kepandaian diri kita memajukan negara.

kerisbangsa's Gravatar kerisbangsa

August 24, 2009 at 3:40 am | Permalink

sampai bila pun kita takkan bersedia,

jika kita tidak memulakannya..

michelle's Gravatar michelle

July 14, 2009 at 2:04 pm | Permalink

Yang Berhormat Tun, please help the silent group of rakyat who had supported the policy in PPSMI. This policy should be continued for the sake of our future generation. Thank you.

sm al-amin's Gravatar sm al-amin

July 12, 2009 at 1:24 am | Permalink

Assalamualaikum Y.Bhg.Tun,

Bila membaca hampir kesemua maklum balas, komen dan juga pendapat orang berhubung tajuk SEKOLAH yang dicetuskan oleh Tun, saya rasakan diri ini terlalu kerdil dan tidak layak untuk mengeluarkan pendapat dan turut serta dalam perbincangan yang panjang lebar yang berkaitan dengan topik yang dikemukakan oleh Tun itu. Namun bila saya teringat kembali kepada kisah buku "Malay Dilemma" (tulisan Tun)yang pernah mendapat reaksi "keras" dan "kasar" dari pemerintah ketika itu, saya merasakan ada sedikit kekuatan untuk mencoretkan sesuatu disini kerana buku tersebut merupakan manifestasi kepada kebebasan bersuara walaupun mungkin terdapat pandangan yang tidak sehaluan dengan pandangan arus perdana pada ketika pendapat itu diutarakan.

Sungguhpun Tun merupakan negarawan ulung yang amat saya hormati dan kagumi, tetapi percayalah saya tidak sependapat dengan Tun dalam soal PPSMI. Maksudnya: Saya tidak bersetuju mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris kerana masih ramai orang Melayu khususnya diluar bandar masih tidak bersedia dari segi minda, ekonomi dan juga budaya ilmu. Dan keadaan menjadi lebih parah lagi bila mereka inilah merupakan golongan majoriti atau paling bawah didalam piramid status sosio-ekonomi masyarakat Malaysia. Mereka tidak bersedia dalam konteks ajakan paradigma yang ingin dibawa oleh Tun.

Perkara kedua, berhubung dengan pelajaran Bahasa Inggeris dan Sejarah yang dibincangkan untuk dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah, ia merupakan sesuatu yang tidak perlu dibahas dengan panjang lebar dan wajar

dilaksanakan terus! Ia sesuatu yang wajib disokong bukan hanya kerana ianya semata-mata cadangan yang lahir dari seorang negarawan ulung seperti Tun tetapi ia merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh setiap warganegara yang bergantung hidup ini di bumi bertuah ini. Setiap individu harus dan wajar sekali mengenali asal-usul dan peristiwa penting yang menjadi landasan atau platform sehingga Malaysia menjadi seperti apa yang ada pada hari ini.

Berkenaan dengan soal sijil dan ilmu, saya tidak berani untuk komen lebih jauh. Pertama kerana saya tidak mempunyai sijil yang hebat dan sijil yang “tinggi”. Malah saya sekadar memiliki sijil rendah, yang mungkin paling rendah diantara ramai orang yang menulis diruangan ini. Apa yang mungkin saya ada hanyalah ilmu yang saya yakin lebih baik dari dari sesetengah orang yang tidak melayari dan mengikuti tulisan-tulisan Tun, termasuk juga komen-komen para peminat atau pengkritik Tun, diruang siber ini. Malah saya amat berharap agar ilmu saya akan bertambah dan berkembang selaras dengan pertambahan tulisan Tun dan para tetamu Tun yang mengambil bahagian dalam pelbagai perbincangan. Semoga saya akan menerima “sijil penyertaan” dari Tun, itu sekiranya saya layak pada hemat Tun, kerana mengambil bahagian (walaupun sekadar mengutarakan pendapat kecil) dalam kelas bagi subjek “Che det.com” ini.

Wassalam.

SM. Al-Amin

mugu's Gravatar mugu

July 12, 2009 at 12:33 am | Permalink

Salam, Tun

Saya selaku guru sebuah sekolah menengah amat kesal dan sedih atas tindakan kerajaan baru-baru ini tentang PPSMI. Saya juga selaku jurulatih utama kursus PPSMI kepada guru-guru daerah Johor Bahru amat sedih akan sikap sebilangan guru MM dan SN yang menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik. Kerajaan telah memberikan elaun BISP, malangnya bayaran ini tidak berbaloi dengan curahan tenaga guru-guru mengajar MM dan SN. Mereka tidak mempunyai inisiatif untuk memperbaiki diri dalam menguasai bahasa inggeris. Sikap ini tidak mendapat pemantauan daripada pihak kementerian. Bagi saya PPSMI harus diteruskan. Sikap guru dan pemantauan terhadap mereka perlu wujud. Pemantauan oleh pihak pentadbir sekolah tidak boleh dijadikan kayu ukur kerana kesahannya boleh dipersoalkan.

Kursaus PPSMI untuk guru-guru selama 3 minggu hanya untuk sementara waktu sahaja. Selepas itu mereka balik kepada sekap asal. Sikap ini pula tidak mendapat perhatian daripada kementerian.

Jurulatih Utama PPSMI

adsee's Gravatar adsee

July 10, 2009 at 3:35 pm | Permalink

Dear Tun,

First of all, I want you to know that you are one of the bestest Prime Minister Malaysia has ever had. Under your leadership, Malaysia has developed tremendously and you have made Malaysia known to the whole world. May Allah bless you with great health and much happiness always.

Now coming to the reversion of teaching Maths & Science to BM. Why would govt want to do that? By doing so Malaysia is only telling to the whole world that Malaysia is not progressing to the future but backwards in terms of education.

My daughter is born in 1996 and she was the 1st batch of children whereby Maths & Science are taught in Eng. When UPSR results came out last year the school has got the bestest 5As scorers in history and so did many schools.

When these children were made known to them 2 days ago that the govt will revert the teachings of Maths & Science to BM in 2012 they were all so demoralised. All these children irregardless of races. We are all Malaysians. Why did the govt made them their experimental tools in the first place and then when they did so well they were to be put down again by the govt.

When the govt made these kind of decision have they ever thought that the sufferings will only be on the children , the future leaders of Malaysia! The govt is not the one suffering . Can you imagine what will happen to these children in 2012?

My son who is now in Std Two will also suffer and so will other children . They will be so confused. They will be caught in the middle neither here nor there.

These children do not have problem studying Maths & Science in Eng. It is the TEACHERS' who are not competent enough to teach these two subjects in Eng. The question here is that how can these so called teachers be teaching in the 1st place if they are not even competent in all languages i.e. how can they qualify to teach any subjects at all if they fail to be able to converse in all languages or at least BM and Eng? Don't the govt have any requirement that before these people are to be teachers they must be at least good in BM and Eng? The very common language in Malaysia?

Please govt think for the children of Malaysia, our future leaders.

Tun, please do something about this cos you are the only leader in Malaysia that I have faith in.

May Allah bless you and your family always.

Thank You

chuatb's Gravatar chuatb

July 8, 2009 at 10:23 pm | [Permalink](#)

Tun,

concerning PPSMI i agree with u in total that we r going backwards with regards to the education of future generation. i doubt very much that there will be another PM or Education Minister who has such a noble vision n focus like u where education is concerned. i feel sad that our future generation has been deprived of such education . Just because many leaders n political heads find it difficult for their children to learn Maths n Science in English so we have to abolish it. What a pity.

To Tun , pls stay healthy.

chung_yee's Gravatar chung_yee

July 8, 2009 at 3:57 pm | Permalink

Dear Tun,

someone made a grave mistake in changing the medium of teaching in our schools from English to Bahasa Malaysia in the 1970s. Let

TEDDY D.Sagunting's Gravatar TEDDY D.Sagunting

July 7, 2009 at 7:45 am | Permalink

Salam sejahtera ayahanda Tun,

Saya bersetuju dan sependapat dengan kesemua penulisan Tun bermula dari perkara 1 hingga ke perkara 23.

Bagaimanapun saya ingin menambah sedikit bahawa ada lagi satu penyakit yang masih berada dalam minda masyarakat Malaysia khususnya melayu iaitu benda-benda bersifat takyul atau syirik(polytheism) iaitu ilmu-ilmu hitam yang sepatutnya tidak lagi dikhayal wujudkan untuk dibawa ke zaman serba modern ini. Era digital dah pun meluas digunakan. Pelancaran satelit MEASAT 3A baru-baru ini telah membawa langkah negara ini ke hadapan lagi dalam penguasaan penggunaan teknologi telekomunikasi digital di dunia sebaris dengan negara-negara maju.

Bagaimanapun di dalam internet tiba-tiba saya nampak perkara yang memalukan sekali(pelik tapi tak benar),rupanya masih ada lagi rakyat Malaysia yang percaya dengan ilmu hitam. Kalaulah betul ada Kenapa tak digunakan saja untuk menentang penjajah di zaman penjajahan dulu tak payahlah susah-susah guna keris atau tombak kerana tetap menang sebab ada ilmu hitam atau gunakan sahaja ilmu hitam tersebut untuk menentang musuh-musuh negara. Pelik-pelik tapi tak benar.

Sebagai rakyat Malaysia saya amat malu sekali dengan perkara ini kerana baru sebentar tadi apabila kawan-kawan saya menunjukkan klip video yang diperolehi dari Youtube.com yang menunjukkan aksi-aksi(perbualan) mereka yang percaya dengan ilmu hitam.Bukan apa saya hanya nak tanya satu perkara apakah mereka-mereka ini masih dianggap layak menjadi warga negara Malaysia sedangkan Prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu kepercayaan kepada Tuhan pun sekadar menjadi sebutan di mulut tetapi tiada penghayatan di dalam diri mereka semua. Amalan agama jenis apakah yang mereka anuti ini dan adakah ini yang mahu diiklankan kepada dunia untuk menarik minat orang lain untuk percayanya. Tak malukah mereka memperlihatkan kebodohan-kebodohan mereka kepada negara-negara nusantara khasnya dan dunia amnya.Dari sekolah manakah dan dari negeri manakah yang masih lagi menyimpan ilmu sebodoh ini untuk diwarisi. Masih adakah lagikah saki baki guru-guru () yang mempercayai ilmu hitam ini di Malaysia, tak tahu malu betullah. Orang-orang dewasa tapi kelihatan kurang matang lagi yang berbual-bual dalam klip video tu.Idea-idea mereka macam diperolehi dari rancangan siri kanak-kanak (Animasi karton) yang ditonton oleh anak-anak saya di peti TV. Semua murid-murid sekolah rendah dan staf termasuk jaga dan tukang kebun serta pencuci tandas di SK. Patikang Laut Keningau Sabah ketawa terbahak-bahak melihat kelucuan aksi perbualan dalam klip video tersebut.

Saya amat yakin majoriti rakyat Malaysia yang rata-rata memiliki minda 1 + 2 taklah terlalu bendul untuk mempercayai iklan-iklan murahan seperti itu, macam dah kehabisan dan ketandusan idea sahaja.Buat malu nama negara sahaja lucu bodoh lainlah kalau mereka minum arak dahulu baharu berbual sesama sendiri tapi kankah

mereka orang melayu(takkanlah mereka minum arak atau ada benda serba tak kena yang mereka ambil), bayangkan bahasa perputuran tersebut difahami oleh orang-orang barat dan mereka menontonnya. Apakah kata mereka.

Kalau saya, saya ada banyak koleksi-koleksi ilmu yang saya pelajari. Contohnya koleksi ilmu silver @ merah jambu yang saya tahu serba sedikit je tetapi harap-harap jangan dipelajari kerana ilmu jenis ini benar-benar wujud tetapi ianya amat-amat merbahaya sekali dan bukan calang-calang orang yang boleh menguasainya. Silap-silap boleh jadi gila untuk selama-lamanya kerana ilmu jenis ini boleh memakan diri sendiri. Kalau tak silap sayalah, saya rasa mereka-mereka yang ada dalam klip-klip video tu merupakan pelajar-pelajar baru ilmu silver @ merah jambu sebab itulah mereka ternyata kuat bercakap benda-benda yang pelik-pelik dan tak dapat diterima akal. (Semua negara di dunia amat membenci Ilmu jenis ini, pada saya cukuplah setakat tahu sahaja dan saya berjanji tidak akan mengajarnya kepada sesiapa jua demi 1 Malaysia. Kalau ada yang kerasukan ilmu jenis ini, saya sedia membantu memberi khidmat nasihat bagaimanakah cara untuk memulihkan mereka-mereka semua)

Cuba masuk laman web ni yang merupakan salah satu dari laman web yang saya maksudkan
<http://www.youtube.com/watch?v=2vP2wDVBtvA> http://www.youtube.com/watch?v=LXN_gga-JjM
<http://www.youtube.com/watch?v=Tgw-DgS13YE>

Betul tak apa yang saya cakap.

Kalau masih tak puas hati dan tak bersetuju dengan pendapat saya bolehlah emel saya di teddy.d.s@hotmail.com pada bila-bila masa.

Kesimpulan:-

Jadi adalah lebih baik belajar ilmu-ilmu putih yang banyak terdapat di pasaran Malaysia, Asean dan global kerana ianya boleh dipelajari secara terang-terang mudah berbanding dengan ilmu hitam/ilmu silver @ merah jambu yang saya difahamkan perlu dipelajari secara sembunyi-sembunyi atau berpantang ini dan itu bagi dikuasainya. Nak yang free senang je jom kita ke perpustakaan kerajaan, banyak buku-buku ilmu putih di sana boleh baca ikut suka auda.

(Skop Tulisan ini hanya meliputi negara Malaysia dan ianya tidak melebihi garis sempadan negara Malaysia. Rasionalnya saya amat yakin 99.9% rakyat Malaysia dapat menghayati apakah maksud menyeluruh dan kesignifikannya 5 prinsip rukun negara selepas membaca tulisan saya ini)

Sekian.

Nota:-

Sebuah lukisan yang cantik dapat dihasilkan dan disenangi oleh semua orang adalah lukisan yang mengandungi gabungan dan adunan warna yang seimbang dengan menggunakan berus-berus warna yang telah dipastikan benar-benar bersih oleh pelukisnya. Saya amat yakin Tun telah memilih pelukis yang betul-betul berbakat dan berpengalaman untuk menyiapkan lukisan yang Tun buat tetapi belum siap lagi untuk memastikan kesempurnaannya pada masa yang telah dijadualkan. Lukisan tu agak mahal juga nilainya tetapi saya percaya kosnya lebih murah berbanding dengan lukisan yang dihasilkan oleh negara-negara lain.

S..Tan's Gravatar S..Tan

July 7, 2009 at 1:05 am | Permalink

Dear Tun, salam sejahtera harap sihat sentiasa. Minta izin mengulas pendapat pengunjung di sini....

>>Pandangan pada tulisan 'lillies82' on June 25, 2009 6:20 PM

.....TAKUT

Hujah bantah belajar BI takut bangsa gagal, ketinggalan dan susah sebab Tun timbulkan isu ini. Sikap ini akan membantutkan bangsa krn enggan meneroka ilmu baru, jaguh panjat pokok kelapa saja. Bahasa Arab boleh dipelajari untuk agama, tak kan BI begitu susah untuk teroka ilmu? BM terjamin krn bahasa ibunda majoriti,

lillies82's Gravatar lillies82

July 5, 2009 at 4:26 pm | Permalink

Assalamualaikum untuk Tun sekeluarga...

i'm writing this just to give my feedback to anakbudu3.....

You are not in my shoes...and you are not in the same school with me....maybe your administrator can negotiate with you but not in my school...what they want is the school percentage should increase during the UPSR result and they wanted to be in the top 10 list of schools...as what i can see, all the teachers that i knew all of them have to finished the syllabus that had been given by the kpm....isnt it a waste when u have to go on with the syllabus but other children who is slow will be left behind...

I've attended a year course last year...i gained so much input there and i'm trying to apply it to my students...but...pity me...i got classes which are too many pupils in the classroom...as far as i know, we as a teacher have to create a conducive environment to the children so that the children can learn in a good environment.... how can i create a conducive environment while in the class i got 40 pupils that i have to cater?? how am i going to make a approach for certain pupils based on their level of learning if.....

- i only have the chance to teach them in a big class..

- where all the pupils are from the weakest class...even the headmistress also cant handle them...

- the pupils before this have been taught by other teachers not to use their brain..but...just only wait for the answer to be written on the board and they just copy it in their exercise book...

IS IT FAIR TO ME????? i've been trying to open up this children mind...many activities that i've tried..but.....they refused to accept it...i've spend a lot of money to give some tokens to them so that they will participate and eager to learn this language but then....what happened??? they still dont want to use their brain nad TAK INSAF.....

how come u want to judge me just by not writing in English???? Is it a trademark or u just wanted to be label as AN EDUCATED PEOPLE...?? AN ENGLISH MAN??? LET ME TELL U THIS MR / MRS ANAKBUDU 3, BAHASA JIWA BANGSA....it doesnt mean i did not write in English i'm not good in English....

SAYA BUKAN JENIS MANUSIA YANG MUDAH "LUPA" DIRI DAN JUGA MANUSIA YANG RIAK.....CUBALAH PERGI KE KAMPUNG2 YANG MANA BERLAKUNYA MASALAH2 YANG TELAH SAYA NYATAKAN SEBELUM NI...PERGI SECARA MENGEJUT...KALAU DIBERITAHU, SEMESTINYA PIHAK SEKOLAH AKAN MEMBUAT PERSIAPAN YANG SEBAIK2NYA...

i'm so sorry Tun...i didnt mean to use your page as a place to quarrel with this ANAKBUDU3...but then, it seems like he/she didnt understand other people feelings....

just imagine if you are in my shoes....what will you do?? your administrator also didnt support u..and u r alone....

Then only you will know how is my feeling at that moment...

Salam....

Luahan Hati Seorang Rakyat Malaysia's Gravatar Luahan Hati Seorang Rakyat Malaysia

July 2, 2009 at 4:47 pm | Permalink

Saya bukan orang Melayu. Saya juga bukan seorang yang bersifat perkauman, cuma rasa kasihan dengan anak-anak kawan Melayu saya yang masih bersekolah.

Semasa belajar di sekolah kebangsaan dahulu, saya perhatikan banyak kawan bangsa Melayu sering ingin mencari jalan mudah sekiranya menghadapi apa apa masalah dengan mata pelajaran yang diajar, tak tahulah samada mereka memang malas untuk berfikir untuk mencari penyelesaian ataupun sudah ada sifat pada diri sendiri untuk suka ambil jalan singkat. Jadi apabila timbulnya soal mengajar Bahasa Inggeris di sekolah lebih lebih lagi mengajar dalam ilmu sains & matematik, saya cukup faham dengan perasaan sesetengah golongan orang Melayu ini.

Kononnya mereka ingin menegakkan martabat bahasa bangsa sendiri. Tetapi yang pastinya golongan ini tidak berpandangan jauh dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi bangsa sendiri.

Sekiranya golongan ini masih bising sana sini menyuarakan perasaan tidak puas hati, batalkan saja pembelajaran Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains & Matematik. Apatah lagi sekarang ada pihak tertentu mengklasifikasikan subjek mata pelajaran tertentu, sebagai tidak wajib lulus di sekolah. Tapiskan saja ilmu yang susah dipelajari di sekolah ataupun kelaskan subjek tersebut sebagai subjek tidak wajib lulus. Semua orang tentu gembira!

Jangankan ingin menguasai Bahasa Inggeris atau mata pelajaran lain, lihat saja, banyak orang Melayu masih tidak fasih bertutur dalam bahasa ibunda sendiri semasa di sekolah. Mereka langsung tidak mengendahkan kepentingan penguasaan ilmu bahasa sendiri, mana ada keinginan untuk menguasai ilmu bahasa lain lagi.

Saya agak 20 tahun kemudian, apabila anak-anak kawan bangsa Melayu saya sudah mula bekerja, mereka akan tahu kepentingan Bahasa Inggeris. Mungkin masa itu, akan terbitlah semula idea untuk mengajar ilmu tertentu yang dahulunya difikir tidak penting. Harap-harap masa itu tidak lambat lagi. Kalau mereka baca buku sejarah kemudian hari, mereka akan tertanya-tanya balik kenapa bangsa mereka sendiri hendak sangat nak membantah hal ini pada masa itu.

Biarlah Melayu hilang daya saing. Biarlah.

anakbudu3's Gravatar anakbudu3

June 28, 2009 at 8:07 pm | Permalink

Assalamualaikum Ayahnda Tun n Bonda,

IT'S ABOUT ENGLISH TEACHING AND LEARNING AGAIN!!!

Please allow me,

I've read someone's heartfelt about teaching English Language in a remote school where she had to resort to translating all the questions to Malay during examinations as to make her students able to answer the questions, yet some failed. After 6 years of teaching she must have felt exhausted being unable to make her students excel in English and taking a short cut, direct translation is her "expertise"!!! Pity her & all her students. I guess, there are so many ways in making the lower achievers understand English. My advice, THERE IS NO SHORT CUT IN LEARNING AND TEACHING. In the beginning, for instance, in year one, pupils are taught to identify words, phrases and simple sentences. How can teachers make them understand what they are learning when they cannot utter or understand even a word of English??? With LOTS & LOTS OF PICTURES plus TEACHERS's OWN EXAMPLES & ACTIONS. Use the appropriate methods and approaches learnt during teacher's training. If one method is not working try combination of many or known as eclectic approach. It works in many situations....At the end of their primary schools, the pupils will be able to master at least the vocabulary intended for them to master if teachers really put in the effort.

A good teacher must know how to overcome the students' learning difficulties. Ever heard of different learning styles??? If a teacher knows her students well, he/she should be able to use different types of activities to cater for his/her student's different abilities. Use interesting stories, songs, rhymes, poems, limerics and simple quizzes, riddles or puzzles to enhance their vocabulary. All these can be downloaded from many English Language websites. Pictures are a must and also their own participation. If a teacher talks all the while & the students just listen, it will not work, especially to the weak students. Involve them in all the stages of learning, then you can see the results...

If you really want your students to excel, try graded readers. You have to check their reading every now and then, at first they may not be able to understand anything but as you go further with them, they will be able to read on their own. Give yourself some time, so as your students. Do not rush because it will only bring you frustration...

To this so-called SEORANG GURU BAHASA INGGERIS, I know it is not easy, that is why as teachers we have to have DETERMINATION. I can see that you are not there yet as an English Teacher because you wrote mainly in Malay...please up grade and go for more professional courses for self improvement & building up confidence level. Only by upgrading ourselves, we can help our students especially the Malay students...Insyaallah.

Do not underestimate the rural pupils. I once was a rural school student. I learnt English from very dedicated teachers who took me for what I was – unable to understand a word of English at the beginning. Do not put the blame on non-educated parents or parents who do not speak English at home. My late father did not know English. My mother does not speak English,too. I learnt everything in school from my teachers. So now that we are teachers, how can we help our students so that they become good English users like us??? Please reflect on our own experiences....

I hope there is light at the end of the tunnel for our friend here & hope that more experience English language teachers can help her!!!

To bloggers or any professional in TESL, TEOFL or ELT&L, please help new teachers who are struggling to make teaching and learning a success...

May Allah SWT bless Ayahnda Tun n Bonda.

Wassalam.

just my brain wave...

lillies82's Gravatar lillies82

June 25, 2009 at 6:20 pm | [Permalink](#)

assalamualaikum YB Tun...

Ape yang saya ingin komenkan di sini adalah pendapat saya sebagai seorang guru yang masih berkhidmat...

Tun bersetuju agar subjek English dijadikan sebagai subjek wajib lulus untuk SPM, ini memang satu cadangan yang baik tetapi pada hakikatnya ianya akan merugikan balik anak2 melayu terutamanya di bandar mahupun yang di luar bandar.

Umum mengetahui bahawa prestasi subjek Maths & Science in English meningkat semasa UPSR tetapi realitinya tahukah Tun kebanyakan pelajar2 luar bandar memang ketinggalan dalam subjek English?? sebagai contohnya saya sebagai seorang guru yang mengajar subjek Bahasa Inggeris di sekolah rendah ingin meluahkan realiti pencapaian pelajar2 melayu di luar bandar...

Semenjak saya menjadi guru selama 6 tahun, saya terpaksa mengajar English dalam Bahasa Melayu....Tun jangan terkejut buruk ..!!! Inilah hakikatnya..sewaktu dalam peperiksaan bulanan, saya terpaksa membacakan soalan2 yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu agar mereka dapat memahami kehendak soalan..itu pun masih ada yang gagal...walaupun saya terpaksa menurunkan level pengajaran saya agar mereka boleh mendapat ilmu sama seperti murid2 cerdik pandai yang lain....

Siapa yang harus dipersalahkan sekarang??

Adakah sistem yang bersalah??

Adakah guru yang bersalah?

Adakah ibu bapa yang bersalah??

atau...

Polisi kerajaan yang bersalah....???

Apabila diperlukan laporan prestasi bagi matapelajaran dalam subjek English, pihak pentadbir banyak menipu dengan menghantar laporan2 palsu dengan mengatakan prestasi murid2 mereka bagus....tetapi mereka itu adalah golongan yang hipokrit....!! Yang merana adalah, ANAK MELAYU KAMPUNG....!!! sebab, apa yang cikgu ajar masih x faham2....

kebanyakan pentadbir hanya gila glamour bila prestasi meningkat..takut dengan kementerian bila prestasi sekolahnya menurun...

Antara penyumbang besar kepada tidak berjayanya pencapaian murid2 dalam subjek English dan juga maths & science in English adalah....terdapat guru2 yang bukan opsyen bg subjek tersebut ada yang DIPAKSA dan ada yang BEREPUT2 untuk mengajar...bukan salah bila berebut nak mengajar..tetapi berebut kerana mahu mengejar insentif yang kementerian berikan...10%, siapa yang x nak??? walaupun ade yg hanya dapat 5%..tetapi mereka ini juga disokong oleh Guru Besar untuk mendapatkan insentif tersebut walaupun ada guru lain yang lebih layak...

Cuba Tun bayangkan apabila subjek Bahasa Inggeris dijadikan subjek wajib utk mendapatkan sijil SPM??? sedangkan Tun jugak sudah sedia maklum bahawa geng2 mat rempit terdiri daripada org MELAYU...bohsia & bohjan pun MELAYU....penghuni pusat serenti pun MELAYU...kaku melepak pun MELAYU...kaki berlibur pun MELAYU...

maka, pada masa akan datang pun akan berlaku jugak kes2 xde kerja lepas belajar...pun MELAYU....sebab x lulus BI...

Kadang2 saya jadi hairan..ke manakah perginya budak2 melayu..terutamanya LELAKI MELAYU...

Pada zaman pemerintahan Tun dengan adanya wawasan 2020 saya pernah terpikir sehingga ke tahap manakah MAlaysia akan berada di mata dunia...bangsa2 cina dan india dan parti pembangkang x berani angkat muka...

tetapi sekarang???

Lihatlah...maruah melayu dipijak2...!!!parti komponen dalam barisan sanggup demand2..mengugut...UMNO dengan UMNO bercakaran sama sendiri...

apa yang saya bimbangkan, besar kemungkinan dalam pilihanraya akan datang barisan akan menjadi parti pembangkang...

Dan MELAYU hanya tinggal di tanah sahaja...sudah tidak mempunyai kuasa dan taring...

saya sendiri kadang2 hairan dan sedih melihat keadaan bangsa melayu sekarang...

apa yang akan berlaku seterusnya....???

ini adalah pandangan ikhlas daripada saya...Tun adalah merupakan salah seorang GENIUS samada dalam pembangunan ataupun politik..

dengan ketidak stabilan politik UMNO sendiri, nasihat dan pandangan Tun untuk memperbetulkan keadaan amatlah diperlukan...

Apa yang menyedihkan saya, komen2 dan pandangan2 di sebarkan melalui akhbar oleh Tun @ pemimpin2 UMNO yang lain seolah2 menunjukkan ketidaksefahaman dan tikam menikam antara 1 dengan yg lain...keadaan ini memburukkan UMNO dan memberi ADVANTAGE kepada kaum cina dan india..

alangkah baiknya Tun dilantik sebagai penasihat parti @ menteri kanan dlm kabinet atau Tun remain behind the scene demi untuk kebaikan negara dan bangsa MELAYU...

pernahkah Tun mendengar tentang pertubuhan GIM...?? mengikut perancangan mereka, mereka akan memerintah negara menjelang pilihanraya yang akan datang..tidakkah Tun bimbang??semua ahli anggota pertubuhan tersebut adalah terdiri daripada all walks of life..kebanyakannya daripada golongan elit2 sekitar 40an – 50an..

dan parti UMNO akan tinggal dalam lipatan sejarah... inilah yang merisaukan dan merungsingkan saya...

saya berharap pihak Tun dapat memberikan pandangan..ke arah memartabatkan kembali bangsa Melayu yang semakin pudar..ataupun LAYU mengikut sajak yang Tun ciptakan dahulu..memang benar Tun, MELAYU MUDAH LUPA....

LUAHAN DARIPADA

SAYA SEORANG GURU BAHASA INGGERIS DAN JUGA IBU SAYA SEORANG BEKAS KAKITANGAN KERAJAAN DAN BERKHIDMAT SEPANJANG PERKHIDMATAN TUN...

I See Stupid People's Gravatar I See Stupid People

June 25, 2009 at 5:46 pm | Permalink

Somehow I felt Malaysia Education system is like “making Rojak slowly”. At first teach in English Language then change to BM then change back to English language but rojak with Math and Science ingredients only. Adui, so many changes no wonder all the teachers oso pening kepala with all these changes. Maybe the ministry thought teachers are superman, teachers can change in split sec in the telephone booth... During Tun’s younger times, many malays and other races mastered in English Language very well! We shudnt change it at that time.

During my sec. school time, I still remember my headmaster told us tat we can only take up 10 papers max, then when result came out and saw from newspaper that someone got 14As! Y the examination board allow such things to happen?? Where’s the standard?? And now only they’re talking about 10 subjects standardisation. Malaysia Education system was too slow compare to the children now. Nowadays children/students are much more clever & smarter, thanks to technologies (4 yrs old child playing Sony PSP!! whereby we still playing guli in older times)... Our education system should lift up the speed and follow the current pace!

Dear AbdRahman,

I disagreed with your opinions. I believe english language nit to learn from young. It’s wrong for you to translate into BM for your children. You should teach them to run through the conventional dictionary then only they able to know the words. I knw it’s a painful process but it’s good for them. Hence, teaching English Language in Secondary school would be too late for them. The students will even find harder to adapt into english teaching environment when they too use to BM during primary school especially science and maths subjects which I found english terms sounds more logical than in BM.

During my time when Science and Maths are still in BM, I seriously felt a pinched when I move to university when taking science subjects. Not only myself but same goes to my peers except for some PJ fellas whom studied in English Ed school.

I always taught my english command was bad but when I conduct interviews with potential candidates, i’m shocked that their english speaking are much more worst!! No wonder, the Asia-pac helpdesk center are moving towards Philipines and India as Malaysia English speaking was sux, thanks to the Education System in Malaysia...

anakbudu3's Gravatar anakbudu3

June 25, 2009 at 10:53 am | Permalink

Assalamualaikum Ayahnda Tun n Bonda,

Agak lama tak menjenguk ke sini, ‘cable’ kena curi hampir sebulan dah, line fon di umah masih terputus, nak ambil peluang masa rehat ni untk memberi pandangan tentang isu sistem pelajaran kita yang makin dihangatkan oleh mereka yang rata-rata lahir dari sistem yang wujud dari dulu hingga kini...

MENGAPA ADA YANG TERLALU NEGATIF TERHADAP GURU? Tak sedarkah mereka yang telalu jengkel pada guru ni, **BOLEHKAH KAMU MEMBACA, MENULIS DAN MENGIRA** hari ini jika tidak kerana GURU? **BOLEHKAH KAMU BEKERJA, MENDAPAT GAJI, MENYARA KELUARGA TANPA DIDIKAN GURU?** Memang manusia mudah lupa, jasa guru yg amat besar dilupakan seolah-olah sebaik lahir saja manusia ni dah pandai membaca, menulis ,mengira....

Janganlah jadi manusia yang lupa jasa orang lain terutamanya GURU. Patutlah ada yang senang lenang tapi tidak senanghati dan beriman...

Semoga Ayahnda n Bonda n semua yang sentiasa bersyukur dan ingat jasa n berterimakasih kepada ibubapa n guru diberkati Allah SWT...

Wassalam.

saifulddin's Gravatar saifulddin

June 24, 2009 at 5:17 pm | Permalink

salam tun...

sekali lagi saya tertarik dengan isu "sekolah" ini kerana kadang-kadang hal in agak mengelikan hati..

apa sebenarnya tujuan persekolahan jika semuanya "ditapis" dan dimana relevennya penapisan itu.

saya mewakili generasi muda menyokong 100% apa yang diperkatakan oleh tun...

kita perlukan pemikir sperti tun,kita tahu kehebatan tun jadi kenapa kita ingin menyangkal idea bernas dari mulut beliau ini...

fikirlah wahai bangsaku dan andai betul melayu mudah lupa,mulalah menulis nota & memo agar kita sentiasa ingat...

kijang's Gravatar kijang

June 24, 2009 at 12:21 am | Permalink

Salam buat Tun & Keluarga....

Kenapa semasa Tun menjadi PM dulu tun tidak menyuarakan pasal hal hal ni,sekarang tun sudah terlewat,tiada kuasa lg.Semasa pemerintahan Tun,saya ada belajar disebuah institut (MLVK)di Pantai Timur semenanjung di bawah Jabatan Tenaga kerja/pembangunan kemahiran(Kementerian Sumber Manusia).Kononnya untuk mengejar cita2 dan kerjaya yang baik.Dengan menggunakan nama Basmi Kemiskinan Kelantan,ramai yang pemuda pemudi yang mengikuti kursus di sana.Tapi ape yang terjadi sebaliknya,tiada apa yang dapat saya timba dari sana,kosong!yang ada hanya lah hutang RM5000.00 dengan tabung Pembangunan Kemahiran semata untuk membayar kepada pengusaha kolej tersebut.Kenapa begitu? Sebab kerajaan besekongkol dengan pihak pengusaha kolej tersebut.Dengan menggunakan nama tertentu semata mata untuk mengaut keuntungan dari mereka yang miskin.Saya teramat kecewa sehingga sekarang walaupun sudah 7tahun berlalu.disini saya ternampak kepincanganya.Sekarang pemilik kolej sudah mampu menjadi wakil rakyat di kawasan saya.(Alwi ahmad,DUN KETEREH Kelantan).Adakah menteri sumber manusia pada masa itu Datuk Fong Chan Onn terlibat? Yaa..dengan kain rentang yang besar dirasmikan oleh beliau,ramai yang berminat.selepas habis belaja,tiada apa yang saya dapat.cuma sesalan sebab ada hutang.Ini terdapat unsur penipuan.Sampai mati pun saya tidak akan undi beliau.Kementerian seharusnya telus & proaktif dengan tugas.

Tun seharusnya mencadangkan hanya satu jenis sekolah sahaja untuk sekolah rendah.Tidak perlu SJKC/SJKT.Untuk mengeratkan kaum di malaysia.Pada usia sebegini kanak2 tidak tahu apa2 tentang kaum atau apa2 persoalan.Kerajaan harus tegas.Biar lambat asal selamat.

Setelah itu,ajarlah dalam bahasa Inggeris.

HENTIKAN KEMASUKAN PEKERJA ASING KE MALAYSIA.

TQ

2now's Gravatar 2now

June 23, 2009 at 8:15 pm | Permalink

Apabila Tun melaksanakan polisi PPSMI ini, banyak orang terkejut akan keberanian Tun melakukan sesuatu dasar yang begitu drastik. Kerana tindakan Tun sebelum ini demi rakyat dan negara, tiada yang berani menolaknya. PPSMI telah menyedarkan pelajar dan pihak sekolah tentang kepentingan penggunaan Bahasa Inggeris, bukan sekadar suatu mata pelajaran tetapi penting dalam pengajian ilmu seperti juga dalam Bahasa Melayu. Banyak insentif dan galakan telah diberikan kepada pelaksanaannya. Namun demikian, seperti apa yang biasanya berlaku, dasar PPSMI ini baik tetapi pelaksanaannya tidak. Kegagalan PPSMI yang telah berjalan 6 tahun lamanya bukan kerana pelajar kita lemah tetapi akibat pelaksanaannya di'sabotaj' oleh sesetengah pelaksana dasar. Misalannya, guru-guru yang mengambil bayaran insentif tidak mahu membaiki diri mereka mengajar dalam Bahasa Inggeris tetapi terus mengajar dalam bahasa lain dengan alasan pelajar tidak faham. Pensyarah universiti (ini amat memalukan kita, Tun) tidak boleh mengajar konsep sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris. Apatah pensyarah-pensyarah sebegini tidak pernah membentangi sebarang kertas kajian di luar negara. Dalam masa 2 minggu ini, mungkinkah kita akan terpalang ke belakang setelah ditolak ke depan oleh Tun? Adakah orang Melayu mesti sentiasa menolak pembaharuan dan angkuh bahawa dunia sentiasa berpusatkan di sini? Adakah kita akan mencontohi Myanmar dalam hal ini? Atau adakah pemimpin kita takut orang di luar bandar maju dan akan menjadi lebih fasih Bahasa Inggeris? Kita sudah 52 tahun merdeka, apakah anak-anak kampung kita masih tidak dapat dibangunkan?

Zulfadzli's Gravatar Zulfadzli

June 23, 2009 at 5:02 pm | Permalink

Salam Tun yang amat dihormati,

saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana mengurniakan tanahair ini dengan seorang ahli fikir terulung seperti Tun. Setiap kali membaca dan mendengar tulisan dan penuturan Tun, jantung saya berdegup kencang. Terima kasih Tun kerana masih lagi berjuang di usia sebegini.

Sistem dan dasar pendidikan di negara ini tidak ada cacat celanya. Ang cacat cumalah pelaksanaannya. Saya berani bertanggungjawab untuk menyatakan bahawa golongan guru menyumbang kepada kegawatan sosial ini. Permasalahan utama kita ialah generasi kecil masakini yang dididik oleh golongan guru masakini tidak memiliki fundamental pengetahuan yang kukuh.

Sukacita sekiranya Tun dapat melawat blog saya di <http://reformasimindaguru.blogspot.com> untuk pembacaan lanjut.

Sekian, wassalam.

Semoga Tun sihat selalu

ah_huat's Gravatar ah_huat

June 23, 2009 at 10:58 am | Permalink

Dear Tun,

One of the greatest failures of the past two premierships of Tun Dr. Mahathir Mohamad (for 22 years) and Tun Abdullah Ahmad Badawi (Tun Abdullah) was their failure to enhance the country

Go_Forward's Gravatar Go_Forward

June 23, 2009 at 10:38 am | Permalink

Assalam alaikum

YABhg Tun Dr. M

Saya bukanlah seorang yg high education, tetapi saya sedar dan maklum akan kepentingan bahasa inggeris dalam pembelajaran persekolahan.

Tiada sebarang kerugian jika semua subjek pun dikendalikan didalam bahasa inggeris kerana ketika zaman kedua ibubapa kita bersekolah dahulu zaman 50an kebanyakan subjek diajar didalam bahasa inggeris, ketika itu SPM (sijil pelajaran malaysia) dikenali sebagai MCE,(Malaysia Certificate Education)hingga kini mereka masih boleh mahir bertutur dalam bahasa inggeris,padahal ader yg sudah berusia 60-70an.

Jadi apa masalahnya untuk anak2 muda kita belajar.sedang lagu2 bahasa inggeris pun mereka boleh hafal sedangkan maksudnya langsung mereka tak faham(ada yang maksudnya tak senonoh tetapi mereka seolah bangga menyebutnya)ini kerana apa?...kerana MEREKA TAK FAHAM MAKSUD Jadi adakah kita mahukan anak bangsa kita jadi seperti itu, pandai jadi ikut-ikutan sahaja tanpa ada arah tujuan.....kenapa hanya anak bangsa melayu sahaja yang banyak punyai masalah ini.....yang takut pembaharuan padahal...ini adalah persediaan generasi kita untuk masa depan supaya seganding dengan kemajuan dunia....mahukah kita hanya dikenali sebagai bangsa yang tidak mahu memajukan diri. Well ini baru soal Bahasa.....saya sokong comment

ah_huat on June 22, PPSMI should GO FORWARD.....

sisi diri's Gravatar sisi diri

June 22, 2009 at 6:37 pm | Permalink

dont forget

malaysia history for malaysian

and islam history for muslim

this history things is quiet important so that our next generation would not forget..and they can denied every each lies from outer malaysia if they had learn from history

history always important!!

ah_huat's Gravatar ah_huat

June 22, 2009 at 5:49 pm | Permalink

Dear Tun,

One of the greatest failures of the past two premierships of Tun Dr. Mahathir Mohamad (for 22 years) and Tun Abdullah Ahmad Badawi (Tun Abdullah) was their failure to enhance the country

Gendut's Gravatar Gendut

June 22, 2009 at 10:13 am | Permalink

Salam buat Tun & Keluarga....

“Ada Sijil Takde Ilmu..”

menarik tu.....tapi nak buat cam ne.....dah jadi budaya.....nak keje tengok sijil.....nak kawin tengok sijil.....mati pun ade sijil.....tak de yang tangye mana ilmu nak keje.....mana ilmu nak kawin.....mane ilmu nak mati?????

“Belajar Sejarah????”

1.Siapa yang MENGHAPUSKAN matapelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia.....?

2.Apa yang menyebabkan matapelajaran Sejarah dihapuskan?

3.Mengapa ianya dihapuskan

4.Bagaimana ianya dihapuskan.....

Ini semua SEJARAH.....sepatutnya mereka yang menghapuskan matapelajaran SEJARAH yang dipertanggungjawabkan atas BALA yang menimpa mudamudi kita hari ini.....Mereka BUTA sejarah...Mereka TULI sejarah.....Mereka BISU sejarah..... yang lebih teruknya.....mereka mengambil “Ikut Suka Aku” mengikut fahaman mereka.

“Sistem Pendidikan Malaysia”

1.Tempat “Eksperimen”.....(Banyaknye tak berjaya)

2.Tempat “Baby-Siter”.....(7.00 – 7.00)

3.Tempat “Melonggokkan Kesalahan”.....(jika berlaku kemudian hari)

4.Tempat “Membuat Pemulihan”.....(ada masalah-sekolah yang salah)

5.Tempat “Menghimpunkan segala penyelesaian masalah”.....(sampaikan masalah nak jaga anak pun diserahkan kat sekolah)

6.Tempat “Mak Bapak Cari Kesalahan”.....(mereka yang tau anak mereka baik.....je)

7.Tempat “Wartawan cari berita Sensasi”.....(paham-paham jelah....)

8.Tempat “Ahli politik menyebarkan pengaruh”.....(nak jage pengundi...le kunun)

9.Tempat “Segala macam perangai manusia”.....(1 kelas – 45 pelajar – 1 guru – 1 Malaysia)

10.Tempat “Segala Macam Perancangan”.....(.....nak kejar nama)

dan macam-macam lagi.....

maaf jika ada yang ter”CILIP”.....

Pernahtak kita.....

1.Menyelami masalah yang dihadapi oleh GURU

2.Bertanyakan tentang “BEBAN” yang mereka galas

3.bertanya Harapan mereka pada pelajar-pelajarnya?

4.berterima kasih kerana memberikan ilmu walaupun “A” kepada anak-anak kita

5.cuba Bantu mereka dan bukan Menghentam mereka

MEREKA CIKGU

mereka adalah manusia yang berhadapan dengan manusia-manusia.....

mereka adalah manusia yang sentiasa berkhidmat kepada manusia-manusia.....

mereka adalah manusia yang sentiasa menerima dan mematuhi arahan dari manusia-manusia.....

mereka adalah manusia yang sentiasa mahu menjadikan manusia sebagai manusia

mereka adalah manusia yang sentiasa mahukan manusia bersikap manusia terhadap mereka dan manusia-manusia

mereka adalah MANUSIA

terima kasih CIKGU

gendut....22/6/2009 (1020 am)

mgpunya's Gravatar mgpunya

June 21, 2009 at 8:29 pm | Permalink

YABhg Tun,

SEKOLAH:

..orang lain dah buat berpuluh – puluh aneka jenis kek. Bertingkat – tingkat. Kita masih tak habis – habis bertengkar pasal ramuan kek yang perlu ada dalam kek yang hendak kita buat....

Anak walid's Gravatar Anak walid

June 21, 2009 at 4:45 pm | Permalink

assalamualaikum....

Setelah membaca segala komen di atas, saya rasa teruja untuk menulis pandangan saya tentang masalah pendidikan di negara kita. Pelbagai pihak menulis, ramai yang menulis tentang punca masalah, cadangan memperbaiki, menyalahkan antara satu sama lain, mempertikaikan subjek2 tertentu yang tidak relevan dan etc...

Semua yang menulis ini dari pelbagai latar belakang, dari yang profesional hinggalah surirumahtangga sepenuh masa, tahap pendidikannya pula, dari profesor hinggalah setakat lulus darjah 4, sekolah melayu tahun sebelum merdeka. Semua pandangan mereka ini tidak boleh diketepikan kerana semua mereka ini berpengalaman dan telah melalui dasar pendidikan negara ini sendiri.

Namun bagi pihak di atas, mereka perlu mengakui bahawa amat senang untuk menulis komen2 tersebut, tetapi bagi pihak yang bertanggungjawab menggubal dasar dan pihak yang melaksanakannya(GURU, SEPERTI SAYA)lebih memahami dan merasai masalah sebenarnya. Jadi di sini saya ingi menulis dua perkara berkaitan masalah pendidikan ini iaitu, 1. punca masalah dan 2. cadangan untuk mengatasinya.

1. PUNCA

Punca masalah yang utama sekali ialah dasar pelajaran yang mahukan 60% pelajar mengambil bidang sains di sekolah. Disebabkan dasar ini maka pelajar yang tidak mempunyai kelayakan yang baik diperingkat SRP atau PMR dipaksa mengambil bidang sains diperingkat SPM. Mereka ini dipaksa belajar subjek Biology, Physics, Chemistry dan Additional Mathematics. Disebabkan golongan ini maka kualiti subjek sains tulen terpaksa diturunkan untuk memastikan mereka ini boleh lulus. Pengalaman saya belajar dan mengajar subjek Add Math memberi ruang untuk saya menilai. Pada masa sekarang pelajar yang hanya mendapat markah 40 hingga 60 peratus diperingkat peperiksaan sekolah mampu mendapat A1 dalam peperiksaan SPM, sedangkan di zaman persekolahan, saya tidak pernah memperoleh markah kurang dari 70% subjek ini tetapi tidak berjaya mendapat A1 dalam SPM88. Pada tahun tersebut di sekolah saya (sebuah sekolah berasrama penuh) tidak sampai 10 orang yang berjaya memperoleh A1 bagi subjek tersebut.???!!!. Ada dua kemungkinan? pertama mungkin kandungan subjek itu sekarang dipermudahkan atau kedua mungkin guru2 sekarang lebih bijak membuat analisis dan mengambil langkah bijak untuk memastikan pelajar mendapat A1.????(diminta mereka yang menyatakan guru2 sekarang kurang berkualiti berbanding dulu untuk memikirkan kemungkinan ini).

Dasar 60% sains ini juga memberi kesan yang buruk kepada bidang sastera kerana jika anda berpeluang ke sekolah dan mengambil sedikit masa membuat penilaian, lihatlah siapakah pelajar2 yang duduk di kelas tersebut. Mereka ini adalah dari golongan yang tercorot malah ada yang masih tidak tahu membaca walaupun sudah berada di tingkatan 4.(Bukan semua, tapi sebilangan besar).

INILAH REALITINYA.....

2. CADANGAN MENGATASI

-Kembalikan sistem seperti dulu.

-Pastikan pelajar yang layak sahaja mengambil matapelajaran sains tulen.

-Pastikan pelajar yang layak sahaja berjaya memperoleh A.(Naikkan % untuk mendapat A dalam semua peringkat, UPSR, PMR dan SPM).

-Kembalikan peranan sekolah sebagai sumber utama dengan membenarkan pusat2 tuisyen beroperasi hanya semasa cuti sekolah sahaja. Ini dapat menarik balik tumpuan guru2 kepada sekolah dan memastikan pelajar2 memberikan perhatian lebih kepada guru di sekolah kerana tiada opsyen lain.

-Memastikan penilaian terhadap guru tidak dibuat berdasarkan peratusan pelajar2nya mendapat A dalam peperiksaan sahaja tetapi haruslah menitik beratkan juga sahsiah guru, ketepatan waktu, kesungguhan mengajar dengan menghasilkan bahan ilmiah dalam subjek yang diajar. Libatkan guru dalam penyelidikan dalam bidang pendidikan. Wujudkan ruang dan saluran untuk guru membuat penyelidikan dan menyumbangkan bahan2 P&P serta jadikan ini sebagai satu alat untuk menganugerahkan kenaikan pangkat kepada guru.

-Kepada ibubapa, jangan memandang rendah kepada guru hanya kerana mereka ini hanya guru. Didik anak2 anda supaya menghormati guru walaupun anda tidak mengharapkan anak2 anda hanya menjadi guru sahaja tetapi menghormati guru amat penting dalam memastikan anak2 anda menjadi lebih dari hanya guru. Jika ada masalah yang timbul melibatkan guru anak2 anda, bincangkannya secara tertutup. Inilah yang diamalkan oleh ibubapa kita pada masa dulu. Walaupun ustaz atau ustazah yang mengajar agama dan mengaji Quran dikampung dulu tiada apa2 sijil pun, tetapi ibubapa tidak pernah menilai atau memandang rendah kepada mereka. Sebaliknya mereka tetap dihormati.

-Kepada guru, hayati peranan kita, jangan biar peranan kita diperlekehkan.

razi fauzan's Gravatar razi fauzan

June 20, 2009 at 11:05 pm | Permalink

asaalamualaikum tun,

standing in the eyes of the world,,tu zaman tun..tapi sekarang ni????

kijang's Gravatar kijang

June 20, 2009 at 5:37 pm | Permalink

Nurziani,

The most important things to develop our country is attitude, hardworking, integrity and blessing from Allah (s.w.t) even you cannot speak fluently in English. Just like Korea and Japan, they not focus on language but on attitude. The Malaysian problem is, they think all Malaysian must good in English, in any job interview, the panel need the applicants speak in English, even they very good in attitude and they got a good result. If they cannot speak fluently in English they were discriminate. Thats why, our country cannot develop like Korea whereas in 70s, Malaysian and Korea same as develop country. Just think about that.

redazun's Gravatar redazun

June 20, 2009 at 12:14 pm | Permalink

Assalamualaikum kepada Tun

saya amat bersetuju dengan ayat tun”ada sijil pun x ada ilmu apa guna nya” tertarik saya dengan ungakapan itu

pelajar zaman sekarang terlalu ramai yang bijak di atas sijil dan amat daif dalam keadaan sebenar,sebenarnya berani saya katakan kebanyakan mereka yang bergelar bijaksana bukan kerana sijil kelayakan mereka tetapi kerana minat mengenai penerokaan ilmu,sebagai contoh saya mengambil pemikir dari Turki Harun Yahya ataupun nama sebenarnya Adnan Oktar,penyelidikan yang dijalankan oleh beliau sendiri cukup menarik dan bijak dengan kaedah penyelidikan yang berteraskan Al-Quran,namun beliau tiada sijil berjela dan kebanyakan pelajar nya ialah mereka yang memegang PHD dan master dari seluruh dunia

kaedah pembelajaran berkiblatkan “kaedah mudah dan cepat” semata-mata tanpa menyerapkan Ilmu yang terkandung di dalam sesuatu ilmu itu bukan lah cara yang sebenar menuntut ilmu,segala galanya bermula daripada kehendak untuk menuntut ilmu,ada murid malas,sekolah pun ponteng,cikgu x boleh harap,segalanya pun x berguna lagi.

jayasuriya's Gravatar jayasuriya

June 20, 2009 at 3:39 am | Permalink

salam kepada semua pembaca,

saya seorang bapa dan ayah kepada 3 orang anak. dan saya puas hati dengan system pendidikan yang sedia ada. konsep yang ditekankan patut dikekalkan. samada wajib atau tidak terhadap bahasa inggeris, itu tidak menjadi isu. Jepun tidak mewajibkan kepentingan bahasa inggeris begitu juga negara-negara eropah. Kenapa kita tidak patut mencontohi mereka?

yang penting bukan teknologi tapi cara penyampaian kepada murid, itu yang patut kita tingkatkan.

saya juga dapat menghafal al quraan gunakan disc tapi apakah ia berkesan...tidak. Kita masih perlukan guru-guru, bukan teknologi.

kalu anak-anak kita tidak dapat memahami, bukan salah guru-guru tapi diri sendiri kerana tidak membantu meluangkan masa terhadap perkembangan anak-anak.

Pihak sekolah bukannya polis bantuan atau pusat pemulihan akhlak. Bayar sudah le disubsidikan oleh kerajaan...tapi kita hendakkan first class treatment??? Mustahil....

Jadi pikirlah sendiri...kita yang patut insaf atau sebaliknya...

Yang nyata, pendapat pendapat mengatakan system sekolah ni telah kehilangan mutu, meleset sekali.

jesslim's Gravatar jesslim

June 19, 2009 at 5:30 pm | Permalink

i believe it's up to the initiative of a student to determine what he wish to learn. of course, we need to input the “right” teaching to their root as that will determine what is ought to be the “right” thing to do.

eddymanly's Gravatar eddymanly

June 19, 2009 at 4:46 pm | [Permalink](#)

Nonsense! anak makcik yang tak tau nama ibukota setiap negeri adalah masalah anak tu sendiri, itu bukan masalah sistem pendidikan. Tambahan pula, nama ibukota adalah general knowledge, kalau anak makcik sentiasa baca newspaper, majalah, tak kan tak kau kot nama ibukota negeri. Jadi, itu adalah masalah individu.

Some people always put the blame on the system, they dont blame the students who don't put enough effort on their studies. Disciplines is the key. No matter how good is the education system, the software, and the teachers, without sacrifices of time and effort by students, all are fruitless.

Saifuddin's Gravatar Saifuddin

June 19, 2009 at 3:20 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,

Memang benar perisian komputer (software) mempermudah pembelajaran. Sistem pembelajaran menjadi sangat mudah dan capaiannya terbuka kepada semua (online). Tetapi persoalannya mutu kandungan software. Adakah software ini mampu menarik perhatian pelajar untuk belajar atau tertidur kerana mutu software yang teruk. Guru yang bersuara, menjerit dan bergerak kadang-kadang gagal menarik perhatian pelajar, inikan pula software yang dengan kandungan kaku.

Diketahui umum, kerajaan telah membelanjakan beratus juta RM untuk program Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, termasuk penghasilan software yang Tun maksudkan. Pernah tak Tun atau sesiapa lain melihat software yang dihasilkan?? Anak saya yang berumur 8 tahun langsung tidak mahu menggunakan software tersebut. Katanya software tersebut membuatnya mengantuk. Isteri saya yang mengajar Darjah 1 mengatakan pelajar langsung tidak tertarik dengan kandungan software tersebut. Animasi content yang paling teruk pernah saya lihat. Education Software yang dibeli di IMBI plaza, berharga RM20 jauh lebih baik dari yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengajar Matematik dan Sains.

Jangan salah faham, saya tidak mengatakan penggunaan software untuk pengajaran tidak berkesan. Saya cuma nak tahu apa sebenarnya berlaku. Kalau sebuah syarikat yang bermodal USD100 ribu boleh menghasilkan kandungan software yang bermutu tinggi, kenapa software yang dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan bersama TM Smart School begitu buruk kualitinya.

Ini membuatkan saya terfikir, adakah terdapat unsur penyelewengan dalam penghasilan software atau syarikat yang diberikan kontrak membuat software ini sebenarnya tidak layak ataupun berlaku terlalu banyak sub kontrak dan akhirnya mereka yang membuat software tidak menerima peruntukkan yang cukup kerana terlalu banyak komisyen yang perlu dibayar untuk mendapat kontrak?? Saya tidak pasti. Apa yang saya pasti dengan peruntukkan yang begitu banyak oleh Kementerian Pendidikan, kualiti software untuk Matematik dan Sains haruslah bertaraf animasi Hollywood.

Kini, bila semuanya gagal, cara paling mudah untuk menampakkan program ini berjaya ialah dengan menurunkan kualiti pendidikan. Bila kualiti pembelajaran dan peperiksaan adalah rendah, outputnya lebih ramai yang lulus. Jadi semua akan katakan program Matematik dan Sains dalam Inggeris berjaya.

Saya tidak menentang pembelajaran Matematik dan Sains dlm Inggeris, tetapi MERENDAHKAN KUALITI MATAPELAJARAN MATEMATIK DAN SAINS untuk mengabui mata rakyat terutama ibu bapa kerana anak mereka mendapat gred yang baik dalam mata pelajaran ini adalah perbuatan khianat terhadap rakyat sendiri. Padahal gred A yang diperolehi tidak bernilai.

Saya terkejut melihat kandungan matapelajaran Sains dan Matematik darjah 2 anak saya. Banyak benda yang perlu dipelajari oleh pelajar berumur 8 tahun tidak wujud berbanding kurikulum lama.

Saya tidak mahu melihat generasi baru yang tahu berbahasa Inggeris tetapi langsung tidak faham Sains dan Matematik. We just will a english speaking stupid. Maybe our government think it is better to be a English speaking stupid compared to Malay speaking stupid.

Impian Tun, untuk menghasilkan generasi pencipta sains dan teknologi hanya akan tinggal impian.

Just a thought

Saifuddin

TEDDY D.Sagunting's Gravatar TEDDY D.Sagunting

June 19, 2009 at 11:25 am | Permalink

Salam Sejahtera Tun,

Tulisan ini adalah tulisan saya yang ketiga setelah saya memahami serba sedikit lagi maksud penulisan Tun.(Hari-hari saya baca pening untuk memahaminya)

Tun, saya lihat arah aliran politik Malaysia sekarang dah berjalan dengan sihat mengikut arah landasan yang betul.Saya benar-benar ikhlas mengatakan Wawasan 2020 memang boleh dijayakan dengan konsep 1 Malaysia kerana virus terkuatnya sudah terperangkap. Oleh itu segala ramalan dalam tugas saya pada tahun 2004 berkaitan dengan pengurusan berakhir sudah (walaupun hanya dapat C+ je tapi rasanya patut A+++ kerana ianya lebih hidup cuma yang cerita-cerita metos di dalamnya tu hanya merupakan kreativiti sastera cara saya)(Bunga-bunga bahasa). Penghayatan Prinsip-Prinsip Rukun Negara oleh semua warga dalam erti kata sebenar amat membantu menjayakan wawasan 2020. Ketulinan dan keikhlasan berteraskan rakyat didahulukan pencapaian diutamakan perlu dilaksanakan seikhlasnya sekiranya tidak akan ada lagi orang yang menggunakan cara kerbau No. 18 (Virus 2020 terkuat tadi) iaitu menggunakan kelemahan yang ada saya tulis di dalam surat saya pada tahun 2000 yang tidak berani saya kirim tetapi saya rasa dah tersebar dan saya sendiri sengsara 10 tahun merasakan auranya. Memanglah kita perlu ingat dibelakang atau ingat di belakang sebagai suatu sejarah yang tidak boleh kita padam bagi memperbaiki kelemahan yang ada pada diri kita tetapi kita juga sepatutnya jalan dengan memandang ke hadapan bagi meneruskan perjuangan dan kehidupan kita. Falsafah Pendidikan Negara negara juga haruslah diseirinkan dengan konsep 1 Malaysia.

Saya rasa masih banyak lagi yang tertinggal kerana mengupas maksud yang tersirat di dalam surat Tun bukanlah kerja yang mudah.

Selamat hari Bapa dari semua dan untuk semua.

kijang's Gravatar kijang

June 19, 2009 at 12:13 am | Permalink

Anak pasangan yang jumpa Ybhg Tun tu mungkin tidur dalam kelas masa cikgu mengajar atau memang agak lembab atau memang parent tak menggalakkan anak belajar sejarah.

Untuk pengetahuan semua, matapelajaran sejarah memang wajib diambil oleh semua pelajar dikategorikan sebagai matapelajar TERAS. Bukan sahaja belajar sejarah Malaysia bahkan sejarah seluruh dunia dan sejarah Islam.

Macam mana budak tu boleh tak tahu sejarah dan ilmu alam. Yang lain semuanya komen tanpa fakta. Setuju tanpa ada ilmu ! Nak menyalahkan golongan muda sahaja. Seolah-olah orang dulu semuanya baik, Sedangkan orang muda sekarang jauh lebih baik dan genius.

virtual11's Gravatar virtual11

June 18, 2009 at 10:58 pm | Permalink

salam tun,

- 1) ada sekolah, ponteng.
- 2) ada murid, samseng.
- 3) ada kemudahan, rosakkan.
- 4) ada sistem, salah gunakan.
- 5) ada sukatan, ada sekatan.
- 6) ada PIBG, tak de agenda.
- 7) ada ibubapa, tak de tanggungjawab. 8) ada cikgu, tak de akhlak.
- 9) ada sijil, tak de nilai.
- 10) ada otak, tak de akai..

susah2 sangat tutup sekolah, tutup kementerian

belajarle kut internet..

jimat duit,jimat masa.. tak pening kepala. abih cerita..

Dave Low's Gravatar Dave Low

June 18, 2009 at 10:24 pm | Permalink

Salam Yang Amat Berbahagia Tun Dr.Mahathir,

Ayah saya adalah seorang guru yang sentiasa mengajar adik-beradik kita supaya jangan selalu cakap tak tahu.

Pada pandangan saya, "Tak tahu"? Tidak apa, yang penting mahu belajar.

Kalau dalam temuduga ditanya majikan “Kamu tahukah buat sekian-sekian ini?”

Takkan nak jawab tak tahu? macam ni tak payah la buat jadi majikan mana sanggup terima calon sebegini?

Jawapan yang paling ikhlas dan terbaik pada saya ialah “Saya tidak tahu tetapi saya akan belajar dengan bersungguh-sungguh”

Itulah cara dia!

Dave

Nurziani's Gravatar Nurziani

June 18, 2009 at 7:08 pm | Permalink

Dear Sir...

I am a Malaysian, born, bred and now working in MALAYSIA... I am proud to be a MALAYSIAN and my 'jatidiri chart reading' is off the roof... This issue is very close to my heart as I am an educator... I am saddened by the remarks made by some 'snobbish people' that said that by mastering the English language one's 'jatidiri' will be affected... Do they know that one's jatidiri cannot be measured by just speaking good English? English is the LINGUA FRANCA of the world!!!! If we want to connect and communicate with the outside world (FOREIGN COUNTRIES, I MEAN) (especially to boost the country's economy) can the Mat Sallehs' or the Arabs' understand what we're trying to convey? These people aren't really using their brains... It's very, very, very, very difficult to find a Malaysian that speaks correct and fluent English nowadays! Even people working in offices cannot speak good English... They stammer and statter most of the time... lots of errrrrr and arrrr and mahhhhh and lahhhhh..... Why do we need to jeopardize our future generations lives? Do we want Malaysians that can only 'nganga' when other people speaks English to them? We want to produce Malaysians that are capable to compete internationally and be at par with other successful people around the world! We want Malaysians that are able to stand tall and not afraid to speak their minds so that we are not belittled just because we are from a small country called MALAYSIA... What ever happened to 'PRODUCING WORLD-CLASS MALAYSIANS' and sorry to say the only thing we will be producing if we continue to have this kind of mindset is 'LOW-CLASS MALAYSIANS'. The problem with this so called 'smart-elects' are that they are not far-sighted... they do not have an open mind and they only think about themselves... PLEASE LEAVE THE ENGLISH LANGUAGE ALONE AND FOCUS ON MORE IMPORTANT ISSUES LIKE IMPROVING THE COUNTRY'S ECONOMY OR WHATEVER...

A NOTE TO THESE SMART- ELECTS :Just because YOU DO NOT SPEAK GOOD ENGLISH, YOU WANT OTHERS TO BE IN THE PIT LIKE YOU!!!! GROW UP!!

PS: TUN, YOU'RE MY HERO AND MAY ALLAH BLESS YOU...

Wallace's Gravatar Wallace

June 18, 2009 at 6:45 pm | Permalink

Tun,

Kenapa kerajaan harus bertolak ansur dengan pelajar sekarang dalam usaha untuk membinakan satu masyarakat yang berilmu dan berwibawa? Jika semua orang tak pandai dalam sejarah dan bahasa inggeris, kita tidak harus belajar

ke?Oleh itu,bagaimana kita dapat belajar dan dapat ilmu yang banyak?Kita bukan sahaja nak pelajar atau anak anak kita setakat dapat ilmu di sekolah.Dari segi lain,kita memdidik mereka supaya tahu maksud berusaha untuk belajar atau jika ingin mendapatkan sesuatu,harus berusaha.Mereka harus dilatih bersedia untuk berusaha dalam dunia yang penuh persaingan apabila mereka dewasa.Jika pendidikan system kita dibandingkan dengan pakistan,india,indonesia dan lain-lain,ia memang tidak dapat dibanding.Contohnya,mereka dah belajar mengenai IT atau computer(e.g.programming,networking etc) semasa berumur 14 tahun.Saya pula belajar mengenai programming semasa 21 tahun.Saya memang rasa kecewa dengan pendidikan sistem yang digunakan malaysia sekarang kerana tidak dapat bantu atau mendidik anak anak kita.Walaupun kerajaan selalu mengatakan terdapat peningkatan keputusan UPSR,PMR,SPM dan STPM yang baik.Tetapi,saya rasa ini disebabkan ujian menjadi semakin senang di setiap tahun.

Saya berharap sistem pendidikan kita dapat diubahkan supaya anak anak kita dapat ilmu yang baik di sekolah.Kita tidak harus manja anak kita dengan cara tetapi manjakan dengan cara yang lebih baik dengan memdidikan mereka menjadi insan baik.

Sekian,

Wallace Goh

budakkgbaru's Gravatar budakkgbaru

June 18, 2009 at 4:57 pm | Permalink

A/kum TDM. Dengan izin. Hakikatnya, kebanyakan orang Melayu takut pada kebenaran. Banyak local young graduates gagal berkomunikasi dengan baik didalam English. Baru baru ini, saya di tugas kan menemuduga 4 orang C&S engineer yang terpilih untuk final interview. 3 budak melayu dan 1 budak berketurunan india. Sangat menyedihkan apabila ketiga-tiga calon berbangsa melayu gagal menguasai/bertutur dengan baik didalam bahasa english. Cakap teragak-agak. Terlalu jelas mereka struggling menyusun ayat dalam "kepala" dan apa yang keluar dari mulut mereka hanya lah "yes, no, alright,ok, maybe"...Salah seorang daripada candidate melayu tersebut; bila di beri peluang untuk bertanyakan soalan dia panic dan telah bertanyakan soalan pada saya yang langsung tidak relevant. Soalan nya ialah - "How old are you sir?".....Sangat lah menyedih kan.

Seorang lagi candidate melayu yg mempunyai degree dari salah sebuah University di UK pun gagal ketika di temuduga. Akhirnya, kekosongan jawatan di berikan kepada calon yang berbangsa india yang jelas lebih fasih berbahasa english. Job was given base on merit and malays in general must be ready to compete.

Amat menakutkan kalau english tidak wajib lulus. Ketika ini pun sudah terlalu ramai anak melayu yang lemah dalam bahasa ini apatah lagi kalau tidak diwajibkan.

PM kena tegas. Menteri Pelajaran kena tegas juga dalam hal ini. Jangan tunduk pada persatuan yang diterajui oleh orang orang yang masih kolot dan takut pada realiti sebenar.

abbas's Gravatar abbas

June 18, 2009 at 3:43 pm | Permalink

Umur 4 tahun anak saya dah boleh baca bahasa inggeris tapi tidak tahu makna ayat-ayat yang dibacanya. Yang itu, sebagai si pengajar, adalah tanggungjawab saya dan isteri untuk menerangkan.Terutamanya isteri, kerana dia yang

sentiasa berada dirumah.Isteri saya sentiasa pasang telinga, apa saja bunyi yang keluar dari mulut anak kami , beliau lah yang betulkan dan jelaskan.

Kami ada matlamat.

Satu, kerana Kakak dan Abang-abang sentiasa jelaskan kepada kami supaya ambil inisiatif untuk ajar anak kami bahasa Inggeris kerana di Sekolah cikgu tidak akan dapat mengajar

Cikgu Aziz - Sg Tiang 1960-1984's Gravatar Cikgu Aziz - Sg Tiang 1960-1984

June 18, 2009 at 12:52 pm | Permalink

Assalamualaikum Sir ,

Sejak akhir-akhir ini banyak perbalahan isu berkaitan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah telah di debatkan , inginlah pihak saya nyatakan disini sebagai seorang bekas pendidik bahawa pembelajaran serta menwajibkan pembelajaran pelajaran B I dalam pelajaran Matematik dan Sains adalah wajar dan tepat untuk memberikan pendedahan awal terhadap ILMU itu sendiri supaya pelajar secara tidak langsung perlu mendekatkan diri dalam Bahasa Inggeris yang menjadi Bahasa utama di seluruh dunia .

Lihat dan pandanglah ke Timur seperti seperti seruan Pak Det di tahun 1980an yang mana orang Jepun sendiri juga telah bertungkus lumus mempelajari Bahasa Inggeris untuk faedah mereka sendiri , jadi pembelajaran Bahasa Inggeris untuk Matematik Dan Sains bukanlah mengabaikan Bahasa Ibunda kita tetapi untuk MEMAJUKAN PENGGUNAAN serta PENGUASAAN BAHASA INGGERIS untuk lebih maju serta boleh bersaing di peringkat ANTARABANGSA bukannya setakat peringkat kampung saja . Mempelajari dan mendalami pelbagai bahasa ini akan menguntungkan setiap insan itu sendiri dan pihak Saya juga amat hairan juga bagaimana sesentengah pihak seperti Tan Sri Ismail Husein yang begitu menentang penggunaan Bahasa Inggeris dalam pelajaran Matematik dan Sains sedangkan anak beliau sendiri bertutur bahasa inggeris dengan beliau serta belajar pun di Eropah . Maksud saya disini adakah perlu membiarkan masyarakat kampung terus menguasai Bahasa Melayu sahaja sedangkan masyarakat di bandar amat mahir menguasai Bahasa Inggeris ????

Saya berharap penggunaan Bahasa Inggeris di dalam subjek Sains dan Matematik perlu diteruskan walaupun ramai pihak tahu Timbalan Menteri Pelajaran sekarang ini dr Puad amat menentangnya , menentang kerana apa pun tidak jelas maksudnya , kalau setakat mempelajari Sains dan Matematik akan melupakan Bahasa Melayu kita sememangnya tidak masuk akal sama sekali kerana saya sendiri ketika zaman British bersekolah aliran Inggeris dan mesti bertutur bahasa inggeris tetapi Bahasa Melayu tetap juga baik dan diutamakan serta tidak dilupakan. Saya menyeru semua Bangsa Melayu supaya buka minda serta berani menghadapi perubahan yang sedikit ini untuk kemajuan anak Bangsa Melayu kita sendiri supaya lebih maju dan unggul.

Salam hormat daripada saya serta isteri kepada 'Pak Det dan isteri.

zarin's Gravatar zarin

June 18, 2009 at 8:54 am | Permalink

assalamualaikum, tun...

saya sangat bersetuju dengan pendapat dan pandangan tun berhubung perkara ini...saya juga tidak faham kenapa ramai yang menentang apabila bahasa inggeris dicadangkan sebagai matapelajaran yang wajib lulus untuk memperolehi sijil...banyak pandangan dan pendapat yang saya terima dari rakan-rakan dan 'colleagues' rata-rata menentang cadangan ini dan mereka ini, tentulah orang Melayu kerana saya berbangsa Melayu...saya masih belum bertanya dengan rakan-rakan yang bukan Melayu kerana saya tahu pandangan mereka...sedih sekali apabila anak bangsa sendiri tidak nampak akan faedah yang diperolehi cadangan ini...pada mereka, jika bahasa inggeris diwajibkan maka ramailah anak melayu yang tidak dapat sijil...ironi...kerana mereka nampak kelemahan anak melayu tetapi takut untuk berusaha memajukan anak bangsa sendiri...bagaimana ya...bagi rakan yang bijak pandai pula, mereka berpendapat yang apabila bhs inggeris diwajibkan seolah-olah kita mengeneipkan kepentingan bhs malaysia...tetapi yang hairannya, beliau berbahasa inggeris apabila berkomunikasi dengan anak melayu sendiri...kenapa ya...sebaiknya apabila bhs inggeris diwajibkan, adalah menjadi tugas guru-guru untuk 'inculcate' di dlm fikiran pelajar bahawa bhs inggeris adalah bhs ilmu dan bukannya utk diagung-agungkan...bhs malaysia tetap bahasa ibunda...

Rosbidar's Gravatar Rosbidar

June 17, 2009 at 10:56 pm | Permalink

Assalamualaikum YABhg. Tun,

PERBEZAAN PEMEGANG IJAZAH DENGAN PENGALAMAN KERJA.

(pengalaman seorang rakan menghadiri temuduga kerja di USA)

Saya ingin menceritakan pengalaman seorang rakan saya yang pernah menetap di Amerika Syarikat (USA). Kesah nya berkaitan pengalaman beliau menghadiri satu temu duga jawatan di sebuah syarikat di negara tersebut. Mereka yang menghadiri temuduga tersebut 10 orang dan 9 orang berbangsa Amerika. Manakala rakan saya seorang sahaja orang Melayu. Dia menetap di sana kerana berkahwin dengan wanita USA .9 orang daripada calon yang menghadiri temuduga pemegang ijazah sarjana dan seorang PhD. Tetapi dari segi pengalaman kerja belum ada. Manakala rakan saya tidak mempunyai ijazah TETAPI sangat luas pengalaman kerja. Sewaktu di temuduga , pehak penemuduga meminta beliau jelaskan dari A hingga Z kerja yang berkaitan. Alhamdulillah rakan saya berjaya menjelaskan secara terperinci. Menurut rakan saya 9 orang lagi calon tidak berjaya menjelaskan secara terperinci dan meyakinkan pehak penemuduga. Akhir nya rakan saya yang tidak mempunyai apa apa ijazah telah berjaya mendapat jawatan tersebut .

Menurut rakan saya, di USA mereka lebih mementingkan pengalaman kerja dari Ijazah berjela jela .

Berbeza dengan negara kita, syarikat lebih yakin dengan ijazah berjela jela TETAPI bila di tawarkan kerja tak boleh buat.

e-mail rosbidar: rosbidar@tm.net.my

h/p : 012-3093471

julia's Gravatar julia

June 17, 2009 at 10:01 pm | Permalink

ITS INTERSTING HOW ENGLISH IS SUDDENLY BEING EVALUATED AS BEING A IMPORTANT LANGUAGE. I MUST HAVE BEEN IDIOT BACK THEN WHEN I DECIDED TO FOCUS ON BM. WHY YOU NEED BM ? YOU NEED BM TO COMMUNICATE BETWEEN MALAYSIA. ANYTHING ELSE ? NOTHING..

SO WHY DID SIR CHANGE THIS FORMULA AT THE 1ST ??..

I HAVE WITHNESS HOW IDIOTS ALWAYS CHANGING THE HISTORY.MAN I HAVE READ THE MELAKA PARAMESWARA STORY LIKE A MILLION TIMES. WHAT HAPPEN TO REST OF THE HISTORY?? IF YOU FEEL LEARING FRENCH WAS IMPORTANT AND DID NOT HARM YOU IN ANY SENCE THEN I THINK ITS NO HARM TO LEARN AND UNDERSTAND VARIOUS HISTORY OF VARIOUS COUNTRY.

mycoachkim's Gravatar mycoachkim

June 16, 2009 at 11:15 pm | Permalink

Hi Tun,

Sabagai seorang rakyat Malaysia, saya rasa amat sedih dengan mutu graduan kebelakangan ini. Sebagai seorang pengurus, saya selalu hadiri interview dengan para graduan. Namun, tahap bahasa ingeris mereka amat lemah and menyedihkan.

Ada satu kes dimana graduan meminta saya bertutur dalam bahasa Malaysia semasa interview supaya dia faham and boleh menjawab persoalan saya.

Sekiranya mutu pembelajaran tidak ditingkatkan, saya tidak apa akan terjadi kepada graduan-graduan akan datang.

BONO's Gravatar BONO

June 16, 2009 at 11:09 pm | Permalink

Salam Tun,

1.Saya teringat waktu saya bersekolah rendah saya telah mampu membaca dan menulis dalam bahasa inggeris pada usia 9thn.Dimana saya dan rakan sekelas di beri tugas 'story telling' di perhimpunan pagi,semua murid mengambil bahagian.Malah murid yang ambil bahagian juga datang dari semua kaum,termasuk kaum bumiputera(orang asli).Ini di realisasikan oleh guru yang amat prihatin dengan bahasa inggeris.Saya amat kecewa juga dengan segelintir orang yang tidak mahu bahasa inggeris menjadi mata pelajaran wajib.

pelajaran ini penting dimana jika seorang pelajar itu berjaya dalam SPM mereka akan melangkah ke Universiti,kebanyakan kursus menggunakan bahasa tersebut malah ada IPTA,IPTS menggunakan bahasa tersebut secara total.Dimanakah anak-anak kita berada ketika itu?Kita tidak boleh menolak sepenuhnya penggunaan bahasa inggeris ia amat penting dalam kehidupan seharian dan pembelajaran.

Maka Tun saya amat bersetuju dengan bahasa inggeris di jadikan mata pelajaran wajib lulus dalam SPM.

2.Pelajaran sejarah harus di terapkan pada murid sekarang dengan lebih banyak lagi,para guru juga harus tahu sejarah.Jangan sampai bila anak murid tanya bila tarikh negara merdeka atau berapa negeri dalam malaysia?kita guru terpingga-pingga.Sebagai pendidik anak bangsa kita harus tahu sejarah dengan lebih mendalam dan bukan

hanya tahu menjalankan kerja-kerja guru semata-mata dengan penggunaan buke teks sahaja. Bangkitlah wahai pendidik bangsa, anda telah mempunyai universiti sendiri.

Saya akan menyokong anda, tugas guru adalah mulia dalam mendidik anak bangsa.

sekian

RA's Gravatar RA

June 16, 2009 at 8:53 pm | Permalink

Salam hormat Yg Bhg Tun,

Amat malang sekali ibu bapa yang mendapati anaknya buta sejarah seperti yang Tun utarakan. Adakah ini berpunca dari kesilapan sistem pelajaran/pendidikan yang sedia ada, mungkin ya atau pun sebaliknya. Tetapi sebagai ibu bapa kita seharusnya pada sepanjang masa membuat pemantauan terhadap kemajuan persekolahan anak-anak kita dan mengenalpasti sebarang masalah yang dihadapi oleh anak-anak kita. Jika difikirkan kelemahan-kelemahan tertentu mungkin disebabkan sistem pelajaran di sekolah eloklah ibu bapa meluangkan masa pergi ke sekolah tempat anak-anak mereka belajar untuk mendapatkan maklumat sebenar tentang sebarang kelemahan atau kekurangan anak-anak. Melalui PIBG juga sebarang masalah boleh diutarakan oleh ibu bapa untuk dicari kaedah penyelesaian yang berkesan.

Dewasa ini terlalu banyak perkara yang dibangkitkan oleh banyak pihak termasuk orang politik yang kadangkala dengan jelas bercanggah dengan fakta-fakta sejarah dan boleh memudaratkan kestabilan negara. Ekoran dari itu ramai pihak berpendapat bahawa pelajaran sejarah perlu diambil perhatian dengan lebih serius lagi bermula di peringkat sekolah rendah dan berlanjutan sehingga ke peringkat Universiti. Ramai pelajar di masa kini dikatakan tidak begitu berminat belajar mata pelajaran/subjek sejarah diantaranya dengan alasan bahawa subjek sejarah tidak begitu menarik untuk dipelajari dan membosankan. Ada juga yang berpendapat sejarah tidak diperlukan sangat atau tidak begitu penting untuk kelayakan mendapatkan pekerjaan.

Pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi seharusnya mencari satu kaedah yang bersesuaian untuk menjadikan subjek sejarah di sekolah diantara subjek yang diminati oleh pelajar. Lebih daripada itu subjek sejarah harus juga dijadikan mata pelajaran teras dan wajib lulus dalam peperiksaan peringkat PMR dan SPM. Fakta-fakta kepentingan subjek sejarah yang Tun lontarkan memang tepat dan benar. Sejarah yang dimaksudkan bukan berpaksikan kepentingan politik tertentu sahaja. Sejarah meliputi semua yang telah berlaku didalam sesuatu negara atau negeri yang merangkumi bidang politik, sosial, ekonomi, perundangan, sains, teknologi, budaya dan sebagainya.

Sejarah boleh menjadi satu pengajaran dan panduan yang berkesan dalam semua aspek kehidupan manusia dan pembangunan sesebuah negara atau negeri. Tetapi amat malang hari ini terdapat kalangan ahli parti politik tertentu telah meminggirkan atau memutarbelitkan fakta-fakta sejarah dalam usaha mereka mencari pengaruh politik.

Kaedah memutarbelitkan fakta-fakta sejarah telah sedikit sebanyak memberikan keuntungan dan kejayaan bagi parti-parti politik tertentu dimana mereka dengan mudah dapat mempengaruhi golongan rakyat yang buta sejarah atau tidak melihat sejarah itu penting dalam kehidupan. Saya melihat cadangan Tun agar kerajaan yang memerintah dapat bertindak dengan mengembalikan semula kepentingan pengetahuan sejarah terhadap rakyat Malaysia amatlah dihargai. Kerajaan Barisan Nasional yang perihatin dan mengutamakan kepentingan rakyat dan pencapaian negara haruslah bertindak dengan segera sebelum keadaannya bertambah menyulitkan.

sekian. Salam bahagia Tun. Bertemu lagi dilain ketika. Terima kasih.

AbdRahman's Gravatar AbdRahman

June 16, 2009 at 6:16 pm | Permalink

Salam Hormat Tun serta pejuang2 Agama dan Bangsa...

Izinkan saya meluahkan pandangan berkaitan pelaksanaan PPSMI di sekolah. Perkara ini ada kaitan dengan kandungan tulisan Tun di atas.

PPSMI merupakan satu kaedah belajar mata pelajaran MATEMATIK dan SAINS diajarkan kepada murid menggunakan bahasa inggeris sepenuhnya. PPSMI dilaksanakan di peringkat Sekolah Rendah KPM. Kita mengambil contoh murid Darjah 1 yang baru berusia 7 tahun, mereka hanya memahami 'Bahasa Melayu' sahaja. Saya akan ajarkan sesuatu ILMU kepada anak saya dengan bercakap dan menulis menggunakan bahasa melayu kerana anak saya hanya faham bahasa melayu sahaja. Barulah anak saya faham apa itu ilmu MATEMATIK dan SAINS. Ini penting kepada peringkat baru hendak mengenal sesuatu perkara, semestinya diajar dalam bahasa yang mereka fahami.

Senario yang samalah berlaku kepada anak bangsa kita yang berada di sekolah masa kini. Maka, adalah wajar dan tepat sekiranya mata pelajaran MATEMATIK dan SAINS diajar menggunakan 'BAHASA MELAYU'.

PPSMI sesuai dilaksanakan di peringkat Tahap 2 sekolah rendah atau Sekolah Menengah.

Sekian,

Sekadar Meluahkan Pandangan...

rinto's Gravatar rinto

June 16, 2009 at 5:39 pm | Permalink

Umumnya saya bersetuju dengan apa yang Tun nyatakan. Namun selain daripada fungsi pembelajaran di sekolah itu penting, kita juga perlu melihat kepada proses pembesaran anak-anak kita di rumah juga. Saya masih ingat kata-kata ustaz saya; kita dikurniakan dengan dua mata. Lihatlah kebaikan orang dengan mata kanan dan lihat pula kelemahan sendiri dengan mata kiri. Kebanyakan kelemahan anak-anak bukan sebab sekolah tetapi kebanyakannya disebabkan pendidikan di rumah sebab itu generasi sekarang banyak yang terpelajar tetapi tidak terdidik. Generasi dulu terdidik sebab itu proses pembelajaran di sekolah menjadi lebih mudah dan berkat. Ibu bapa sekarang ramai yang salahkan cikgu. Ada yang kata cikgu bodoh depan anak-anak kerana generasi sekarang pun ramai yang terpelajar tetapi tidak terdidik. Lihatlah kebaikan orang dengan mata kanan dan lihat pula kelemahan sendiri dengan mata kiri. Peringatan untuk diri saya sendiri.....

MasterLee's Gravatar MasterLee

June 16, 2009 at 4:45 pm | Permalink

Assalamualaikum Yg Bbhg Tun,

1. Yang positif tentang belajar Sejarah dan English di sekolah tak apalah. Yang nak dikomenkan ialah yg negatifnya (pendapat org ramai).
2. Yang banyak komen negatifnya adalah orang Melayu, orang bukan Melayu kurang sgt. Negara kita miskin dan mundur korang marah macam nak gila. Cepat sgt nak melatah, kalau kepala hotak tu dah negatif nampaknya susahlah nak dipositifkan. Tak ada 'NUR' agaknya...
3. Saya ni org Melayu, cakap Melayu, makan belacan pendek kata macam orang Melayu lain jugak lah. Pelajaran taklah tinggi, yg penting ilmu tapi ada rezeki nak tinggi pelajaran jugak suatu hari nanti. Cakap Melayu memang bahasa tercinta saya, Bahasa Inggeris sederhana aje.
4. Korang tak rasa ke kalau kat mana2 rasa macam kaum lain terkehadapan sedikit atau banyak ke depan. Padahal lebih kurang sama je, tapi di sebabkan Bahasa Inggeris. Kat tempat kerja, di sekolah, masa temuduga, ketika berforum, baca buku, suratkhbar, internet dan macam2 lagilah. Kebanyakannya dlm bahasa inggeris.
5. Disebabkan saya dah dapat rasakan bahasa inggeris ni penting, walaupun budak tak pandai tapi cuba2 jugak cari jalan nak tahu sedikit bercakap dan baca bacaan inggeris. Kawan2 kata kau bolehlah, boleh cakap inggeris, padahal saya org miskin dan bahasa inggeris yg konon saya pandai tu apalah sgt. Suku dari budak kaum lain yg separuh mahir. Apapasal kaum2 lain ni terlebih 'confident' dlm segala hal. Jawapannya diaorang separuh mahir dan mahir dlm bahasa inggeris. Lagi satu rahsia kepandaian diaorang adalah sebab pandai dan terpaksa pandai dlm ilmu Matematik. Ada sekali tu saya dapat tempat ke 8 tertinggi dalam matematik kelas, no1 hingga 7 kaum cinalah. Punyalah bersorak kawan2 melayu ni dan terkedu kaum yg lain. Macam ni pun orang kata pandai...bijak kot.
6. Korang nak bandingkan dgn negara Jepun, Korea, Perancis, Jerman, Itali, Rusia, China dll. Diaorang tu negara yg 'Conqueror', negara yang maju, besar dan tumpuan perdagangan.
7. Dulu bahasa Arab diorang tak pandang tapi semenjak Dubai jadi popular diaorang pun dah mula belajar bahasa Arab.
8. Apalah salahnya kalau kita belajar dan tahu banyak bahasa. Semua itu ilmu. Bukankah ALLAH suka kita belajar dan cari ilmu. Terang2 dah diberitahu formula nak berjaya buat masa sekarang ni terpaksa belajar bahasa inggeris. Dulu bahasa Melayu jadi Lingua Franca di Melaka (kalau ingat sejarah). Dulu perlabuhan Melaka antara pusat tumpuan dan perdagangan termaju dan tersibuk didunia. Melaka jatuh sebab berlebihan bersuka ria, arak, zina, judi, sombong, dengki, bodoh tak nak belajar...dan macam2 lagi yg negatif.
9. Orang luar pun tahu kalau nak bersaing dan berjaya kena belajar dan mahir bahasa Melayu ketika itu. Adatlah orang asing ni memang dengki dan berniat nak jajah kita. Orang Melaka dan Melayu sangat kaya ketika itu. Tapi bukanlah kita nak belajar bahasa inggeris sebab nak jajah negara diaorang. Kalau kita dah maju nanti ramai org luar pulak yg akan belajar bahasa kita macam kat Melaka dulu tu. Silap haribulan banyak bahasa yg agak sinonim dengan bahasa Melayu kat luar negara tu asalnya memang dari negara kita sejak zaman Melakaraya tu. Tolong buat kajian.....
10. Wahai orang Melayu, kenapalah isu yang macam ni pun nak dipolitikkan dan diperbesar2kan...memalukan. Lebih baik bincang bagaimana nak perbaiki sistem pembelajaran bahasa inggeris adalah lebih baik. Pendek kata majukan diri.
11. Org kampung tak kurang jugak dibandar takut anak tak 'pass' peperiksaan, sanggup bodoh dan ketinggalan janji lulus. Murid yg malas kata tak ada harapanlah nak dapat semua A. Lulus pun belum tentu. Kenapa kaum lain selamba je. Korang nakkan anak korang macam korang jugak. Korang 'underestimate' (pandang rendah) kebolehan anak sendiri. Diaorang hidup dlm zaman IT.

12. Antara sebab lain kena belajar bahasa inggeris sebab bahan rujukan banyak dan majoriti dlm bahasa inggeris. Kalau betul2 pejuang bahasa, korang pergilah terjemah buku2 rujukan tu kedlm bahasa kita. Ini tidak...menghabihkan boreh je.

13. Hafal lagu inggeris, tengok cerita inggeris bolehlah pulak. Apalah salahnya belajar juga bahasa inggeris. Belajar sejarah ni salah satu asas kepada ilmu kenal diri (pada pendapat saya).

14. Pendek kata belajar Sejarah, bahasa inggeris, sains dan matematik ni sgt penting utk menjamin kedudukan dan kestabilan negara. Lebih2 lagi kpd org Melayu.

Kalau korang tak nampak jugak, susahlah. Ada satu cerita benar seorang professor bukan Islam yg mengkaji dan mahir ilmu Al Quran. Tapi disebabkan tiada 'NUR' dari ALLAH tak terbuka jua hatinya utk masuk Islam. Renungkanlah....

Tiada maaf dipinta, apa yg saya tulis telah ditulis dgn ikhlas.

Dapat tengok Tun dari jauh pun jadilah.....

Wassalam.....

Abadi's Gravatar Abadi

June 16, 2009 at 3:16 pm | Permalink

Salam hormat dan sejahtera

Ayahanda Tun Mahathir yang di kasihi,

1. Saya sempat belajar di SRJK (Ing) di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur.

2. Kami belajar Arithmetic and Sceince dalam bahasa Inggeris. Tiada masalah pun. Di Sekolah Menengah pun Mathematics dan Sceince pun dalam bahasa Inggeris. Tiada masalah pun. Senior saya sempat belajar Geography, History dalam bahasa Inggeris. Tiada masalah pun.

3. Di SRJK (Ing) saya di ajar mata pelajaran Ilmu Kesihatan, Sivik, Writting dan bertutur dalam bahasa Inggeris. Nilai pembelajaran sangat tinggi ketika itu kerana untuk melahirkan masyarakat berkualiti. Jari-jari tangan saya kerap di "titik" dengan pembaris jika hand writting saya macam "cakar ayam" dan lari dari garisan merah biru. Tidak buat homework dan sebagainya kena hukum "duck walking" di gelanggang netball atau buku di sepi di baju dan di tayangkan di kantin sekolah ketika waktu rehat. Dapat markah merah kena sebat di punggung. Akhirnya hand writting "A" dan menjadi perhatian cikgu. Tiada masalah pun.

4. Jika hukuman ini di praktikan di zaman sekarang, ramailah cikgu-cikgu dapat surat saman.

5. Apa yang saya nak utarakan, dari zaman ayahanda Tun M sehinggalah zaman saya bersekolah, sudah tentu ramai yang memperolehi pelajaran dan pengajaran. Ada yang sudah jadi "orang-orang besar". Kenapa sekarang bila ada cadangan sekadar hendak mencari ilmu pengetahuan secara ilmiah, ada sahaja halangan, bantahan, dan komentar. Atau adakah kerana masing-masing sudah lepasan universiti pelbagai, hendak tunjuk kepandaian???. Kenapa perlu gagal sebelum mencuba?

6. Saya setuju dengan apa yang di perkatakan oleh ayahanda Tun M mengenai pembelajaran melalui software. Tetapi ada yang mengatakan software itu mahal, bagi pendapat saya, itu bukan halangan. Hendak dibandingkan

susah atau senang, susah lagi orang dahulu. Walaupun dulu, gula pasir 25 sen sekati. Namun Nak beli basikal pun susah. Dibanding dengan sekarang ada yang menggunakan 2 handphone, 2 kereta, bermotosikal, melanggan station-station TV dan sebagainya. Jika tidak mempunyai wang, kemudahan pinjaman atau bayar ansur-ansur, pun boleh. Hendak seribu daya.....

7. Saya di fahamkan di negara barat, ramai yang menguasai pelbagai bahasa. Agaknya pasal itulah mereka jauh lebih maju dari kita. Dalam isu bahasa Inggeris, apalah salahnya di anggapkan mempelajari bahasa untuk ilmu?. Saya percaya yang beri komentar, bantah dan sebagainya, jika mereka berpeluang ke luar negara untuk meeting atau seminar, "bertuah" jika mereka berbicara dengan bahasa Maysia.

8. Bayangkan di masa hadapan mahasiswa dan mahasiswi negara tidak boleh menguasai bahasa Inggeris. Anggaplah bahasa Inggeris itu sebagai ilmu atau setidak-tidaknya untuk diri sendiri.

9. Terima kasih cikgu.

withmorechips's Gravatar withmorechips

June 16, 2009 at 3:11 pm | Permalink

Apakhabar Tun?

Sudah lama tidak menjenguk blog Tun, rupa-rupanya sudah bertukar alamat. Pada mulanya rasa ingin marah pada Tun sepanjang membaca isi kepada tajuk kali ini. Tapi setelah diselami memang betul kata-kata Tun.

Bayangkan seorang budak yang sudah biasa susah dan seorang lagi yang terlalu manja dengan setiap permintaannya dituruti. Kalau kita campakkan kedua-duanya ke pulau dengan hanya berbekal sebilah parang. Siapa yang akan mati dahulu? Dan siapa yang akan selamat dan mungkin menemui jalan untuk pulang?

Saya rasa apa yang perlu dilakukan ialah bukannya memansuhkan pelaksanaan PPSMI sebaliknya memantapkan lagi pelaksanaannya. Saya sudah bosan dengan setiap kali bertukarnya pucuk pimpinan setiap kali itu sistem bertukar. Tidak salah mewujudkan sesuatu yang baru tetapi bukannya memperbaiki sistem sedia ada adalah lebih baik. Saya masih ingat ketika di zaman persekolahan, sepanjang 11 tahun bersekolah sistem pembelajaran terlalu banyak bertukar sehingga memeningkan kepala. Seolah-olah setiap pucuk pimpinan yang baru mahu menunjukkan yang mereka lebih hebat dengan melahirkan satu sistem yang lebih baik dari yang terdahulu. Betulkah ianya terbaik? Atau sekadar sesuatu yang cantik di luar tetapi kosong di dalam? Pernahkah mereka menyelidiki berapa ramai pelajar seperti kami yang menjadi mangsa keadaan? Ini yang sebenarnya yang lebih penting iaitu pelajar-pelajar yang lahir dari sistem ini dan bukannya sistem itu sendiri.

Saya juga amat menyokong sekiranya bahasa inggeris dijadikan syarat lulus SPM. Kenapa saya fikir begitu? Mudah sahaja. Sebab saya orang kampung. Orang kampung biasanya di rumah, di pasar dan di mana-mana pun memang cakap bahasa melayu. Guru-guru di sekolah kampung juga biasanya ramai juga yang malas dan mengajar sambil lewa. Ini bukan tuduhan tetapi kenyataan. Saya bersekolah rendah di kampung sebelum diterima ke sekolah berasrama penuh. Jauh betul perbezaan cara pengajaran dan perhatian guru-gurunya. Dan saya bandingkan pula anak saudara saya yang bersekolah di kampung. Memang jauh perbezaannya. Jadi mungkin dengan diwajibkan bahasa inggeris untuk lulus SPM guru-guru ini akan lebih ikhlas dan rajin mengajar murid-muridnya. Pengetua pun akan lebih prihatin. Selalunya pengetua akan jaga peratusan lulus SPM, bukannya begitu?

Cuma jangan ada kes 'sorok pelajar' macam yang pernah berlaku di negara kita suatu ketika dulu. Jika tidak silap UPSR. Seperti yang saya katakan tadi, yang penting ialah pelajar yang ingin kita lahirkan dan bukannya sistem itu.

Kalau kita rasa sistem itu sangat bagus tetapi pelajar yang lahir seperti tong kosong pun tidaklah begitu seronok rasanya.

Mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai syarat lulus SPM adalah sesuatu yang amat-amat saya nantikan. Saya begitu menghargai Sejarah. Sejarah yang membentuk siapa kita dan menentukan hala tuju kita. Sejarah juga menjadikan kita seorang yang tidak bodoh sombong. Sejarah juga mengajar kita erti bangsa, sensitiviti, hormat menghormati, perjuangan dan satu hati. Sejarah mengajar kita supaya tidak seperti lembu yang dicucuk hidung mengikut membuta tuli. Kita belajar dari sejarah, bukankah begitu? Kalau kita buta sejarah macamana kita nak belajar?

Saya amat meminati Sejarah sehinggakan saya membaca bahan bacaan di luar dari buku teks dan buku rujukan. Lupa pula sesuatu. Salam kepada NASHA BIN EDWIN. Sejarah yang kita belajar bukan berkisar kepada UMNO sahaja tetapi memfokuskan tentang banyak perkara. Jangan kusutkan fikiran dan bantutkan pemikiran dengan berfikir sekitar politik sahaja. Belajar dari sejarah bagaimana raja kita terdahulu tersilap langkah sehingga menjadi raja boneka dan bagaimana perjuangan orang-orang terdahulu menentang penjajahan. Belajar bagaimana Jepun menguasai tanah melayu dalam masa beberapa hari sahaja dan dimana silapnya kita. Belajar supaya kita tidak mengulangi perkara yang sama.

Memang sukar memenuhi kehendak semua orang. Tetapi dalam menimbang sesuatu yang penting ialah kita kena fikirkan keperluan adalah selalunya lebih penting dari kehendak.

Keperluan kita ialah melahirkan generasi mudah yang tahu apa nak buat apabila susah bukan generasi yang selalu disuap sehingga tidak tahu macamana nak makan guna tangan sendiri.

Terima kasih Tun.

bakaudarah's Gravatar bakaudarah

June 16, 2009 at 2:38 pm | Permalink

assalammualaikum... Ayahanda Tun.

saya rasa elok sistem pelajaran masa tahun 50.60.70.80.. kalau tak lulus LCE atau SRP tak boleh naik ke tingkatan 4. Murid akan lebih tekun menghadapi pelajaran untuk peperiksaan kalau tidak akan terbantut untuk ke peringkat lebih tinggi. La ni kalau gagal pun boleh ke tingkatan 4... tak perlu untuk bersungguh untuk peperiksaan PMR. dan patut di ingatkan sejarah ..tanpa sejarah pemuda/i la ni akan

hilang identiti.

wassalam

TEDDY D.Sagunting's Gravatar TEDDY D.Sagunting

June 16, 2009 at 11:47 am | Permalink

Salam sejahtera ayahanda Tun,

Sebenarnya ini yang hendak saya tulis ke dalam blog Tun hari tu dan telah saya sediakan lebih dahulu dari tulisan saya sebelumnya tetapi saya rasa ianya tidak dapat mencakupi semua persoalan Tun, bagaimanapun hari ini dengan

penuh berani saya paksakan juga jawapan ini kepada Tun sebagai salah satu jawapan dalam ruang lingkungan persoalan Tun.

Masa 3 hari sudah pun berlalu oleh itu saya cuma ingin memaklumkan kepada Tun bahawa

jizurimin's Gravatar jizurimin

June 16, 2009 at 10:11 am | Permalink

Dihormati Tun, sebenarnya sesi persekolahan saya bermula pada pertengahan 1980-an dan tamat pada akhir 1990-an. Kelas yang saya paling minat ialah Muzik dan Sains di sekolah Rendah, Sejarah dan English di sekolah Menengah rendah; Biologi dan English di sekolah Menengah tinggi. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman saya sendiri, kelas yang saya minati banyak terpengaruh dengan cikgu dan gaya pengajaran mereka. Contohnya seperti di sekolah rendah, cikgu muzik banyak mengaplikasikan muzik dan kehidupan seharian dan cara ini dikenang sehingga hari ini. Manakala, cikgu English saya di sekolah menengah menggunakan lagu dan lirik ketika mengajar menyebabkan saya tertarik dengan penggunaan bahasa ini sejak itu. Cikgu biologi saya banyak memberikan saya kesedaran tentang fungsi dan kegunaan benda hidup serta banyak membuat eksperimen di luar bilik sains yang akhirnya menyebabkan saya berkeputusan untuk mendapatkan pekerjaan terarah kepada biologi. Kesimpulannya seperti yang selalu dikatakan oleh cikgu English saya, "Learning need skills and skills gain by experience. So, stop wandering, take the first step and make no limitation"- Jizurimin

bukan_rakyat_malaysia's Gravatar bukan_rakyat_malaysia

June 16, 2009 at 9:46 am | Permalink

salam tun,

bahasa jiwa bangsa

Aysha's Gravatar Aysha

June 16, 2009 at 8:25 am | Permalink

Assalamualaikum.

Secara peribadi saya tak bersetuju dengan pendekatan menggunakan software dalam kelas pembelajaran. Saya ada pengalaman belajar dengan menggunakan software sebagai perantara dan bagi saya, ia dapat menghilangkan fokus saya. Dan saya bukanlah seorang pelajar genius yang dapat menangkap sesuatu topik pembelajaran dengan cepat dan mendalam dan saya yakin kebanyakan pelajar sekolah adalah seperti saya. Just because this method works with you does not mean it will work with other groups of people (Just like democracy like what you have been saying to America). Sebenarnya ada beza antara belajar dengan software dengan belajar daripada seseorang yang bergelar GURU. A teacher is not there solely to teach you about Maths, Science or Geography. He is there to teach you about HUMANITY. A software cannot do that for you. Today we lack for such teachers. Probably due to our current education system which opt for some software to teach us.

Please have a deep thought about this. I'm writing this not only for Dr M. It's for mothers, fathers, teachers and students.

Thank you.

Rosbidar's Gravatar Rosbidar

June 16, 2009 at 2:36 am | Permalink

Assalamualaikum YABhg.Tun,

Rosbidar ingin sambong sedikit ulasan yang rosbidar buat pada 14/6/2009 berkaitan PERBEZAAN PELAJARAN dan ILMU.

PERGI BELAJAR:

Sesiapa sahaja pergi belajar ke sekolah , kolej atau Universiti akan dapat pelajaran. (Bukan ilmu)

MENUNTUT ILMU

Ilmu adalah kurniaan Allah kepada sesaorang yang telah Allah kenal pasti. Mengapa ilmu tu nak di beri kepada orang tu hanya Allah yang tahu rahsia nya. Ilmu bukan boleh di pelajari. Sebab itu tidak di panggil pergi BELAJAR ILMU. Ia nya di panggil MENUNTUT ILMU. Maksud MENUNTUT ILMU ialah ILMU itu sendiri akan menuntut/ datang ke tuan nya sepertimana ketentuan/perintah Allah TANPA mengira orang tu berpelajaran (educated). Berikut di bawah ini sedikit analisa berkaitan dengan perkataan ILMU.

ILMU (huruf jawi :alif lam mim wau)

Alif Lam bermaksud ALLAH MANAKALA Mim Wau bermaksud MUHAMMAD.

Olih itu IL (alif lam singkatan perkataan ALLAH (alif lam lam ha)

Manakala MU (mim wau singkatan perkataan Muhammad)

Sebab itu jangan memandang rendah orang yang tidak ada pelajaran olih kerana kita tidak tahu siapa mereka sebenarnya. Kemungkinan

Allah telah kurniakan beliau dengan ILMU. ILMU lebih tinggi dari

PELAJARAN olih kerana ILMU DATANG TERUS DARI ALLAH & MUHAMMAD MANAKALA PELAJARAN KITA SENDIRI PERGI BELAJAR KAPADA GURU (DI SEKOLAH) ATAU PROFESSOR (DI UNIVERSITI) . SESAORANG TERPELAJAR TIDAK SEMESTI NYA SEORANG BERILMU.SUNGGUH BERUNTUNGLAH SESAORANG TERPELAJAR SEKIRANYA DALAM MASA YANG SAMA ALLAH KURNIAKAN ILMU. PADA HARI INI KITA LIHAT BANYAK KEPINCANGAN YANG BERLAKU OLIH MEREKA YANG BERPELAJARAN TETAPI TIADA IL-MU (IL merujuk kepada ALLAH manakala MU merujuk kepada MUHAMMAD)

e-mail rosbidar : rosbidar@tm.net.my

h/p:012-3093471

S..Tan's Gravatar S..Tan

June 16, 2009 at 12:55 am | Permalink

Dear Tun, salam mesra harap sihat sejahtera. Kiriman saya dan pandangan pada komen pengunjung di sini dgn izin...

.....PUSAKA DARI DULU BUKAN PETAKA MASA SEKARANG

Melayu mudah lupa. Dasar pelajaran kita ini peninggalan dari zaman 22thn, bukan baru! Cuma skrg berani menegur sebab tak kan kehilangan apa apa, kalau dulu berani? Kambing dah lepas dari kandang, baru nak periksa ensel.

Tapi syabas, baik lewat dari tak buat. Harap garang dan lantang sikit bila

Az_wants's Gravatar Az_wants

June 15, 2009 at 11:58 pm | Permalink

Tun,saya rasa kebelakangan ini percanggahan tentang pendidikan sering timbul disebabkan berlakunya kekeliruan di kalangan masyarakat,serta kurangnya kajian tentang sesuatu isu itu.Cenderung sekali orang ramai menilai sesuatu isu tanpa kajian yang mendalam tentang kesan,akibat serta punca sesuatu isu.

Sebagai contoh PPSMI,bagilah apa alasan sahaja pun,tetapi akhirnya semua orang terpaksa akui,masyarakat melayu amnya menolak PPSMI kerana khuatir Bahasa Malaysia dianaktirikan dan bangsa lain pula enggan mengiktiraf bahasa Malaysia.

Tetapi dari segi akibatnya,tanpa penguasaan Bahasa Inggeris,bangsa melayu adalah yang paling rugi kerana syarat wajib memasuki peluang pekerjaan di sektor swasta adalah kemahiran berbahasa Inggeris.Dalam hal ini,Kerajaan mungkin bersalah,kerana gagal memberikan fakta serta statistik yang jelas untuk kenapa penguasaan bahasa Inggeris itu perlu dan kenapa ia baik untuk masyarakat melayu.

Saya tidaklah menentang PPSMI ini,tetapi rintihan masyarakat melayu tetap ada logiknya.Tetapi bagi saya perjuangan yang sebenarnya seharusnya adalah perjuangan mewajibkan semua syarikat swasta Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi seperti di negara Jepun,kemudian barulah bahasa Malaysia mampu menjadi bahasa Ilmu.Namun,ini semua mungkin angan-angan,kerana ekonomi Malaysia sendiri adalah ekonomi yang sangat bergantung serta belajar dari dunia luar.Oleh itu,kita terpaksa akur,beljarlah ilmu dalam bahasa apapun Perancis,Korea,Jepun,akhirnya bahasa Inggeris adalah penentu untuk mendapat kerja,mungkin juga bahasa mandarin sedikit membantu,"sigh",minta maaf bukan saya cakap tapi dalam iklan kerja.

Bagi saya,PPSMI adalah yang terbaik buat bangsa melayu pada masa ini,tetapi kurangnya kesungguhan kerajaan berusha dalam memartabatkan bahasa Malaysia turut menimbulkan kerisauan.

Ir. Syahrizan's Gravatar Ir. Syahrizan

June 15, 2009 at 10:06 pm | Permalink

Snippet:

I still remember when I was in the school... my English teacher told the class to write a very short essay. So my classmate wrote a master piece essay that captures everybody's attention... he wrote it in Malay first than translate it into English later... it goes something like this...

“Suatu hari saya bawa kereta, tetiba kereta tersebut tidak dapat berhenti, saya tekan brek, tak henti, saya tekan lagi, tak berhenti juga. Apabila saya berjaya menghentikan kereta, saya keluar dari kereta dan mendapati tayar sudah kehabisan bunga...”

Then he translate it into English;

“Once upon a time I drive my car, I brake-brake no stop, I brake-brake no stop, I go out from the car and see tyre no flower (I think he meant thread)...

Now he works with the Government holding high position and paid with a very high salary... and to my surprise he still translate Malay to English directly. I hope not all government servant are like my friend (God prohobits, :P).

Have a nice day Tun!

pppz's Gravatar pppz

June 15, 2009 at 8:39 pm | Permalink

Salam YAB Tun,

Menuntut ilmu adalah fardu atas setiap muslimin dan muslimat. Agama pula adalah untuk mereka yang berakal sahaja. Orang yang mula-mula mendapat sijil, ijazah serta surat-surat perakuan seumpamanya adalah daripada ilmuan-ilmuan yang berpengalaman dan berilmu pengetahuan serta pakar didalam pelbagai bidang dan mereka sendiri tidak ada sijil ataupun ijazah.

Sijil dan ijazah dianugerahkan oleh sekolah atau pusat pengajian yang telah mengajar ilmu-ilmu yang diperturunkan kepada murid-murid yang telah tamat belajar segala matapelajaran yang diperkenalkan oleh sekolah tersebut dan sebagai pengesahan pemilik sijil dan ijazah tersebut adalah seorang yang berilmu.

Tujuan sebenar menuntut ilmu itu bukanlah semata-mata untuk memudahkan seseorang untuk mendapat kerja sahaja malah lebih penting lagi seseorang itu mengetahui cara dan kaedah untuk dapat mengembangkan lagi pengetahuan untuk mencari lain-lain ilmu bagi tujuan mencari dan mengenali segala rahsia dan untuk mencari dan mengenali kebenaran.

At the end of the day, only the truth will set you free. Kebenaran itu datang dari Maha Pencipta iaitu Tuhan pemilik alam semesta. Segala ilmu yang ada seharusnya bersumber dan seharusnya merujuk kembali kepadaNya sebagai satu titik permulaan segala rahsia dan segala ilmu.

Tiada gunanya seseorang itu berilmu tanpa beramal begitu juga tiada gunanya seseorang itu beramal tanpa berilmu dan tidak tahu pula apa yang sedang diamalkan itu.

wassalam.

samuraimelayu's Gravatar samuraimelayu

June 15, 2009 at 7:10 pm | Permalink

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN

IZINKAN,

MAKANYA KINI TERDAPAT RAMAI ULAMAK YANG BERPENGETAHUAN DARI YANG BERILMU TERUTAMANYA DALAM TAFSIRAN ALQURAN DAN ADA YANG MEMESONGKAN SEPERTI BERKATA ' ALLAH PERNAH MENCARUT' DAN ADA PULA DISAMA ERTIKAN ALLAH DANGAN TUHAN.

JIKA SIFAT ALLAH SWT ITU ADALAH 'MAHA' MAKA DALIL AKAL KAMI AKAN MENYOAL 'ADAKAH ALLAH MAHA PENCARUT?' DAN ADAKAH SYAHADAT BOLEH DITERJEMAHKAN SEPERTI BERIKUT ' TIADA TUHAN(ALLAH) YANG KU SEMBAH MELAINKAN TUHAN (ALLAH) ATAU TIADA 'ALLAH'(TUHAN) YANG KUSEMBAH MELAINKAN 'ALLAH' (TUHAN)?'... NAUZUBILLAH..

TIDAK KAH GILA ISIN DIBUATNYA ANAK2 MELAYU/ISLAM YANG MASIH BERSEKOLAH DIMASA DEPAN?

KAMI MOHON AMPUN KEPADA PARA PEMBACA MUSLIMIN DAN MUSLIMAT.

ALFATIHAH, AMIN.

akumelayu's Gravatar akumelayu

June 15, 2009 at 5:35 pm | Permalink

SALAM TUN....

Nampaknya isu sekolah ini mmg hangat utk dikomen .Saya jg rasa simpati pd nasib sebangsa kita di sbrg tambak yg turut serta dlm blog Tun ini. . Itu semua adalah sebagai ingatan pd kita org melayu di sini yg masih boleh mengubah nasib kita selagi ada Kuasa di tgn org melayu. tak mustahil jika kita terlampau leka dan asyik bertelingkah sesama kita tentang isu2 remeh akhir nya melayu lemah maka kita pn akan mengalami nasib yg sama . NAUZUBILLAH.Mintak2 dijauhkn ALLAH hendaknya .

Tak payahlah kita nak menyalahkan kerajaan,sekolah,cikgu,sistem @ menteri pljrn dan jg pelajar itu sendiri. bknyanya meringankn masalah pn...Yg jelas satu post mortem harus dilakukan terhadap tahap pendidikan skrg ini. cikgu skrg dgn cikgu dulu pd saya masih sama . Tugas mereka mengajar. Tp bebanan tugas cikgu skrg lebih mencabar. Bkn saja terpaksa mengjrn tetapi terpaksa membuat pelbagai kerja tmbhn... pelbagai laporan terpaksa diisi kn.terpaksa mangikuti pelbagai kursus.. jg terpaksa menangani karenah anak murid . Ibu bapa skrg bkn mcm ibubapa zaman kita dulu.Silap sikit cikgu jumpa dimahkamah la jwbnya.

Bt NASHA EDWIN.... terimalah kritikan dgn hati terbuka. Setiap manusia tak lari dr melakukan kesilapan.. Kesilapan mengajar kita supaya menjadi lebih tabah..Jgn kita mengulangi kesilapan yg sama lg. Terima kasih Tun.Semoga Tun dipanjangkan umur dan sihat selalu..

mgpunya's Gravatar mgpunya

June 15, 2009 at 3:35 pm | Permalink

YABhg Tun,

He rode the Ministry...made use of the Education network....

Pump in so much money constructing this and that and mind you just in time for election too....contractor happy....politician happy...

teachers happy...gave him the Vice seat..lah ofcourse!!!

RIP...MALAYSIAN EDUCATION !!

lani's Gravatar lani

June 15, 2009 at 3:31 pm | Permalink

Tun.,

saya sekolah dari thn 1976 -1986 drj 1 – tgktn 5.

selama 10th belajar BI dan lain mata pelajaran.

selama 10th tu saya masih lagi tk fasih BI.

Org klu cakap BI saya faham tapi bila nk jawab tk tahu nk cakap.

Tk tahulah kat mana silapnya.Samaada saya bodoh ,guru yg membosankan, pihak sekolah atau dasar pendidikan negara pd masa tu tk pentingkan BI.Pd masa tu mentri pelajaran bertukar 2 atau 3 mentri.Pm nya Tun Hussin dan TUN M. Ruang utk salahkan kerajaan tetap ada!!!Jadi pd mentri pelajaran skrg buatlah yg terbaik utk anak kita skrg demi kebaikan generasi akan datang.Jgn Takut buat keputusan.

Biar kita kalah dlm pilihan raya asalkan keputusan kita hari ini baik dan betul.Rakyat akan ingat....

ezani's Gravatar ezani

June 15, 2009 at 3:17 pm | Permalink

Salam Tun

Dengan sedihnya, saya terpaksa setuju dengan kenyataan Tun dalam blog ini. Memang dari dulu lagi dan pada masa persekolahan saya lagi, kadang2 boleh terjadi ketidakcekapan dalam sekolah.

Pada masa kini, keadaan persekolahan moden di Malaysia sangat berbeza. Pada masa sekarang terdapat ancaman gang-gang, dadah, ketidakselamatan berjalan ke sekolah malah berada di kawasan sekolah, guru pun mungkingtidak selamat dan murid-murid dibebani dengan terlalu banyak ilmu dari pelbagai sudut – mereka mungkin sangat keletihan dengan pembelajaran waktu pagi disusuli pula dengan kelas agama atau tuisyen atau sukan pada waktu petang. Ini pulak mereka terpaksa membawa beg dan buku-buku yg berat-berat pada bahu mereka.

Anak saya baru 3 tahun lebih dan saya mahu lihat apa akan terjadi padanya apabila dia mendaftar untuk Darjah 1 nanti.

Pada keseluruhannya, sistem persekolahan asas kita (darjah dan menengah) tidak cukup canggih untuk menghasilkan warganegara2 yg outstanding yg boleh memberi persaingan dunia. Saya lihat di tahap universiti sahaja kita mempunyai universiti2 yg bertahap antarabangsa tapi bawah dari itu, sekolah kita biasa sahaja dan dilemahkan lagi dalam pembelajaran dalam Bahasa Malaysia dan tidak mempunyai teknologi pendidikan yg bermutu tinggi, moden dan canggih.

Dari segi perbezaan kaum dan kekayaan juga, saya nampak bahawa orang yg kaya2 sahaja yg boleh menghantar anak2 mereka to the 'best schools'. Dan kadang2 ini merupakan sekolah international ataupun dihantar keluar negara. Saya sendiri dihantar ke UK pada tahap A-Levels saya dan saya mengaku sistem di sana tidak boleh dibandingkan dgn sistem di sini. Dan saya khuathir orang-orang kaya UMNO tahu keadaan sebenar dari sejak dulu lagi tetapi saya nampak tidak mahu membuat apa-apa. Mereka hanya mementingkan anak mereka sendiri yg dapat pergi overseas tapi saya nampak masa Tun, pembahagian biasiswa JPA agak baik (saya tak ingat siapa Menteri Pendidikan Tun pada masa itu).

Tetapi sekarang pembahagian biasiswa is very poor. There is also a lot of complaints of unfairness and lack of meritocracy in the giving of places and scholarships in local universities and colleges and I have read and believed this to be true. We must Hishamuddin and now Muhyiddin what's going on. Even now, the majority of the Malay-based Malaysian public disagree with making English compulsory sso what more having the subjects Mathematics and Science taught in English. Hai...such a very narrow minded and shortsighted view our Malays have. Later on when we are left behind by other nations, baru kita nak insaf.

ahmadfikhri's Gravatar ahmadfikhri

June 15, 2009 at 2:25 pm | Permalink

salam Tun,

Pendapat saya, subjek english perlu diwajibkan sebagai syarat untuk lulus SPM. Jadi, pengajaran matematik dan sains dalam bahasa inggeris tidak perlu dilaksanakan. Saya bukan menentang pengajaran sains dan matematik dalam bahasa inggeris. Tapi bagi saya, laksanakan berperingkat2. Mulakan dengan sekolah2 berasrama penuh dahulu. Tentang pengurangan subjek teras SPM, saya berpendapat tidak wajar dikurangkan. Subjek seperti sejarah, agama islam perlu diwajibkan. Sejarah dapat mengajar kita tentang sejarah perjuangan orang2 lama serta penjajahn negara. Sejarah mengajar kita bagaimana sikap pembesar2 melayu yang dari dulu tidak putus2 berebut kuasa sehingga ke hari ini. Tapi, saya cume boleh bagi pendapat. Suara saya takkan dapat didengar oleh orang atasan. Mintak tolong tun sampaikan kepada org atasan. Terima kasih.

buntat's Gravatar buntat

June 15, 2009 at 1:49 pm | Permalink

salam tun dan rakan blogger

dunia kini dilanda wabak "instant"

penghibur segera

cepat kaya (usaha sikit aka usaha bijak)

diploma,ijazah,sarjana,phd pon da jadi segera

belajar 1 tahun,dapat 2 ijazah (silap2 boleh jadi 3)

tak perlu ke kelas,tak perlu jumpa guru,tak perlu paham

yang perlu hafal,ulangkaji dan tulis dalam peperiksaan

kat mana berkat ilmu dan berkat guru?

setuju jika dikatakan ramai yang menuntut ilmu semata kerna sijil,nak kerja baik,gaji besar

belajar untuk dapat ilmu da x jadi keutamaan.

mana2 pelajaran yang susah,rendahkan gred..kualiti?

jangan kita manjakan sangat generasi akan datang ni

cabaran untuk mereka lebih dasyat menanti di hadapan

kita kena didik mereka agar lebih lasak dan tahu susah mencari ilmu

biar mereka menghayati ilmu,bukan mengingati ilmu.

kepada rakan blogger

abaikan saja spesis kurang akal (nasha edwin)

x dapat diselamatkan lagi da...kronik sgt da tu...

reen_jubailcity's Gravatar reen_jubailcity

June 15, 2009 at 1:38 pm | Permalink

Assalamualaikum..

Tentang isu Bahasa Inggeris yang selalu dipolitikkan..saya cukup tak faham kenapa isu pendidikan anak2 perlu dipolitikkan dan selalu dipinda walhal memang terbukti sejak pembelajaran matematik dan sains dalam bahasa inggeris,ramai yang akui ianya berada ditahap yang membanggakan.Sekiranya isu pelajar di luar bandar tidak dapat menguasai,seharusnya pihak kerajaan mengambil inisiatif melipatgandakan usaha untuk pelajar luar bandar bukan terikut dengan telunjuk dan desakan pihak luar.

Pihak Kerajaan seharusnya sedar sudah terlalu banyak wang dilaburkan untuk 'mengajar guru- guru ' dari segi latihan dan prasarana...juga buku2 yang perlu ditukar semula jika isu pembelajaran sains dan matematik ini terpasa dipinda semula.

Berbalik kepada isu tidak wajib lulus bahasa inggeris,saya amat terpenggil untuk mengutarakan isu ini kerana saa dan keluarga adalah antara keluarga yang terpilih untuk berhijrah ke bumi arab atas urusan kerja,namun isu bahasa membuatkan rakyat Malaysia agak ketinggalan dalam merebut peluang untuk berada di tahap agak selesa berbandung rakyat dari negara India.Puncaya hanya satu...BAHASA INGGERIS.Ini diakui sendiri oleh majikan

berbangsa arab.mereka akui, rakyat Malaysia mempunyai pengalaman kerja yang jauh lebih baik dari rakyat negara India serta amat tekn dalam melakukan sesuatu tugas,namun atas sebab kurang fasih berbahasa inggeris berbanding rakyat dari negara tersebut,rakyat kita terkejauh...

p.s- Warga Arab terlalu menghargai Tun.Saya amat2 terharu.Bila kita berada ' di luar'barulah kita hargai apa yang kita ada...Tahniah Tun!!!

OrangLama's Gravatar OrangLama

June 15, 2009 at 1:20 pm | Permalink

Salam,

Tun kata:

5. Sijil dengan sendirinya tidak akan melayakkan kita untuk apa-apa. Yang melayakkan kita ialah ilmu-ilmu yang sijil berkenaan menyenaraikan telah dikuasai oleh pemegang. Oleh itu jika kita kurangkan ilmu yang diwajibkan supaya kita lulus dengan mudah, catitan dalam sijil tidak punyai makna lagi. Sijil sudah tidak berguna lagi.

Pandangan saya:

Kita semua sediamaklum di Jabatan kerajaan(perkhidmatan awam) , sijil itu perkara paling penting. Lagi cemerlang keputusan yang terdapat dalam sijil lagi bertuahlah pemilik sijil itu. Kerja sendiri dan juga kerja swasta sijil penting tetapi pengalaman sangat diutamakan. Kenapa?

Mohon maaf, jika saya katakan sistem pendidikan Malaysia GAGAL! Objektif pendidikan formal dari segi konteks pekerjaan ialah menimba ilmu cara pantas yang mengambil masa lebih lama berbanding pengetahuan yang diperolehi melalui pengalaman.

1. PASARAN PEKERJAAN

Contoh Seorang juruteknik berkelulusan SPM mengambil masa 5 tahun untuk mencapai sesuatu kemahiran melalui pengalaman bekerja dengan seorang berpengalaman di bengkel. Sepatutnya pelajar lulusan Diploma kursus 3 tahun dalam bidang sama sepatutnya lebih mahir dari juruteknik yang tidak mendapat pendidikan formal. Beliau dididedahkan kepada pelbagai guru/pensyarah, buku teks, peralatan terkini dan pelbagai kemudahan.

Seorang lulusan Ijazah Pertanian tak tentu boleh bersaing dengan ayahnya seorang petani berpengalaman. Kenapa? Saya katakan sistem pendidikan negara kita telah GAGAL. Gagal. sehingga lulusan Ijazah Universiti tempatan terpaksa berebut jawatan kerani yang sepatutnya disandang oleh lulusan SPM. Gagal jika ramai lulusan Universiti mengangur atau bekerja tak mengikut bidang yang telah dipelajarinya di Universiti. Ini semua pakai duit rakyat! Universiti sebagai menara gading yang selalu disebut2 tahun 70an dan 80an TIDAK tepat zaman sekarang. Peniaga komputer (bukan bumi) ramai yang hanya lulusan SPM/STPM tetapi mempunyai pengetahuan lebih canggih dari pensyarah komputer Universiti dari segi kegunaan harian. Pensyarah Universiti banyak teori tetapi kurang pengalaman. Anak murid yang terhasil dua kali lima. Guru2 lulusan Universiti dua kali seperti Pensyarah dia kat Universiti. Pelajar2 sekolah pula dua kali lima seperti cikgu mereka. Anak2 sekolah yang belajar kimia tentu pernah dengar perkataan "Chain reaction". Yang tak berjaya di sekolah, lagi bermasalah nak dapat pekerjaan. Bina kekuatan fizikal supaya boleh bersaing dengan buruh luar negara?

2.SALAH SATU PUNCA IALAH KECEMERLANGAN PADA SIJIL

Setiap tahun pencapaian kecemerlangan anak2 Melayu STPM, SPM, UPSR, PMR di perbesar2kan dalam akhbar dan TV. 19A1 SPM dan sebagainya. Ramai pelajar Melayu cemerlang. tetapi berapa pula bilangan pelajar Melayu yang dapat kelas pertama di Universiti. Yang dapat kelas pertama itu pun tak pasti yang beliau boleh “deliver” hasil pembelajarannya ?

Para Pensyarah Universiti asyik menang pingat di Pamiran Antarabangsa. Dapat “sijil” emas di merata2 seluruh dunia. tetapi sayang Universiti2 terkemuka luar dunia tak bertanding sama2. kenapa? Produk yang tercipta di Universiti berapa banyak dah jana pendapatan untuk negara hasil paten? Kalau Pensyarah dua kali lima, cikgu lulusan Universiti seterusnya murid2 sekolah terlibat menghasilkan masyarakat Malaysia dua kali lima juga!

3. CADANGAN PENYELESAIAN

*****YANG PALING PENTING IALAH PENGISIAN ILMU ! Jangan duk main hentam cipta dan ubah sukatan sesuka hati. Semak betul2 untuk apa. Yang belajar teori set di sekolah untuk Matematik boleh digunakan di Universiti untuk semua bidang ke atau untuk cari kerja peringkat SPM ke? kalau tidak, ajar sikit2 cukup lah. Yang penting diutamakan! Yang kurang penting dikurangkan! Kalau untuk pengetahuan saja, la ni orang boleh timba ilmu melalui internet dan buku2 di kedai buku! Kalau untuk masuk Universiti belajar berlatih berfikir, buat apa susah sangat belajar bertahun2?

***MODEL SISTEM PENDIDIKAN IKUT SATU NEGARA SAHAJA . Jika nak ikut sistem Amerika, ikut semua dari sekolah rendah sampai ke tahap tinggi PhD. Jangan campur aduk sistem US, UK dan Jepun sehingga jadi Sistem Pendidikan Rojak Malaysia!(tiada kaitan dengan SPRM!) Hanya perlu ubah bahagian agama, moral dan negara sahaja! Yang lain2 tak payah lah. Pendidik2 negara maju dah buat kajian dan masih meneruskan kajian sistem pendidikan depa, tak perlu bersusah payah buang masa dan wang ringgit duk mengubah2 dan mencipta sistem baru (sekarang baharu? Ini YB Karpal punya hal ke?) . Apa yang perlu ialah kita ubah ialah fikiran kita.

PERANAN GURU SEKOLAH DAN PENSYARAH Unversiti mesti dinamik. Ikut perubahan zaman. kenapa perlu guru? Kenapa perlu Pensyarah? Apa yang ada kat depa yang pelajar tak boleh jumpa internet? Tak boleh jumpa di rumah? Tak bole jumpa di pusat membeli belah atau pasar malam? Apa yang boleh mendorong budak2 lelaki Mat Rock pi sekolah. Kalau cikgu tak berjaya bagi budak2 yang tiada masalah keluarga atau kesihatan minat belajar, maka cikgu GAGAL. Kementerian Pendidikan dan Universiti dah tersilap pilih saudara/i sebagai guru sekolah.

Cikgu! Semasa saya sekolah saya masih ingat ramai anak2 murid kurang ajar. Ada yang belash cikgu tetapi cikgu2 saya sangat menyanjungi tugas guru depa tidak berdendam malahan bersabar dan terus mendidik. Cikgu yang tak sabar terus belash anak murid. Tapi sekejap saja. Lepas tu jadi normal. Alangkah baiknya cikgu2 sekarang berdedikasi seperti guru2 dahulu! La ni cikgu duk asyik mengeluh gaji rendah, peluang kenaikan pangkat susah dan banyak kerja ko-kurikulum. Yang sebenarnya saya paling kasihan gaji bomba dan polis. Fikir lah kenapa?

Cikgu, kalau tak berminat kerja, berhenti sajalah. Cari kerja lain. Atau jika wanita jadi surirumah lebih baik. Sorry Nanti anak Tun (Datin Marina) marah kalau ada unsur anti perempuan dalam pandangan saya.

Cik gu perempuan ramai sangat kat sekolah, macam mana nak ajar budak lelaki? Ada nak jadi saintis, polis, penyanyi, ahli politik, doktor, pelumba motor dan lain2. Cerita dari bapanya depa dah jemu. Asyik kata bapanya suka membebel saja. Depa Nak cerita dari pihak lain.

Jadi cikgu lelaki kena ramai kat sekolah. Budak lelaki, remaja peringkat umur perseklahan melalui proses “identity crisis”. Depa tak sama dengan sifat perempuan seperti cikgu perempuan. Depa minat application berkaitan “kelakian”. bagaimana bom atom terhasil! Cerita yang mudah difahami dahulu, baru lah cerita teknikalnya secara mendalam! belajar fizik cerita prinsip enjin motosikal. Bagaimana centripetal or circular acceleration digunakan untuk pelumba motosikal mengawalinya supaya tidak terbabas dari gelanggang. Gunakan biologi menerangkan

kepada pelajar lelaki tentang hal2 kelelakian (jangan melampaui batas cukup lah!) cerita lah menarik sesuai dengan jantina pelajar! Jangan hanya ambil contoh dari buku teks saja, kerja lebih sikit. Tak kan tak ade masa?

Mungkin pihak Kementerian boleh ambil kira faktor motivasi kepada pelajar sebagai satu perkara penting untuk kenaikan pangkat Guru.

KESIMPULAN SAYA

Bukan jumlah subjek atau keputusan sijil tetapi mutu ilmu yang diberikan kepada pelajar adalah penting.

Mohon maaf jika terkasar bahasa dan sakit hati dengan pandangan saya. Pandangan saja.

MII66's Gravatar MII66

June 15, 2009 at 12:26 pm | Permalink

Salam Hormat TDMM & TDSH,

Can't agree more with what you have posted. The same thing that I have and will continue to share with my children and my subordinates. I have told them, result is secondary but understand what you have learn is more important! No point getting As when you only memorized your knowledge without understanding them.

THANK YOU SIR !!!

husni tajuddin's Gravatar husni tajuddin

June 15, 2009 at 12:21 pm | Permalink

Assamualaikum Tun dan keluarga. semoga sentiasa diberkati tuhan dunia dan akhirat. Terima kasih kerana menjadi PM yang paling berjaya memajukan orang melayu dari segi keterbukaan minda, sehingga sanggup menerima siapa jua untuk jadi rakyat malaysia. Walaupun pahit tapi org melayu tetap telan. Bukan saya menafikan PM yang lain, mereka juga berjaya dalam memajukan melayu dan malaysia tetapi Tun mempunyai kelainan dari segi pembangunan negara ataupun insan, selalunya ada penentangan pada pemulaan tetapi akhir semua akan setuju. Saya amat tertarik cara Tun mentadbir dari segi perkauman, kerana pada masa Tun jadi PM soal perkauman ini tidak banyak ditimbulkan, kalau adapun ia dapat di tangani dengan baik. Akhir-akhir ini masalah ini amat serius sekali dapat kiranya Tun memberi nasihat dan pendapat kepada PM yang ada. Bukanlah saya menafikan kebijaksanaan DSN tetapi sebagai yang baru jadi PM apalah salahnya menerima pendapat dari yang lebih tua lagipun bolih di anggap sebagai bapa. Satu lagi soal chin peng yang laknat ni, saya ada dengar cerita ramai di kalangan org alim dan pandai agama hilang pada zaman darurat dulu, ada setengah mengatakan mereka ini hilang di culik komunis semasa pergi atau pulang dari surau atau masjid. Perkara ini banyak berlaku di Batu Pahat sebab itu berlaku perang yang di pimpin oleh Panglima Kiai Salleh. Kalau Tun tahu tentang ini dapatlah Tun ceritakannya di blog ini sekian terima kasih. wassalam.

silvertreezero's Gravatar silvertreezero

June 15, 2009 at 12:06 pm | Permalink

Asalamualaikum wrth Tun. Semoga Tun senantiasa dilindungi oleh Allah SWT selalu. Saya memang mengagumi sejarah hidup Tun. Saya juga gusar akan apa yang bakal terjadi pada nasib Melayu kita. Makin hari makin berleluasa masalah gejala sosial. Apakah salah ibu bapa, kalau salah mereka, bagaimana Zaman Bapa Tun berjaya mendidik Tun namun mungkinkah gejala banyak minum susu lembu membuatkan melayu makin terpinggir. Saya perhatikan Melayu yang kaya akan bertambah kaya, manakala melayu yang miskin hidup mereka terus terpinggir. Minta Tun komen sedikit perkara ini dan peranan kerajaan dalam menangani Kemunduran Melayu masa kini. Kaum lain kadang2 tidak pun pandai sangat macam Melayu kita, Namun mereka berjaya menguasai ekonomi kita. Tq TUN.

abu talib's Gravatar abu talib

June 15, 2009 at 11:51 am | Permalink

Whether it is nangka or jackfruit, we are barking at the wrong trees !!!

1. Masalah yang timbul dari pelaksanaan PPSMI (atau ketidaktolakannya) sepatutnya mengajak kita para guru dan ibubapa memikirkan soal “apa yang perlu kita buat?”, memandangkan orang politik dan pegawai Kementerian mana mungkin faham masalah di lapangan. Kurikulum dan buku teks bukan masalah tetapi terdapat perbezaan ketara antara apa yang patut di ajar (iaitu yang ditentukan oleh silibus yang mana outcome hanya akan dicapai kalau diajar mengikut apa yang disusun dalam buku teks) dengan yang diajari – the taught curriculum- di mana di ajar secara rambang menggunakan buku model exam yang mengasah murid hafal dan terjemah senarai corpus (sekitar 500 perkataan peringkat UPSR?). Jadi taught curriculum macam buffet. Boleh pilih nak mula dengan pembasuh mulut dahulu, appetiser tengah, main course akhir sekali, misalnya.....tidak mengikut kaedah asas bahasa yang memerlukan aktiviti latihan tubi – listening, reading, writing dan speaking. Bukan mute testing demi mute testing. Kalau ini tidak dirungkaikan, kita boleh lupa ide mewajibkan lulus Bahasa Inggeris dalam SPM kerana ini akan membuahkan ribut baru nanti.

2. Sementara semua pemikir mencari jalan keluar dari kekalutan dasar PPSMI, apa kata kita lihat isu ini dari kontek keperluan sebenar pelajar, dan bukan semata-mata dari sudut menentukan mereka dapat hidup atau “survive” dalam kontek peperiksaan sahaja. Hari ini isu Bahasa Inggeris dan kedudukannya dalam sistem pendidikan negara dilihat oleh masing-masing yang mempunyai pendapat dari beberapa perspektif berbeza, seperti cerita 8 orang buta yang cuba menyatakan perihal rupa gajah.

3. Pelajar yang tidak menguasai Bahasa Inggeris tidak dapat menikmati keseronokan dari proses pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris kerana kegiatan berfikir tertumpu kepada percubaan meneka maksud perkataan, sebagaimana proses sama semasa belajar Bahasa Inggeris. Periksalah mana-mana blog guru dan kita dapat dengar keluhan bagaimana mereka rasakan mengajar kedua subjek itu tidak lagi menyeronokkan.

4. Kalau dahulu pelajar dapat berbincang sesama mereka selepas kelas sains, misalnya mengenai satu topik sains yang menarik, tetapi kini aktiviti itu terhad kepada proses nak tahu makna atau macam mana nak eja misalnya. Dasar PPSMI sebenarnya bertentangan dengan logik kaedah pendidikan, dan paradoks dalam pelaksanaannya ialah, yang rugi pelajar Melayu – ilmu sains tak dapat faham sebab diajar dalam Bahasa Inggeris oleh guru yang mengajar gaya ‘Bahasa Inggeris’ itu dalam Bahasa Melayu untuk ‘beat the exam system’. Akhirnya murid yang dahulunya minat belajar sains melalui ‘instant understanding’ kini menjadi bisu dalam kelas kerana masalah Bahasa. Dasar yang digubal membuat kesilapan paling besar kerana tidak menumpukan kepada persoalan sebenar. Whether it is nangka or jackfruit, we are barking at the wrong trees !!! Paling sedih lagi soal kelemahan ramai pelajar dalam Bahasa Melayu (dysfunctional BM kecuali kalau yang dapat diguna ikut dialek tempatan) diabaikan. Bagaimana pelajar boleh kuasai bahasa kedua jika dalam bahasa pertama mereka lemah? Dengar khabar ada National Brains Trust on Education tetapi mana brain-nya?

5. Oleh itu para guru perlu mengambil inisiatif untuk “fine-tune” dasar supaya pelajar tidak rugi, dan inisiatif ini perlu diambil tanpa menunggu imbuhan atau baucer. Kenapa di sekolah Cina ada perbezaan pelaksanaan dasar ini? Tentu sekali kerana mereka mengambil langkah ‘damage control’ dalam menghadapi dasar pelik ini.

6. Petikan dari tulisan chedet bertajuk “Orang Ulu”, menunjukkan beliau tidak mengambil kira perbezaan sistem pendidikan yang dilalui oleh orang ulu dahulu dan orang sekarang, sama ada yang di ulu atau di bandar. Dahulu pelajar yang mendapat A dalam subjek Bahasa biasanya disertai juga keupayaan tahap A membaca dalam Bahasa tersebut. Kini pelajar yang digred A tidak semestinya boleh membaca. Mungkin kemahiran yang di asah sekarang ini ialah kemahiran menghafal dan meneka. Ketika Dr M mengubah dasar menjadi PPSMI beliau tidak mengambil kira hakikat bahawa semua dasar Kementerian tidak semestinya akan terlaksana di lapangan. Perubahan dasar boleh dibuat 1000 kali tetapi perlu ambil kira sikap guru, desakan ibubapa, kelemahan bahasa guru yang mengajar, guru bersikap malas, sikap sekolah yang mengutamakan pelajar terbaik sahaja bagi menjaga rekod keputusan peperiksaan sekolah dll. Murid yang tercorot dibiarkan tercorot.

7. Adalah lebih tepat kalau subjek matematik dan sains diajar dalam Bahasa Melayu, yakni dalam bahasa yang sudah difahami pelajar. Pada masa yang sama guru tanpa perlu tunggu arahan Kementerian, mewujudkan dan menggerakkan subjek kokurikulum baru “English for Science & Technology (EST)”.

8. EST boleh dijalankan sebagai Extensive Reading Programme, melibatkan kaedah TUNAS EHSAN dan menggunakan buku teks sedia ada dalam Bahasa Inggeris sebagai bahan bacaan atau “class readers”. Memang banyak software tetapi kita perlu mula dari asas, iaitu mengajar membaca menggunakan hardcopy. Ini sebenarnya lebih mudah kerana buku yang digred banyak mempunyai audio/boook set.

9. Memandangkan pelajar yang kukuh dalam bahasa pertama akan mudah menguasai bahasa kedua, pelajar yang diwajibkan mengambil EST hendaklah terlebih dahulu mendapat A dalam Bahasa Melayu, sebagai “prerequisite”.

10. Jadi kalau semua sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu, dan pada masa sama menjalankan program EST di mana pelajar digred mengikut ujian amali kebolehbacaan, maka sekurang-kurangnya pelajar yang di pilih ke sekolah elit terdiri dari mereka yang bukan sahaja A dari segi teori tetapi fasih membaca dari segi praktik.

11. Dasar PPSMI dirangka dengan niat yang baik tapi beserta dengan keghairahan Pegawai (kerana ini bererti lebih banyak dana yang mereka boleh uruskan, lebih banyak kontrak baru) melaksanakan tanpa mengambil kira pendapat dan perasaan guru di sekolah, dan ibubapa di rumah serta realiti di lapangan. Setiap kali Dasar di ubah perbelanjaan besar diperuntukkan bukan sahaja dalam menyediakan Bahan dan Latihan tetapi juga memberi elaun galakan dsbnya. Kenapa gagal juga sedangkan melibatkan perbelanjaan besar? Ini ada kaitan dengan sikap guru yang malas menyiapkan kebolehan diri seperti yang dituntut oleh dasar, malah dalam banyak situasi di sekolah tumpuan kepada peperiksaan menjadikan semua dasar tertakluk kepada ritma peperiksaan, dan dipengaruhi oleh tekanan dari ibubapa untuk seberapa banyak A dan mendapatkan tawaran dari Sekolah Elit untuk anak-anak.

12. Kementerian boleh terus mengambil sikap kepala dalam pasir / “heads in the sands”, tetapi apa yang sudah berlaku dan pencapaian sebenar tidak boleh diubah hanya dengan menggilap laporan (spinning) untuk kepentingan politik tertentu. Ia mesti diubah dalam kontek “fine-tuning” bagi mendapat konsensus dan menyelesaikan polemik. Amat pelik kita belajar bahasa dengan mengambil sikap tak boleh membaca dalam bahasa itu tidak apa asal dapat A dalam peperiksaan. Kemudian datang gagasan tikus baiki labu bergelar PPSMI – sudah jatuh ditimpa tangga kita – murid itu kemudian diperlu belajar sains dan matematik dalam bahasa yang mereka masih menggagau. Tidak apa kalau mereka tidak faham dan diajar pula oleh guru yang sama ada malas atau malu melaksanakan dasar kerana tidak memiliki kebolehan dalam bahasa itu, malah hanya akan mengajar kalau diberi elaun imbuhan.

13. Pelajar yang tamat persekolahan rendah dan mempunyai kefahaman dalam sains dan teknologi kerana diajar dalam bahasa yang difahami, dan pada masa yang sama mula melatih menggunakan bahasa kedua bagi penggunaan peringkat lebih tinggi, akan lebih yakin mengharungi subjek itu di masa hadapan.

14. Pelajar yang dimomokkan oleh dasar PPSMI kini hilang peluang memantapkan ilmu sains pada umur muda, bak kata orang 'yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran'. EST boleh membetulkan arah asal dasar kerana kemahiran membaca yang digred dan dinilai akan membawa dinamika baru dalam budaya sekolah. Memandangkan guru juga sebahagian dari punca masalah kita tidak perlu ubah dasar tetapi ubah sikap guru dan ibubapa. Kalau ada program membaca seperti Tunas Ehsan sebagai sebahagian dari keperluan aktiviti pembelajaran, dan keupayaan ini pula digred dan diberi markah, dan perlu pula untuk mereka yang berminat ke sekolah asrama penuh, tentu kebolehan membaca merubah pemikiran pendidik, **SEBAB MEREKA PERLU PANDAI BACA BAHAN ITU TERLEBIH DAHULU SEBELUM MENGAJAR MURID MEMBACA**. Kaedah ini boleh menentukan murid digred melalui pertandingan membaca sebagai sebahagian dari 'school-based assessment'. Ketelusan mana-mana sekolah yang mengred, sama ada kerana acuh tak acuh, silap atau bias akan diketahui jua nanti apabila murid mereka tidak lulus oral/reading test untuk ke asrama penuh.

15. Guru perlu bangkit dan "fine-tune" dasar dengan menggunakan "common sense approach" sekiranya mereka sayang akan pelajar, dan tidak memburukkan lagi keadaan dengan melihat sahaja atau mengambil sikap terikut-ikut seperti 'si luncai terjun dengan labu-labunya'. Kaedah Tunas Ehsan [<http://www.akademiterrabaca.blogspot.com/>] berjaya membuktikan murid yang diajar membaca secara praktik, berstruktur, bermatlamat, digred dalam suasana seronok dengan bahan menarik akan terus melonjak keupayaan mereka, dan paling penting minat dan semangat baru dapat dilihat kerana mereka kini berupaya membaca dengan fasih dan mudah memahami dan mudah pula menguasai bahasa itu. Malah guru-guru kelas kepada pelajar yang melonjak hasil dari kaedah Tunas Ehsan memang mengakui ketepatan cara tetapi tetap masih mahu terikat dengan format peperiksaan. Mereka seolah-olah takut menggunakan rukun linguistik yang sepatutnya bagi pengajaran bahasa mana sekalipun, konon tidak boleh ubah cara kerana takut Jabatan Pendidikan Negeri mengambil tindakan. Apatah lagi ada JPN yang kenakan bayaran atas module yang dipaksa digunakan oleh sekolah. The student is no longer the syllabus.

16. Kalau ibubapa yang hantar anak ke kelas Qur'an tentu sekali mahu dipastikan terlebih dahulu dihantar kepada mereka yang dapat membaca dengan tepat dan fasih. Jadi langkah pertama ialah seperti Tun nyatakan "...kanak-kanak berkumpul di keliling guru (ustaz) di masjid dan membaca Al-Quran dan kitab-kitab dengan suara yang nyaring..." Ini perlu bagi semua bahasa. Kefahaman ialah proses susulan. Kajian ke atas sikap murid sekolah rendah sehingga pelajar peringkat universiti kita menunjukkan mereka tidak merasa pelik kalau mereka tidak dapat membaca basic english sekalipun. Mereka sudah dibesarkan dalam non-reading required environment; tidak perlu guna lidah untuk belajar bahasa. Salin 500 perkataan, cari makna dalam bahasa Melayu, teka jawapan ABCDE. Itu conditioning yang telah dilalui sepanjang zaman persekolahan. Bagi sains dan matematik pula boleh pilih menjawab dalam Bahasa Inggeris dalam UPSR tetapi mujur ada kertas soalan versi bahasa Melayu. Jadi boleh baca versi Melayu dan dengan bangga tanda jawapan dalam Bahasa Inggeris sehingga membolehkan Kementerian mengumumkan peningkatan pelajar yang menjawab dalam Bahasa Inggeris.

Whether nangka or jackfruits, we are barking at the wrong trees.

wari66's Gravatar wari66

June 15, 2009 at 11:05 am | Permalink

Salam Tun,

jangan terlalu sensitif pasal ilmu. Tun hanya lihat ilmu orang yang dok kat ateh jer. Ilmu orang yang dok kat bawah ni camner?

Ilmu bawak teks, ilmu kimpalan, ilmu baiki kereta, ilmu wiring letrik, ilmu plaster syiling dan lain-lain.

Tun tau tak? nak pasang heater kat rumah, cina tu mintak RM200.00, tu baru upah, belum harga barang lagi...

Pasang paip kat rumah RM800 – RM1000.

Yang tu pun ilmu gak... tapi orang kita jarang ada, mat indon pun lagi pandai.

Memang belajar mende tak relevan ni. Memang buang masa.

Tun tau tak? ramai juruteknik yang berpendapatan lebih dari jurutera (baru).

Tun selalu tengok langit, tapi jarang tengok bumi.(kat situ kita nak pi nanti)

Belajar sejarah.... tak dak sapa nak praktikkan ... lagi pun nak praktik apaaa?

orang yang belajar sejarah kat universiti pun ... cam buta sejarah jer. Pastu putar-belitkan sejarah...(anwar berahim, hindraf, karpal singh dll....)

Belajar kimpal... leh kimpal kereta kemek ... kurang-kurang RM300(tu paling kurang tu...)

Saya ingat nak susun batu-bata buat rumah, tak yah bahasa inggeris kot? yang ni RM3000 – RM100,000.

Jadi... ilmu = duit

tun pun pernah cakap dulu, jadik PM ni tak leh kaya cam orang busines kan?

Kedai baiki kereta kat rumah saya.. RM20,000 untung sebulan....

Banyak lagi la contoh saya leh kasi.... Lu PK la sendri....

Eh... lupa lak... guru silat saya, ngajar sampingan.... mau masuk RM2000 – RM3000 sebulan duit tepi....

ilmu gak tu....

FAUDZI's Gravatar FAUDZI

June 15, 2009 at 10:10 am | Permalink

Salam sejahtera TUN dan semua

sebenarnya isu PPSMI ini dah terlampau dipolitikkan walaupun sudah terang lagi tersuluh bahawa ianya penting untuk bangsa malaysia. Matematik dan sains walaupun diajar dalam bahasa loghat daerah kelate, perak dan negori pun akan tetap ada yang tertinggal kecuali bagi yang berusaha keras untuk berjaya.

Justeru itu saya tidak nampak bahawa PPSMI akan menghancurkan bahasa malaysia dan jatidiri melayu bahkan ianya penting untuk kebaikan bangsa melauyu, cina dan india dan semua kaun dimalaysia.

kamal ahmad's Gravatar kamal ahmad

June 15, 2009 at 10:07 am | Permalink

Salam Ayahanda Tun.

Pak Lah, you remember

sujini's Gravatar sujini

June 15, 2009 at 9:41 am | Permalink

Salam Dr Mahathir,

Terdahulu saya mengucapkan tahniah diatas penganugerahan “Honorary Doctorate of Humanity” oleh Universiti Tek. Lim Kok Wing baru-baru ini.

Semasa zaman persekolahan saya dulu ('60an-'70an) sistem pelajaran adalah berbeza bila dibanding sekarang. Semasa saya menduduki peperiksaan SRP pada tahun 1969, mata pelajaran ilmu alam (geography) dan sejarah adalah diwajibkan. Jumlah mata pelajaran yang wajib diambil hanya 9 sahaja. Pada tahun 1971 apabila saya menduduki peperiksaan MCE, walau pun saya dalam aliran sains tetapi mata pelajaran ilmu alam termasuk dalam kumpulan mata pelajaran (subject grouping) yang wajib diambil. Jumlah mata pelajaran saya ambil hanya 8 sahaja.

Apabila tiba zaman persekolahan anak-anak saya ('90an), MCE sudah ditukar menjadi SPM. Maka terdapat pula sistem dimana penuntut-penuntut boleh mengambil lebih daripada 10 mata pelajaran semasa peperiksaan SPM. Saya tidak tahu pula bila masa Bahasa Inggeris tidak termasuk dalam kumpulan mata pelajaran yang wajib lulus.

Pada pendapat saya , ini adalah gara-gara pentadbiran tiap kali bertukar Menteri dan Perdana Menteri. Jika Menteri dan Perdana Menteri yang bersikap acuh tak acuh tentang pembelajaran anak-anak Bumi khususnya maka hasilnya mereka tidak kenal siapa itu Chin Peng. Mereka tidak tahu kenapa Singapura di dikeluarkan dari Malaysia. Mereka tidak tahu dimana letaknya Sarawak dan Sabah.

Oleh itu jangan salahkan anak-anak kita jika mereka tidak mengetahui sejarah negara sendiri mentelah lagi sejarah dunia .Tetapi salahkan pemimpin-pemimpin Melayu sendiri yang sentiasa bermurah dan berlembut hati untuk menunai segala permintaan kaum minoriti yang pada dasarnya bila diberi peha nak betis dan langsung tidak bersifat terima kasih.

icucu tok buyung's Gravatar icucu tok buyung

June 15, 2009 at 8:00 am | Permalink

TUN.

Sekarang heboh pasal bahasa dalam sistem pendidikan negara.

Saya syorkan kita kembali pada sistem 60han dan 70han. Siapa yang belajar di peringkat menengah ketika itu pasti maseh ingat. Waktu itu ada dua aliran di peringkat menengah, aliran Melayu dan Inggeris. Terpulang lah pada ibu bapa nak hantar anak2 mereka di aliran mana. Ini akan lebih adil. Dan juga dapat memuaskan hati semua pehak. 'Win win situation'.

Ketika itu tak timbul apa2 masalah pada pelajar untuk meneruskan pengajian mereka. Malah kedua2 aliran ini telah berjaya bersaing dan telah ramai berjaya di peringkat universiti. Malah sijil2 di peringkat MCE atau SPM termasuk lah HSC dan STPM ketika itu amat tinggi nilai nya jika di bandingkan dengan sijil SPM dan STPM hari ini.

Ketika itu semua jawapan di buat secara subjektif bukan objektif.

Sekarang main gores dan menang.

Malah mata pelajaran nya pun cukup menarik. Ada pelajaran sejarah, ada geography ada sains pertanian(Agriculture science}ada sains kesihatan(Health Science} untuk subjek pilihan. Cuma ada cuma 2 aliran. Aliran sains dan sastera . KIni ada perdagangan, akaun, seni dan entah apa2 lagi.

Entah apa yang berlaku selepas itu sistem pelajaran di tukar pada satu medium saja. Dan jawapan soalan banyak di buat secara objektif.

Untuk tidak 'bergaduh' antara rakyat dan kerajaan sistem ini dapat menyelesaikan kemelut yang dah berlarutan dan mengarut ini. Semua pihak nak mengikut rasa masing2 untuk memperjuangkan fahaman politik

bukan untuk masa depan anak2 mereka.

Tepuk dada tanya selera. Nak hantar anak belajar om puteh ker atau bahasa kebangsan. Biarlah mak bapak buat pilihan. Selesai masalah.

Kerajaan hanya menyediakan guru2 terlatih dan mahir dalam bahasa om putih ni. Kalau tak ada guru tempatan, import dari Australia, Britain dan India.

Semasa saya di tingkatan 4 dan 5, guru bahasa Malaysia ialah Mr Sharma. Bila dia sebut 'Merah' bunyi nya 'Mere'.

Awang Teypin's Gravatar Awang Teypin

June 15, 2009 at 5:47 am | Permalink

Salam Sejahtera Tun,

Sistem Persekolahan atau pelajaran di negara ini telah mengalami pelbagai perubahan. Di ubah di rombak konon nya demi untuk kemajuan se iring dengan kehendak semasa.

Dah menjadi satu tradisi pula setiap kalinya tukar Menteri Pelajaran. Ada saja lah benda yang hendak di 'Fine Tune' nya konon. Kalau seponon pokok dengan bagini caranya di 'Trim'. Saya kira dah tinggal batang dan cabang saja yang boleh di-ubah-suai. Kerana daun-daun nya dah habis di trim.

Pada lewat enam-pulohan dulu, pada darjah empat. Kami telah di perkenalkan matapelajaran "Geography" dan "History" di sekolah aliran Inggeris pada ketika itu.

Pada peringkat Menengah pula Sijil L.C.E./S.R.P. pun masih BerBisa lagi.

Bila peringkat Sijil tersebut di mansuhkan. Maka bermula lah pelbagai Kaedah sistem pelajaran di cuba guna pakai, itu dan ini. Sehingga kini masih tak kena-kena juga. Masih tak sesuai di-pakai. Entah bila kah Sinderom ini akan berakhir.

Cikgu atau Guru-Guru dulu tak lah sehebat sekarang..berMaster,berPHD..!! Zaman tu Uztazah keSekolah masih berkebaya dan tak bertudung.”Roti Panjang” atau rotan masih di kuat kuasa lagi.

Tapi bila makin maju, makin bertambah bijak dan pandai. Genarasi yang terkemudian ini menjadi mangsa.Bahan eksperimen ,sistem itu ini yang tak kena-kena.Entah kemana hala tuju nya. Dari satu hala kini dah semacam,berhala-hala di tambah dengan lorong -lorong “No-Entery”. Ianya langsung tak boleh di sentuh-masuk..!!

Pada awal '70an Yang Berbahagia Tun pun pernah menjawat Potfolio tersebut. Maka saya kira Tun pun ada melakukan “Fine Tuning” demi untok memperkasa dan memperhebatkan sistem yang ada ketika itu.

Dewasa ini pula,kadang-kadang perubahan itu terlalu drastik,”Flip-Flop” semacam tiada TANDA Aras kemana hala kah yang sepatutnya ditujui..!!

Adakah negara ini tiada Dasar yang perlu dijadikan garis panduan yang mana mesti . Mahu atau tidak mesti...wajib di ikuti.

Jangan lah Berlembut sangat...!!!

Wassalam. Terima Kasih.

kamal ahmad's Gravatar kamal ahmad

June 15, 2009 at 4:52 am | Permalink

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. Good morning Tun. I think that the government is just trying to find the best venue and the best way to let you down easy on the teaching of math and science in English. All the public feedback and channels into the pro's vs. con's of making English an un-compulsory subject is just diversion issue. At the end of the day, this is what happens when we put a

che dot's Gravatar che dot

June 15, 2009 at 4:05 am | Permalink

salam Tun,

moga allah memberi rahmat ke atas Tun,pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kerana berjaya mengurus tadbir negara dengan baik sepanjang berkhidmat.

cuma kesal dengan perubahan minda dan gaya hidup yang sangat membimbangkan,lebih-lebih lagi anak-anak muda.walau bagaimanapun yang positif adalah amat baik sekali cuma yang berjaya tiada kejujuran sehingga hilang perasaan ikhlas dalam memajukan dan menghulurkan bantuan untuk kejayaan diri dan orang lain.Wang adalah segala-galanya.

perkara berkaitan pendidikan amat membimbangkan diri saya kerana pada amatan saya,kita mempunya begitu ramai tenaga pengajar tetapi bila politik lebih berat terjerumus dalam kancah pendidikan samada dari segi luaran atau dalaman akan menyebabkan masing-masing tiada keikhlasan dalam memperjuangkan agenda bangsa dalam pendidikan.Masing-masing ingin memajukan diri sehinggakan sanggup memilih jalan yang tidak manis,sehingga menimbulkan perasaan kecewa bagi orang lain.

bebaskan sistem pendidikan dari cengkaman politik yang boleh merosakkan nilai-nilai murni yang ada di dalam pendidikan negara. Pembangunan seharusnya seimbang di antara sahsiah dan material.

During my sec. school time,I still remember my headmaster told us tat we can only take up 10 papers max, then when result cameout and saw from newspaper that someone got 14As! Y the examination board allow such things to happen?? Where’s the standard?? And now only they’re talking about 10subjects standardisation. Malaysia Education system was too slow compare to the children now. Nowadays children/students are much more clever & smarter, thanks to technologies (4 yrs old child playing Sony PSP!! whereby we still playing guli in older times)... Our education system should lift up the speed and follow the current pace!

Dear AbdRahman,

I disagreed with your opinions. I believe english language nit to learn from young. It’s wrong for you to translate into BM for your children. You should teach them to run through the conventional dictionary then only they able to know the words. I knw it’s a painful process but it’s good for them. Hence, teaching English Language in Secondary school would be too late for them. The students will even find harder to adapt into english teaching environment when they too use to BM during primary school especially science and maths subjects which I found english terms sounds more logical than in BM.

During my time when Science and Maths are still in BM, I seriously felt a pinched when I move to university when taking science subjects. Not only myself but same goes to my peers except for some PJ fellas whom studied in English Ed school.

I always taught my english command was bad but when I conduct interviews with potential candidates, i'm shocked that their english speaking are much more worst!! No wonder, the Asia-pac helpdesk center are moving towards Philipines and India as Malaysia English speaking was sux, thanks to the Education System in Malaysia...

anakbudu3's Gravatar anakbudu3

June 25, 2009 at 10:53 am | Permalink

Assalamualaikum Ayahnda Tun n Bonda,

Agak lama tak menjenguk ke sini, 'cable' kena curi hampir sebulan dah, line fon di umah masih terputus, nak ambil peluang masa rehat ni untk memberi pandangan tentang isu sistem pelajaran kita yang makin dihangatkan oleh mereka yang rata-rata lahir dari sistem yang wujud dari dulu hingga kini...

MENGAPA ADA YANG TERLALU NEGATIF TERHADAP GURU? Tak sedarkah mereka yang telalu jengkel pada guru ni, BOLEHKAH KAMU MEMBACA, MENULIS DAN MENGIRA hari ini jika tidak kerana GURU? BOLEHKAH KAMU BEKERJA, MENDAPAT GAJI, MENYARA KELUARGA TANPA DIDIKAN GURU? Memang manusia mudah lupa, jasa guru yg amat besar dilupakan seolah-olah sebaik lahir saja manusia ni dah pandai membaca, menulis ,mengira....

Janganlah jadi manusia yang lupa jasa orang lain terutamanya GURU. Patutlah ada yang senang lenang tapi tidak senanghati dan beriman...

Semoga Ayahnda n Bonda n semua yang sentiasa bersyukur dan ingat jasa n berterimakasih kepada ibubapa n guru diberkati Allah SWT...

Wassalam.

saifulddin's Gravatar saifulddin

June 24, 2009 at 5:17 pm | Permalink

salam tun...

sekali lagi saya tertarik dengan isu "sekolah" ini kerana kadang-kadang hal in agak menggelikan hati..

apa sebenarnya tujuan persekolahan jika semuanya "ditapis" dan dimana relevennya penapisan itu.

saya mewakili generasi muda menyokong 100% apa yang diperkatakan oleh tun...

kita perlukan pemikir sperti tun,kita tahu kehebatan tun jadi kenapa kita ingin menyangkal idea bernas dari mulut beliau ini...

fikirlah wahai bangsaku dan andai betul melayu mudah lupa,mulalah menulis nota & memo agar kita sentiasa ingat...

kijang's Gravatar kijang

June 24, 2009 at 12:21 am | Permalink

Salam buat Tun & Keluarga....

Kenapa semasa Tun menjadi PM dulu tun tidak menyuarakan pasal hal hal ni,sekarang tun sudah terlewat,tiada kuasa lg.Semasa pemerintahan Tun,saya ada belajar disebuah institut (MLVK)di Pantai Timur semenanjung di bawah Jabatan Tenaga kerja/pembangunan kemahiran(Kementerian Sumber Manusia).Kononnya untuk mengejar cita2 dan kerjaya yang baik.Dengan menggunakan nama Basmi Kemiskinan Kelantan,ramai yang pemuda pemudi yang mengikuti kursus di sana.Tapi ape yang terjadi sebaliknya,tiada apa yang dapat saya timba dari sana,kosong!yang ada hanya lah hutang RM5000.00 dengan tabung Pembangunan Kemahiran semata untuk membayar kepada pengusaha kolej tersebut.Kenapa begitu? Sebab kerajaan besekongkol dengan pihak pengusaha kolej tersebut.Dengan menggunakan nama tertentu semata mata untuk mengaut keuntungan dari mereka yang miskin.Saya teramat kecewa sehingga sekarang walaupun sudah 7tahun berlalu.disini saya ternampak kepincanganya.Sekarang pemilik kolej sudah mampu menjadi wakil rakyat di kawasan saya.(Alwi ahmad,DUN KETEREH Kelantan).Adakah menteri sumber manusia pada masa itu Datuk Fong Chan Onn terlibat? Yaa..dengan kain rentang yang besar dirasmikan oleh beliau,ramai yang berminat.selepas habis belaja,tiada apa yang saya dapat.cuma sesalan sebab ada hutang.Ini terdapat unsur penipuan.Sampai mati pun saya tidak akan undi beliau.Kementerian seharusnya telus & proaktif dengan tugas.

Tun seharusnya mencadangkan hanya satu jenis sekolah sahaja untuk sekolah rendah.Tidak perlu SJKC/SJKT.Untuk mengeratkan kaum di malaysia.Pada usia sebegini kanak2 tidak tahu apa2 tentang kaum atau apa2 persoalan.Kerajaan harus tegas.Biar lambat asal selamat.

Setelah itu,ajarlah dalam bahasa Inggeris.

HENTIKAN KEMASUKAN PEKERJA ASING KE MALAYSIA.

TQ

2now's Gravatar 2now

June 23, 2009 at 8:15 pm | Permalink

Apabila Tun melaksanakan polisi PPSMI ini, banyak orang terkejut akan keberanian Tun melakukan sesuatu dasar yang begitu drastik. Kerana tindakan Tun sebelum ini demi rakyat dan negara, tiada yang berani menolaknya. PPSMI telah menyedarkan pelajar dan pihak sekolah tentang kepentingan penggunaan Bahasa Inggeris, bukan sekadar suatu mata pelajaran tetapi penting dalam pengajian ilmu seperti juga dalam Bahasa Melayu. Banyak insentif dan galakan telah diberikan kepada pelaksanaannya. Namun demikian, seperti apa yang biasanya berlaku, dasar PPSMI ini baik tetapi pelaksanaannya tidak. Kegagalan PPSMI yang telah berjalan 6 tahun lamanya bukan kerana pelajar kita lemah tetapi akibat pelaksanaannya di'sabotaj' oleh sesetengah pelaksana dasar. Misalannya, guru-guru yang mengambil bayaran insentif tidak mahu membaiki diri mereka mengajar dalam Bahasa Inggeris tetapi terus mengajar dalam bahasa lain dengan alasan pelajar tidak faham. Pensyarah universiti (ini amat memalukan kita, Tun) tidak boleh mengajar konsep sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris. Apatah pensyarah-pensyarah sebegini tidak pernah membentang sebarang kertas kajian di luar negara. Dalam masa 2 minggu ini, mungkinkah kita akan terpalang ke belakang setelah ditolak ke depan oleh Tun? Adakah orang Melayu mesti sentiasa menolak pembaharuan dan angkuh bahawa dunia sentiasa berpusatkan di sini? Adakah kita akan mencontohi Myanmar dalam hal ini? Atau adakah pemimpin kita takut orang di luar bandar maju dan akan menjadi lebih fasih Bahasa Inggeris? Kita sudah 52 tahun merdeka, apakah anak-anak kampung kita masih tidak dapat dibangunkan?

Zulfadzli's Gravatar Zulfadzli

June 23, 2009 at 5:02 pm | Permalink

Salam Tun yang amat dihormati,

saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana mengurniakan tanahair ini dengan seorang ahli fikir terulung seperti Tun. Setiap kali membaca dan mendengar tulisan dan penuturan Tun, jantung saya berdegup kencang. Terima kasih Tun kerana masih lagi berjuang di usia sebegini.

Sistem dan dasar pendidikan di negara ini tidak ada cacat celanya. Ang cacat cumalah pelaksanaannya. Saya berani bertanggungjawab untuk menyatakan bahawa golongan guru menyumbang kepada kegawatan sosial ini. Permasalahan utama kita ialah generasi kecil masakini yang dididik oleh golongan guru masakini tidak memiliki fundamental pengetahuan yang kukuh.

Sukacita sekiranya Tun dapat melawat blog saya di <http://reformasimindaguru.blogspot.com> untuk pembacaan lanjut.

Sekian, wassalam.

Semoga Tun sihat selalu

ah_huat's Gravatar ah_huat

June 23, 2009 at 10:58 am | Permalink

Dear Tun,

One of the greatest failures of the past two premierships of Tun Dr. Mahathir Mohamad (for 22 years) and Tun Abdullah Ahmad Badawi (Tun Abdullah) was their failure to enhance the country

Go_Forward's Gravatar Go_Forward

June 23, 2009 at 10:38 am | Permalink

Assalam alaikum

YABhg Tun Dr. M

Saya bukanlah seorang yg high education, tetapi saya sedar dan maklum akan kepentingan bahasa inggeris dalam pembelajaran persekolahan.

Tiada sebarang kerugian jika semua subjek pun dikendalikan didalam bahasa inggeris kerana ketika zaman kedua ibubapa kita bersekolah dahulu zaman 50an kebanyakan subjek diajar didalam bahasa inggeris, ketika itu SPM (sijil pelajaran malaysia) dikenali sebagai MCE, (Malaysia Certificate Education) hingga kini mereka masih boleh mahir bertutur dalam bahasa inggeris, padahal ader yg sudah berusia 60-70an.

Jadi apa masalahnya untuk anak2 muda kita belajar. sedang lagu2 bahasa inggeris pun mereka boleh hafal sedangkan maksudnya langsung mereka tak faham(ada yang maksudnya tak senonoh tetapi mereka seolah bangga menyebutnya) ini kerana apa?...kerana MEREKA TAK FAHAM MAKSUD Jadi adakah kita mahukan anak bangsa kita jadi seperti itu, pandai jadi ikut-ikutan sahaja tanpa ada arah tujuan.....kenapa hanya anak bangsa melayu sahaja yang banyak punyai masalah ini.....yang takut pembaharuan padahal...ini adalah persediaan generasi kita untuk masa depan supaya seganding dengan kemajuan dunia....mahukah kita hanya dikenali sebagai bangsa yang tidak mahu memajukan diri. Well ini baru soal Bahasa.....saya sokong comment

ah_huat on June 22, PPSMI should GO FORWARD.....

sisi diri's Gravatar sisi diri

June 22, 2009 at 6:37 pm | Permalink

dont forget

malaysia history for malaysian

and islam history for muslim

this history things is quiet important so that our next generation would not forget..and they can denied every each lies from outer malaysia if they had learn from history

history always important!!

ah_huat's Gravatar ah_huat

June 22, 2009 at 5:49 pm | Permalink

Dear Tun,

One of the greatest failures of the past two premiership of Tun Dr. Mahathir Mohamad (for 22 years) and Tun Abdullah Ahmad Badawi (Tun Abdullah) was their failure to enhance the country

Gendut's Gravatar Gendut

June 22, 2009 at 10:13 am | Permalink

Salam buat Tun & Keluarga....

“Ada Sijil Takde Ilmu..”

menarik tu.....tapi nak buat cam ne.....dah jadi budaya....nak keje tengok sijil.....nak kawin tengok sijil.....mati pun ade sijil.....tak de yang tangye mana ilmu nak keje.....mana ilmu nak kawin.....mane ilmu nak mati????

“Belajar Sejarah????”

1.Siapa yang MENGHAPUSKAN matapelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia.....?

2. Apa yang menyebabkan matapelajaran Sejarah dihapuskan?

3. Mengapa ianya dihapuskan

4. Bagaimana ianya dihapuskan.....

Ini semua SEJARAH..... sepatutnya mereka yang menghapuskan matapelajaran SEJARAH yang dipertanggungjawabkan atas BALA yang menimpa mudamudi kita hari ini..... Mereka BUTA sejarah... Mereka TULI sejarah..... Mereka BISU sejarah..... yang lebih teruknya..... mereka mengambil "Ikut Suka Aku" mengikut fahaman mereka.

"Sistem Pendidikan Malaysia"

1. Tempat "Eksperimen".....(Banyaknye tak berjaya)

2. Tempat "Baby-Siter".....(7.00 – 7.00)

3. Tempat "Melonggokkan Kesalahan".....(jika berlaku kemudian hari)

4. Tempat "Membuat Pemulihan".....(ada masalah-sekolah yang salah)

5. Tempat "Menghimpunkan segala penyelesaian masalah".....(sampaikan masalah nak jaga anak pun diserahkan kat sekolah)

6. Tempat "Mak Bapak Cari Kesalahan".....(mereka yang tau anak mereka baik....je)

7. Tempat "Wartawan cari berita Sensasi".....(paham-paham jelah....)

8. Tempat "Ahli politik menyebarkan pengaruh".....(nak jaga pengundi...le kunun)

9. Tempat "Segala macam perangai manusia".....(1 kelas – 45 pelajar – 1 guru – 1 Malaysia)

10. Tempat "Segala Macam Perancangan".....(.....nak kejar nama)

dan macam-macam lagi.....

maaf jika ada yang ter"CILIP".....

Pernah tak kita.....

1. Menyelami masalah yang dihadapi oleh GURU

2. Bertanyakan tentang "BEBAN" yang mereka galas

3. bertanya Harapan mereka pada pelajar-pelajarnya?

4. berterima kasih kerana memberikan ilmu walaupun "A" kepada anak-anak kita

5. cuba Bantu mereka dan bukan Menghentam mereka

MEREKA CIKGU

mereka adalah manusia yang berhadapan dengan manusia-manusia.....

mereka adalah manusia yang sentiasa berkhidmat kepada manusia-manusia.....

mereka adalah manusia yang sentiasa menerima dan mematuhi arahan dari manusia-manusia.....

mereka adalah manusia yang sentiasa mahu menjadikan manusia sebagai manusia

mereka adalah manusia yang sentiasa mahukan manusia bersikap manusia terhadap mereka dan manusia-manusia

mereka adalah MANUSIA

terima kasih CIKGU

gendut...22/6/2009 (1020 am)

mgpunya's Gravatar mgpunya

June 21, 2009 at 8:29 pm | Permalink

YABhg Tun,

SEKOLAH:

..orang lain dah buat berpuluh – puluh aneka jenis kek. Bertingkat – tingkat. Kita masih tak habis – habis bertengkar pasal ramuan kek yang perlu ada dalam kek yang hendak kita buat....

Anak walid's Gravatar Anak walid

June 21, 2009 at 4:45 pm | Permalink

assalamualaikum....

Setelah membaca segala komen di atas, saya rasa teruja untuk menulis pandangan saya tentang masalah pendidikan di negara kita. Pelbagai pihak menulis, ramai yang menulis tentang punca masalah, cadangan memperbaiki, menyalahkan antara satu sama lain, mempertikaikan subjek2 tertentu yang tidak relevan dan etc...

Semua yang menulis ini dari pelbagai latar belakang, dari yang profesional hinggalah surirumah tangga sepenuh masa, tahap pendidikannya pula, dari profesor hinggalah setakat lulus darjah 4, sekolah melayu tahun sebelum merdeka. Semua pandangan mereka ini tidak boleh diketepikan kerana semua mereka ini berpengalaman dan telah melalui dasar pendidikan negara ini sendiri.

Namun bagi pihak di atas, mereka perlu mengakui bahawa amat senang untuk menulis komen2 tersebut, tetapi bagi pihak yang bertanggungjawab menggubal dasar dan pihak yang melaksanakannya(GURU, SEPERTI SAYA) lebih memahami dan merasai masalah sebenarnya. Jadi di sini saya ingi menulis dua perkara berkaitan masalah pendidikan ini iaitu, 1. punca masalah dan 2. cadangan untuk mengatasinya.

1. PUNCA

Punca masalah yang utama sekali ialah dasar pelajaran yang mahukan 60% pelajar mengambil bidang sains di sekolah. Disebabkan dasar ini maka pelajar yang tidak mempunyai kelayakan yang baik diperingkat SRP atau PMR dipaksa mengambil bidang sains diperingkat SPM. Mereka ini dipaksa belajar subjek Biology, Physics, Chemistry dan Additional Mathematics. Disebabkan golongan ini maka kualiti subjek sains tulen terpaksa diturunkan untuk memastikan mereka ini boleh lulus. Pengalaman saya belajar dan mengajar subjek Add Math memberi ruang untuk

saya menilai. Pada masa sekarang pelajar yang hanya mendapat markah 40 hingga 60 peratus diperingkat peperiksaan sekolah mampu mendapat A1 dalam peperiksaan SPM, sedangkan di zaman persekolahan, saya tidak pernah memperoleh markah kurang dari 70% subjek ini tetapi tidak berjaya mendapat A1 dalam SPM88. Pada tahun tersebut di sekolah saya (sebuah sekolah berasrama penuh) tidak sampai 10 orang yang berjaya memperoleh A1 bagi subjek tersebut.???!!!. Ada dua kemungkinan? pertama mungkin kandungan subjek itu sekarang dipermudahkan atau kedua mungkin guru2 sekarang lebih bijak membuat analisis dan mengambil langkah bijak untuk memastikan pelajar mendapat A1.???(diminta mereka yang menyatakan guru2 sekarang kurang berkualiti berbanding dulu untuk memikirkan kemungkinan ini).

Dasar 60% sains ini juga memberi kesan yang buruk kepada bidang sastera kerana jika anda berpeluang ke sekolah dan mengambil sedikit masa membuat penilaian, lihatlah siapakah pelajar2 yang duduk di kelas tersebut. Mereka ini adalah dari golongan yang tercorot malah ada yang masih tidak tahu membaca walaupun sudah berada di tingkatan 4.(Bukan semua, tapi sebilangan besar).

INILAH REALITINYA.....

2. CADANGAN MENGATASI

-Kembalikan sistem seperti dulu.

-Pastikan pelajar yang layak sahaja mengambil matapelajaran sains tulen.

-Pastikan pelajar yang layak sahaja berjaya memperoleh A.(Naikkan % untuk mendapat A dalam semua peringkat, UPSR, PMR dan SPM).

-Kembalikan peranan sekolah sebagai sumber utama dengan membenarkan pusat2 tiusyen beroperasi hanya semasa cuti sekolah sahaja. Ini dapat menarik balik tumpuan guru2 kepada sekolah dan memastikan pelajar2 memberikan perhatian lebih kepada guru di sekolah kerana tiada opsyen lain.

-Memastikan penilaian terhadap guru tidak dibuat berdasarkan peratusan pelajar2nya mendapat A dalam peperiksaan sahaja tetapi haruslah menitik beratkan juga sahsiah guru, ketepatan waktu, kesungguhan mengajar dengan menghasilkan bahan ilmiah dalam subjek yang diajar. Libatkan guru dalam penyelidikan dalam bidang pendidikan. Wujudkan ruang dan saluran untuk guru membuat penyelidikan dan menyumbangkan bahan2 P&P serta jadikan ini sebagai satu alat untuk menganugerahkan kenaikan pangkat kepada guru.

-Kepada ibubapa, jangan memandang rendah kepada guru hanya kerana mereka ini hanya guru. Didik anak2 anda supaya menghormati guru walaupun anda tidak mengharapkan anak2 anda hanya menjadi guru sahaja tetapi menghormati guru amat penting dalam memastikan anak2 anda menjadi lebih dari hanya guru. Jika ada masalah yang timbul melibatkan guru anak2 anda, bincangkannya secara tertutup. Inilah yang diamalkan oleh ibubapa kita pada masa dulu. Walaupun ustaz atau ustazah yang mengajar agama dan mengaji Quran dikampung dulu tiada apa2 sijil pun, tetapi ibubapa tidak pernah menilai atau memandang rendah kepada mereka. Sebaliknya mereka tetap dihormati.

-Kepada guru, hayati peranan kita, jangan biar peranan kita diperlekehkan.

razi fauzan's Gravatar razi fauzan

June 20, 2009 at 11:05 pm | Permalink

asaalamualaikum tun,

standing in the eyes of the world,,tu zaman tun..tapi sekarang ni????

kijang's Gravatar kijang

June 20, 2009 at 5:37 pm | Permalink

Nurziani,

The most important things to develop our country is attitude, hardworking, integrity and blessing from Allah (s.w.t) even you cannot speak fluently in English. Just like Korea and Japan, they not focus on language but on attitude. The Malaysian problem is, they think all Malaysian must good in English, in any job interview, the panel need the applicants speak in English, even they very good in attitude and they got a good result. If they cannot speak fluently in English they were discriminate. That's why, our country cannot develop like Korea whereas in 70s, Malaysian and Korea same as develop country. Just think about that.

redazun's Gravatar redazun

June 20, 2009 at 12:14 pm | Permalink

Assalamualaikum kepada Tun

saya amat bersetuju dengan ayat tun”ada sijil pun x ada ilmu apa guna nya” tertarik saya dengan ungkapan itu

pelajar zaman sekarang terlalu ramai yang bijak di atas sijil dan amat daif dalam keadaan sebenar,sebenarnya berani saya katakan kebanyakan mereka yang bergelar bijaksana bukan kerana sijil kelayakan mereka tetapi kerana minat mengenai penerokaan ilmu,sebagai contoh saya mengambil pemikir dari Turki Harun Yahya ataupun nama sebenarnya Adnan Oktar,penyelidikan yang dijalankan oleh beliau sendiri cukup menarik dan bijak dengan kaedah penyelidikan yang berteraskan Al-Quran,namun beliau tiada sijil berjela dan kebanyakan pelajar nya ialah mereka yang memegang PHD dan master dari seluruh dunia

kaedah pembelajaran berkiblatkan “kaedah mudah dan cepat” semata-mata tanpa menyerapkan Ilmu yang terkandung di dalam sesuatu ilmu itu bukan lah cara yang sebenar menuntut ilmu,segala galanya bermula daripada kehendak untuk menuntut ilmu,ada murid malas,sekolah pun ponteng,cikgu x boleh harap,segalanya pun x berguna lagi.

jayasuriya's Gravatar jayasuriya

June 20, 2009 at 3:39 am | Permalink

salam kepada semua pembaca,

saya seorang bapa dan ayah kepada 3 orang anak. dan saya puas hati dengan system pendidikan yang sedia ada. konsep yang ditekankan patut dikekalkan. samada wajib atau tidak terhadap bahasa inggeris, itu tidak menjadi isu. Jepun tidak mewajibkan kepentingan bahasa inggeris begitu juga negara-negara eropah. Kenapa kita tidak patut mencontohi mereka?

yang penting bukan teknologi tapi cara penyampaian kepada murid, itu yang patut kita tingkatkan.

saya juga dapat menghafal al quraan gunakan disc tapi apakah ia berkesan...tidak. Kita masih perlukan guru-guru, bukan teknologi.

kalu anak-anak kita tidak dapat memahami, bukan salah guru-guru tapi diri sendiri kerana tidak membantu meluangkan masa terhadap perkembangan anak-anak.

Pihak sekolah bukannya polis bantuan atau pusat pemulihan akhlak. Bayar sudah le disubsidikan oleh kerajaan...tapi kita hendakkan first class treatment??? Mustahil....

Jadi pikirlah sendiri...kita yang patut insaf atau sebaliknya...

Yang nyata, pendapat pendapat mengatakan system sekolah ni telah kehilangan mutu, meleset sekali.

jesslim's Gravatar jesslim

June 19, 2009 at 5:30 pm | Permalink

i believe it's up to the initiative of a student to determine what he wish to learn. of course, we need to input the "right" teaching to their root as that will determine what is ought to be the "right" thing to do.

eddymanly's Gravatar eddymanly

June 19, 2009 at 4:46 pm | Permalink

Nonsense! anak mackik yang tak tau nama ibukota setiap negeri adalah masalah anak tu sendiri, itu bukan masalah sistem pendidikan. Tambahan pula, nama ibukota adalah general knowledge, kalau anak mackik sentiasa baca newspaper, majalah, tak kan tak kau kot nama ibukota negeri. Jadi, itu adalah masalah individu.

Some people always put the blame on the system, they dont blame the students who don't put enough effort on their studies. Disciplines is the key. No matter how good is the education system, the software, and the teachers, without sacrifices of time and effort by students, all are fruitless.

Saifuddin's Gravatar Saifuddin

June 19, 2009 at 3:20 pm | Permalink

Salam Tun,

Memang benar perisian komputer (software) mempermudah pembelajaran. Sistem pembelajaran menjadi sangat mudah dan capainya terbuka kepada semua (online). Tetapi persoalannya mutu kandungan software. Adakah software ini mampu menarik perhatian pelajar untuk belajar atau tertidur kerana mutu software yang teruk. Guru yang bersuara, menjerit dan bergerak kadang-kadang gagal menarik perhatian pelajar, inikan pula software yang dengan kandungan kaku.

Diketahui umum, kerajaan telah membelanjakan beratus juta RM untuk program Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, termasuk penghasilan software yang Tun maksudkan. Pernah tak Tun atau sesiapa lain melihat software yang dihasilkan?? Anak saya yang berumur 8 tahun langsung tidak mahu menggunakan software tersebut. Katanya

software tersebut membuatnya mengantuk. Isteri saya yang mengajar Darjah 1 mengatakan pelajar langsung tidak tertarik dengan kandungan software tersebut. Animasi content yang paling teruk pernah saya lihat. Education Software yang dibeli di IMBI plaza, berharga RM20 jauh lebih baik dari yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengajar Matematik dan Sains.

Jangan salah faham, saya tidak mengatakan penggunaan software untuk pengajaran tidak berkesan. Saya cuma nak tahu apa sebenarnya berlaku. Kalau sebuah syarikat yang bermodal USD100 ribu boleh menghasilkan kandungan software yang bermutu tinggi, kenapa software yang dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan bersama TM Smart School begitu buruk kualitinya.

Ini membuatkan saya terfikir, adakah terdapat unsur penyelewengan dalam penghasilan software atau syarikat yang diberikan kontrak membuat software ini sebenarnya tidak layak ataupun berlaku terlalu banyak sub kontrak dan akhirnya mereka yang membuat software tidak menerima peruntukkan yang cukup kerana terlalu banyak komisyen yang perlu dibayar untuk mendapat kontrak?? Saya tidak pasti. Apa yang saya pasti dengan peruntukkan yang begitu banyak oleh Kementerian Pendidikan, kualiti software untuk Matematik dan Sains haruslah bertaraf animasi Hollywood.

Kini, bila semuanya gagal, cara paling mudah untuk menampakkan program ini berjaya ialah dengan menurunkan kualiti pendidikan. Bila kualiti pembelajaran dan peperiksaan adalah rendah, outputnya lebih ramai yang lulus. Jadi semua akan katakan program Matematik dan Sains dalam Inggeris berjaya.

Saya tidak menentang pembelajaran Matematik dan Sains dlm Inggeris, tetapi **MERENDAHKAN KUALITI MATAPELAJARAN MATEMATIK DAN SAINS** untuk mengabui mata rakyat terutama ibu bapa kerana anak mereka mendapat gred yang baik dalam mata pelajaran ini adalah perbuatan khianat terhadap rakyat sendiri. Padahal gred A yang diperolehi tidak bernilai.

Saya terkejut melihat kandungan matapelajaran Sains dan Matematik darjah 2 anak saya. Banyak benda yang perlu dipelajari oleh pelajar berumur 8 tahun tidak wujud berbanding kurikulum lama.

Saya tidak mahu melihat generasi baru yang tahu berbahasa Inggeris tetapi langsung tidak faham Sains dan Matematik. We just will a english speaking stupid. Maybe our government think it is better to be a English speaking stupid compared to Malay speaking stupid.

Impian Tun, untuk menghasilkan generasi pencipta sains dan teknologi hanya akan tinggal impian.

Just a thought

Saifuddin

TEDDY D.Sagunting's Gravatar TEDDY D.Sagunting

June 19, 2009 at 11:25 am | Permalink

Salam Sejahtera Tun,

Tulisan ini adalah tulisan saya yang ketiga setelah saya memahami serba sedikit lagi maksud penulisan Tun.(Hari-hari saya baca pening untuk memahaminya)

Tun, saya lihat arah aliran politik Malaysia sekarang dah berjalan dengan sihat mengikut arah landasan yang betul.Saya benar-benar ikhlas mengatakan Wawasan 2020 memang boleh dijayakan dengan konsep 1 Malaysia

kerana virus terkuatnya sudah terperangkap. Oleh itu segala ramalan dalam tugas saya pada tahun 2004 berkaitan dengan pengurusan berakhirlah sudah (walaupun hanya dapat C+ je tapi rasanya patut A+++ kerana ianya lebih hidup cuma yang cerita-cerita metos di dalamnya tu hanya merupakan kreativiti sastera cara saya)(Bunga-bunga bahasa). Penghayatan Prinsip-Prinsip Rukun Negara oleh semua warga dalam erti kata sebenar amat membantu menjayakan wawasan 2020. Ketulinan dan keikhlasan berteraskan rakyat didahulukan pencapaian diutamakan perlu dilaksanakan seikhlasnya sekiranya tidak akan ada lagi orang yang menggunakan cara kerbau No. 18 (Virus 2020 terkuat tadi) iaitu menggunakan kelemahan yang ada saya tulis di dalam surat saya pada tahun 2000 yang tidak berani saya kirim tetapi saya rasa dah tersebar dan saya sendiri sengsara 10 tahun merasakan auranya. Memanglah kita perlu ingat dibelakang atau ingat di belakang sebagai suatu sejarah yang tidak boleh kita padam bagi memperbaiki kelemahan yang ada pada diri kita tetapi kita juga sepatutnya jalan dengan memandang ke hadapan bagi meneruskan perjuangan dan kehidupan kita. Falsafah Pendidikan Negara negara juga haruslah diseiringkan dengan konsep 1 Malaysia.

Saya rasa masih banyak lagi yang tertinggal kerana mengupas maksud yang tersirat di dalam surat Tun bukanlah kerja yang mudah.

Selamat hari Bapa dari semua dan untuk semua.

kijang's Gravatar kijang

June 19, 2009 at 12:13 am | Permalink

Anak pasangan yang jumpa Ybhg Tun tu mungkin tidur dalam kelas masa cikgu mengajar atau memang agak lembab atau memang parent tak menggalakkan anak belajar sejarah.

Untuk pengetahuan semua, matapelajaran sejarah memang wajib diambil oleh semua pelajar dikategorikan sebagai matapelajaran TERAS. Bukan sahaja belajar sejarah Malaysia bahkan sejarah seluruh dunia dan sejarah Islam.

Macam mana budak tu boleh tak tahu sejarah dan ilmu alam. Yang lain semuanya komen tanpa fakta. Setuju tanpa ada ilmu ! Nak menyalahkan golongan muda sahaja. Seolah-olah orang dulu semuanya baik, Sedangkan orang muda sekarang jauh lebih baik dan genius.

virtual11's Gravatar virtual11

June 18, 2009 at 10:58 pm | Permalink

salam tun,

- 1) ada sekolah, ponteng.
- 2) ada murid, samseng.
- 3) ada kemudahan, rosakkan.
- 4) ada sistem, salah gunakan.
- 5) ada sukatan, ada sekatan.
- 6) ada PIBG, tak de agenda.

7) ada ibubapa, tak de tanggungjawab. 8) ada cikgu, tak de akhlak.

9) ada sijil, tak de nilai.

10) ada otak, tak de akai..

susah2 sangat tutup sekolah, tutup kementerian

belajarle kut internet..

jimat duit,jimat masa.. tak pening kepala. abih cerita..

Dave Low's Gravatar Dave Low

June 18, 2009 at 10:24 pm | Permalink

Salam Yang Amat Berbahagia Tun Dr.Mahathir,

Ayah saya adalah seorang guru yang sentiasa mengajar adik-beradik kita supaya jangan selalu cakap tak tahu.

Pada pandangan saya, “Tak tahu”? Tidak apa, yang penting mahu belajar.

Kalau dalam temuduga ditanya majikan “Kamu tahukah buat sekian-sekian ini?”

Takkan nak jawab tak tahu? macam ni tak payah la buat jadi majikan mana sanggup terima calon sebegini?

Jawapan yang paling ikhlas dan terbaik pada saya ialah “Saya tidak tahu tetapi saya akan belajar dengan bersungguh-sungguh”

Itulah cara dia!

Dave

Nurziani's Gravatar Nurziani

June 18, 2009 at 7:08 pm | Permalink

Dear Sir...

I am a Malaysian, born, bred and now working in MALAYSIA... I am proud to be a MALAYSIAN and my 'jatidiri chart reading' is off the roof... This issue is very close to my heart as I am an educator... I am saddened by the remarks made by some 'snobbish people' that said that by mastering the English language one's 'jatidiri' will be affected... Do they know that one's jatidiri cannot be measured by just speaking good English? English is the LINGUA FRANCA of the world!!!! If we want to connect and communicate with the outside world (FOREIGN COUNTRIES, I MEAN) (especially to boost the country's economy) can the Mat Sallehs' or the Arabs' understand what we're trying to convey? These people aren't really using their brains... It's very, very, very, very difficult to find a Malaysian that speaks correct and fluent English nowadays! Even people working in offices cannot speak good English... They stammer and statter most of the time... lots of errrrrr and arrrr and mahhhhh and lahnhhh..... Why do we need to jeopardize our future generations lives? Do we want Malaysians that can only 'nganga' when other people speaks English to them? We want to produce Malaysians that are capable to compete

internationally and be at par with other successful people around the world! We want Malaysians that are able to stand tall and not afraid to speak their minds so that we are not belittled just because we are from a small country called MALAYSIA... What ever happened to 'PRODUCING WORLD-CLASS MALAYSIANS' and sorry to say the only thing we will be producing if we continue to have this kind of mindset is 'LOW-CLASS MALAYSIANS'. The problem with this so called 'smart-elects' are that they are not far-sighted.... they do not have an open mind and they only think about themselves... PLEASE LEAVE THE ENGLISH LANGUAGE ALONE AND FOCUS ON MORE IMPORTANT ISSUES LIKE IMPROVING THE COUNTRY'S ECONOMY OR WHATEVER...

A NOTE TO THESE SMART- ELECTS :Just because YOU DO NOT SPEAK GOOD ENGLISH, YOU WANT OTHERS TO BE IN THE PIT LIKE YOU!!!! GROW UP!!

PS: TUN, YOU'RE MY HERO AND MAY ALLAH BLESS YOU...

Wallace's Gravatar Wallace

June 18, 2009 at 6:45 pm | Permalink

Tun,

Kenapa kerajaan harus bertolak ansur dengan pelajar sekarang dalam usaha untuk membinakan satu masyarakat yang berilmu dan berwibawa?Jika semua orang tak pandai dalam sejarah dan bahasa inggeris,kita tidak harus belajar ke?Oleh itu,bagaimana kita dapat belajar dan dapat ilmu yang banyak?Kita bukan sahaja nak pelajar atau anak anak kita setakat dapat ilmu di sekolah.Dari segi lain,kita memdidik mereka supaya tahu maksud berusaha untuk belajar atau jika ingin mendapatkan sesuatu,harus berusaha.Mereka harus dilatih bersedia untuk berusaha dalam dunia yang penuh persaingan apabila mereka dewasa.Jika pendidikan system kita dibandingkan dengan pakistan,india,indonesia dan lain-lain,ia memang tidak dapat dibanding.Contohnya,mereka dah belajar mengenai IT atau computer(e.g.programming,networking etc) semasa berumur 14 tahun.Saya pula belajar mengenai programming semasa 21 tahun.Saya memang rasa kecewa dengan pendidikan sistem yang digunakan malaysia sekarang kerana tidak dapat bantu atau mendidik anak anak kita.Walaupun kerajaan selalu mengatakan terdapat peningkatan keputusan UPSR,PMR,SPM dan STPM yang baik.Tetapi,saya rasa ini disebabkan ujian menjadi semakin senang di setiap tahun.

Saya berharap sistem pendidikan kita dapat diubahkan supaya anak anak kita dapat ilmu yang baik di sekolah.Kita tidak harus manja anak kita dengan cara tetapi manjakan dengan cara yang lebih baik dengan memdidikan mereka menjadi insan baik.

Sekian,

Wallace Goh

budakkbaru's Gravatar budakkbaru

June 18, 2009 at 4:57 pm | Permalink

A/kum TDM. Dengan izin. Hakikatnya, kebanyakan orang Melayu takut pada kebenaran. Banyak local young graduates gagal berkomunikasi dengan baik didalam English. Baru baru ini, saya di tugas kan menemuduga 4 orang C&S engineer yang terpilih untuk final interview. 3 budak melayu dan 1 budak berketurunan india. Sangat menyedihkan apabila ketiga-tiga calon berbangsa melayu gagal menguasai/bertutur dengan baik didalam bahasa

english. Cakap teragak-agak. Terlalu jelas mereka struggling menyusun ayat dalam “kepala” dan apa yang keluar dari mulut mereka hanya lah “yes, no, alright,ok, maybe”...Salah seorang daripada candidate melayu tersebut; bila di beri peluang untuk bertanyakan soalan dia panic dan telah bertanyakan soalan pada saya yang langsung tidak relevant. Soalan nya ialah – ” How old are you sir?”.....Sangat lah menyedih kan.

Seorang lagi candidate melayu yg mempunyai degree dari salah sebuah University di UK pun gagal ketika di temuduga. Akhirnya, kekosongan jawatan di berikan kepada calon yang berbangsa india yang jelas lebih fasih berbahasa english. Job was given base on merit and malays in general must be ready to compete.

Amat menakutkan kalau english tidak wajib lulus. Ketika ini pun sudah terlalu ramai anak melayu yang lemah dalam bahasa ini apatah lagi kalau tidak diwajibkan.

PM kena tegas. Menteri Pelajaran kena tegas juga dalam hal ini. Jangan tunduk pada persatuan yang diterajui oleh orang orang yang masih kolot dan takut pada realiti sebenar.

abbas's Gravatar abbas

June 18, 2009 at 3:43 pm | Permalink

Umur 4 tahun anak saya dah boleh baca bahasa inggeris tapi tidak tahu makna ayat-ayat yang dibacanya. Yang itu, sebagai si pengajar, adalah tanggungjawab saya dan isteri untuk menerangkan. Terutamanya isteri, kerana dia yang sentiasa berada dirumah. Isteri saya sentiasa pasang telinga, apa saja bunyi yang keluar dari mulut anak kami , beliau lah yang betulkan dan jelaskan.

Kami ada matlamat.

Satu, kerana Kakak dan Abang-abang sentiasa jelaskan kepada kami supaya ambil inisiatif untuk ajar anak kami bahasa Inggeris kerana di Sekolah cikgu tidak akan dapat mengajar

Cikgu Aziz - Sg Tiang 1960-1984's Gravatar Cikgu Aziz - Sg Tiang 1960-1984

June 18, 2009 at 12:52 pm | Permalink

Assalamualaikum Sir ,

Sejak akhir-akhir ini banyak perbalahan isu berkaitan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah telah di debatkan , inginlah pihak saya nyatakan disini sebagai seorang bekas pendidik bahawa pembelajaran serta menwajibkan pembelajaran pelajaran B I dalam pelajaran Matematik dan Sains adalah wajar dan tepat untuk memberikan pendedahan awal terhadap ILMU itu sendiri supaya pelajar secara tidak langsung perlu mendekatkan diri dalam Bahasa Inggeris yang menjadi Bahasa utama di seluruh dunia .

Lihat dan pandanglah ke Timur seperti seperti seruan Pak Det di tahun 1980an yang mana orang Jepun sendiri juga telah bertungkus lumus mempelajari Bahasa Inggeris untuk faedah mereka sendiri , jadi pembelajaran Bahasa Inggeris untuk Matematik Dan Sains bukanlah mengabaikan Bahasa Ibunda kita tetapi untuk MEMAJUKAN PENGGUNAAN serta PENGUASAAN BAHASA INGGERIS untuk lebih maju serta boleh bersaing di peringkat ANTARABANGSA bukannya setakat peringkat kampung saja . Mempelajari dan mendalami pelbagai bahasa ini akan menguntungkan setiap insan itu sendiri dan pihak Saya juga amat hairan juga bagaimana sesentengah pihak seperti Tan Sri Ismail Husein yang begitu menentang penggunaan Bahasa Inggeris dalam pelajaran Matematik dan

Sains sedangkan anak beliau sendiri bertutur bahasa inggeris dengan beliau serta belajar pun di Eropah . Maksud saya disini adakah perlu membiarkan masyarakat kampung terus menguasai Bahasa Melayu sahaja sedangkan masyarakat di bandar amat mahir menguasai Bahasa Inggeris ????

Saya berharap penggunaan Bahasa Inggeris di dalam subjek Sains dan Matematik perlu diteruskan walaupun ramai pihak tahu Timbalan Menteri Pelajaran sekarang ini dr Puad amat menentangnya , menentang kerana apa pun tidak jelas maksudnya , kalau setakat mempelajari Sains dan Matematik akan melupakan Bahasa Melayu kita sememangnya tidak masuk akal sama sekali kerana saya sendiri ketika zaman British bersekolah aliran Inggeris dan mesti bertutur bahasa inggeris tetapi Bahasa Melayu tetap juga baik dan diutamakan serta tidak dilupakan. Saya menyeru semua Bangsa Melayu supaya buka minda serta berani menghadapi perubahan yang sedikit ini untuk kemajuan anak Bangsa Melayu kita sendiri supaya lebih maju dan unggul.

Salam hormat daripada saya serta isteri kepada 'Pak Det dan isteri.

zarin's Gravatar zarin

June 18, 2009 at 8:54 am | Permalink

assalamualaikum, tun...

saya sangat bersetuju dengan pendapat dan pandangan tun berhubung perkara ini...saya juga tidak faham kenapa ramai yang menentang apabila bahasa inggeris dicadangkan sebagai matapelajaran yang wajib lulus untuk memperolehi sijil...banyak pandangan dan pendapat yang saya terima dari rakan-rakan dan 'colleagues' rata-rata menentang cadangan ini dan mereka ini, tentulah orang Melayu kerana saya berbangsa Melayu...saya masih belum bertanya dengan rakan-rakan yang bukan Melayu kerana saya tahu pandangan mereka...sedih sekali apabila anak bangsa sendiri tidak nampak akan faedah yang diperolehi cadangan ini...pada mereka, jika bahasa inggeris diwajibkan maka ramailah anak melayu yang tidak dapat sijil...ironi...kerana mereka nampak kelemahan anak melayu tetapi takut untuk berusaha memajukan anak bangsa sendiri...bagaimana ya...bagi rakan yang bijak pandai pula, mereka berpendapat yang apabila bhs inggeris diwajibkan seolah-olah kita mengenyepikan kepentingan bhs malaysia...tetapi yang hairannya, beliau berbahasa inggeris apabila berkomunikasi dengan anak melayu sendiri...kenapa ya...sebaiknya apabila bhs inggeris diwajibkan, adalah menjadi tugas guru-guru untuk 'inculcate' di dlm fikiran pelajar bahawa bhs inggeris adalah bhs ilmu dan bukannya utk diagung-agungkan...bhs malaysia tetap bahasa ibunda...

Rosbidar's Gravatar Rosbidar

June 17, 2009 at 10:56 pm | Permalink

Assalamualaikum YABhg.Tun,

PERBEZAAN PEMEGANG IJAZAH DENGAN PENGALAMAN KERJA.

(pengalaman seorang rakan menghadiri temuduga kerja di USA)

Saya ingin menceritakan pengalaman seorang rakan saya yang pernah menetap di Amerika Syarikat (USA). Kesah nya berkaitan pengalaman beliau menghadiri satu temu duga jawatan di sebuah syarikat di negara tersebut. Mereka yang menghadiri temuduga tersebut 10 orang dan 9 orang berbangsa Amerika. Manakala rakan saya seorang sahaja orang Melayu. Dia menetap di sana kerana berkahwin dengan wanita USA .9 orang daripada calon yang menghadiri

temuduga pemegang ijazah sarjana dan seorang PhD. Tetapi dari segi pengalaman kerja belum ada. Manakala rakan saya tidak mempunyai ijazah TETAPI sangat luas pengalaman kerja. Sewaktu di temuduga, pihak penemuduga meminta beliau jelaskan dari A hingga Z kerja yang berkaitan. Alhamdulillah rakan saya berjaya menjelaskan secara terperinci. Menurut rakan saya 9 orang lagi calon tidak berjaya menjelaskan secara terperinci dan meyakinkan pihak penemuduga. Akhirnya rakan saya yang tidak mempunyai apa-apa ijazah telah berjaya mendapat jawatan tersebut.

Menurut rakan saya, di USA mereka lebih mementingkan pengalaman kerja dari ijazah berijazah.

Berbeza dengan negara kita, syarikat lebih yakin dengan ijazah berijazah TETAPI bila di tawarkan kerja tak boleh buat.

e-mail rosbidar: rosbidar@tm.net.my

h/p : 012-3093471

julia's Gravatar julia

June 17, 2009 at 10:01 pm | Permalink

ITS INTERSTING HOW ENGLISH IS SUDDENLY BEING EVALUATED AS BEING A IMPORTANT LANGUAGE. I MUST HAVE BEEN IDIOT BACK THEN WHEN I DECIDED TO FOCUS ON BM. WHY YOU NEED BM ? YOU NEED BM TO COMMUNICATE BETWEEN MALAYSIA. ANYTHING ELSE ? NOTHING..

SO WHY DID SIR CHANGE THIS FORMULA AT THE 1ST ??..

I HAVE WITHNESS HOW IDIOTS ALWAYS CHANGING THE HISTORY.MAN I HAVE READ THE MELAKA PARAMESWARA STORY LIKE A MILLION TIMES. WHAT HAPPEN TO REST OF THE HISTORY?? IF YOU FEEL LEARNING FRENCH WAS IMPORTANT AND DID NOT HARM YOU IN ANY SENCE THEN I THINK ITS NO HARM TO LEARN AND UNDERSTAND VARIOUS HISTORY OF VARIOUS COUNTRY.

mycoachkim's Gravatar mycoachkim

June 16, 2009 at 11:15 pm | Permalink

Hi Tun,

Sabagai seorang rakyat Malaysia, saya rasa amat sedih dengan mutu graduan kebelakangan ini. Sebagai seorang pengurus, saya selalu hadir interview dengan para graduan. Namun, tahap bahasa inggeris mereka amat lemah and menyedihkan.

Ada satu kes dimana graduan meminta saya bertutur dalam bahasa Malaysia semasa interview supaya dia faham and boleh menjawab persoalan saya.

Sekiranya mutu pembelajaran tidak ditingkatkan, saya tidak apa akan terjadi kepada graduan-graduan akan datang.

BONO's Gravatar BONO

June 16, 2009 at 11:09 pm | Permalink

Salam Tun,

1. Saya teringat waktu saya bersekolah rendah saya telah mampu membaca dan menulis dalam bahasa inggeris pada usia 9thn. Dimana saya dan rakan sekelas di beri tugas 'story telling' di perhimpunan pagi, semua murid mengambil bahagian. Malah murid yang ambil bahagian juga datang dari semua kaum, termasuk kaum bumiputera (orang asli). Ini di realisasikan oleh guru yang amat prihatin dengan bahasa inggeris. Saya amat kecewa juga dengan segelintir orang yang tidak mahu bahasa inggeris menjadi mata pelajaran wajib.

pelajaran ini penting dimana jika seorang pelajar itu berjaya dalam SPM mereka akan melangkah ke Universiti, kebanyakan kursus menggunakan bahasa tersebut malah ada IPTA, IPTS menggunakan bahasa tersebut secara total. Dimanakah anak-anak kita berada ketika itu? Kita tidak boleh menolak sepenuhnya penggunaan bahasa inggeris ia amat penting dalam kehidupan seharian dan pembelajaran.

Maka Tun saya amat bersetuju dengan bahasa inggeris di jadikan mata pelajaran wajib lulus dalam SPM.

2. Pelajaran sejarah harus di terapkan pada murid sekarang dengan lebih banyak lagi, para guru juga harus tahu sejarah. Jangan sampai bila anak murid tanya bila tarikh negara merdeka atau berapa negeri dalam Malaysia? Kita guru terpingga-pingga. Sebagai pendidik anak bangsa kita harus tahu sejarah dengan lebih mendalam dan bukan hanya tahu menjalankan kerja-kerja guru semata-mata dengan penggunaan buke teks sahaja. Bangkitlah wahai pendidik bangsa, anda telah mempunyai universiti sendiri.

Saya akan menyokong anda, tugas guru adalah mulia dalam mendidik anak bangsa.

sekian

RA's Gravatar RA

June 16, 2009 at 8:53 pm | Permalink

Salam hormat Yg Bhg Tun,

Amat malang sekali ibu bapa yang mendapati anaknya buta sejarah seperti yang Tun utarakan. Adakah ini berpunca dari kesilapan sistem pelajaran/pendidikan yang sedia ada, mungkin ya atau pun sebaliknya. Tetapi sebagai ibu bapa kita seharusnya pada sepanjang masa membuat pemantauan terhadap kemajuan persekolahan anak-anak kita dan mengenalpasti sebarang masalah yang dihadapi oleh anak-anak kita. Jika difikirkan kelemahan-kelemahan tertentu mungkin disebabkan sistem pelajaran di sekolah eloklah ibu bapa meluangkan masa pergi kesekolah tempat anak-anak mereka belajar untuk mendapatkan maklumat sebenar tentang sebarang kelemahan atau kekurangan anak-anak. Melalui PIBG juga sebarang masalah boleh diutarakan oleh ibu bapa untuk dicari kaedah penyelesaian yang berkesan.

Dewasa ini terlalu banyak perkara yang dibangkitkan oleh banyak pihak termasuk orang politik yang kadangkala dengan jelas bercanggah dengan fakta-fakta sejarah dan boleh memudaratkan kesetabilan negara. Ekoran dari itu ramai pihak berpendapat bahawa pelajaran sejarah perlu diambil perhatian dengan lebih serius lagi bermula di peringkat sekolah rendah dan berlanjutan sehingga ke peringkat Universiti. Ramai pelajar di masa kini dikatakan tidak begitu berminat belajar mata pelajaran/subjek sejarah diantaranya dengan alasan bahawa subjek sejarah tidak begitu menarik untuk dipelajari dan membosankan. Ada juga yang berpendapat sejarah tidak diperlukan sangat atau tidak begitu penting untuk kelayakan mendapatkan pekerjaan.

Pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi seharusnya mencari satu kaedah yang bersesuaian untuk menjadikan subjek sejarah di sekolah diantara subjek yang diminati oleh pelajar. Lebih daripada itu subjek sejarah harus juga dijadikan mata pelajaran teras dan wajib lulus dalam peperiksaan peringkat PMR dan SPM. Fakta-fakta kepentingan subjek sejarah yang Tun lontarkan memang tepat dan benar. Sejarah yang dimaksudkan bukan berpaksikan kepentingan politik tertentu sahaja. Sejarah meliputi semua yang telah berlaku didalam sesuatu negara atau negeri yang merangkumi bidang politik, sosial, ekonomi, perundangan, sains, teknologi, budaya dan sebagainya.

Sejarah boleh menjadi satu pengajaran dan panduan yang berkesan dalam semua aspek kehidupan manusia dan pembangunan sesebuah negara atau negeri. Tetapi amat malang hari ini terdapat kalangan ahli parti politik tertentu telah meminggirkan atau memutarbelitkan fakta-fakta sejarah dalam usaha mereka mencari pengaruh politik.

Kaedah memutarbelitkan fakta-fakta sejarah telah sedikit sebanyak memberikan keuntungan dan kejayaan bagi parti-parti politik tertentu dimana mereka dengan mudah dapat mempengaruhi golongan rakyat yang buta sejarah atau tidak melihat sejarah itu penting dalam kehidupan. Saya melihat cadangan Tun agar kerajaan yang memerintah dapat bertindak dengan mengembalikan semula kepentingan pengetahuan sejarah terhadap rakyat Malaysia amatlah dihargai. Kerajaan Barisan Nasional yang perihatin dan mengutamakan kepentingan rakyat dan pencapaian negara haruslah bertindak dengan segera sebelum keadaannya bertambah menyulitkan.

sekian. Salam bahagia Tun. Bertemu lagi dilain ketika. Terima kasih.

AbdRahman's Gravatar AbdRahman

June 16, 2009 at 6:16 pm | Permalink

Salam Hormat Tun serta pejuang2 Agama dan Bangsa...

Izinkan saya meluahkan pandangan berkaitan pelaksanaan PPSMI di sekolah. Perkara ini ada kaitan dengan kandungan tulisan Tun di atas.

PPSMI merupakan satu kaedah belajar mata pelajaran MATEMATIK dan SAINS diajarkan kepada murid menggunakan bahasa inggeris sepenuhnya. PPSMI dilaksanakan di peringkat Sekolah Rendah KPM. Kita mengambil contoh murid Darjah 1 yang baru berusia 7 tahun, mereka hanya memahami 'Bahasa Melayu' sahaja. Saya akan ajarkan sesuatu ILMU kepada anak saya dengan bercakap dan menulis menggunakan bahasa melayu kerana anak saya hanya faham bahasa melayu sahaja. Barulah anak saya faham apa itu ilmu MATEMATIK dan SAINS. Ini penting kepada peringkat baru hendak mengenal sesuatu perkara, semestinya diajar dalam bahasa yang mereka fahami.

Senario yang samalah berlaku kepada anak bangsa kita yang berada di sekolah masa kini. Maka, adalah wajar dan tepat sekiranya mata pelajaran MATEMATIK dan SAINS diajar menggunakan 'BAHASA MELAYU'.

PPSMI sesuai dilaksanakan di peringkat Tahap 2 sekolah rendah atau Sekolah Menengah.

Sekian,

Sekadar Meluahkan Pandangan...

rinto's Gravatar rinto

June 16, 2009 at 5:39 pm | Permalink

Umumnya saya bersetuju dengan apa yang Tun nyatakan. Namun selain daripada fungsi pembelajaran di sekolah itu penting, kita juga perlu melihat kepada proses pembesaran anak-anak kita di rumah juga. Saya masih ingat kata-kata ustaz saya; kita dikurniakan dengan dua mata. Lihatlah kebaikan orang dengan mata kanan dan lihat pula kelemahan sendiri dengan mata kiri. Kebanyakan kelemahan anak-anak bukan sebab sekolah tetapi kebanyakannya disebabkan pendidikan di rumah sebab itu generasi sekarang banyak yang terpelajar tetapi tidak terdidik. Generasi dulu terdidik sebab itu proses pembelajaran di sekolah menjadi lebih mudah dan berkat. Ibu bapa sekarang ramai yang salahkan cikgu. Ada yang kata cikgu bodoh depan anak-anak kerana generasi sekarang pun ramai yang terpelajar tetapi tidak terdidik. Lihatlah kebaikan orang dengan mata kanan dan lihat pula kelemahan sendiri dengan mata kiri. Peringatan untuk diri saya sendiri.....

MasterLee's Gravatar MasterLee

June 16, 2009 at 4:45 pm | Permalink

Assalamualaikum Yg Bbhg Tun,

1. Yang positif tentang belajar Sejarah dan English di sekolah tak apalah. Yang nak dikomenkan ialah yg negatifnya (pendapat org ramai).
2. Yang banyak komen negatifnya adalah orang Melayu, orang bukan Melayu kurang sgt. Negara kita miskin dan mundur korang marah macam nak gila. Cepat sgt nak melatah, kalau kepala hotak tu dah negatif nampaknya susahlah nak dipoitifkan. Tak ada 'NUR' agaknya...
3. Saya ni org Melayu, cakap Melayu, makan belacan pendek kata macam orang Melayu lain jugak lah. Pelajaran taklah tinggi, yg penting ilmu tapi ada rezeki nak tinggi pelajaran jugak suatu hari nanti. Cakap Melayu memang bahasa tercinta saya, Bahasa Inggeris sederhana aje.
4. Korang tak rasa ke kalau kat mana2 rasa macam kaum lain terkehadapan sedikit atau banyak ke depan. Padahal lebih kurang sama je, tapi di sebabkan Bahasa Inggeris. Kat tempat kerja, di sekolah, masa temuduga, ketika berforum, baca buku, suratkhbar, internet dan macam2 lagi lah. Kebanyakannya dlm bahasa inggeris.
5. Disebabkan saya dah dapat rasakan bahasa inggeris ni penting, walaupun budak tak pandai tapi cuba2 jugak cari jalan nak tahu sedikit bercakap dan baca bacaan inggeris. Kawan2 kata kau bolehlah, boleh cakap inggeris, padahal saya org miskin dan bahasa inggeris yg konon saya pandai tu apalah sgt. Suku dari budak kaum lain yg separuh mahir. Apapasal kaum2 lain ni terlebih 'confident' dlm segala hal. Jawapannya diaorang separuh mahir dan mahir dlm bahasa inggeris. Lagi satu rahsia kepandaian diaorang adalah sebab pandai dan terpaksa pandai dlm ilmu Matematik. Ada sekali tu saya dapat tempat ke 8 tertinggi dalam matematik kelas, no1 hingga 7 kaum cinalah. Punyalah bersorak kawan2 melayu ni dan terkedu kaum yg lain. Macam ni pun orang kata pandai... bijak kot.
6. Korang nak bandingkan dgn negara Jepun, Korea, Perancis, Jerman, Itali, Rusia, China dll. Diaorang tu negara yg 'Conqueror', negara yang maju, besar dan tumpuan perdagangan.
7. Dulu bahasa Arab diorang tak pandang tapi semenjak Dubai jadi popular diaorang pun dah mula belajar bahasa Arab.
8. Apalah salahnya kalau kita belajar dan tahu banyak bahasa. Semua itu ilmu. Bukankah ALLAH suka kita belajar dan cari ilmu. Terang2 dah diberitahu formula nak berjaya buat masa sekarang ni terpaksa belajar bahasa inggeris. Dulu bahasa Melayu jadi Lingua Franca di Melaka (kalau ingat sejarah). Dulu perlabuhan Melaka antara pusat

tumpuan dan perdagangan termaju dan tersibuk didunia. Melaka jatuh sebab berlebih2an bersuka ria, arak, zina, judi, sombong, dengki, bodoh tak nak belajar...dan macam2 lagi yg negatif.

9. Orang luar pun tahu kalau nak bersaing dan berjaya kena belajar dan mahir bahasa Melayu ketika itu. Adatlah orang asing ni memang dengki dan berniat nak jajah kita. Orang Melaka dan Melayu sangat kaya ketika itu. Tapi bukanlah kita nak belajar bahasa inggeris sebab nak jajah negara diaorang. Kalau kita dah maju nanti ramai org luar pulak yg akan belajar bahasa kita macam kat Melaka dulu tu. Silap haribulan banyak bahasa yg agak sinonim dengan bahasa Melayu kat luar negara tu asalnya memang dari negara kita sejak zaman Melakaraya tu. Tolong buat kajian.....

10. Wahai orang Melayu, kenapalah isu yang macam ni pun nak dipolitikkan dan diperbesar2kan...memalukan. Lebih baik bincang bagaimana nak perbaiki sistem pembelajaran bahasa inggeris adalah lebih baik. Pendek kata majukan diri.

11. Org kampung tak kurang jugak dibandar takut anak tak 'pass' peperiksaan, sanggup bodoh dan ketinggalan janji lulus. Murid yg malas kata tak ada harapanlah nak dapat semua A. Lulus pun belum tentu. Kenapa kaum lain selamba je. Korang nakkan anak korang macam korang jugak. Korang 'underestimate' (pandang rendah) kebolehan anak sendiri. Diaorang hidup dlm zaman IT.

12. Antara sebab lain kena belajar bahasa inggeris sebab bahan rujukan banyak dan majoriti dlm bahasa inggeris. Kalau betul2 pejuang bahasa, korang pergilah terjemah buku2 rujukan tu kedlm bahasa kita. Ini tidak...menghabihkan boreh je.

13. Hafal lagu inggeris, tengok cerita inggeris bolehlah pulak. Apalah salahnya belajar juga bahasa inggeris. Belajar sejarah ni salah satu asas kepada ilmu kenal diri (pada pendapat saya).

14. Pendek kata belajar Sejarah, bahasa inggeris, sains dan matematik ni sgt penting utk menjamin kedudukan dan kestabilan negara. Lebih2 lagi kpd org Melayu.

Kalau korang tak nampak jugak, susahlah. Ada satu cerita benar seorang professor bukan Islam yg mengkaji dan mahir ilmu Al Quran. Tapi disebabkan tiada 'NUR' dari ALLAH tak terbuka jua hatinya utk masuk Islam. Renungkanlah....

Tiada maaf dipinta, apa yg saya tulis telah ditulis dgn ikhlas.

Dapat tengok Tun dari jauh pun jadilah.....

Wassalam.....

Abadi's Gravatar Abadi

June 16, 2009 at 3:16 pm | Permalink

Salam hormat dan sejahtera

Ayahanda Tun Mahathir yang di kasihi,

1. Saya sempat belajar di SRJK (Ing) di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur.

2. Kami belajar Arithmetic and Science dalam bahasa Inggeris. Tiada masalah pun. Di Sekolah Menengah pun Mathematics dan Science pun dalam bahasa Inggeris. Tiada masalah pun. Senior saya sempat belajar Geography, History dalam bahasa Inggeris. Tiada masalah pun.

3. Di SRJK (Ing) saya di ajar mata pelajaran Ilmu Kesihatan, Sivik, Writing dan bertutur dalam bahasa Inggeris. Nilai pembelajaran sangat tinggi ketika itu kerana untuk melahirkan masyarakat berkualiti. Jari-jari tangan saya kerap di "titik" dengan pembaris jika hand writing saya macam "cakar ayam" dan lari dari garisan merah biru. Tidak buat homework dan sebagainya kena hukum "duck walking" di gelanggang netball atau buku di sepi di baju dan di tayangkan di kantin sekolah ketika waktu rehat. Dapat markah merah kena sebat di punggung. Akhirnya hand writing "A" dan menjadi perhatian cikgu. Tiada masalah pun.

4. Jika hukuman ini di praktikan di zaman sekarang, ramailah cikgu-cikgu dapat surat saman.

5. Apa yang saya nak utarakan, dari zaman ayahanda Tun M sehinggalah zaman saya bersekolah, sudah tentu ramai yang memperolehi pelajaran dan pengajaran. Ada yang sudah jadi "orang-orang besar". Kenapa sekarang bila ada cadangan sekadar hendak mencari ilmu pengetahuan secara ilmiah, ada sahaja halangan, bantahan, dan komentar. Atau adakah kerana masing-masing sudah lepasan universiti pelbagai, hendak tunjuk kepandaian???. Kenapa perlu gagal sebelum mencuba?

6. Saya setuju dengan apa yang di perkatakan oleh ayahanda Tun M mengenai pembelajaran melalui software. Tetapi ada yang mengatakan software itu mahal, bagi pendapat saya, itu bukan halangan. Hendak dibandingkan susah atau senang, susah lagi orang dahulu. Walaupun dulu, gula pasir 25 sen sekati. Namun Nak beli basikal pun susah. Dibanding dengan sekarang ada yang menggunakan 2 handphone, 2 kereta, bermotosikal, melanggan station-station TV dan sebagainya. Jika tidak mempunyai wang, kemudahan pinjaman atau bayar ansur-ansur, pun boleh. Hendak seribu daya.....

7. Saya di fahamkan di negara barat, ramai yang menguasai pelbagai bahasa. Agaknya pasal itulah mereka jauh lebih maju dari kita. Dalam isu bahasa Inggeris, apalah salahnya di anggapkan mempelajari bahasa untuk ilmu?. Saya percaya yang beri komentar, bantah dan sebagainya, jika mereka berpeluang ke luar negara untuk meeting atau seminar, "bertuah" jika mereka berbicara dengan bahasa Maysia.

8. Bayangkan di masa hadapan mahasiswa dan mahasiswi negara tidak boleh menguasai bahasa Inggeris. Anggaphlah bahasa Inggeris itu sebagai ilmu atau setidak-tidaknya untuk diri sendiri.

9. Terima kasih cikgu.

withmorechips's Gravatar withmorechips

June 16, 2009 at 3:11 pm | Permalink

Apakhabar Tun?

Sudah lama tidak menjenguk blog Tun, rupa-rupanya sudah bertukar alamat. Pada mulanya rasa ingin marah pada Tun sepanjang membaca isi kepada tajuk kali ini. Tapi setelah diselami memang betul kata-kata Tun.

Bayangkan seorang budak yang sudah biasa susah dan seorang lagi yang terlalu manja dengan setiap permintaannya dituruti. Kalau kita campakkan kedua-duanya ke pulau dengan hanya berbekal sebilah parang. Siapa yang akan mati dahulu? Dan siapa yang akan selamat dan mungkin menemui jalan untuk pulang?

Saya rasa apa yang perlu dilakukan ialah bukannya memansuhkan pelaksanaan PPSMI sebaliknya memantapkan lagi pelaksanaannya. Saya sudah bosan dengan setiap kali bertukarnya pucuk pimpinan setiap kali itu sistem bertukar. Tidak salah mewujudkan sesuatu yang baru tetapi bukannya memperbaiki sistem sedia ada adalah lebih baik. Saya masih ingat ketika di zaman persekolahan, sepanjang 11 tahun bersekolah sistem pembelajaran terlalu banyak bertukar sehingga memeningkan kepala. Seolah-olah setiap pucuk pimpinan yang baru mahu menunjukkan yang mereka lebih hebat dengan melahirkan satu sistem yang lebih baik dari yang terdahulu. Betulkah ianya terbaik? Atau sekadar sesuatu yang cantik di luar tetapi kosong di dalam?Pernahkah mereka menyelidiki berapa ramai pelajar seperti kami yang menjadi mangsa keadaan? Ini yang sebenarnya yang lebih penting iaitu pelajar-pelajar yang lahir dari sistem ini dan bukannya sistem itu sendiri.

Saya juga amat menyokong sekiranya bahasa inggeris dijadikan syarat lulus SPM. Kenapa saya fikir begitu? Mudah sahaja. Sebab saya orang kampung. Orang kampung biasanya di rumah, di pasar dan di mana-mana pun memang cakap bahasa melayu. Guru-guru di sekolah kampung juga biasanya ramai juga yang malas dan mengajar sambil lewa. Ini bukan tuduhan tetapi kenyataan. Saya bersekolah rendah di kampung sebelum diterima ke sekolah berasrama penuh. Jauh betul perbezaan cara pengajaran dan perhatian guru-gurunya. Dan saya bandingkan pula anak saudara saya yang bersekolah di kampung. Memang jauh perbezaannya. Jadi mungkin dengan diwajibkan bahasa inggeris untuk lulus SPM guru-guru ini akan lebih ikhlas dan rajin mengajar murid-muridnya. Pengetua pun akan lebih prihatin. Selalunya pengetua akan jaga peratusan lulus SPM, bukannya begitu?

Cuma jangan ada kes 'sorok pelajar' macam yang pernah berlaku di negara kita suatu ketika dulu. Jika tidak silap UPSR. Seperti yang saya katakan tadi, yang penting ialah pelajar yang ingin kita lahirkan dan bukannya sistem itu. Kalau kita rasa sistem itu sangat bagus tetapi pelajar yang lahir seperti tong kosong pun tidaklah begitu seronok rasanya.

Mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai syarat lulus SPM adalah sesuatu yang amat-amat saya nantikan. Saya begitu menghargai Sejarah. Sejarah yang membentuk siapa kita dan menentukan hala tuju kita. Sejarah juga menjadikan kita seorang yang tidak bodoh sombong. Sejarah juga mengajar kita erti bangsa, sensitiviti, hormat menghormati, perjuangan dan satu hati. Sejarah mengajar kita supaya tidak seperti lembu yang dicucuk hidung mengikut membuta tuli. Kita belajar dari sejarah, bukannya begitu? Kalau kita buta sejarah macamana kita nak belajar?

Saya amat meminati Sejarah sehinggakan saya membaca bahan bacaan di luar dari buku teks dan buku rujukan. Lupa pula sesuatu. Salam kepada NASHA BIN EDWIN. Sejarah yang kita belajar bukan berkisar kepada UMNO sahaja tetapi memfokuskan tentang banyak perkara. Jangan kusutkan fikiran dan bantutkan pemikiran dengan berfikir sekitar politik sahaja. Belajar dari sejarah bagaimana raja kita terdahulu tersilap langkah sehingga menjadi raja boneka dan bagaimana perjuangan orang-orang terdahulu menentang penjajahan. Belajar bagaimana Jepun menguasai tanah melayu dalam masa beberapa hari sahaja dan dimana silapnya kita. Belajar supaya kita tidak mengulangi perkara yang sama.

Memang sukar memenuhi kehendak semua orang. Tetapi dalam menimbang sesuatu yang penting ialah kita kena fikirkan keperluan adalah selalunya lebih penting dari kehendak.

Keperluan kita ialah melahirkan generasi mudah yang tahu apa nak buat apabila susah bukan generasi yang selalu disuap sehingga tidak tahu macamana nak makan guna tangan sendiri.

Terima kasih Tun.

bakaudarah's Gravatar bakaudarah

June 16, 2009 at 2:38 pm | Permalink

assalammualaikum... Ayahanda Tun.

saya rasa elok sistem pelajaran masa tahun 50.60.70.80.. kalau tak lulus LCE atau SRP tak boleh naik ke tingkatan 4. Murid akan lebih tekun menghadapi pelajaran untuk peperiksaan kalau tidak akan terbantut untuk ke peringkat yg lebih tinggi. La ni kalau gagal pun boleh ke tingkatan 4... tak perlu untuk bersungguh untuk peperiksaan PMR. dan patut di ingatkan sejarah ..tanpa sejarah pemuda/i la ni akan

hilang identiti.

wassalam

TEDDY D.Sagunting's Gravatar TEDDY D.Sagunting

June 16, 2009 at 11:47 am | Permalink

Salam sejahtera ayahanda Tun,

Sebenarnya ini yang hendak saya tulis ke dalam blog Tun hari tu dan telah saya sediakan lebih dahulu dari tulisan saya sebelumnya tetapi saya rasa ianya tidak dapat mencakupi semua persoalan Tun, bagaimanapun hari ini dengan penuh berani saya paksakan juga jawapan ini kepada Tun sebagai salah satu jawapan dalam ruang lingkungan persoalan Tun.

Masa 3 hari sudah pun berlalu oleh itu saya cuma ingin memaklumkan kepada Tun bahawa

jizurimin's Gravatar jizurimin

June 16, 2009 at 10:11 am | Permalink

Dihormati Tun, sebenarnya sesi persekolahan saya bermula pada pertengahan 1980-an dan tamat pada akhir 1990-an. Kelas yang saya paling minat ialah Muzik dan Sains di sekolah Rendah, Sejarah dan English di sekolah Menengah rendah; Biologi dan English di sekolah Menengah tinggi. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman saya sendiri, kelas yang saya minati banyak terpengaruh dengan cikgu dan gaya pengajaran meereka. Contohnya seperti di sekolah rendah, cikgu muzik banyak mengaplikasikan muzik dan kehidupan seharian dan cara ini dikenang sehingga hari ini. Manakala, cikgu English saya di sekolah menengah menggunakan lagu dan lirik ketika mengajar menyebabkan saya tertarik dengan penggunaan bahasa ini sejak itu. Cikgu biologi saya banyak memberikan saya kesedaran tentang fungsi dan kegunaan benda hidup serta banyak membuat eksperimen di luar bilik sains yang akhirnya menyebabkan saya berkeputusan untuk mendapatkan pekerjaan terarah kepada biologi. Kesimpulannya seperti yang selalu dikatakan oleh cikgu English saya, "Learning need skills and skills gain by experience. So, stop wandering, take the first step and make no limitation"- Jizurimin

bukan_rakyat_malaysia's Gravatar bukan_rakyat_malaysia

June 16, 2009 at 9:46 am | Permalink

salam tun,

bahasa jiwa bangsa

Aysha's Gravatar Aysha

June 16, 2009 at 8:25 am | Permalink

Assalamualaikum.

Secara peribadi saya tak bersetuju dengan pendekatan menggunakan software dalam kelas pembelajaran. Saya ada pengalaman belajar dengan menggunakan software sebagai perantara dan bagi saya, ia dapat menghilangkan fokus saya. Dan saya bukanlah seorang pelajar genius yang dapat menangkap sesuatu topik pembelajaran dengan cepat dan mendalam dan saya yakin kebanyakan pelajar sekolah adalah seperti saya. Just because this method works with you does not mean it will work with other groups of people (Just like democracy like what you have been saying to America). Sebenarnya ada beza antara belajar dengan software dengan belajar daripada seseorang yang bergelar GURU. A teacher is not there solely to teach you about Maths, Science or Geography. He is there to teach you about HUMANITY. A software cannot do that for you. Today we lack for such teachers. Probably due to our current education system which opt for some software to teach us.

Please have a deep thought about this. I'm writing this not only for Dr M. It's for mothers, fathers, teachers and students.

Thank you.

Rosbidar's Gravatar Rosbidar

June 16, 2009 at 2:36 am | Permalink

Assalamualaikum YABhg.Tun,

Rosbidar ingin sambong sedikit ulasan yang rosbidar buat pada 14/6/2009 berkaitan PERBEZAAN PELAJARAN dan ILMU.

PERGI BELAJAR:

Sesiapa sahaja pergi belajar ke sekolah , kolej atau Universiti akan dapat pelajaran. (Bukan ilmu)

MENUNTUT ILMU

Ilmu adalah kurniaan Allah kepada sesaorang yang telah Allah kenal pasti. Mengapa ilmu tu nak di beri kepada orang tu hanya Allah yang tahu rahsia nya. Ilmu bukan boleh di pelajari. Sebab itu tidak di panggil pergi BELAJAR ILMU. Ia nya di panggil MENUNTUT ILMU. Maksud MENUNTUT ILMU ialah ILMU itu sendiri akan menuntut/ datang ke tuan nya sepertimana ketentuan/perintah Allah TANPA mengira orang tu berpelajaran (educated). Berikut di bawah ini sedikit analisa berkaitan dengan perkataan ILMU.

ILMU (huruf jawi :alif lam mim wau)

Alif Lam bermaksud ALLAH MANAKALA Mim Wau bermaksud MUHAMMAD.

Olih itu IL (alif lam singkatan perkataan ALLAH (alif lam lam ha)

Manakala MU (mim wau singkatan perkataan Muhammad)

Sebab itu jangan memandang rendah orang yang tidak ada pelajaran olih kerana kita tidak tahu siapa mereka sebenarnya. Kemungkinan

Allah telah kurniakan beliau dengan ILMU. ILMU lebih tinggi dari

PELAJARAN olih kerana ILMU DATANG TERUS DARI ALLAH & MUHAMMAD MANAKALA PELAJARAN KITA SENDIRI PERGI BELAJAR KAPADA GURU (DI SEKOLAH) ATAU PROFESSOR (DI UNIVERSITI) . SESAORANG TERPELAJAR TIDAK SEMESTI NYA SEORANG BERILMU.SUNGGUH BERUNTUNGLAH SESAORANG TERPELAJAR SEKIRANYA DALAM MASA YANG SAMA ALLAH KURNIAKAN ILMU. PADA HARI INI KITA LIHAT BANYAK KEPINCANGAN YANG BERLAKU OLIH MEREKA YANG BERPELAJARAN TETAPI TIADA IL-MU (IL merujuk kepada ALLAH manakala MU merujuk kepada MUHAMMAD)

e-mail rosbidar : rosbidar@tm.net.my

h/p:012-3093471

S..Tan's Gravatar S..Tan

June 16, 2009 at 12:55 am | Permalink

Dear Tun, salam mesra harap sihat sejahtera. Kiriman saya dan pandangan pada komen pengunjung di sini dgn izin...

.....PUSAKA DARI DULU BUKAN PETAKA MASA SEKARANG

Melayu mudah lupa. Dasar pelajaran kita ini peninggalan dari zaman 22thn, bukan baru! Cuma skrg berani menegur sebab tak kan kehilangan apa apa, kalau dulu berani? Kambing dah lepas dari kandang, baru nak periksa ensel.

Tapi syabas, baik lewat dari tak buat. Harap garang dan lantang sikit bila

Az_wants's Gravatar Az_wants

June 15, 2009 at 11:58 pm | Permalink

Tun,saya rasa kebelakangan ini percanggahan tentang pendidikan sering timbul disebabkan berlakunya kekeliruan di kalangan masyarakat,serta kurangnya kajian tentang sesuatu isu itu.Cenderung sekali orang ramai menilai sesuatu isu tanpa kajian yang mendalam tentang kesan,akibat serta punca sesuatu isu.

Sebagai contoh PPSMI,bagilah apa alasan sahaja pun,tetapi akhirnya semua orang terpaksa akui,masyarakat melayu amnya menolak PPSMI kerana kkuatir Bahasa Malaysia dianaktirikan dan bangsa lain pula enggan mengiktiraf bahasa Malaysia.

Tetapi dari segi akibatnya,tanpa penguasaan Bahasa Inggeris,bangsa melayu adalah yang paling rugi kerana syarat wajib memasuki peluang pekerjaan di sektor swasta adalah kemahiran berbahasa Inggeris.Dalam hal ini,Kerajaan mungkin bersalah,kerana gagal memberikan fakta serta statistik yang jelas untuk kenapa penguasaan bahasa Inggeris itu perlu dan kenapa ia baik untuk masyarakat melayu.

Saya tidaklah menentang PPSMI ini,tetapi rintihan masyarakat melayu tetap ada logiknya.Tetapi bagi saya perjuangan yang sebenarnya seharusnya adalah perjuangan mewajibkan semua syarikat swasta Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi seperti di negara Jepun,kemudian barulah bahasa Malaysia mampu menjadi bahasa Ilmu.Namun,ini semua mungkin angan-angan,kerana ekonomi Malaysia sendiri adalah ekonomi yang sangat bergantung serta belajar dari dunia luar.Oleh itu,kita terpaksa akur,belajarlah ilmu dalam bahasa apapun Perancis,Korea,Jepun,akhirnya bahasa Inggeris adalah penentu untuk mendapat kerja,mungkin juga bahasa mandarin sedikit membantu,"sigh",minta maaf bukan saya cakap tapi dalam iklan kerja.

Bagi saya,PPSMI adalah yang terbaik buat bangsa melayu pada masa ini,tetapi kurangnya kesungguhan kerajaan berusha dalam memartabatkan bahasa Malaysia turut menimbulkan kerisauan.

Ir. Syahrizan's Gravatar Ir. Syahrizan

June 15, 2009 at 10:06 pm | Permalink

Snippet:

I still remember when I was in the school... my English teacher told the class to write a very short essay. So my classmate wrote a master piece essay that captures everybody's attention... he wrote it in Malay first than translate it into English later... it goes something like this...

“Suatu hari saya bawa kereta, tetiba kereta tersebut tidak dapat berhenti, saya tekan brek, tak henti, saya tekan lagi, tak berhenti juga. Apabila saya berjaya menghentikan kereta, saya keluar dari kereta dan mendapati tayar sudah kehabisan bunga...”

Then he translate it into English;

“Once upon a time I drive my car, I brake-brake no stop, I brake-brake no stop, I go out from the car and see tyre no flower (I think he meant thread)...

Now he works with the Government holding high position and paid with a very high salary... and to my surprise he still translate Malay to English directly. I hope not all government servant are like my friend (God prohobits, :P).

Have a nice day Tun!

pppz's Gravatar pppz

June 15, 2009 at 8:39 pm | Permalink

Salam YAB Tun,

Menuntut ilmu adalah fardu atas setiap muslimin dan muslimat. Agama pula adalah untuk mereka yang berakal sahaja. Orang yang mula-mula mendapat sijil, ijazah serta surat-surat perakuan seumpamanya adalah daripada

ilmuan-ilmuan yang berpengalaman dan berilmu pengetahuan serta pakar didalam pelbagai bidang dan mereka sendiri tidak ada sijil ataupun ijazah.

Sijil dan ijazah dianugerahkan oleh sekolah atau pusat pengajian yang telah mengajar ilmu-ilmu yang diperturunkan kepada murid-murid yang telah tamat belajar segala matapelajaran yang diperkenalkan oleh sekolah tersebut dan sebagai pengesahan pemilik sijil dan ijazah tersebut adalah seorang yang berilmu.

Tujuan sebenar menuntut ilmu itu bukanlah semata-mata untuk memudahkan seseorang untuk mendapat kerja sahaja malah lebih penting lagi seseorang itu mengetahui cara dan kaedah untuk dapat mengembangkan lagi pengetahuan untuk mencari lain-lain ilmu bagi tujuan mencari dan mengenali segala rahsia dan untuk mencari dan mengenali kebenaran.

At the end of the day, only the truth will set you free. Kebenaran itu datang dari Maha Pencipta iaitu Tuhan pemilik alam semesta. Segala ilmu yang ada seharusnya bersumber dan seharusnya merujuk kembali kepadaNya sebagai satu titik permulaan segala rahsia dan segala ilmu.

Tiada gunanya seseorang itu berilmu tanpa beramal begitu juga tiada gunanya seseorang itu beramal tanpa berilmu dan tidak tahu pula apa yang sedang diamalkan itu.

wassalam.

samuraimelayu's Gravatar samuraimelayu

June 15, 2009 at 7:10 pm | Permalink

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN

IZINKAN,

MAKANYA KINI TERDAPAT RAMAI ULAMAK YANG BERPENGETAHUAN DARI YANG BERILMU TERUTAMANYA DALAM TAFSIRAN ALQURAN DAN ADA YANG MEMESONGKAN SEPERTI BERKATA ' ALLAH PERNAH MENCARUT' DAN ADA PULA DISAMA ERTIKAN ALLAH DANGAN TUHAN.

JIKA SIFAT ALLAH SWT ITU ADALAH 'MAHA' MAKA DALIL AKAL KAMI AKAN MENYOAL 'ADAKAH ALLAH MAHA PENCARUT?' DAN ADAKAH SYAHADAT BOLEH DITERJEMAHKAN SEPERTI BERIKUT ' TIADA TUHAN(ALLAH) YANG KU SEMBAH MELAINKAN TUHAN (ALLAH) ATAU TIADA 'ALLAH'(TUHAN) YANG KUSEMBAH MELAINKAN 'ALLAH' (TUHAN)?'... NAUZUBILLAH..

TIDAK KAH GILA ISIN DIBUATNYA ANAK2 MELAYU/ISLAM YANG MASIH BERSEKOLAH DIMASA DEPAN?

KAMI MOHON AMPUN KEPADA PARA PEMBACA MUSLIMIN DAN MUSLIMAT.

ALFATIHAH, AMIN.

akumelayu's Gravatar akumelayu

June 15, 2009 at 5:35 pm | Permalink

SALAM TUN....

Nampaknya isu sekolah ini mmg hangat utk dikomen .Saya jg rasa simpati pd nasib sebangsa kita di sbrg tambak yg turut serta dlm blog Tun ini. . Itu semua adalah sebagai ingatan pd kita org melayu di sini yg masih boleh mengubah nasib kita selagi ada Kuasa di tgn org melayu. tak mustahil jika kita terlampau leka dan asyik bertelingkah sesama kita tentang isu2 remeh akhir nya melayu lemah maka kita pn akan mengalami nasib yg sama .
NAUZUBILLAH.Mintak2 dijauhkn ALLAH hendaknya .

Tak payahlah kita nak menyalahkan kerajaan,sekolah,cikgu,sistem @ menteri pljrn dan jg pelajar itu sendiri. bknnya meringankn masalah pn...Yg jelas satu post mortem harus dilakukan terhadap tahap pendidikan skrg ini. cikgu skrg dgn cikgu dulu pd saya masih sama . Tugas mereka mengajar. Tp bebanan tugas cikgu skrg lebih mencabar. Bkn saja terpaksa mengjrt tetapi terpaksa membuat pelbagai kerja tmbhn... pelbagai laporan terpaksa disiap kn.terpaksa mangikuti pelbagai kursus.. jg terpaksa menangani karenah anak murid . Ibu bapa skrg bkn mcm ibubapa zaman kita dulu.Silap sikit cikgu jumpa dimahkamah la jwbnya.

Bt NASHA EDWIN.... terimalah kritikan dgn hati terbuka. Setiap manusia tak lari dr melakukan kesilapan.. Kesilapan mengajar kita supaya menjadi lebih tabah..Jgn kita mengulangi kesilapan yg sama lg. Terima kasih Tun.Semoga Tun dipanjangkan umur dan sihat selalu..

mgpunya's Gravatar mgpunya

June 15, 2009 at 3:35 pm | Permalink

YABhg Tun,

He rode the Ministry...made use of the Education network....

Pump in so much money constructing this and that and mind you just in time for election too....contractor happy....politician happy...

teachers happy...gave him the Vice seat..lah ofcourse!!!

RIP...MALAYSIAN EDUCATION !!

lani's Gravatar lani

June 15, 2009 at 3:31 pm | Permalink

Tun.,

saya sekolah dari thn 1976 -1986 drj 1 – tgktn 5.

selama 10th belajar BI dan lain mata pelajaran.

selama 10th tu saya masih lagi tk fasih BI.

Org klu cakap BI saya faham tapi bila nk jawab tk tahu nk cakap.

Tk tahulah kat mana silapnya. Samaada saya bodoh, guru yg membosankan, pihak sekolah atau dasar pendidikan negara pd masa tu tk pentingkan BI. Pd masa tu mentri pelajaran bertukar 2 atau 3 mentri. Pm nya Tun Hussin dan TUN M. Ruang utk salahkan kerajaan tetap ada!!! Jadi pd mentri pelajaran skrg buatlah yg terbaik utk anak kita skrg demi kebaikan generasi akan datang. Jgn Takut buat keputusan.

Biar kita kalah dlm pilihan raya asalkan keputusan kita hari ini baik dan betul. Rakyat akan ingat...

ezani's Gravatar ezani

June 15, 2009 at 3:17 pm | Permalink

Salam Tun

Dengan sedihnya, saya terpaksa setuju dengan kenyataan Tun dalam blog ini. Memang dari dulu lagi dan pada masa persekolahan saya lagi, kadang2 boleh terjadi ketidakcekapan dalam sekolah.

Pada masa kini, keadaan persekolahan moden di Malaysia sangat berbeza. Pada masa sekarang terdapat ancaman gang-gang, dadah, ketidakselamatan berjalan ke sekolah malah berada di kawasan sekolah, guru pun mungking tidak selamat dan murid-murid dibebani dengan terlalu banyak ilmu dari pelbagai sudut – mereka mungkin sangat keletihan dengan pembelajaran waktu pagi disusuli pula dengan kelas agama atau tuisyen atau sukan pada waktu petang. Ini pulak mereka terpaksa membawa beg dan buku-buku yg berat-berat pada bahu mereka.

Anak saya baru 3 tahun lebih dan saya mahu lihat apa akan terjadi padanya apabila dia mendaftar untuk Darjah 1 nanti.

Pada keseluruhannya, sistem persekolahan asas kita (darjah dan menengah) tidak cukup canggih untuk menghasilkan warganegara2 yg outstanding yg boleh memberi persaingan dunia. Saya lihat di tahap universiti sahaja kita mempunyai universiti2 yg bertahap antarabangsa tapi bawah dari itu, sekolah kita biasa sahaja dan dilemahkan lagi dalam pembelajaran dalam Bahasa Malaysia dan tidak mempunyai teknologi pendidikan yg bermutu tinggi, moden dan canggih.

Dari segi perbezaan kaum dan kekayaan juga, saya nampak bahawa orang yg kaya2 sahaja yg boleh menghantar anak2 mereka to the 'best schools'. Dan kadang2 ini merupakan sekolah international ataupun dihantar keluar negara. Saya sendiri dihantar ke UK pada tahap A-Levels saya dan saya mengaku sistem di sana tidak boleh dibandingkan dgn sistem di sini. Dan saya khuathir orang-orang kaya UMNO tahu keadaan sebenar dari sejak dulu lagi tetapi saya nampak tidak mahu membuat apa-apa. Mereka hanya mementingkan anak mereka sendiri yg dapat pergi overseas tapi saya nampak masa Tun, pembahagian biasiswa JPA agak baik (saya tak ingat siapa Menteri Pendidikan Tun pada masa itu).

Tetapi sekarang pembahagian biasiswa is very poor. There is also a lot of complaints of unfairness and lack of meritocracy in the giving of places and scholarships in local universities and colleges and I have read and believed this to be true. We must Hishamuddin and now Muhyiddin what's going on. Even now, the majority of the Malay-based Malaysian public disagree with making English compulsory sso what more having the subjects Mathematics and Science taught in English. Hai...such a very narrow minded and shortsighted view our Malays have. Later on when we are left behind by other nations, baru kita nak insaf.

ahmadfikhri's Gravatar ahmadfikhri

June 15, 2009 at 2:25 pm | Permalink

salam Tun,

Pendapat saya, subjek english perlu diwajibkan sebagai syarat untuk lulus SPM. Jadi, pengajaran matematik dan sains dalam bahasa inggeris tidak perlu dilaksanakan. Saya bukan menentang pengajaran sains dan matematik dalam bahasa inggeris. Tapi bagi saya, laksanakan berperingkat2. Mulakan dengan sekolah2 berasrama penuh dahulu. Tentang pengurangan subjek teras SPM, saya berpendapat tidak wajar dikurangkan. Subjek seperti sejarah, agama islam perlu diwajibkan. Sejarah dapat mengajar kita tentang sejarah perjuangan orang2 lama serta penjajahn negara. Sejarah mengajar kita bagaimana sikap pembesar2 melayu yang dari dulu tidak putus2 berebut kuasa sehingga ke hari ini. Tapi, saya cume boleh bagi pendapat. Suara saya takkan dapat didengar oleh orang atasan. Mintak tolong tun sampaikan kepada org atasan. Terima kasih.

buntat's Gravatar buntat

June 15, 2009 at 1:49 pm | Permalink

salam tun dan rakan blogger

dunia kini dilanda wabak “instant”

penghibur segera

cepat kaya (usaha sikit aka usaha bijak)

diploma,ijazah,sarjana,phd pon da jadi segera

belajar 1 tahun,dapat 2 ijazah (silap2 boleh jadi 3)

tak perlu ke kelas,tak perlu jumpa guru,tak perlu paham

yang perlu hafal,ulangkaji dan tulis dalam peperiksaan

kat mana berkat ilmu dan berkat guru?

setuju jika dikatakan ramai yang menuntut ilmu semata kerna sijil,nak kerja baik,gaji besar

belajar untuk dapat ilmu da x jadi keutamaan.

mana2 pelajaran yang susah,rendahkan gred..kualiti?

jangan kita manjakan sangat generasi akan datang ni

cabaran untuk mereka lebih dasyat menanti di hadapan

kita kena didik mereka agar lebih lasak dan tahu susah mencari ilmu

biar mereka menghayati ilmu,bukan mengingati ilmu.

kepada rakan blogger

abaikan saja spesis kurang akal (nasha edwin)

x dapat diselamatkan lagi da...kronik sgt da tu...

reen_jubailcity's Gravatar ree_n_jubailcity

June 15, 2009 at 1:38 pm | Permalink

Assalamualaikum..

Tentang isu Bahasa Inggeris yang selalu dipolitikkan..saya cukup tak faham kenapa isu pendidikan anak2 perlu dipolitikkan dan selalu dipinda walhal memang terbukti sejak pembelajaran matematik dan sains dalam bahasa inggeris,ramai yang akui ianya berada ditahap yang membanggakan.Sekiranya isu pelajar di luar bandar tidak dapat menguasai,seharusnya pihak kerajaan mengambil inisiatif melipatgandakan usaha untuk pelajar luar bandar bukan terikut dengan telunjuk dan desakan pihak luar.

Pihak Kerajaan seharusnya sedar sudah terlalu banyak wang dilaburkan untuk 'mengajar guru- guru ' dari segi latihan dan prasarana...juga buku2 yang perlu ditukar semula jika isu pembelajaran sains dan matematik ini terpesa dipinda semula.

Berbalik kepada isu tidak wajib lulus bahasa inggeris,saya amat terpenggil untuk mengutarakan isu ini kerana saa dan keluarga adalah antara keluarga yang terpilih untuk berhijrah ke bumi arab atas urusan kerja,namun isu bahasa membuatkan rakyat Malaysia agak ketinggalan dalam merebut peluang untuk berada di tahap agak selesa berbandung rakyat dari negara India.Puncaya hanya satu...BAHASA INGGERIS.Ini diakui sendiri oleh majikan berbangsa arab.mereka akui, rakyat Malaysia mempunyai pengalaman kerja yang jauh lebih baik dari rakyat negara India serta amat tekn dalam melakukan sesuatu tugas,namun atas sebab kurang fasih berbahasa inggeris berbanding rakyat dari negara tersebut,rakyat kita terkejauh...

p.s- Warga Arab terlalu menghargai Tun.Saya amat2 terharu.Bila kita berada ' di luar'barulah kita hargai apa yang kita ada...Tahniah Tun!!!

OrangLama's Gravatar OrangLama

June 15, 2009 at 1:20 pm | Permalink

Salam,

Tun kata:

5. Sijil dengan sendirinya tidak akan melayakkan kita untuk apa-apa. Yang melayakkan kita ialah ilmu-ilmu yang sijil berkenaan menyenaraikan telah dikuasai oleh pemegang. Oleh itu jika kita kurangkan ilmu yang diwajibkan supaya kita lulus dengan mudah, catitan dalam sijil tidak punyai makna lagi. Sijil sudah tidak berguna lagi.

Pandangan saya:

Kita semua sedia maklum di Jabatan kerajaan(perkhidmatan awam) , sijil itu perkara paling penting. Lagi cemerlang keputusan yang terdapat dalam sijil lagi bertuahlah pemilik sijil itu. Kerja sendiri dan juga kerja swasta sijil penting tetapi pengalaman sangat diutamakan. Kenapa?

Mohon maaf, jika saya katakan sistem pendidikan Malaysia GAGAL! Objektif pendidikan formal dari segi konteks pekerjaan ialah menimba ilmu cara pantas yang mengambil masa lebih lama berbanding pengetahuan yang diperolehi melalui pengalaman.

1. PASARAN PEKERJAAN

Contoh Seorang juruteknik berkelulusan SPM mengambil masa 5 tahun untuk mencapai sesuatu kemahiran melalui pengalaman bekerja dengan seorang berpengalaman di bengkel. Sepatutnya pelajar lulusan Diploma kursus 3 tahun dalam bidang sama sepatutnya lebih mahir dari juruteknik yang tidak mendapat pendidikan formal. Beliau dididahkan kepada pelbagai guru/pensyarah, buku teks, peralatan terkini dan pelbagai kemudahan.

Seorang lulusan Ijazah Pertanian tak tentu boleh bersaing dengan ayahnya seorang petani berpengalaman. Kenapa? Saya katakan sistem pendidikan negara kita telah GAGAL. Gagal, sehingga lulusan Ijazah Universiti tempatan terpaksa berebut jawatan kerani yang sepatutnya disandang oleh lulusan SPM. Gagal jika ramai lulusan Universiti mengganggu atau bekerja tak mengikut bidang yang telah dipelajarinya di Universiti. Ini semua pakai duit rakyat! Universiti sebagai menara gading yang selalu disebut 2 tahun 70an dan 80an TIDAK tepat zaman sekarang. Peniaga komputer (bukan bumi) ramai yang hanya lulusan SPM/STPM tetapi mempunyai pengetahuan lebih canggih dari pensyarah komputer Universiti dari segi kegunaan harian. Pensyarah Universiti banyak teori tetapi kurang pengalaman. Anak murid yang terhasil dua kali lima. Guru2 lulusan Universiti dua kali seperti Pensyarah dia kat Universiti. Pelajar2 sekolah pula dua kali lima seperti cikgu mereka. Anak2 sekolah yang belajar kimia tentu pernah dengar perkataan "Chain reaction". Yang tak berjaya di sekolah, lagi bermasalah nak dapat pekerjaan. Bina kekuatan fizikal supaya boleh bersaing dengan buruh luar negara?

2.SALAH SATU PUNCA IALAH KECEMERLANGAN PADA SIJIL

Setiap tahun pencapaian kecemerlangan anak2 Melayu STPM, SPM, UPSR, PMR di perbesar2kan dalam akhbar dan TV. 19A1 SPM dan sebagainya. Ramai pelajar Melayu cemerlang. tetapi berapa pula bilangan pelajar Melayu yang dapat kelas pertama di Universiti. Yang dapat kelas pertama itu pun tak pasti yang beliau boleh "deliver" hasil pembelajarannya ?

Para Pensyarah Universiti asyik menang pingat di Pamiran Antarabangsa. Dapat "sijil" emas di merata2 seluruh dunia. tetapi sayang Universiti2 terkemuka luar dunia tak bertanding sama2. kenapa? Produk yang tercipta di Universiti berapa banyak dah jana pendapatan untuk negara hasil paten? Kalau Pensyarah dua kali lima, cikgu lulusan Universiti seterusnya murid2 sekolah terlibat menghasilkan masyarakat Malaysia dua kali lima juga!

3. CADANGAN PENYELESAIAN

*****YANG PALING PENTING IALAH PENGISIAN ILMU ! Jangan duk main hentam cipta dan ubah sukatan sesuka hati. Semak betul2 untuk apa. Yang belajar teori set di sekolah untuk Matematik boleh digunakan di Universiti untuk semua bidang ke atau untuk cari kerja peringkat SPM ke? kalau tidak, ajar sikit2 cukup lah. Yang penting diutamakan! Yang kurang penting dikurangkan! Kalau untuk pengetahuan saja, la ni orang boleh timba ilmu melalui internet dan buku2 di kedai buku! Kalau untuk masuk Universiti belajar berlatih berfikir, buat apa susah sangat belajar bertahun2?

****MODEL SISTEM PENDIDIKAN IKUT SATU NEGARA SAHAJA . Jika nak ikut sistem Amerika, ikut semua dari sekolah rendah sampai ke tahap tinggi PhD. Jangan campur aduk sistem US, UK dan Jepun sehingga jadi Sistem Pendidikan Rojak Malaysia!(tiada kaitan dengan SPRM!) Hanya perlu ubah bahagian agama, moral dan negara sahaja! Yang lain2 tak payah lah. Pendidik2 negara maju dah buat kajian dan masih meneruskan kajian sistem pendidikan depa,tak perlu bersusah payah buang masa dan wang ringgit duk mengubah2 dan mecipta sistem baru (sekarang baharu? Ini YB Karpal punya hal ke?) . Apa yang perlu ialah kita ubah ialah fikiran kita.

PERANAN GURU SEKOLAH DAN PENSYARAH Unversiti mesti dinamik. Ikut perubahan zaman. kenapa perlu guru? Kenapa perlu Pensyarah? Apa yang ada kat depa yang pelajar tak boleh jumpa internet? Tak boleh jumpa di rumah? Tak bole jumpa di pusat membeli belah atau pasar malam? Apa yang boleh mendorong budak2 lelaki Mat Rock pi sekolah. Kalau cikgu tak berjaya bagi budak2 yang tiada masalah keluarga atau kesihatan minat belajar, maka cikgu GAGAL. Kementerian Pendidikan dan Universiti dah tersilap pilih saudara/i sebagai guru sekolah.

Cikgu! Semasa saya sekolah saya masih ingat ramai anak2 murid kurang ajar. Ada yang belash cikgu tetapi cikgu2 saya sangat menyanjungi tugas guru depa tidak berdendam malahan bersabar dan terus mendidik. Cikgu yang tak sabar terus belash anak murid. Tapi sekejap saja. Lepas tu jadi normal. Alangkah baiknya cikgu2 sekarang berdedikasi seperti guru2 dahulu! La ni cikgu duk asyik mengeluh gaji rendah, peluang kenaikan pangkat susah dan banyak kerja ko-kurikulum. Yang sebenarnya saya paling kasihan gaji bomba dan polis. Fikir lah kenapa?

Cikgu , kalau tak berminat kerja, berhenti sajalah. Cari kerja lain . Atau jika wanita jadi surirumah lebih baik. Sorry Nanti anak Tun (Datin Marina) marah kalau ada unsur anti perempuan dalam pandangan saya .

Cik gu perempuan ramai sangat kat sekolah, macam mana nak ajar budak lelaki? Ada nak jadi saintis,polis, penyanyi, ahli politik, doktor, pelumba motor dan lain2. Cerita dari bapanya depa dah jemu. Asyik kata bapanya suka memebel saja. Depa Nak cerita dari pihak lain.

Jadi cikgu lelaki kena ramai kat sekolah. Budak lelaki, remaja peringkat umur perseklahan melalui proses "identity crisis". Depa tak sama dengan sifat perempuan seperti cikgu perempuan. Depa minat application berkaitan "kelakian" .bagaimana bom atom terhasi!! Cerita yang mudah difahami dahulu, baru lah cerita teknikalnya secara mendalam! belajar fizik cerita prinsip engin motosikal. Bagaimana centripetal or circular acceleration digunakan untuk pelumba motosikal mengawalinya supaya tidak terbabas dari gelanggang. Gunakan biologi menerangkan kepada pelajar lelaki tentang hal2 kekelakian (jangan melampaui batas cukup lah!) cerita lah menarik sesuai dengan jantina pelajar! Jangan hanya ambil contoh dari buku teks saja, kerja lebih sikit. Tak kan tak ade masa?

Mungkin pihak Kementerian boleh ambil kira faktor motivasi kepada pelajar sebagai satu perkara penting untuk kenaikan pangkat Guru.

KESIMPULAN SAYA

Bukan jumlah subjek atau keputusan sijil tetapi mutu ilmu yang diberikan kepada pelajar adalah penting.

Mohon maaf jika terkasar bahasa dan sakit hati dengan pandangan saya. Pandangan saja.

MII66's Gravatar MII66

June 15, 2009 at 12:26 pm | Permalink

Salam Hormat TDMM & TDSH,

Can't agree more with what you have posted. The same thing that I have and will continue to share with my children and my subordinates. I have told them, result is secondary but understand what you have learn is more important! No point getting As when you only memorized your knowledge without understanding them.

THANK YOU SIR !!!

husni tajuddin's Gravatar husni tajuddin

June 15, 2009 at 12:21 pm | Permalink

Assamualaikum Tun dan keluarga. semoga sentiasa diberkati tuhan dunia dan akhirat. Terima kasih kerana menjadi PM yang paling berjaya memajukan orang melayu dari segi keterbukaan minda, sehingga sanggup menerima siapa jua untuk jadi rakyat malaysia. Walaupun pahit tapi org melayu tetap telan. Bukan saya menafikan PM yang lain, mereka juga berjaya dalam memajukan melayu dan malaysia tetapi Tun mempunyai kelainan dari segi pembangunan negara ataupun insan, selalunya ada penentangan pada pemulaan tetapi akhir semua akan setuju. Saya amat tertarik cara Tun mentadbir dari segi perkauman, kerana pada masa Tun jadi PM soal perkauman ini tidak banyak ditimbulkan, kalau adapun ia dapat di tangani dengan baik. Akhir-akhir ini masalah ini amat serius sekali dapat kiranya Tun memberi nasihat dan pendapat kepada PM yang ada. Bukanlah saya menafikan kebijaksanaan DSN tetapi sebagai yang baru jadi PM apalah salahnya menerima pendapat dari yang lebih tua lagipun bolih di anggap sebagai bapa. Satu lagi soal chin peng yang laknat ni, saya ada dengar cerita ramai di kalangan org alim dan pandai agama hilang pada zaman darurat dulu, ada setengah mengatakan mereka ini hilang di culik komunis semasa pergi atau pulang dari surau atau masjid. Perkara ini banyak berlaku di Batu Pahat sebab itu berlaku perang yang di pimpin oleh Panglima Kiai Salleh. Kalau Tun tahu tentang ini dapatlah Tun ceritakannya di blog ini sekian terima kasih. wassalam.

silvertreezero's Gravatar silvertreezero

June 15, 2009 at 12:06 pm | Permalink

Asalamualaikum wrth Tun. Semoga Tun senatiasa dilindungi oleh Allah SWT selalu. Saya memang mengagumi sejarah hidup Tun. Saya juga gusar akan apa yang bakal terjadi pada nasib Melayu kita. Makin hari makin berleluasa masalah gejala sosial. Apakah salah ibu bapa, kalau salah mereka, bagaimana Zaman Bapa Tun berjaya mendidik Tun namun mungkinkah gejala banyak minum susu lembu membuatkan melayu makin terpinggir. Saya perhatikan Melayu yang kaya akan bertambah kaya, manakala melayu yang miskin hidup mereka terus terpinggir. Minta Tun komen sedikit perkara ini dan peranan kerajaan dalam menangani Kemunduran Melayu masa kini. Kaum lain kadang2 tidak pun pandai sangat macam Melayu kita, Namun mereka berjaya menguasai ekonomi kita. Tq TUN.

abu talib's Gravatar abu talib

June 15, 2009 at 11:51 am | Permalink

Whether it is nangka or jackfruit, we are barking at the wrong trees !!!

1. Masalah yang timbul dari pelaksanaan PPSMI (atau ketidaklaksanaannya) sepatutnya mengajak kita para guru dan ibubapa memikirkan soal "apa yang perlu kita buat?", memandangkan orang politik dan pegawai Kementerian mana mungkin faham masalah di lapangan. Kurikulum dan buku teks bukan masalah tetapi terdapat perbezaan ketara antara apa yang patut di ajar (iaitu yang ditentukan oleh silibus yang mana outcome hanya akan dicapai kalau diajar mengikut apa yang disusun dalam buku teks) dengan yang diajari – the taught curriculum- di mana di ajar secara rambang menggunakan buku model exam yang mengasah murid hafal dan terjemah senarai corpus (sekitar 500 perkataan peringkat UPSR?). Jadi taught curriculum macam buffet. Boleh pilih nak mula dengan pembasuh mulut dahulu, appetiser tengah, main course akhir sekali, misalnya.....tidak megikut kaedah asas bahasa yang memerlukan aktiviti latihan tubi – listening, reading, writing dan speaking. Bukan mute testing demi mute testing. Kalau ini tidak dirungkaikan, kita boleh lupa ide mewajibkan lulus Bahasa Inggeris dalam SPM kerana ini akan membuahkan ribut baru nanti.

2. Sementara semua pemikir mencari jalan keluar dari kekalutan dasar PPSMI, apa kata kita lihat isu ini dari konteks keperluan sebenar pelajar, dan bukan semata-mata dari sudut menentukan mereka dapat hidup atau “survive” dalam konteks peperiksaan sahaja. Hari ini isu Bahasa Inggeris dan kedudukannya dalam sistem pendidikan negara dilihat oleh masing-masing yang mempunyai pendapat dari beberapa perspektif berbeza, seperti cerita 8 orang buta yang cuba menyatakan perihal rupa gajah.

3. Pelajar yang tidak menguasai Bahasa Inggeris tidak dapat menikmati keseronokan dari proses pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris kerana kegiatan berfikir tertumpu kepada percubaan meneka maksud perkataan, sebagaimana proses sama semasa belajar Bahasa Inggeris. Periksalah mana-mana blog guru dan kita dapat dengar keluhan bagaimana mereka rasakan mengajar kedua subjek itu tidak lagi menyeronokkan.

4. Kalau dahulu pelajar dapat berbincang sesama mereka selepas kelas sains, misalnya mengenai satu topik sains yang menarik, tetapi kini aktiviti itu terhad kepada proses nak tahu makna atau macam mana nak eja misalnya. Dasar PPSMI sebenarnya bertentangan dengan logik kaedah pendidikan, dan paradoks dalam pelaksanaannya ialah, yang rugi pelajar Melayu – ilmu sains tak dapat faham sebab diajar dalam Bahasa Inggeris oleh guru yang mengajar gaya ‘Bahasa Inggeris’ itu dalam Bahasa Melayu untuk ‘beat the exam system’. Akhirnya murid yang dahulunya minat belajar sains melalui ‘instant understanding’ kini menjadi bisu dalam kelas kerana masalah Bahasa. Dasar yang digubal membuat kesilapan paling besar kerana tidak menumpukan kepada persoalan sebenar. Whether it is nangka or jackfruit, we are barking at the wrong trees !!! Paling sedih lagi soal kelemahan ramai pelajar dalam Bahasa Melayu (dysfunctional BM kecuali kalau yang dapat diguna ikut dialek tempatan) diabaikan. Bagaimana pelajar boleh kuasai bahasa kedua jika dalam bahasa pertama mereka lemah? Dengar khabar ada National Brains Trust on Education tetapi mana brain-nya?

5. Oleh itu para guru perlu mengambil inisiatif untuk “fine-tune” dasar supaya pelajar tidak rugi, dan inisiatif ini perlu diambil tanpa menunggu imbuhan atau baucer. Kenapa di sekolah Cina ada perbezaan pelaksanaan dasar ini? Tentu sekali kerana mereka mengambil langkah ‘damage control’ dalam menghadapi dasar pelik ini.

6. Petikan dari tulisan chedet bertajuk “Orang Ulu”, menunjukkan beliau tidak mengambil kira perbezaan sistem pendidikan yang dilalui oleh orang ulu dahulu dan orang sekarang, sama ada yang di ulu atau di bandar. Dahulu pelajar yang mendapat A dalam subjek Bahasa biasanya disertai juga keupayaan tahap A membaca dalam Bahasa tersebut. Kini pelajar yang digred A tidak semestinya boleh membaca. Mungkin kemahiran yang di asah sekarang ini ialah kemahiran menghafal dan meneka. Ketika Dr M mengubah dasar menjadi PPSMI beliau tidak mengambil kira hakikat bahawa semua dasar Kementerian tidak semestinya akan terlaksana di lapangan. Perubahan dasar boleh dibuat 1000 kali tetapi perlu ambil kira sikap guru, desakan ibubapa, kelemahan bahasa guru yang mengajar, guru bersikap malas, sikap sekolah yang mengutamakan pelajar terbaik sahaja bagi menjaga rekod keputusan peperiksaan sekolah dll. Murid yang tercorot dibiarkan tercorot.

7. Adalah lebih tepat kalau subjek matematik dan sains diajar dalam Bahasa Melayu, yakni dalam bahasa yang sudah difahami pelajar. Pada masa yang sama guru tanpa perlu tunggu arahan Kementerian, mewujudkan dan menggerakkan subjek kokurikulum baru “English for Science & Technology (EST)”.

8. EST boleh dijalankan sebagai Extensive Reading Programme, melibatkan kaedah TUNAS EHSAN dan menggunakan buku teks sedia ada dalam Bahasa Inggeris sebagai bahan bacaan atau “class readers”. Memang banyak software tetapi kita perlu mula dari asas, iaitu mengajar membaca menggunakan hardcopy. Ini sebenarnya lebih mudah kerana buku yang digred banyak mempunyai audio/boook set.

9. Memandangkan pelajar yang kukuh dalam bahasa pertama akan mudah menguasai bahasa kedua, pelajar yang diwajibkan mengambil EST hendaklah terlebih dahulu mendapat A dalam Bahasa Melayu, sebagai “prerequisite”.

10. Jadi kalau semua sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu, dan pada masa sama menjalankan program EST di mana pelajar digred mengikut ujian amali

kebolehbacaan, maka sekurang-kurangnya pelajar yang di pilih ke sekolah elit terdiri dari mereka yang bukan sahaja A dari segi teori tetapi fasih membaca dari segi praktik.

11. Dasar PPSMI dirangka dengan niat yang baik tapi beserta dengan keghairahan Pegawai (kerana ini bererti lebih banyak dana yang mereka boleh uruskan, lebih banyak kontrak baru) melaksanakan tanpa mengambil kira pendapat dan perasaan guru di sekolah, dan ibubapa di rumah serta realiti di lapangan. Setiap kali Dasar di ubah perbelanjaan besar diperuntukkan bukan sahaja dalam menyediakan Bahan dan Latihan tetapi juga memberi elaun galakan dsbnya. Kenapa gagal juga sedangkan melibatkan perbelanjaan besar? Ini ada kaitan dengan sikap guru yang malas menyiapkan kebolehan diri seperti yang dituntut oleh dasar, malah dalam banyak situasi di sekolah tumpuan kepada peperiksaan menjadikan semua dasar tertakluk kepada ritma peperiksaan, dan dipengaruhi oleh tekanan dari ibubapa untuk seberapa banyak A dan mendapatkan tawaran dari Sekolah Elit untuk anak-anak.

12. Kementerian boleh terus mengambil sikap kepala dalam pasir / “heads in the sands”, tetapi apa yang sudah berlaku dan pencapaian sebenar tidak boleh diubah hanya dengan menggilap laporan (spinning) untuk kepentingan politik tertentu. Ia mesti diubah dalam konteks “fine-tuning” bagi mendapat konsensus dan menyelesaikan polemik. Amat pelik kita belajar bahasa dengan mengambil sikap tak boleh membaca dalam bahasa itu tidak apa asal dapat A dalam peperiksaan. Kemudian datang gagasan tikus baiki labu bergelar PPSMI – sudah jatuh ditimpa tangga kita – murid itu kemudian diperlu belajar sains dan matematik dalam bahasa yang mereka masih menggagau. Tidak apa kalau mereka tidak faham dan diajar pula oleh guru yang sama ada malas atau malu melaksanakan dasar kerana tidak memiliki kebolehan dalam bahasa itu, malah hanya akan mengajar kalau diberi elaun imbuhan.

13. Pelajar yang tamat persekolahan rendah dan mempunyai kefahaman dalam sains dan teknologi kerana diajar dalam bahasa yang difahami, dan pada masa yang sama mula melatih menggunakan bahasa kedua bagi penggunaan peringkat lebih tinggi, akan lebih yakin mengharungi subjek itu di masa hadapan.

14. Pelajar yang dimomokkan oleh dasar PPSMI kini hilang peluang memantapkan ilmu sains pada umur muda, bak kata orang ‘yang dikejar tak dapat yang dikandung bercirikan’. EST boleh membetulkan arah asal dasar kerana kemahiran membaca yang digred dan dinilai akan membawa dinamika baru dalam budaya sekolah. Memandangkan guru juga sebahagian dari punca masalah kita tidak perlu ubah dasar tetapi ubah sikap guru dan ibubapa. Kalau ada program membaca seperti Tunas Ehsan sebagai sebahagian dari keperluan aktiviti pembelajaran, dan keupayaan ini pula digred dan diberi markah, dan perlu pula untuk mereka yang berminat ke sekolah asrama penuh, tentu kebolehan membaca merubah pemikiran pendidik, SEBAB MEREKA PERLU PANDAI BACA BAHAN ITU TERLEBIH DAHULU SEBELUM MENGAJAR MURID MEMBACA. Kaedah ini boleh menentukan murid digred melalui pertandingan membaca sebagai sebahagian dari ‘school-based assessment’. Ketelusan mana-mana sekolah yang mengred, sama ada kerana acuh tak acuh, silap atau bias akan diketahui jua nanti apabila murid mereka tidak lulus oral/reading test untuk ke asrama penuh.

15. Guru perlu bangkit dan “fine-tune” dasar dengan menggunakan “common sense approach” sekiranya mereka sayang akan pelajar, dan tidak memburukkan lagi keadaan dengan melihat sahaja atau mengambil sikap terikut-ikut seperti ‘si luncai terjun dengan labu-labunya’. Kaedah Tunas Ehsan [<http://www.akademiterrabaca.blogspot.com/>] berjaya membuktikan murid yang diajar membaca secara praktik, berstruktur, bermatlamat, digred dalam suasana seronok dengan bahan menarik akan terus melonjak keupayaan mereka, dan paling penting minat dan semangat baru dapat dilihat kerana mereka kini berupaya membaca dengan fasih dan mudah memahami dan mudah pula menguasai bahasa itu. Malah guru-guru kelas kepada pelajar yang melonjak hasil dari kaedah Tunas Ehsan memang mengakui ketepatan cara tetapi tetap masih mahu terikat dengan format peperiksaan. Mereka seolah-olah takut menggunakan rukun linguistik yang sepatutnya bagi pengajaran bahasa mana sekalipun, konon tidak boleh ubah cara kerana takut Jabatan Pendidikan Negeri mengambil tindakan. Apatah lagi ada JPN yang kenakan bayaran atas module yang dipaksa digunakan oleh sekolah. The student is no longer the syllabus.

16. Kalau ibubapa yang hantar anak ke kelas Qur'an tentu sekali mahu dipastikan terlebih dahulu dihantar kepada mereka yang dapat membaca dengan tepat dan fasih. Jadi langkah pertama ialah seperti Tun nyatakan "...kanak-kanak berkumpul di keliling guru (ustaz) di masjid dan membaca Al-Quran dan kitab-kitab dengan suara yang nyaring..." Ini perlu bagi semua bahasa. Kefahaman ialah proses susulan. Kajian ke atas sikap murid sekolah rendah sehingga pelajar peringkat universiti kita menunjukkan mereka tidak merasa pelik kalau mereka tidak dapat membaca basic english sekalipun. Mereka sudah dibesarkan dalam non-reading required environment; tidak perlu guna lidah untuk belajar bahasa. Salin 500 perkataan, cari makna dalam bahasa Melayu, teka jawapan ABCDE. Itu conditioning yang telah dilalui sepanjang zaman persekolahan. Bagi sains dan matematik pula boleh pilih menjawab dalam Bahasa Inggeris dalam UPSR tetapi mujur ada kertas soalan versi bahasa Melayu. Jadi boleh baca versi Melayu dan dengan bangga tanda jawapan dalam Bahasa Inggeris sehingga membolehkan Kementerian mengumumkan peningkatan pelajar yang menjawab dalam Bahasa Inggeris.

Whether nangka or jackfruits, we are barking at the wrong trees.

wari66's Gravatar wari66

June 15, 2009 at 11:05 am | Permalink

Salam Tun,

jangan terlalu sensitif pasal ilmu. Tun hanya lihat ilmu orang yang dok kat ateh jer. Ilmu orang yang dok kat bawah ni camner?

Ilmu bawak teksi, ilmu kimpalan, ilmu baiki kereta, ilmu wiring letrik, ilmu plaster syiling dan lain-lain.

Tun tau tak? nak pasang heater kat rumah, cina tu mintak RM200.00, tu baru upah, belum harga barang lagi...

Pasang paip kat rumah RM800 – RM1000.

Yang tu pun ilmu gak... tapi orang kita jarang ada, mat indon pun lagi pandai.

Memang belajar mende tak relevan ni. Memang buang masa.

Tun tau tak? ramai juruteknik yang berpendapatan lebih dari jurutera (baru).

Tun selalu tengok langit, tapi jarang tengok bumi.(kat situ kita nak pi nanti)

Belajar sejarah.... tak dak sapa nak praktikkan ...lagi pun nak praktik apaaa?

orang yang belajar sejarah kat universiti pun ... cam buta sejarah jer. Pastu putar-belitkan sejarah...(anwar berahim, hindraf, karpal singh dll....)

Belajar kimpal... leh kimpal kereta kemek ... kurang-kurang RM300(tu paling kurang tu...)

Saya ingat nak susun batu-bata buat rumah, tak yah bahasa inggeris kot? yang ni RM3000 – RM100,000.

Jadi... ilmu = duit

tun pun penah cakap dulu, jadik PM ni tak leh kaya cam orang busines kan?

Kedai baiki kereta kat rumah saya.. RM20,000 untung sebulan....

Banyak lagi la contoh saya leh kasi.... Lu PK la sendri....

Eh... lupa lak... guru silat saya, ngajar sampingan.... mau masuk RM2000 – RM3000 sebulan duit tepi.....

ilmu gak tu....

FAUDZI's Gravatar FAUDZI

June 15, 2009 at 10:10 am | Permalink

Salam sejahtera TUN dan semua

sebenarnya isu PPSMI ini dah terlampau dipolitikkan walaupun sudah terang lagi tersuluh bahawa ianya penting untuk bangsa malaysia. Matematik dan sains walaupun diajar dalam bahasa loghat daerah kelate, perak dan negori pun akan tetap ada yang tertinggal kecuali bagi yang berusaha keras untuk berjaya.

Justeru itu saya tidak nampak bahawa PPSMI akan menghancurkan bahasa malaysia dan jatidiri melayu bahkan ianya penting untuk kebaikan bangsa melayu, cina dan india dan semua kaun dimalaysia.

kamal ahmad's Gravatar kamal ahmad

June 15, 2009 at 10:07 am | Permalink

Salam Ayahanda Tun.

Pak Lah, you remember

sujini's Gravatar sujini

June 15, 2009 at 9:41 am | Permalink

Salam Dr Mahathir,

Terdahulu saya mengucapkan tahniah diatas penganugerahan “Honorary Doctorate of Humanity” oleh Universiti Tek. Lim Kok Wing baru-baru ini.

Semasa zaman persekolahan saya dulu ('60an-'70an) sistem pelajaran adalah berbeza bila dibanding sekarang. Semasa saya menduduki peperiksaan SRP pada tahun 1969, mata pelajaran ilmu alam (geography) dan sejarah adalah diwajibkan. Jumlah mata pelajaran yang wajib diambil hanya 9 sahaja. Pada tahun 1971 apabila saya menduduki peperiksaan MCE, walau pun saya dalam aliran sains tetapi mata pelajaran ilmu alam termasuk dalam kumpulan mata pelajaran (subject grouping) yang wajib diambil. Jumlah mata pelajaran saya ambil hanya 8 sahaja.

Apabila tiba zaman persekolahan anak-anak saya ('90an), MCE sudah ditukar menjadi SPM. Maka terdapat pula sistem dimana penuntut-penuntut boleh mengambil lebih daripada 10 mata pelajaran semasa peperiksaan SPM. Saya tidak tahu pula bila masa Bahasa Inggeris tidak termasuk dalam kumpulan mata pelajaran yang wajib lulus.

Pada pendapat saya , ini adalah gara-gara pentadbiran tiap kali bertukar Menteri dan Perdana Menteri. Jika Menteri dan Perdana Menteri yang bersikap acuh tak acuh tentang pembelajaran anak-anak Bumi khususnya maka hasilnya

mereka tidak kenal siapa itu Chin Peng. Mereka tidak tahu kenapa Singapura di dikeluarkan dari Malaysia. Mereka tidak tahu dimana letaknya Sarawak dan Sabah.

Oleh itu jangan salahkan anak-anak kita jika mereka tidak mengetahui sejarah negara sendiri mentelah lagi sejarah dunia. Tetapi salahkan pemimpin-pemimpin Melayu sendiri yang sentiasa bermurah dan berlembut hati untuk menunai segala permintaan kaum minoriti yang pada dasarnya bila diberi peha nak betis dan langsung tidak bersifat terima kasih.

icucu tok buyung's Gravatar icucu tok buyung

June 15, 2009 at 8:00 am | Permalink

TUN.

Sekarang heboh pasal bahasa dalam sistem pendidikan negara.

Saya syorkan kita kembali pada sistem 60han dan 70han. Siapa yang belajar di peringkat menengah ketika itu pasti maseh ingat. Waktu itu ada dua aliran di peringkat menengah, aliran Melayu dan Inggeris. Terpulung lah pada ibu bapa nak hantar anak2 mereka di aliran mana. Ini akan lebih adil. Dan juga dapat memuaskan hati semua pehak. 'Win win situation'.

Ketika itu tak timbul apa2 masalah pada pelajar untuk meneruskan pengajian mereka. Malah kedua2 aliran ini telah berjaya bersaing dan telah ramai berjaya di peringkat universiti. Malah sijil2 di peringkat MCE atau SPM termasuk lah HSC dan STPM ketika itu amat tinggi nilai nya jika di dibandingkan dengan sijil SPM dan STPM hari ini.

Ketika itu semua jawapan di buat secara subjektif bukan objektif.

Sekarang main gores dan menang.

Malah mata pelajarannya pun cukup menarik. Ada pelajaran sejarah, ada geography ada sains pertanian(Agriculture science)ada sains kesihatan(Health Science) untuk subjek pilihan. Cuma ada cuma 2 aliran. Aliran sains dan sastera. Kini ada perdagangan, akaun, seni dan entah apa2 lagi.

Entah apa yang berlaku selepas itu sistem pelajaran di tukar pada satu medium saja. Dan jawapan soalan banyak di buat secara objektif.

Untuk tidak 'bergaduh' antara rakyat dan kerajaan sistem ini dapat menyelesaikan kemelut yang dah berlarutan dan mengarut ini. Semua pehak nak mengikut rasa masing2 untuk memperjuangkan fahaman politik

bukan untuk masa depan anak2 mereka.

Tepuk dada tanya selera. Nak hantar anak belajar om puteh ker atau bahasa kebangsaan. Biarlah mak bapak buat pilihan. Selesai masalah.

Kerajaan hanya menyediakan guru2 terlatih dan mahir dalam bahasa om putih ni. Kalau tak ada guru tempatan, import dari Australia, Britain dan India.

Semasa saya di tingkatan 4 dan 5, guru bahasa Malaysia ialah Mr Sharma. Bila dia sebut 'Merah' bunyi nya 'Mere'.

Awang Teypin's Gravatar Awang Teypin

June 15, 2009 at 5:47 am | Permalink

Salam Sejahtera Tun,

Sistem Persekolahan atau pelajaran di negara ini telah mengalami pelbagai perubahan. Di ubah di rombak konon nya demi untuk kemajuan se iring dengan kehendak semasa.

Dah menjadi satu tradisi pula setiap kalinya tukar Menteri Pelajaran. Ada saja lah benda yang hendak di 'Fine Tune'nya konon. Kalau seponon pokok dengan bagini caranya di 'Trim'. Saya kira dah tinggal batang dan cabang saja yang boleh di-ubah-suai. Kerana daun-daun nya dah habis di trim.

Pada lewat enam-pulohan dulu, pada darjah empat. Kami telah di perkenalkan matapelajaran "Geography" dan "History" di sekolah aliran Inggeris pada ketika itu.

Pada peringkat Menengah pula Sijil L.C.E./S.R.P. pun masih BerBisa lagi.

Bila peringkat Sijil tersebut di mansuhkan. Maka bermula lah pelbagai Kaedah sistem pelajaran di cuba guna pakai, itu dan ini. Sehingga kini masih tak kena-kena juga. Masih tak sesuai di-pakai. Entah bila kah Sinderom ini akan berakhir.

Cikgu atau Guru-Guru dulu tak lah sehebat sekarang..berMaster,berPHD..!! Zaman tu Uztazah keSekolah masih berkebaya dan tak bertudung."Roti Panjang" atau rotan masih di kuat kuasa lagi.

Tapi bila makin maju, makin bertambah bijak dan pandai. Genarasi yang terkemudian ini menjadi mangsa. Bahan eksperimen ,sistem itu ini yang tak kena-kena. Entah kemana hala tuju nya. Dari satu hala kini dah semacam,berhala-hala di tambah dengan lorong -lorong "No-Entry". Ianya langsung tak boleh di sentuh-masuk..!!

Pada awal '70an Yang Berbahagia Tun pun pernah menjawat Potfolio tersebut. Maka saya kira Tun pun ada melakukan "Fine Tuning" demi untuk memperkasa dan memperhebatkan sistem yang ada ketika itu.

Dewasa ini pula,kadang-kadang perubahan itu terlalu drastik,"Flip-Flop" semacam tiada TANDA Aras kemana hala kah yang sepatutnya ditujui..!!

Adakah negara ini tiada Dasar yang perlu dijadikan garis panduan yang mana mesti . Mahu atau tidak mesti...wajib di ikuti.

Jangan lah Berlembut sangat...!!!

Wassalam. Terima Kasih.

kamal ahmad's Gravatar kamal ahmad

June 15, 2009 at 4:52 am | Permalink

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. Good morning Tun. I think that the government is just trying to find the best venue and the best way to let you down easy on the teaching of math and science in English. All the public feedback and channels into the pro's vs. con's of making English an un-compulsory subject is just diversion issue. At the end of the day, this is what happens when we put a

che dot's Gravatar che dot

June 15, 2009 at 4:05 am | Permalink

salam Tun,

moga allah memberi rahmat ke atas Tun,pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kerana berjaya mengurus tadbir negara dengan baik sepanjang berkhidmat.

cuma kesal dengan perubahan minda dan gaya hidup yang sangat membimbangkan,lebih-lebih lagi anak-anak muda.walau bagaimanapun yang positif adalah amat baik sekali cuma yang berjaya tiada kejujuran sehingga hilang perasaan ikhlas dalam memajukan dan menghulurkan bantuan untuk kejayaan diri dan orang lain.Wang adalah segala-galanya.

perkara berkaitan pendidikan amat membimbangkan diri saya kerana pada amatan saya,kita mempunyai begitu ramai tenaga pengajar tetapi bila politik lebih berat terjerumus dalam kancah pendidikan samada dari segi luaran atau dalaman akan menyebabkan masing-masing tiada keikhlasan dalam memperjuangkan agenda bangsa dalam pendidikan.Masing-masing ingin memajukan diri sehinggakan sanggup memilih jalan yang tidak manis,sehingga menimbulkan perasaan kecewa bagi orang lain.

bebaskan sistem pendidikan dari cengkaman politik yang boleh merosakkan nilai-nilai murni yang ada di dalam pendidikan negara. Pembangunan seharusnya seimbang di antara sahsiah dan material.

saya akui,politik amat penting untuk pendidikan tetapi bukan sebagai penentu, hanya sebagai harapan.dari situ timbulnya perasaan hormat rakyat terhadap ahli politik sekiranya ahli-ahli politik boleh dikatakan sebagai harapan.harapan yang bagaimana yang saya maksudkan,rakyat harapkan ahli-ahli politik ikhlas membantu dari segi kewangan,pendapat,penambahbaikan,dan sebagainya yang membolehkan lahirnya perasaan percaya dan harapan.

ketegasan adalah perlu dalam bidang pendidikan.tanpa ketegasan perasaan hilang hormat keatas pendidkan akan merosakkan minda anak-anak yang bersekolah.

apa guna kemajuan sekiranya jiwa kita sebagai rakyat malaysia penuh dengan perasaan hasad dengki,tamak haloba,khianat,penipu yang amat-amat bijak dan berkuasa,jatuh-menjatuhkan,gila kuasa.

apa gunanya bangunan tersegam indah jika hasilnya akan merosakkan diri kita sebagai contoh,mabuk,pelacuran,judi,rempit,vcd lucah,dadah,seks bebas dan perkara yang paling di takuti adalah penindasan secara bijaksana dan berhemah.

dimana kah sekolah yang ku cintai..yang menjadi kebanggaan ku.. yang mendidik aku hingga berjaya...akhirnya diperlekehkan... perkara-perkara yang amat jelas yang menyebabkan kemunduran kita adalah jauhnya kita dari landasan islam yang sebenar-benarnya, yang mementingkan kesederhanaan dan kejujuran tetapi memiliki ilmu yang hebat,agar menjadi insan yang berguna dan berjasa.

SYABAS TUN...PERJUANGAN ANDA BELUM SELESAI.

Man of science's Gravatar Man of science

June 15, 2009 at 3:18 am | Permalink

An old sage once said

ChefAduka's Gravatar ChefAduka

June 15, 2009 at 3:10 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum.

Pada mulanya,saya gugup utk masuk ke blog ini,tapi disebabkan topik sekolah...saya gagahi jugak utk masuk.Saya berusia 29 tahun,bekas pelajar SEKOLAH SEBERANG PERAK LELAKI,ALOR STAR.Saya berasa amat kecewa,SEKOLAH SEBERANG PERAK LELAKI,yg telah melahirkan insan professional seperti Tun,di biar begitu sahaja.Setiap hari apabila lalu hendak pergi kerja,sayu lihat bangunan sekolah tu tidak dijaga.Harap tun sudilah menjengah ke sekolah lama kita utk lakukan sesuatu,kerana itulah tempat pertama kalinya kita menimba ilmu,sayang jika ianya lenyap di telan usia.

Izwan Zainol Abidin

1792-A Lorong Air Puteh,

Jalan Kota Tanah,

05050 Alor Star,

Kedah Darul Aman.

aka's Gravatar aka

June 15, 2009 at 1:57 am | [Permalink](#)

Salam kasih utk Tun,

Ilmu itu wajib untuk dipelajari. Kita xblh memilih, dipilih dan terpilih krn ilmu itu utk kehidupan kita hari ini dan juga akan dtg. Dlm apa pun bentuk, keadaan, rupa juga bahasa, kita mesti mempelajarinya utk dijadikan kajian, perbandingan dan rujukan bg menghasilkan ilmu yg sebenar dan sesuai mengikut peredaran zaman. Semoga negara kita blh menghasilkan lebih byk pengkaji, pemikir dan pemimpin yang hebat dan terbilang spt YBHG Tun.

Salam utk semua

Abd Karim Ali

Khairul-Dean's Gravatar Khairul-Dean

June 15, 2009 at 12:28 am | [Permalink](#)

YABhg Che Det,

History And The Muslim

(the alpha and the omega)

my roots are so deep, i know not much any more

as the sands weeps the traces of footsteps away

history records the earth and the stars their testimonies

the dream of my father and our forefathers are stranger

as much as i am to them as the values we cherish they are us

- alastubi robbikum

indeed and we are muslims

as Adam and Eve

nadiazainal_83's Gravatar nadiazainal_83

June 15, 2009 at 12:22 am | Permalink

Salam Dear Ayahanda,

Seperti mana ayahanda huraikan di point 6 :

“Mungkin sejarah tak ada kena mengena dengan jenis kerja yang akan dibuat oleh kita. Tetapi tanpa sejarah kita tidak tahu siapa kita, dari mana kita datang dan kenapakah kita berada di sini dan tidak di tempat lain. Apabila kita tidak tahu dari mana kita datang, maka sukar bagi kita menentukan kearah mana kita akan pergi. Mungkin kita percaya kita sedang maju ke hadapan tetapi sebaliknya kita sedang undur ke belakang” -

I totally agree on this fact. Dengan sejarah lah mengajar kita tentang asal usul, pengalaman dan pengajaran. Dan dengan 3 ini lah membentuk kepercayaan kita. Dan dengan kepercayaan lah yang akan dapat membantu seseorang untuk membuat keputusan ke arah mana tujuannya. Kerana dengan sejarahlah kita dapat mempelajari kesilapan2 yang perlu kita hindari di masa hadapan.

Dan setiap manusia, ilmu adalah wajib. Kerana Ilmu membuat kan kita dapat membuat keputusan dengan wajar dan bijak.

Lagi banyak kita membaca lagi kerap otak kita berfungsi.

However Tun,

Wajarkah kita membeban kan anak2 kita dengan pelbagai subjek pelajaran? Bukan beban apa Tun, tetapi .. bukankah kita melatih mereka untuk lebih kepada menghafal daripada berfikir? Bukan semua insan dilahirkan bijak dan pandai. Ramai juga yang dilahirkan kreatif.

Saya bekas graduan salah sebuah universiti tempatan.. dan salah pernah sekali berbangga menjadi salah seorang penuntut.. Tetapi, bila kini saya berada di alam pekerjaan yang amat mencabar, salah jadi amat marah! Sepatutnya di tahap universiti haruslah lebih mencabar... Dan sekarang saya tahu kenapa universiti graduan tidak laku di apasaran. INi kerana struktur pembelajaran kami yang lebih kepada hafalan...bukannya praktikal dan fikiran.

Something is wrong somewhere Tun. For me, biarlah gaji guru besar. Asal pendidikan yang disampaikan bermutu. Kalau stakat manggaji guru yang ala kadar...hurmm...alamatnya... tarikh sejarah kemana, matematik kemana,melayu kemana, malaysia kemana...

Sesungguhnya, guru adalah sources yang terpenting untuk melahirkan rakyat malaysia yang berguna. Dan mungkin juga guru2 ini tidak bermaya untuk mengajar,kerana mereka sendiri tak kenal sejarah Malaysia? Tak kenal maka tak cinta..

terima Kasih.

P/s : Somthing is wrong somewhere... i think internally must be restructured.

Tun... u really have done excellently to Malaysia. Therefore i must continue whatever u have done. Love.

ex-lookeastpolicy's Gravatar ex-lookeastpolicy

June 15, 2009 at 12:02 am | Permalink

Assalamualaikum Tun.

Berkenaan isu sekolah sekarang, kita dapati bahawa berlaku ketidak kesesuaian tentang asas pendidikan dan kelemahan dari segi keseluruhan sistem kita.Kerana apa? Adakah kualiti guru untuk menanamkan asas kepada anak-anak kecil pada umur 4 ke 5 tahun mencukupi.Cukupkah sekadar guru sementara yang tiada asas membentuk kanak kecil diberi peluang mendidik mereka? Sebagai kanak-kanak,perlulah guru yang terlatih dalam bidang pembentukan sahsiah kanak-kanak disediakan.Kerana apa? Dari sinilah kanak kanak itu dapat diketahui kebolehan semulajadinya.Dari sinilah mereka dibentuk.Guru wajiblah mempunyai kebolehan yang tinggi,yang mengenali sifat kanak-kanak secara terperinci dan yang boleh menjadikan kanak-kanak kecil ini menjadi pemuda-pemudi yang boleh berfikir dan tidak mempunyai pemikiran statik seperti sekarang.Letaklah guru yang bertaraf penyelidik dan berkebolehan tinggi diperingkat sekolah tadika lagi kerana lenturlah buluh dari rebungunya.Bukannya meletakkan guru yang bertaraf tinggi ini di sekolah menengah kerana sudah begitu terlambat.Kerana fitrah manusia sememangnya ditetapkan begitu.Bayi yang lahir mestilah menangis dahulu begitu juga dengan didikan manusia.Biarlah kita bersusah dahulu kerana hendak kesenangan kemudian hari.

Semoga Tun sihat selalu dan diberkati Allah s.wt

HANGLIPOH's Gravatar HANGLIPOH

June 14, 2009 at 11:30 pm | Permalink

Salam Tun,

I got a SHOCK of my life when I got to know that English is not a must pass subject. Really pity children of Malaysia.

new_saga_begins's Gravatar new_saga_begins

June 14, 2009 at 10:12 pm | Permalink

Di dalam sistem PENDIDIKAN perkara paling penting adalah GURU. Walau secanggih mana teknologi disediakan GURU yang jiwanya benar-benar ingin mendidik anak-anak murid merupakan medium terpenting di dalam sistem ini terutamanya dalam pembelajaran BI.

Hookamania's Gravatar Hookamania

June 14, 2009 at 10:02 pm | Permalink

Salam Hormat YAB Tun,

Saya amat teruja apabila ada orang yang mempertikaikan mengenai keberkesanan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran di dalam Matematik dan Sains termasuk kepandaian orang Malaysia di dalam sejarah bangsa. Penggunaan Bahasa Melayu yang tidak berapa betul di dalam kosa kata dan sesekali apabila bercakap kuat tetapi makna yang disampaikan tiada.

Bukan mengajar bahawa ayat yang digunakan itu salah tetapi perkataan yang digunakan tidak kena. Itu adalah realiti penggunaan Bahasa Melayu apatah lagi Bahasa Inggeris. Belum dipertikaikan lagi mengenai Sejarah dan Sains. Tidak untuk Matematik kerana ia menggunakan formula. Saya bekerja dan di dalam sesetengah perkara pegawai atasan pun tidak tahu membezakan ayat persuratan dengan keterangan dan ketelitian di dalam merencanakan sesuatu laporan. Ini baru dalam Bahasa Malaysia.

Saya ingin mencadangkan subjek teras dan subjek lulus perlu diperincikan kepada gaya subjek yang lebih berteraskan pemikiran dan ditambah kepada 5 subjek lulus. Sekiranya hanya 5 ini menjadikan sekolah itu terlalu berat maka memang murid tersebut bermasalah di dalam pembelajaran. Mungkin perlu dilakukan sesuatu apabila perkara tersebut ditimbulkan. Tetapi kita adalah Malaysia. Kita perlu menilai sekiranya pada masa tersebut terdapat kesalahan bukan bermakna perkara yang dilakukan adalah salah. Yang salah adalah tiadanya kesungguhan di dalam pembelajaran.

Mungkin bukan di sekolah pelajar tersebut akan berjaya tetapi selepas dari sekolah. Cuma yang membezakan adalah pelajar sekolah yang boleh berfikir dengan baik dan juga pelajar sekolah yang tidak berapa pandai dalam pembelajaran.

HBT's Gravatar HBT

June 14, 2009 at 9:35 pm | Permalink

Ayahanda Tun,

//By Faiz Al-Kelantani on June 12, 2009 11:21 PM

SEJARAH tetap penting walaupun saya seorang mahasiswa perubatan... SEJARAH lah sumber kekuatan MELAYU-ISLAM untuk mempertahankan HAKnya di MALAYsia.//

Dear Faiz,

Kalau Melayu-Islam merupakan sumber kekuatan untuk mempertahankan HAK MALAY, so lebih baik abang stay kat Kelantan. Kalau abang Faiz bermentaliti ini, anda adalah sama dengan Israel. Jadi bila Israel serang, anda jangan kata mereka ganas, anda nak protect hak you, mereka juga nak protect hak mereka. So sampai bila baru kita boleh

solve problem ini. Moderation is the best solution for Israel-Palestinian conflict. Let's join KL Foundation To Criminalize War

to prevent more people be victimized due to human greed, that's the best way. Now it is no more on "who is stronger, who has the more hak, dear doctor Faiz, don't you see this scenario in the world which will definitely affect our country's unity and this is why I do not accept PAS as the government for Malaysia!!!!

iderisrejab's Gravatar iderisrejab

June 14, 2009 at 9:08 pm | Permalink

Yang Berbahagia Tun

Sesuatu yang menarik untuk dikongsi. Sebagai bekas Guru Besar tentunya artikel ini amat menyentuh hati. Kami sebagai penggerak pendidikan di peringkat bawah memandang kekalutan itu dengan hati yang terbuka kerana perancang peringkat atasan kurang mahu mendengar apa yang sedang berlaku di peringkat pelaksana.

Bolehkah saya katakan ini satu kelemahan ? (kerana tidak menggunakan kepakaran di peringkat pelaksana – yang sentiasa mengatasi masalah untuk dilaksanakan)

<http://www.gurubesarpencen.com>

iderisrejab's Gravatar iderisrejab

June 14, 2009 at 9:07 pm | Permalink

Yang Berbahagia Tun

Sesuatu yang menarik untuk dikongsi. Sebagai bekas Guru Besar tentunya artikel ini amat menyentuh hati. Kami sebagai penggerak pendidikan di peringkat bawah memandang kekalutan itu dengan hati yang terbuka kerana perancang peringkat atasan kurang mahu mendengar apa yang sedang berlaku di peringkat pelaksana.

Bolehkah saya katakan ini satu kelemahan ? (kerana tidak menggunakan kepakaran di peringkat pelaksana – yang sentiasa mengatasi masalah untuk dilaksanakan)

ellary_ang's Gravatar ellary_ang

June 14, 2009 at 7:37 pm | Permalink

Salam to my beloved Tun. Dr Mahathir,

Yeah, siapalah Tun untuk Lee Kuan Yew jumpa...Sangat biadap dia terhadap ayahanda yang tercinta ini. Em, on second thought, after reading what A. Kadir Jasin wrote in his blog, i think it makes sense. among the points that he revealed were:

“Terlintas di fikiran saya adakah seorang negarawan Malaysia seperti Tun Dr Mahathir Mohamad akan mendapat penghormatan dan keistimewaan yang serupa kalau beliau melawat Singapura?

Saya tidak tahu secara langsung apa yang tersirat dan tersurat dalam lawatan itu kerana tidak dijemput menghadiri sebarang pertemuan atau taklimat mengenainya. Tetapi saya yakin LKY pastinya tidak menjelajah Semenanjung Malaysia sekadar untuk bernostalgia dan mengubati rindu.

Pada pandangan saya, LKY dengan rombongan anak muridnya menjelajah Semenanjung atas tujuan dan sebab berikut:

1. Singapura bimbang dengan perkembangan politik di Malaysia, khususnya kelemahan Umno/Barisan Nasional dan kemungkinan kemunculan Pas sebagai parti induk politik Malaysia;
2. Singapura bimbang sokongan orang bukan Melayu, khususnya pengundi Cina, kepada Pakatan Rakyat akan memperkukuhkan kedudukan dan peranan Pas;
3. Kalau boleh, LKY mahu mempengaruhi masyarakat Cina Malaysia supaya kembali menyokong BN;

LKY sedar bahawa Malaysia yang stabil adalah penting kepada kestabilan politik dan ekonomi Singapura;

4. Dengan suasana Ekonomi Harimaunya dalam keadaan yang sangat lemah, Singapura perlu berbaik-baik dan berpakat dengan semua negara jiran;

5. LKY sedar bahawa pembatalan rundingan isu-isu tertangguh antara kedua-dua negara seperti Perjanjian Bekalan Air, Tanah Keretapi Tanah Melayu di Singapura dan simpanan rakyat Malaysia dalam Tabung Simpanan Pusat (CPF) Singapura akan menjejaskan perhubungan jangka panjang; dan

6. Singapura masih menaruh harapan yang Malaysia pada suatu hari nanti bersedia memulakan semula penjualan pasir kepadanya dan membuka ruang udaranya kepada kapal terbang tenteranya.

Jadi lawatan LKY ini bukanlah lawatan nostalgia. Ia adalah lawatan mencari maklumat dan risikan. Lawatan untuk mengenali dan mengukur kepintaran para pembesar Malaysia. Lawatan untuk mengajar anak buahnya untuk mengenali barisan baru kepemimpinan Malaysia.

Inilah keistimewaan Singapura. Ia sangat mengutamakan maklumat dan risikan. Dan tidak seperti negara kita yang meminggir dan mencemuh Dr Mahathir, Singapura memaksimumkan penggunaan LKY sebagai guru dan diplomat luar biasa untuk menarik pelaburan asing dan menebarkan pengaruh Singapura sebagai kuasa ekonomi serantau.

LKY bukan sahaja melawat Malaysia. Dia juga melawat negara-negara jiran yang lain dan menjadi kepala kepada usaha Singapura menarik pelaburan dari negara-negara Asia Barat.

Jadi, harap-harapnya para pembesar kita daripada pelbagai peringkat dan parti tidak sekadar bersalaman dan bergambar dengan LKY sahaja.

Kalau pun mereka keberatan belajar daripada Dr Mahathir, sekurang-kurangnya belajarlah daripada LKY kerana kedua-duanya adalah pemikir dan pelaksana teragung panca penjajahan di rantau kita ini. Kedua-duanya berjaya kerana mereka mengutamakan maklumat dan risikan.”

Saya mempunyai impian untuk lunch dengan Tun. Sekiranya Tun mempunyai kelapangan, bolehlah hubungi saya di 012-3709965 atau e-mail di ellary_ang@yahoo.com

Saya bekerja di Petronas. Tapi haritu, masa Tun hadir untuk merasmikan Sapura Petroleum, saya tidak berkesempatan untuk bertemu dengan Tun.

Wassalam

asuhasuta's Gravatar asuhasuta

June 14, 2009 at 6:07 pm | Permalink

A'kum Y.A.Bhg. Tun,

Memang tepat saranan Tun supaya beliau ini menjadi salah seorang dari anggota kabinet PM baru..memang tepat pilihan YAB PM baru..Dato' Seri Dr. Rais Yatim adalah pejuang Melayu yang hebat..saya kagum dengan jiwa Melayu beliau..sangat jelas..sebaik saja beliau menjadi Menteri Penerangan tap tap!! ada slot Hari Ini Dalam Sejarah..bukan susah sangat tetapi percayalah idea-idea hebat selalunya ada bersama orang-orang yang hebat..ini perlu bagi ingatkan orang Melayu tentang sejarah kita..siapa kita..siapa musuh kita..siapa yang selalu cemburu dengan kuasa yang ada pada kita..bagaimanakah orang Melayu dikalahkan..talibarut?..siapa dia..siapa pejuang kemerdekaan di negara kita..Chin Peng kah?..atau anak cucunya kah?..he..he..

Terima kasih dan wassalam Tun.

chlee's Gravatar chlee

June 14, 2009 at 6:07 pm | Permalink

hi tun,saya sedar betapa prihatin tun terhadap masa depan anak2 kita dlm soal pendidikan,tapi saya begitu curious kenapa `special class`tak dpt diberi kelulusan utk dikendalikan di sek2 rendah jenis kebangsaan tetapi dibenarkan di sek kebangsaan padahal kanak-kanak yang mengalami masalah autism meliputi semua lapisan masyarakat tanpa mengira jenis keturunan bahkan di setiap negara di seluruh dunia pun mempunyai masalah seumpama ini. sehingga hari ini,hanya 3 sek jenis kbgsaan di johor,kl & selangor yg dibenarkan utk conduct kelas seperti ini.dr pimpinan tun selama 22 thn hinggalah zaman pak lah & kemudiannya sekarang.masalah yg saya sebutkan tadi tetap wujud.harap tun juga prihatin terhadap kanak2 yg mempunyai sindrom autism krn mereka juga berhak menerima pendidikan spt kanak2 normal yg lain,mereka juga harus diberi perhatian & berhak belajar bahasa masing-masing ...

miorfaris's Gravatar miorfaris

June 14, 2009 at 5:13 pm | Permalink

Salam Tun...

Semoga sihat selalu...

Izinkan saya menghentam kata2 Nasha Bin Edwin yg mmg low class...

Dear Nasha Bin Edwin,

First of all, regarding your statement of the syllabus of history subject in Malaysian education is mainly about the 'perjuangan UMNO' is totally baseless as I still remember the major part of the history during SPM is about world history, and as far as I concerned isn't it true that parti perikatan which is former BN did all the job in forming what is Malaysia now? can u tell me any part done by DAP or Keadilan?

Secondly, about your 'RANCANGAN SUPAYA SEMUA ISI RUMAH DI MALAYSIA ADA KOMPUTER', I think the government did have the campaign of 'satu keluarga satu komputer' or something similar in the past and I think it did work as not so long ago, Malaysian is one of the most internet connected among peoples in Asia. To connect to the internet apparently must be done through computer.

Thirdly, The spelling of software itself shows how shallow your knowledge is. It is not 'SOLFWARE' like you mentioned before to our Tun.

Thank you.

sed's Gravatar sed

June 14, 2009 at 4:43 pm | Permalink

Assalamualikum Tun. Dalam sistem persekolahan hari ini seseorang itu dianggap bijak apabila dapat menghafaz seratus peratus apa yang ditulis dalam buku. Segala apa yang dihafaz akan diluahkan semula dalam kertas jawapan peperiksaan. Jika ia dapat menulis semua yang dia hafaz, maka pelajar itu akan dapat 1A. Sama juga dengan sesekor burung tiang yang diajar memberi salam. Apabila burung itu dapat memberi salam seperti yang diajar, maka burung itu dianggap bijak. Keadaan ini akan berterusan hingga keuniversiti. Pelajar yang dapat hafaz apa sahaja buku atau nota yang diberikan oleh pensyarah akan mendapat ijazah kelas pertama. Oleh kerana mereka ini dianggap bijak, maka mereka pun diberi jawatan-jawatan penting terutama dalam sektor kerajaan ataupun diuty sebagai pensyarah. Mereka ini pun akan meneruskan agenda yang sama, meminta para pelajar mereka menghafaz sepertimana mereka dahulu. Sebab itu barangkali Universiti universiti kita berada dalam kedudukan terkebelakang dalam ranking universiti-universiti di dunia. Sebenarnya orang yang bijak ialah orang yang banyak berfikir, mampu menyelesaikan segala masalah terkini, memberi idea-idea baru, berinovasi, mampu memberi kritikan-kritikan membina tetapi dalam sistem pendidikan hari sekarang, semua ini tidak diberi perhatian.

kpilah's Gravatar kpilah

June 14, 2009 at 4:03 pm | Permalink

Salam Ayahanda dan pembaca semua,

Saya baca komen alfred lam, June 12, 8:19p.m

He seems like a reasonably smart fella. Tapi English dia I would say ...menyedihkan. Saya rasa sangat kesian. Kalau rajin baca komen komen, kebanyakannya broken English haprak.

Penyakit ni dah jahanamkan bukan saja budak Melayu sampai yang Cina pun dah sama!

Takkan kita nak biarkan anak anak kita jadi macam ni. Takkan nak bangunkan generasi yang handicapped macam ni?

Saya sendiri, terpaksa bilas balik ajar English pada anak anak setiap hari. Takut jadi macam ni lah!

Bermula batch adik saya, (lahir 1963) it was down.....all the way.

Dah 46 umur mereka. Dah menular dalam sistem. ketidakcekapan berbahasa Inggeris. Mana nak cari guru yang cekap lagi. Yang ada semua sewaktu dengannya! Sama naik hampeh!

Saya sekarang melanjutkan pelajaran di Open University(walaupun dah 48 years old).Ada session yang sama class dengan group pengijazahan guru.Mak datuk, ngeri tengok cikgu zaman sekarang.

Macam mana budak tak jadi rempit.Cikgu dia tak berilmu dan sangat boring!Katak bawah tempurong,hanya berminat terhadap perkara yang dalam textbook sahaja itupun yang obviously in Bahasa Melayu.

Kalau suruh buat presentation in English...siap menggigil lagi.Suara halussss tak kedengaran.

And one more thing, janganlah nak layan sangat cerita pasal tak cukup infrastructure dan sebagainya.Nonsense.Kuala Pilah ni luar bandar, Kampong Tengkek is another hour in.(Bas seminggu sekali aja ada)

Lagi Luar bandar tapi dah lahirkan Professor berapa punya ramai.Tapi zaman dulu lah ,bukan zaman sekarang.!Apasal agaknya? nothing to do with infra, obviously.

I worry about my children....seriously.

Please help!

Salam dari Kuala Pilah.

ina's Gravatar ina

June 14, 2009 at 2:35 pm | Permalink

Maaf ya, kali ini saya tulis agak sensitif sedikit. selain dari ketentuan tuhan cerdik pandai generasi sekarang adalah dari generasi yang dulu, generasi sekarang akan mempengaruhi golongan cerdik pandai generasi akan datang.

Adakala saya amat kagum dengan adat resam orang cina dan India. Mereka terus amalkan adat resam lama yang bijak. Cuba lihat dengan teliti teman-teman kita kaum India dan cina itu. Apabila anak perempuan berpendidikan tinggi mereka akan kahwinkannya dengan lelaki yang berkelulusan tinggi juga. Begitu juga dengan anak lelaki akan dijodohkan dengan perempuan setaraf dengan kelulusan mereka. Maka bakal generasi mereka mudah dapat ilmu turun temurun dari ibubapanya. Tidak perlu mereka pertingkatkan sistem pendidikan Malaysia kerana ibubapanya adalah guru kepada anak-anak.

Tapi rata-rata lelaki melayu pilih wanita yang muda belia dan ada paras rupa. Artis-artis laku macam pisang goreng panas. Gadis yang cantik tak perlu berkelulusan tinggi untuk dapat suami golongan elite dan kaya, asal pandai pasang badan. Dalam hal ini, bila mereka ada anak

kamal ahmad's Gravatar kamal ahmad

June 14, 2009 at 1:24 pm | Permalink

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

2 weeks before the Iranian Presidential Election Obama made his famous Egypt Assalamualaikum olive branch speech. Today at any cost they want to oust Ahmadinejad and deliver the Presidential seat to Mousavi

fatin's Gravatar fatin

June 14, 2009 at 12:40 pm | Permalink

Dear Tun,

Saya memang bersetuju dengan pendapat Tun. Inilah masalah anak bangsa kita pada hari ini. Susah sikit, terus putus asa. Berdepan cabaran sikit, terus lemah semangat. Macam mana nak maju. Kita harus ingat, dunia tidak menunggu kita. Sebaliknya kita yang perlu berusaha agar setanding dengan peredaran dunia. Kalau kita asyik mengadu susah, sudah tentulah susah jadinya sesuatu pekerjaan itu. Mengapa tidak anak bangsa kita menerima sesuatu perkara yang mereka anggap susah itu sebagai satu cabaran untuk mereka maju ke hadapan? Mereka perlu ada mind set : semakin susah sesuatu perkara itu, semakin besarlah ganjarannya. Bukannya, hanya memilih jalan yang senang. Kita seharusnya memilih jalan yang betul, dan jalan yang betul itu tidak selalunya senang. Pada pandangan saya, kita patut gembira bila diberikan 'task' yang susah. Ini kerana semakin susah task tersebut, semakin tinggi standard yang dapat kita capai dan semakin ke depanlah diri kita. Ini juga bermaksud semakin tinggi penilaian orang terhadap kita. Tidakkah itu yang dimahukan oleh generasi kini, iaitu supaya mereka dapat maju ke depan dan menjadi sebaik mungkin?

pay_jal's Gravatar pay_jal

June 14, 2009 at 11:50 am | Permalink

Ayahanda TUN best selamanya.

UMNO, Dulu, Kini dan Selamanya!!!

Faizal,

Keramat

Tiara's Gravatar Tiara

June 14, 2009 at 11:23 am | Permalink

Hafal, ulang, hafal, ulang, hafal, ulang. Is that all there is to education? Memorize and spit out?

What about fikir, buat, faham? What's the point of memorising the names of world capitals if you don't understand how their relations are to Malaysia? What's the point in memorising historical dates if you don't understand the significance of the event to current Malaysian life? What's the point in memorising words and sentences if you don't know what they mean or what their nuances are?

Many times you've compared teachers and students to software. While I agree that you need competent passionate teachers for effective education, this view robs them of their humanity – you've turned them into robots! No wonder our education system is down the drain – all robots can do is memorise and spit out. Not comprehend and understand.

Kadir's Gravatar Kadir

June 14, 2009 at 10:33 am | Permalink

ASM Ayahanda Tun,

1. Kadang-kadang perkara yang baik tetapi dilaksanakan bukan pada masanya dianggap oleh masyarakat sebagai tidak baik.
2. Perkara yang salah pun kalau dipersetujui oleh semua orang, akan menjadi betul.
3. Mengurus persepsi kini lebih keutamaan dari menangani isu-isu yang sebenarnya perlu diselesaikan.

HBT's Gravatar HBT

June 14, 2009 at 8:59 am | Permalink

Ayahanda Tun,

This is how I get my children to learn History and English in a relax, entertaining and user friendly ways at their age by:

1. Learn China's history from Hong Kong TVBI series dramas, the China's series dramas is too heavy and complicated for them to digest and accept at their teenage stage. Once they understand the history (the man made history), they will be able to understand our multi-racial politics, business and economic landscape in Malaysia and the world. After all, human beings are the same as chinese believe all "burung gagak" is black in colour no matter where they are and "satu jenis beras mengenyangkan perut seratus jenis kaum (di Asia)".
2. Invest in Play Station, if they need to master the game, they have to learn English, if not, they will not be able to play the game.
3. Buy some good western movies with English sub-titles so that they will be able to understand how the west speaks and behave from these movies. Once they enjoy these movies, they will be willing to learn English without me forcing them. I need to watch with them in order to guide them the right way of understanding the movies as a Malaysian.

As for our national language, I will say, if you do not know BM, then you are a disgrace to your country. Imagine if you do not know how to eat with chopsticks as a chinese, you will be laughed and ridiculed. As for Mandarin, they have to learn because if they cannot write own names in chinese, they who are they and their ancestors then including the father and me, their mum?

That's all for today, Ayahanda Tun and please do not stress yourself and tomorrow will be a beautiful day.

HBT's Gravatar HBT

June 14, 2009 at 8:15 am | Permalink

Selamat pagi Ayahanda Tun,

I just wanna share with Ayahanda Tun on Tun Lah's press statement (copy paste from The Star Online) which is related to the importance of study and know history and English if we want to survive in Malaysia.

//In Kuala Lumpur, former Prime Minister Tun Abdullah Ahmad Badawi said Umno should discuss with PAS on its proposal for the unity government as it would be good for the country.

Such a government could provide a healthy political climate and reduce politicking, he added.

xinyin's Gravatar xinyin

June 14, 2009 at 8:00 am | Permalink

I have been following this space since it was established and would like to say well done for keeping it up to date with current events/issues in Malaysia. It is certainly helpful for overseas Malaysians who care to know the happenings in Malaysia.

Being overseas for a while now I would say learning Sejarah in secondary school certainly helps establish my own identity. I am proud to call myself a Malaysian. However, I dare not say the same to Pendidikan Moral, a compulsory subject in SPM for all non-bumi (more precisely non-muslim) students.

The way I score my A1 for Pendidikan Moral is as follows:

1. I hafal (memorise by heart) all the nilai (values) word-by-word.

-why word-by-word? Because if I don't I would end up scoring 0 for that answer! e.g. Kepercayaan kepada Tuhan – if I wronte Kepercayaan pada Tuhan I will score 0! -> is this a language paper or a moral paper???

2. I hafal the definisi (definitions) of each of the 36 nilai.

-why must remember definitions? Aren't we suppose to practice those nilai instead of just remembering the definitions? If a student can memorise the definition does it mean he/she practices it?

-again what if I don't hafal those? I won't do well in exam!Because there are “key words” in each definition which scores mark.

3. I practice writing fast so that I can write a lot in the allocated time for the paper.

-common sense tells us the more we write the better is our chance of 'hitting' the answer scheme. Rumour has it that only the nilai-nilai in skema jawapan will score marks.

I score A1 for Pendidikan Moral, but does going through the processes above make me a better person?

Isn't that supposed to be what the subject aims to achieve, that is making me a better person?

Kind regards

A Malaysian who went through the torture of studying for SPM Pendidikan Moral

SMR's Gravatar SMR

June 14, 2009 at 7:48 am | Permalink

Dulu masa saya sekolah dulu. Saya pergi sekolah semata mata untuk...

BERSUKAN. Hehehe.

Saya belajar untuk exam hanya di rumah. Fikiran saya kalau pergi sekolah untuk jumpe dan bermain dengan kawan kawan. Lebih suka ke sekolah daripada duduk di rumah. Dirumah ade personal tutor kalau tak faham. Lebih suka belajar sendiri menggunakan buku rujukan daripada ikut scheme di sekolah. Alhamdulillah, saya lulus cemerlang di setiap peperiksaan. Sekarang saya pelajar perubatan. Guru hanya sebagai 'some who guides you'. Tiada masalah kerana saya memang jenis yang suka belajar sendiri. Guna internet. Guna video. Guna software. Saya rasa kelemahan sistem pendidikan di Malaysia ialah – belajar untuk sijil dan score lebih ditekankan daripada belajar untuk ilmu. Mentaliti itu perlu diubah. How?. Make learning fun again! Guru guru mesti gunakan kreativiti dan lahirkan pelajar serba boleh. Bukan pelajar serba boleh atas kertas sahaja.

Pangait's Gravatar Pangait

June 14, 2009 at 7:30 am | Permalink

Masaalahnya, banyak Little Napoleon dalam pentadbiran Tun dahulu ada yang membuat polisi yang salah. Bayangkanlah orang-orang dewasa yang disoal dalam program TV ada ang menjawab Kuching itu diSabah dan ada yang menjawab Kota Kinabalu itu diSarawak. Bukan saja itu orang2 Semenanjung selalu menyifatkan Malaysia itu Malaya sahaja.

Yang sebenarnya Little Napoleon Tun dahulu semuanya handicap 36. Tak tahu sejarah nak ajar sejarah pulak.

krish's Gravatar krish

June 14, 2009 at 5:31 am | Permalink

Salam Tun

extremism or extremist???????????

Utusan..Enam lagi terbunuh di Selatan Thai

NARATHIWAT 13 Jun

Zulkifli Mohammad's Gravatar Zulkifli Mohammad

June 14, 2009 at 4:37 am | Permalink

Salam Tun,

Terlebih dahulu maafkan saya jika ada sahabat yang tersinggung dengan pandangan saya.

Sistem Pendidikan kita bukanlah sempurna tapi inilah yang terbaik buat masa sekarang. Bersyukurlah dengan apa yang ada. Dan sistem pendidikan bukanlah punca kepada permasalahan yang timbul sekarang.

1. Sikap ibubapa yang kurang ambil tahu perkembangan anak. Ini bukan sahaja dari sudut akedemik tapi rohaniah.Ibubapa kurang komited dalam menyediakan kemudahan pembelajaran anak-anak.Kadang kadang saya berasa hairan bila melihat ada keluarga yang mampu melanggan kabel TV dari melanggan internet. Sedangkan

internet lebih banyak gunanya untuk pembelajaran anak-anak. Dan mereka menyalahkan kerajaan kerana gagal memberi kemudahan.

Ada yang 100% mengharapkan guru-guru untuk mendidik baik disekolah ataupun di kelas tuition. Why not we just make our hand a bit dirty demi anak anak.

2. Pendidik, apalah gunanya kita mempunyai sebuah ferrari tapi bila drive macam siput. Sistem pendidikan yang bagus kalau tak dibantu dengan guru-guru yang bagus tiada kemana akhirnya. Kalau dulu, dengan segala kekurangan guru-guru mampu melahirkan INSAN yang pandai dan berguna contohnya Tun sendiri. Dulu pendidik mendidik dengan penuh dedikasi dan rasa tanggungjawab tapi sekarang kebanyakan pendidik mendidik kerana faktor ekonomi. Sebab itulah dulu pendidik disanjung sebab ilmu yang diajar penuh keberkatan.

3. Hukuman atau denda disekolah perlu dilaksanakan dengan setimpal mungkin dan tanpa rasa ragu dari pihak ibubapa.

Akhirnya, Ingin saya sarankan supaya bahasa cina dan tamil diajar di setiap sekolah sebagai subjek tambahan. It'll be so beautiful bila orang Malaysia mampu bertutur sekurang kurangnya 4 bahasa, Melayu, Inggeris, cina dan tamil. Kita akan menjadi lebih dekat antara satu sama lain.

Wassalam

artofmin's Gravatar artofmin

June 14, 2009 at 2:40 am | Permalink

Salam Tun & fellow bloggers

Kepada AUNTIEUDO

Saya faham perasaan cikgu. Namun dari apa yang saya baca saya rasa cikgu seakan tidak selesa dengan MURID YANG BERMASALAH tersebut (seperti yang cikgu nyatakan) dan seolah menyalahkan keluarga mereka.

Ya memang susah menjadi pengajar, EMAM saya seorang guru bahasa inggeris (sekarang bersara) pernah mengajar di kawasan pendalaman, naik sampan dan berjalan kaki setiap subuh untuk mengajar di sekolah tersebut dan pelbagai lagi yang dia pernah tempuhi.

Ya itu puluhan tahun lalu, namun masalah keluarga murid-murid pasti ada tiada kira zaman.

Untuk pengetahuan cikgu, emak saya tidak begitu komited mengajar kami (anak-anaknya) Bahasa Inggeris. Dia gunakan pendekatan lain, yang lebih bersahaja dan lebih menarik minat kami.

Dia akan duduk bersama kami utk menonton kartun (saya masatu DARJAH 1 kut – selalunya pada masa tu Cartoon THUNDERCATS

Rosbidar's Gravatar Rosbidar

June 14, 2009 at 1:30 am | Permalink

Assalamualaikum YABhg. Tun,

Saya ingin mengulas perbezaan antara PELAJARAN dan ILMU.

Semua orang yang pergi belajar ke sekolah,kolej,universiti akan dapat PELAJARAN bukan ILMU. Ilmu adalah kurniaan Allah kepada seseorang yang telah pilih untuk di berikan ilmu itu. Sebab itu kita sendiri boleh melihat betapa ramai orang BERPELAJARAN tetapi TIDAK BERILMU. Contoh orang yang Allah berikan ilmu seperti dalam peristiwa SINGAPURA DI LANGGAR TODAK. Seorang budak kecil bernama HANG NADIM telah memberikan cadangan supaya di atur batang pisang di sepanjang pantai tempat ikan todak menyerang. Bila ikan todak menyerang muncung nya yang tajam akan tertanam di dalam batang pisang dan ketika itu orang ramai boleh membunuh ikan todak dengan memancung nya dengan parang. Sebenarnya Allah telah memberikan ILMU kepada Hang Nadim dan bukan nya PELAJARAN. Contoh kedua ialah Tun Dr Mahathir belajar dalam bidang perubatan. Tetapi Allah telah mengurniakan lain lain ilmu kepada Tun Dr.Mahathir seperti ilmu dalam bidang perniagaan,politik,kewangan,pentadbiran dll. Bagaimanakah ini terjadi sedangkan Tun tidak belajar dalam bidang ini. Ini lah yang di namakan Ilmu yang di kurniakan Allah kepada seseorang yang di kehendaki nya (orang pilihan Allah..biasa nya orang yang berakhlak baik dan berguna untuk orang ramai). Seseorang yang pergi belajar bidang ugama di Universiti luar negara seperti ke Mesir,Jordan,dll akan mendapat pelajaran dan bukan dapat ilmu. Dalam arti kata lain... sesiapa sahaja pergi belajar akan dapat PELAJARAN dan belum pasti di kurniakan Allah ILMU. Sungguh beruntunglah lah jika seseorang yang sedang menerima pelajaran dalam masa yang sama Allah kurniakan Ilmu.

Contoh ketiga ialah junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Baginda tidak pernah mendapat pelajaran dari mana mana sekolah,kolej atau universiti. Pendek kata baginda tiada pelajaran. Tetapi baginda di

kurniakan Allah pelbagai macam ILMU. Ini menunjukkan ILMU itu adalah kurniaan Allah khusus untuk orang tertentu (pilihan Allah).

Pemegang ijazah mana mana Universiti memang di akui seorang yang berpelajaran di dalam bidang nya sahaja. Contoh nya beliau belajar dalam bidang Bahasa (Memiliki Sarjana dalam Linguistik)maka beliau terpelajar dalam bidang bahasa. Beliau tidak terpelajar dalam bidang Kimia atau Fizik. Kalau lah beliau juga menguasai KIMIA DAN FIZIK tanpa belajar bermaana Allah telah kurniakan beliau ILMU

e-mail rosbidar : rosbidar@tm.net.my

h/p : 012-3093471

jiwakita's Gravatar jiwakita

June 14, 2009 at 12:39 am | Permalink

salam Tun....

saya amat setuju mata pelajaran english dan sejarah

diajar lebih ditekankan pada usia prasekolah lagi.

Sebagai bapa yg mempunyai dua anak yg masih belajar di sekolah rendah

dan seorang lagi tahun depan memasuki prasekolah,tidak nampak pula

anak saya merungut tentang PPSMI.Yang lebih merungut hanya ibubapa

yg tidak menerima matematik dan sains dalam bahasa english dari awal

semasa mereka bersekolah dahulu. Anak lebih bijak dari ibubapa sekarang

menjadi kecemburuan pula atau politik sempit yg terpikul dibahu sendiri sahaja...”lebih tepat kecelaruan mimda bila sudah tua,

yang muda akan terus berasa kerugiannya....

artofmin's Gravatar artofmin

June 14, 2009 at 12:23 am | Permalink

Salam Tun & fellow bloggers

YA! Memang menarik! Tetapi TIDAK kira betapa canggihnya cara pembelajaran kita, ianya secara kasar hanya melahirkan manusia yang akhirnya menjadi ROBOT.

1. Kita selalu cakap kat anak-anak kita

anak georgetown's Gravatar anak georgetown

June 14, 2009 at 12:14 am | Permalink

Ayahanda Tun sekeluarga, assalamualaikum.....

By zaidimohamed on June 12, 2009 6:46 PM

Saya amat bersetuju dgn pendapat anda. Saya teringat gurauan sahabat saya dari Kelantan. Beliau seorang profesional, pernah jadi MP UMNO/BN selama sepenggal tapi pada PRU 2008 jadi mangsa hipokrit, “dikalahkan” oleh aktivis UMNO Bahagian, dan sekarang ini aktivis tersebut telah dinobatkan sebagai Ketua Bahagian angkara kekuatan wang. Antara yang menarik ialah “Ada 3 jenis makanan yang sedap untuk dimakan oleh aktivis Umno Kelantan. 1. Makan free. 2. Makan curi dan 3. Makan gu (kawan)”. Realitinya Pas Kelantan tak kuat. Umno boleh rampas Manek Urai jika 3 jenis makanan tersebut tidak dihidangkan kepada ahlinya. Terserah kepada Tok Pa untuk handle hal ini.

Ayahanda Tun dan bloggers, tolong komen sikit masalah ini.

S..Tan's Gravatar S..Tan

June 13, 2009 at 11:57 pm | Permalink

Dear Tun, salam mesra harap sihat sejahtera. Kiriman saya dgn izin...

.....GILA NOMBOR (ANGKA BUKAN EKOR)

Mengejar sijil bukan ilmu, krn gila mencapai angka bila bermula DEB. Nak tunjuk bangsa berjaya, bumiputera dimudahkan lulus nak dapat sijil. Matrikulasi satu satunya. Menghadkan mata pelajaran SPM satu lagi. BI gagal tak mengapa sama juga (untuk pelajar Universiti!!!)

.....SIJIL ILMU DAN SIJIL KULIT

Sijil dgn sendiri tak melayakkan untuk apa apa??? Sijil kulit itu untuk apa? Sijil cetak seperti ini paling laku dlm Umno. Dia akan menaik taraf sijil ini. Contoh tak faham BI (walau ilmu sampai Universiti) Umno paksa majikan ambil. Kalau tak larat krn majikan asing, krjn ambil!

Ada NEP hairankah mrk pandang remeh sekolah. Buta ilmu pun boleh dapat kerja melebihi orang. Tunjuk sijil kulit! Buat apa ilmu banyak banyak, hafal sejarah Perkara 153 perlembagaan, lengkap ilmu sejarahnya. Hal lain tak perlu susah susah belajar, ini negara Melayu.

.....TAK PAYAH!

Selagi sijil kulit berharga, selagi itu sijil ilmu akan bertapa. Buktinya dah 40thn boleh lihat kesannya. Graduan 'sijil tanpa ilmu' tak dapat kerja dia salahkan dasar majikan. Tak dapat belajar (diberi keistimewaan), tak boleh lulus (diubah matapelajaran) tak dapat kerja (mengadu krjn) tak boleh maju dlm kerjaya (menuduh perkauman)

Nak seribu daya tak nak seribu dakyah. Tak nak susah, tak payah, ini bumi Melayu... Tak kan kita boleh mengemis di bumi sendiri??? Ada Article 153, ada ISA.

Tak payah buang masa memberi nasihat, ini asalnya 40thn dahulu dan diperhebatkan 22thn, kesannya skrg merasa!!!

PS: I will hang the person who says Tun is a racist in this post..... Keep it up this way! I am also now a blogger in this blog not a slugger.

hubbibie's Gravatar hubbie

June 13, 2009 at 11:20 pm | Permalink

Salam Ayahanda Tun ...

Belajar bahasa guna software memang bagus ... satu kelainan ... tapi tak ramai yg mampu utk memiliki komputer ... pembelajaran melalui multi media adalah satu pendekatan baru ...

tapi ... kalau komputer rosak ... bekalan letrik putus .. pembelajaran berhenti setakat itu ... kalau nak mobile ... laptop di gunakan ... tapi bateri pulak perlu di caskan klu nak ulangkaji di laman sekolah ... di laman rumah ... di perhentian bas atau atas kenderaan awam ... tentunya kurang praktikal kalau nak pakai laptop maupun pda ...

paling berkesan ... paling kos efektif ... ialah buku ... di mana mana pun boleh di ulangkaji ... dan tak membazir ... tak perlu cas menggunakan letrik ... tak ada hardware yg perlu digantikan

kekadang meneroka ke arah kechangghian dalam pembelajaran lebih banyak buruk dari baiknya ... lebih lebih lagi bagi jenerasi yg muda

books are still the best ... to keep us reading ... we need just to drop by the perpustakaan negara or any library to get a book that will keep us interested ... or even a book stall that rent out books (fiction or non-fiction)

software library or e-read websites ... no, not locally.

crazy diamond's Gravatar crazy diamond

June 13, 2009 at 10:50 pm | Permalink

Tun,

Salah satu lagi faktor yang menyebabkan anak muda kurang mengetahui sejarah kerana ada guru – guru yang tidak tahu sejarah kemerdekaan negara dan sejarah dunia, salah seorangnya adalah Nasha B. Edwin yang amat buta sejarah, adalah amat memalukan sekali beliau menjadi rakyat Malaysia yang tidak tahu sejarah sama sekali. Negara harus berasa malu mendapat rakyat sepertinya.

Herotamil's Gravatar Herotamil

June 13, 2009 at 10:31 pm | Permalink

Salam buat TUN serta keluarga,

Nak mengulas sikit komen Nasha Edwin.

Alahai Nasha Edwin....

ini lah masalahnya bila tak belajar sejarah.. dan mempunyai hati berdendam dan suka mencari salah org lain.

Utk pengetahuan Cik?? Encik?? Nasha. Pelbagai usaha telah kerajaan lakukan utk memastikan dan membantu rakyat Malaysia memiliki komputer di rumah.

Anatara pembayaran menggunakan EPF dan Rebate cukai pendapatan. Masalahnya mak bapak lebih rela melanggan ASTRO.

sejarah UMNO?? so what?? What was and what is??

Or you prefer to learn sejarah Parti Komunis?? Marxist, Lenin atau Mao's?? Then you should.

Sila baca apa ayang di bincangkan...jgn segala perkara nak di politikan.

Untuk pengetahuan Nasha, sukatan pelajaran Sejarah saya di tingkatan satu sehingga tingkatan tiga ialah..

Dari mula ketamaddunan India segala empayar mereka, Cina termasuk termasuk those six kingdoms dan empayar mereka yg lain, sejarah dunia baru (Benua Amerika Utara dan Selatan) Sejarah Eropah termasuk dari zaman batu hingga zaman kemodenan mereka. Sejarah kebangkitan Jepun... oh yes.... we study all that.

Because of that. KITA TAHU SIAPA KITA..menghargai apa yang kita ada.

And thats what is lacking now...and thats what you are lacking now.

Pathetic soul that you are.

Lin's Gravatar Lin

June 13, 2009 at 9:14 pm | Permalink

Mungkin cara pembelajaran sudah berubah.. tapi hakikatnya apa yang diajar perlu lah lebih baik agar anak anak hari ni bole menghargai diri dan negara mereka ...

bekassojar's Gravatar bekassojar

June 13, 2009 at 8:59 pm | Permalink

Salam Tun,

Saya setuju dengan apa yang Tun luahkan disini. Memang patut anak-anak kita mengetahui mengenai sejarah terutama sekali mengetahui matapelajaran ini terhapus pada masa pemerintahan Tun dahulu dengan mengantikannya dengan matapelajaran Alam dan Manusia. Masihkah Tun ingat lagi.

Saya masih ingat lagi dalam buku sejarah mengenai Singapura dilanggar todak. Adakah anak-anak kita sekarang ini akan menerima nasib seperti budak kecil yang bijak itu dibunuh kerana takutkan budak itu akan lawan towkey.

Apa jugapun saya berdoa agar Allah dapat memberi panduan kepada pemimpin-pemimpin kita supaya dapat membuat dasar-dasar pelajaran yang terbaik untuk anak cucu kita.

Republic's Gravatar Republic

June 13, 2009 at 5:47 pm | Permalink

Selamat petang Tun,

Common for us to hear; "I am too old to study and hard for me to understand".

We also do hear; "practise, practise, practise!".

kamal ahmad's Gravatar kamal ahmad

June 13, 2009 at 5:44 pm | Permalink

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

Maaf juga saudara Nasha Bin Edwin (PKR), sebab saya nak mencelah ditengah jualan lambak

datomus's Gravatar datomus

June 13, 2009 at 5:17 pm | Permalink

PPSMI

YABhg Tun

Saya seorang warga emas. Saya agak hairan mengapa ramai warga emas yang anti-PPSMI sedangkan mereka sendiri berkelulusan Inggeris dan kemungkinan anak-anak dan cucu-cucu mereka pun berkelulusan Inggeris. Mereka semua telah berkhidmat dengan dapat jawatan tinggi seperti KSN, KP dsbnya. Semua itu kerana mereka dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik untuk perhubungan dalam dan luar negeri. Dalam dunia moden ini, penguasaan bahasa Inggeris tidak harus dipersoalkan lagi. Ianya penting untuk kemajuan perseorangan, kaum, bangsa dan negara. Jangan jadi bodoh

amin tan's Gravatar amin tan

June 13, 2009 at 5:05 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Pembelajaran di sekolah kita zaman sekarang tidaklah seteruk jika dibandingkan dengan zaman dahulu. Pelajar2 kita zaman sekarang lebih maju dan lebih berilmu dari pelajar2 zaman dahulu. Saya belajar matematik moden di universiti malaya pada tahun 1970. sekarang pelajar2 kita belajar matematik moden di tingkatan 4.

Ramai pelajar kita yang berilmu, pandai, menjadi doktor, jurutera dan saintis berbanding dengan dahulu. Saya ingat dulu guru saya ramai kelulusan form 5 mengajar form 5. Tentang pelajar nakal sama saja dulu pun ada yang malas nakal dan mundur. Masyarakat kita sekarang lebih baik dan lebih aman dari masyarakat enam puluhan. Dulu terdapat samseng2 cina di bandar2 besar di Penang, Ipoh dan Kuala Lumpur. Di kampung2 di Kelantan pun terdapat kaki kapak. Sekarang ini semua sudah tiada. Botak Chin dan Kalimutu sudah tiada. Kaki kapak di kampung2 sudah dibuang daerah. Kita aman. Mungkin yang tinggal mat rempit, peragut dan demonstrasi jalanan. Mereka ini mengganggu gugat keamanan dan ketenteraman awam. Saya percaya polis akan dapat menbenteras mereka ini.

Sejarah adalah subjektif bergantung kepada siapa penulisnya. Geografi yang begitu penting sudah tidak diajar di tingkatan 4 dan 5. Matematik sudah tidak perlu diambil pada peringkat spm. Bahasa Inggeris tidak wajib lulus. Sejarah pula mengandungi ramai tokoh2 baru seperti Tok janggut, Datuk Bahaman, Mat Kilau dan lain2. Pelajar2 dikehendaki menghafal beratus2 tokoh2 kampung ini dan kehebatan perjuangan mereka setanding dengan Napoleon Bonaparte dan Francis Drake. Saya terbaca dalam buku teks sejarah tingkatan 4 atau 5 menterjemah Boston Tea Party sebagai Jamuan Teh Boston. Mata pelajaran Sejarah patut dipanggil Politik Malaysia. Bahasa Baku yang tidak berfaedah itu diperkenalkan di sekolah. Ini semua berlaku pada masa Tun jadi PM dan Datuk Seri Anwar jadi Menteri Pendidikan.

amin tan

waribangsarbaru's Gravatar waribangsarbaru

June 13, 2009 at 4:55 pm | Permalink

salam ayahanda. pemikiran rakyat kita sedang bercelaru. mereka sendiri sedang berada di dalam state of dualism. tidak jelas dengan apa yang dia mahu dan kadangkala tidak sedar dengan apa yang mendorongkan mereka bertindak sedemikian. pentingnya, mereka percaya apa saja yang difikirkan dan dilontarnya adalah perkara yang cukup hebat dan perlu diterima. ini tengah jadi satu fenomena yang sangat mengerikan.

perkara ini juga adalah sebahagian hasil air tangan eksperimen ayahanda ketika menjadi pm. jangan buat-buat terkejut. ayahandalah yang telah berjaya menanamkan semangat malaysia boleh sehingga rakyatnya seterusnya

berfikiran melangkaui lebih daripada itu sehingga hilangnya segala nilai. pengganti ayahanda pada ketika itu tidak terbawa untuk meneruskan misi itu selanjutnya pm yang terkini, wallahualam.....

pm dan barisan kepimpinan perlulah mengamati dan peka dengan respon rakyat dari setiap lapisan. jadikan mereka berperanan sebagai di antara penyumbang kepada agenda bina negara. pada agenda negara yang tertunggak, selesaikan apa yang patut. bagi tan sri mahyuddin buatlah satu persatu, jangan kusutkan rakyat. futuristikan kakitangan kementerian pendidikan dahulu. bimbang niat jujur dan ikhlas disalahtafsirkan.

yang cerita lama pun ada baiknya sedangkan yang hendak diterjah pada masa akan datang ini sebahagian besar gambaran dan ganjarannya masih lagi tidak dapat dilihat serta dibayangkan oleh rakyat. kalau dahulunya terdapat kekurangan linkages pada pelaksanaan, betulkan. menambahkan confuse inilah yang merenggangkan rakyat daripada kepimpinan yang ada...

TEDDY D.Sagunting's Gravatar TEDDY D.Sagunting

June 13, 2009 at 3:17 pm | Permalink

Salam sejahtera Tun,

Berhubung dengan penulisan Tun tentang

kristal's Gravatar kristal

June 13, 2009 at 2:57 pm | Permalink

Saya sokong sepenuhnya pandangan tun..ilmu itu terlalu luas sehinggakan kita tidak akan habis dalam menuntut ilmu.tiada manusia yang dapat menguasai semua ilmu..akhir sekali..terima kasih tun kerana sudi datang di uum..

<http://www.klikjutawan.com/recommends/apkknick>

bph's Gravatar bph

June 13, 2009 at 1:49 pm | Permalink

“Sejarah” dianggap sebagai subjek yang kena dihafal, fakta yang panjang lebar, ditambah pula tahun dan tarikh yang kena diingati, tak menarik perhatian golongan remaja dan blah blah blah..... itulah antara alasan kenapa subjek ini kadangkala terpinggir dalam arus pembelajaran masa kini oleh golongan muda.

Teknologi yang canggih dan arus kehidupan moden telah menenggelamkan subjek sejarah ini dalam kehidupan persekolahan masa kini, ini berbeza dengan masa lalu kerana pada masa itu kita lebih berorientasikan buku teks sekolah untuk memperoleh sesuatu ilmu. Tambahan pula, kehidupan kita tak terdedah kepada elemen-elemen lain seperti internet, hiburan dan sebagainya. Kehidupan masa lalu boleh dikatakan pergi sekolah dan balik lepas tu dan habiskan zaman persekolahan. Kehidupan yang biasa dan taklah komplikated seperti masa kini. Itu fakta yang tak boleh disangkal.

Penggunaan media (seperti perisian) dalam subjek “Sejarah” tidak memberi sebarang impak kerana minat dan kesedaran tak timbul dalam diri remaja. Walau canggih manapun perisian dalam bentuk CD umpamanya, tapi dalam

hati remaja tiadanya kesedaran dan minat, CD tersebut sudah tentu tidak akan disentuh oleh mereka. Kalau CD tersebut dimainkan sekalipun, saya tidak rasa ilmu tersebut dapat dihayati sepenuhnya.

Apa yang saya rasa kita perlu buat ialah cara subjek tersebut diajar harus diperbaharui seiring dengan arus perdana masa kini. Janganlah biarkan subjek tersebut dilabel sebagai subjek kena dihafal dan penuh dengan fakta yang panjang lebar. Adakan forum, buat pertandingan peringkat sekolah yang meluas di seluruh negara dan sebagainya.

membr's Gravatar membr

June 13, 2009 at 1:46 pm | Permalink

Tun,

Budak-budak sekolah sekarang ini, bag sekolah saja yang berat sebab penuh dengan buku-buku.

Kalau ikutkan beratnya bag mereka, budak-budak sekarang berkali-kali atau jauh lebih pandai, pintar dan berilmu.

Teringatlah saya satu cerita, Tun.

Ada dua orang lelaki nak mendaki gunung. Untuk sampai di puncak macam-macam halangan yang dihadapi dan diantara ialah mesti berhadapan dengan seekor harimau yang ganas dan garang.

Maka dua orang lelaki ini membawa barang keperluan masing-masing. Seorang membawa yang perlu dan ala kadar saja tapi memadai dan mencukupi. Dia juga membawa selaras senapang dan sebilah pisau memadai untuk menewaskan harimau.

Sementara yang seorang lagi, macam-macam yang dia bawa, senapang dua tiga laras, pistol juga dia bawa, pisau dua tiga bilah dan bom pun dia ada bawa. Seolah-olah nak pergi berperang melawan 1000 orang musuh.

Haha...kesimpulan cerita ini semua orang boleh agak dan tahu.

membr's Gravatar membr

June 13, 2009 at 1:37 pm | Permalink

Tun,

Budak-budak sekolah sekarang ini, bag sekolah saja yang berat sebab penuh dengan buku-buku.

Kalau ikutkan beratnya bag mereka, budak-budak sekarang berkali-kali atau jauh lebih pandai, pintar dan berilmu.

Teringatlah saya satu cerita, Tun.

Ada dua orang lelaki nak mendaki gunung. Untuk sampai di puncak macam-macam halangan yang dihadapi dan diantara ialah mesti berhadapan dengan seekor harimau yang ganas dan garang.

Maka dua orang lelaki ini membawa barang keperluan masing-masing. Seorang membawa yang perlu dan ala kadar saja tapi memadai dan mencukupi. Dia juga membawa selaras senapang dan sebilah pisau memadai untuk menewaskan harimau.

Sementara yang seorang lagi, macam-macam yang dia bawa, senapang dua tiga laras, pistol juga dia bawa, pisau dua tiga bilah dan bom pun dia ada bawa. Seolah-olah nak pergi berperang melawan 1000 orang musuh.

Haha...kesimpulan cerita ini semua orang boleh agak dan tahu.

Baharudin Mohd Shah's Gravatar Baharudin Mohd Shah

June 13, 2009 at 1:32 pm | Permalink

Salam Tun,

Saya sangat setuju sekali dengan saranan Tun agar sejarah perlu diajar di sekolah dengan sungguh-sungguh dan kita semua tahu apakah implikasinya sekiranya sesuatu dasar tidak hati-hati digunakan seperti yang sejarah telah menunjukkan.

Di sini saya ingin juga mengambil kesempatan menurunkan surat saya dalam Bahasa Inggeris yang saya hantar kepada beberapa tempat tentang implikasinya sekiranya kita tidak menggunakan Bahasa Inggeris dalam mengajar Sains dan Matematik seperti berikut;

Dear Sir,

Allow me to put forward my argument on the use of Bahasa Malaysia and English Language in our public educational system. I would not go into the lengthy discussion about the merits of both Bahasa Malaysia and English in our educational system, since they have been dealt with by others. I just want to point out the serious implications and repercussions to countless generations of future Malaysian students in the public educational system if they do not study Mathematics and Science in English or rather try to improve their English.

Many foreign countries who were previously fiercely nationalistic in guarding the sanctity of their national languages, such as Japan, France, Germany, Sri Lanka, and China are now giving in to use English in their educational system so as to have that global competitive edge in knowledge, commerce and industry. This new reality has also push other countries to follow suit. Consequently, their students seek knowledge all over the world where the medium of instruction is in English, including Malaysia.

On the other hand, our own Malaysian students from the public institutions are not having a fair deal in their own country. Not only do they have to compete with students from foreign countries who have reversed their language policies in favour of English but also with their local counterparts who are joining the private schools and universities where English is the medium of instruction. The number of private institutions offering English as medium of instruction is increasing day by day as also the students who are joining them in droves as Malaysians are getting more affluent. However, not all Malaysians are from the rich families and could afford an expensive private education.

If we still insist on Science and Mathematics should be taught in Bahasa Malaysia, then we might be going back to the situation in the 1960

Ir. Syahrizan's Gravatar Ir. Syahrizan

June 13, 2009 at 1:00 pm | Permalink

Asalamualaikum Tun,

I love History lesson! Manage to score an A for it during my SPM many years back. I hope the Education Ministry will maintain History as one of core subjects for our primary and secondary schools. Realizing how important the History of our country needs to be passed down to the next generation. It

Terus Terang's Gravatar Terus Terang

June 13, 2009 at 12:39 pm | Permalink

Tun,

Kita rakyat Malaysia sudah biasa dgn manifesto pilihanraya yang sering tengahkan cadangan2 yang memudahkan lagi rakyat. Kalau seseorg ahli politik yg bertanding tengahkan manifesto yg akan menyusahkan rakyat (walaupun akan beri kesan baik pada masa depan) nescaya beliau akan kalah (mungkin juga hilang deposit).

Sekarang pembangkang kuat. Mereka gunakan isu Metamatik dan Sains dlm BI untuk tarik sokongan rakyat ; sebab rakyat suka yg senang sahaja.

Lihat saja Singapura. Salah satu faktor kejayaan mereka ialah BI mereka sangat baik. Pembangkng sana lemah dan tidak menimbulkan isu2 yg tak sihat seperti dilakukan di Malaysia.

Tak salah kalau kerajaan Malaysia berdegil dengan mewajibkan BI dgn alasan kebaikan pada masa depan.

hsm_cai's Gravatar hsm_cai

June 13, 2009 at 12:33 pm | Permalink

Salam kepada Tun dan para bloggers,

selain mata pelajaran sejarah saya rasa ada satu lagi subjek yang perlu diajar di sekolah iaitu mata pelajaran adab sopan, pendidikan moral, pendidikan agama Islam. sekarang ni saya tengok ramai yang telah abaikan adab sopan dalam kehidupan kita. malah ada yang berpendidikan tinggi tapi akhlak mereka sangat2 teruk. jadi saya rasa tak berguna kalau bijak dan pandai sekali pun kalau akhlak adalah sangat2 buruk.

kepada umat2 manusia terutamanya umat Islam, buatlah baik sesama Islam.....sekurang-kurangnya.....

Dengan penuh keikhlasan,

hsm_cai

musato's Gravatar musato

June 13, 2009 at 12:14 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun.

Dulu saya tak berapa nak pandai sekolah.Tapi taklah sampai tak habis sekolah.Tapi sekarang masih boleh belajar.Ada internet,buku dan praktikal kehidupan.

Kat TV pun boleh belajar. Sekarang channel kesukaan saya adalah cerita Nanny (komedi orang Jew dan Inggeris), Merlin (pemuda yang berkebolehan menyihir yang rendah hati), The Biggest Loser (perjuangan orang gemuk untuk menjadi kurus dan erti persahabatan dalam pertandingan).

Dalam buku agama pun menolak kata-kata yang mengatakan mustahil untuk berjihad pada zaman moden. Sedangkan zaman sekaranglah lebih senang untuk mendapatkan pengetahuan kerana zaman dulu ilmu hanya di dada orang-orang badwi (berpindah-randah).

Perkara yang paling berharga saya pelajari dari internet adalah politik. Saya pelajari dari chedet.cc. Dalam masa setahun saya boleh kenal politik. Bukan politik kotor, tapi politik yang bermaksud satu cara untuk mengurus kehidupan manusia.

Saya tak berapa nak pandai speaking, mungkin saya boleh belajar juga dari Internet. I'm fast learner. Untuk sampai ke umur sekarang sudah bermacam saya kerja dan sedikit merantau dalam negara. Tetapi keperluan untuk belajar BI mungkin tak berapa penting buat masa sekarang.

Tapi untuk budak-budak dan remaja di alam persekolahan belajar untuk memahami ilmu amat penting. Semua mata pelajaran adalah sama penting, lebih penting lagi BI kerana itu adalah bahasa ilmu dunia sekarang. Buku-buku ilmu dalam bahasa Arab pada zaman dahulu telah dibakar setelah ia diterjemahkan ke bahasa perompak. Apakah salah untuk kita mengambil balik pengetahuan nenek moyang kita pada zaman dahulu dengan belajar BI?

Dalam blog kita boleh cari pengetahuan. Saya pun ada sedikit masa untuk menjengah 1Malaysia.com.my. Mungkin PM kita telah mendapat sedikit ilham untuk menyelesaikan masalah di Perak melalui luahan suara dari rakyat sedikit masa yang lepas. Kebaikan kepada rakyat Perak mungkin, walaupun saya ada membaca flip-flop yang mengingatkan saya pada flip-flop yang lepas. Harap lepas ni takde penasihat flip-flop lagi.

Panjang dah tulis ni, tapi saya teringat tentang Tokku Paloh yang hanya belajar dari Tokku Tuan Besar (ayanhandanya) saje. Sedangkan ulama-ulama dari Pattani lebih glamour dan terkenal tentang pengembangan Islam di rantau ini. Sampaikan orang yang mengamalkan zikir yang dicipta beliau dihadapkan ke mahkamah atas alasan sesat. Mujurlah hakim yang menghakimi juga turut mengamalkannya. Itu cerita sejarah. Mungkin juga itu adalah sekolah.

Terima kasih Tun.

ibubie's Gravatar ibubie

June 13, 2009 at 12:06 pm | Permalink

salam TUN

Selalunya, bile dunia semakin maju, pemikiran manusia pun semakin bijak. Tapi keputusan untuk meletakkan bahasa inggeris dan sejarah sebagai tak wajib lulus satu keputusan yg menjadikan pendidikan menjadi mundur. sepatutnye makin maju dan bijak.

jangan kerana desakan para demonstrasi tempoh hari membuatkan kerajaan kecut sampai jadi bengap. dieorang tu bukan memperjuangkan bahasa melayu sangat pun.. politik. ini pun politik juga ni. takut tak sempat rasa jadi PM.

KEPUTUSAN YANG TIDAK MENCERMINKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG SEMAKIN MAJU.....

JJJ's Gravatar JJJ

June 13, 2009 at 11:34 am | [Permalink](#)

salam Tun,

to “Mr. Self-important” Ravi,

excerpts from your comments in a previous blog;

“And you succeed in some quarters like HBT, JJJ, Samurai Melayu who have no understanding what the origins or history of this great country of ours. Their limited knowledge makes them think gaining independence from the British is all what counts...”

PLEASE BE MORE COHERENT.WHAT ARE YOU BABBLING ABOUT?LIMITED KNOWLEDGE?WE DON'T KNOW HISTORY?

YOU KNOW THIS GREAT NATION OF OURS BETTER THAN US?PLEASE ENLIGHTEN US OH YOU SELF RIGHTEOUS BAG OF S**T!

Jeng3

JJJ's Gravatar JJJ

June 13, 2009 at 11:26 am | [Permalink](#)

salam Tun,

salam juga untuk antikmalaya,

saya bersetuju dengan anda bahawa;

“The solution may sound radical but without doing so, the Malays will continue to be their subject of ridicule. The Non-Bumis will never be satisfied with the Malays for as long as they are not on top of the Malay. To be on top would mean to turn this country into a Republic and to remove the Monarchy institution.”

Ada dikalangan Non-Bumis yang menjadikan Singapura sebagai sumber inspirasi mereka,KONONNYA keunggulan meritokrasi.Untuk pengetahuan semua,orang Melayu diSingapura adalah golongan minoriti yang termiskin disana.Siapa berani cabar kenyataan ini?Dr Syed Alwi Ayam?

Sistem meritokrasi hanya pada nama saja tetapi pelaksanaan polisi disana berlandaskan perkauman yang halus dan sukar dikesan.Sila baca artikel ini di internet;

The Charade Of Meritocracy

FEER, October 2006

By Dr.Michael D. Barr

Sudahlah golongan minoriti paling miskin ditambah pula tidak ada kuasa dalam politik. Padahal perlembagaan Singapura sendiri ADA memperuntukkan hak-hak istimewa untuk orang Melayu tetapi dihakis dan dikikis sedikit demi sedikit sehinggakan sekarang terpinggir.

Itulah dia realiti sebenar Singapura dibawah pemerintahan LKY berterusan sehingga ke hari ini. Itukah yang Non-Bumis disini mahu?

JIKA ITU YANG ANDA MAHU LANGKAH MAYAT SAYA DULU!

PETIKAN DARI PERLEMBAGAAN SINGAPURA;

“Article 152 Minorities and Special Position of Malays

(1) It shall be the responsibility of the Government constantly to care for the interests of the racial and religious minorities in Singapore.

(2) The Government shall exercise its functions in such manner as to recognize the special position of the Malays, who are the indigenous people of Singapore, and accordingly it shall be the responsibility of the Government to protect, safeguard, support, foster and promote their political, educational, religious, economic, social and cultural interests and the Malay language.

Article 153 Muslim Religion

The Legislature shall by law make provision for regulating Muslim religious affairs and for constituting a Council to advise the President in matters relating to the Muslim religion.”

LKY dalam siri lawatan ke Malaysia selama 8 hari sekarang ini nak jumpa Tun? Buat apa? Nak cerita nasib Melayu Singapura?

THE BIGGEST AND MOST CUNNING RACIST IS LKY WHO SUCCEEDED IN TURNING THE MALAYS INTO NON-ENTITIES! FOR THOSE WHO WANT MALAYSIA TO BE ANOTHER SINGAPORE, OVER MY DEAD BODY! PLEASE DO NOT PATRONISE ME WITH CLAIMS OF MERITOCRACY! PAP ELEVATED RACISM TO AN ARTFORM!

Izinkan saya memetik beberapa saranan dari saudara2 kita diseberang tambak untuk penghayatan pembaca sekalian;

“By chickenfeet on December 5, 2008 6:48 AM

Salam Tun,.

Ur right on the spot when u say the Malays in Singapore menjadi ‘hamba’ kepada bangsa lain,.

Im sure the Malay ‘Mr Yes Man’ will come at you with full ammo guns n bullets screaming blue murder,..they will back it up with what so called ‘facts n figures’ to back their claim n to prove you wrong,.

All these while these Malay ‘Mr Yes Man’ had painted a rosy picture of the Malay community in Singapore but fact is,..just listen to the man on the street..not the politician with a fat pay cheque..

Without the Malays in Malaysia,..the Malays in Singapore wont exist..(think abt it in a broader sense people),.

That is why the support to rid Abdullah n Family out of UMNO is crucial for preserving our Malay bastion..

While we know who our enemies are,..lets keep a closer watch the enemy within,.

Salam to our Great Leader..Tun Dr Mahathir Mohamad,..True Saviour of The Malays!!

PS: Err im not a Fanatic follower,..im on my own

Another PS: Err im a Singaporean too,..

By JoeBOP on December 8, 2008 3:59 PM

Dear Tun Mahathir & All Malaysians,

Saya adalah Melayu Singapura. Dari apa yang saya lihat komen bloggers di sini, komen dari Melayu Singapura sendiri agak kurang. Jadi saya rasa wajarlah kalau ada Melayu Singapura yang ingin komen sedikit.

Terima kasih kepada Tun Mahathir kerani berani bersuara demi membela nasib Melayu Singapura. Tun sanggup mempertaruhkan nama baik Tun untuk kami yang kerdil dan tidak berupaya ini walaupun Tun tidak ada hubungan kekeluargaan dengan Melayu di sini.

Tun sendiri bukan Melayu tulen, tetapi Tun telah menghabiskan seumur hidup Tun untuk membela nasib Melayu yang selalu mudah lupa ini.

with your talent and ability, there isn't a shadow of doubt that you could have chosen to be a rich doctor or a businessman. Instead, you consciously chose the path of a politician with no million-dollar-paychecks to help the Malays, knowing full well the massive obstacles that awaits you. Semoga Allah membalas budi baik Tun. Keberanian Tun menjadi inspirasi untuk saya.

kepada Melayu Malaysia:

Wahai saudaraku di seberang tambak,

Janganlah kamu ingat Melayu di sini semuanya senang-senang belaka. Walaupun tidak semua boleh dikategorikan sebagai "hamba", jangan pula ada yang ingat Melayu sini hidup seperti "Raja". Ada yang murah rezeki, tetapi banyak juga yang hidupnya sempit.

Sempit kerana peluang yang terhad.

Wahai saudaraku di seberang tambak,

janganlah kamu lupakan kami dalam doamu. Kami tidak minta dilahirkan di sini, tetapi kami percaya mungkin ada hikmah disebaliknya.

Wahai saudaraku di seberang tambak,

kalau ada suara-suara yang mengatakan Melayu Singapura lain dari Melayu Malaysia, percayalah mereka sebenarnya mahu memecah-belah kan kita. Janganlah kerana ada segelintir yang sombong dan lupa diri, kamu tinggalkan kami.

Sekian sahaja komen saya.

Yours Respectfully,

JoeBOP."

Bagaimana perasaan kita sebagai saudara sebangsa dan seagama?Patutkah kita jadikan mereka ini sebagai contoh supaya kita dapat berkerjasama dan bersatu sebagai satu bangsa yang teguh?

Jaga2 wahai saudara sebangsa dan seagamaku akan petualang2 yang cuba menghapuskan hak istimewa dan Institusi Kesultanan Melayu ini! Ramai diantara mereka ada dilaman blog Tun ini dengan komen2 menghina keupayaan orang Melayu.

Wassallam

Jeng3

JJJ's Gravatar JJJ

June 13, 2009 at 10:25 am | Permalink

salam Tun,

“HISTORY IS WRITTEN BY THE WINNERS”

Sejarah ditulis oleh pemenang. Saya masih ingat lagi buku sejarah yang ditulis oleh British dulu menggambarkan J.W.W. Birch adalah orang baik dan Datuk Maharajalela dll adalah penjahat dan pengkhianat.

Sekarang kita tahu perkara yang sebenarnya berlaku. Tetapi sangat sedih apabila ramai anak2 muda tak ambil pusing tentang fakta sejarah ini.

Apatah lagi majoriti belia bukan Melayu lagilah hairan siapa Datuk Maharajalela tu?

Ini sedikit sebanyak menyumbang kepada keadaan huru hara dalam mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu sehinggalah pihak Sultan2 Melayu terpaksa mengeluarkan beberapa kenyataan agar jangan mencabar hak2 orang Melayu.

Ramai disini yang berkiblatkan Singapura sebagai negara contoh. Mereka tidak akan berpuas hati selagi orang Melayu tidak ditindas seperti saudara mara kita di seberang tambak.

Peluang keemasan sekarang hampir dapat di capai dengan pertolongan Si-Kitul zaman moden DSAI. Beliau merupakan kuda emas tunggangan mereka yang mahukan orang melayu berpecah.

Satu lagi adalah parti PAS sendiri yang pernah mengata UMNO kafir kerana berkerjasama dengan kaum lain tetapi sekarang bersekedudukan dengan DAP bawah satu bumbung. Dulu yang paling awal menggelar DSAI “Al-Juburi” adalah orang kuat PAS sendiri.

Saya menyeru agar ahli2 PAS segera bercerai dengan DAP/PKR dan membentuk kerajaan perpaduan dengan BN demi menjaga masa depan sesama kita sendiri yang cuba diperkotak-katik oleh bangsa lain.

Jika anda persoalkan UMNO bersikap nasionalis, bukankah orang Melayu itu Islam? Jika dilahirkan Melayu dinegara ini secara automatik anda adalah orang Islam. Dan kerajaan UMNO juga telah terlalu banyak menyumbang kepada kemajuan Islam dalam dan luar negara sehingga dijadikan negara Islam contoh didunia. Jangan jadikan isu ini sebagai alasan penghalang untuk umat Islam dalam negara ini bersatu kerana bersatu kita teguh.

Bangsa lain di negara ini tidak akan mempunyai pilihan lain selain menghormati orang Melayu dan institusi Kesultanan Melayu.

Wassallam

Jeng3

p/s – “ANWAR IBRAHIM MESTI BERTAUBAT!” – Karpal Singh

HBT's Gravatar HBT

June 13, 2009 at 10:06 am | Permalink

Ayahanda Tun,

It is okay if English is not a compulsory subject for passing SPM. Looking at the current scenario and reality, and this fact is due to the decision made by Mr Anwar Ibrahim approved by YAB Dr M and his cabinet, and I was the 1st batch students who were the guinea pigs for this BM implementation in all subjects, I believe many students will flung- out for further education if English is compulsory a passing subject. The most important point I want to stress here is that the Ministry of Education will allow English subject to be taught in schools no matter what happen.

When students need to further their study in higher education, they need to sit for MUET or TOEFL examinations, from here they will be able to learn the “right” and “correct” way of mastering in English Language.

Ayahanda Tun, I scored P7 in SPM’s English subject (P8 in BM) in the 80’s and it took me two trials to get 580 points in TOEFL examination. Furthermore, English Language can also be learned through other fun and user-friendly channels like computer games, Play Station games, songs, movies (the DVD’s with English subtitle) and Microsoft Word’s auto-correct grammar and spelling.

In this blog, I do hope that Dewan Bahasa will spend some budget in making a auto-correct “struktur ayat & ejaan” software in BM like what Microsoft Word did so that all Malaysians will be able to write and learn BM in the user friendly way without “pening kepala”, and this is the new age and trend of learning language that no countries may ignore, siapa cepat siapa dapat!!!

Good day Ayahanda Tun.

amir aziz's Gravatar amir aziz

June 13, 2009 at 9:51 am | Permalink

Assalamualikum Tun,

Pada pendapat saya, kesemua pihak yang membangkang PPMSI adalah golongan prejudis yang menjadikan pihak lain sebagai subjek untuk kepentingan diri mereka sendiri. Memperjudikan sistem untuk memperkayakan diri mereka sendiri. Kenapa MESTI menjadikan golongan pelajar luar bandar sebagai galang-ganti untuk dijadikan rujukan kegagalan sesebuah sistem? Mereka sebenarnya sama seperti kita yang tinggal dimana2 di muka bumi malaysia ini. Jika tidak, mengapa mereka berupaya menguasai banyak perkara yang berkaitan bahasa? Lihat lah disekeliling mereka... Permainan Video Game, Hand Phone, Lagu-lagu barat yang dijadikan siulan harian.... kesemuanya diaplikasikan dalam bahasa inggeris... Pernah lihat PS2 / PS3 dalam bahasa Melayu? Jangan sesekali mempersoalkan keupayaan mereka dalam menempatkan diri dalam arus pemodenan tersebut.... Mereka tahu bagaimana untuk berusaha untuk sampai ketahap itu. Percayalah dan terimalah kenyataan... Cuma yang perlu kita lakukan ialah sebagai pembuat dasar / sistem kita haruslah memperhalusi setiap kemajuan yang ada selari dengan cara dan budaya kita.. Jadikan sejarah sebagai panduan, Jadikan ugama sebagai pedoman dan jadikan ilmu sebagai

rujukan dan hasilkan sesuatu yang boleh menyumbang kepada kemajuan keseluruhan rakyat malaysia... Para pendidik haruskan terus membimbing mereka. Para ibu bapa haruslah terus memantau perkembangan mereka....Don't be too protective... Cuba lah pikirkan sesuatu yang boleh terus menyumbang kearah kemajuan semua pihak... Cuba lakukan sesuatu dengan ikhlas dan jujur... Tanpa kepentingan diri sendiri... Lihat lah sekeliling.... Hasil yang wujud kini adalah dari sumber yang tidak sihat.... ibat kata pepatah Asal benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau.....

JJJ's Gravatar JJJ

June 13, 2009 at 9:44 am | Permalink

salam Tun,

kepada Nasha Bte Edwin,

Ejaan betul adalah SOFTWARE bukannya SOLFWARE.Kalau sekali salah eja boleh di maafkan,salah taip ok lah tu tapi kalau dah setiap kali eja SOLFWARE (3 kali)nampak sangatlah tahap pemikiran awak yang merapu.

Tolong jangan bagi komen bodoh disini lagi.Betulkan ejaan dulu dan lebih afdal lagi cubalah menimba ilmu dengan lebih mendalam agar dapat menjana pemikiran yang lebih berkualiti untuk masa depan anda.

Wassallam

Jeng3

HBT's Gravatar HBT

June 13, 2009 at 9:21 am | Permalink

Selamat pagi Ayahanda Tun,

Izinkan....

//By Nasha Bin Edwin on June 12, 2009 4:39 PM//

Dear Cik & En Nasha.

Saya fikir anda tidak belajar sejarah dengan cara yang betul. Anda juga lelap mata ke semasa kelas sejarah? Apa yang saya lihat kini sejarah Malaysia menyentuh perjuangan UMNO sebagai sejarah moden, satu perjuangan yang mesti dipelajari anak2 murid sekolah kita supaya kita dapat bersatu dan menerima perjuangan UMNO sebagai perjuangan masa hadapan Malaysia ini. Sejarah lama masih dan perlu depelajari anak2 sekolah kita supaya kita tahu siapakah, dimanakah dan mengapakah kita perlu mengadakan perjuangan UMNO dan BN.

Hm...mungkin kerana sikap anda yang "berdua alam" (sori ya, saya tidak tahu apakah perkataan yang paling sesuai untuk Nasha) kerana anda tidak mempunyai "future" yang terang dan panjang kerana keliruan jantina anda. Saya berpendapat Nasah selalu keliru dan tidak boleh membezakan apakah yang patuh disokong atau tidak.

Pasal pelajaran (termasuklah sejarah), politik dan ekonomi, lebih baik Nasha diam kerana Nasha memang tidak sesuai untuk membentangi isu2 ini. Jika boleh, Nasha perlu kenalpastikan jantina Nasha dulu, barulah Nasha masuk mempertahankan isu2 ini.

Nasha, di dunia ini wang, ilmu dan rezeki perlu dicari, bukan disedekahkan orang. Kalau Nasha diberikan satu lombong emas kerana rezeki "Allah", Nasha pergi lombong ini tanpa cangkul, pasti Nasha tidak akan mencari rezeki tanpa cangkul, salah "Allah" atau Nasha?

Semasa YAB DS Dr Mahathir sebagai PM kita, beliau telah membuat keputusan supaya KWSP membenarkan ahli2 KWSP mengeluarkan wang untuk membeli komputer. Tetapi, apa yang saya dengar adalah fitnah bahawa Dr M buat keputusan ini kerana beliau hanya menyayangkan projek Multisuper Media Corridor di Cyberjaya. Ada sesetengah pihak yang kurang bertanjungjawab dan mempunyai tabiat menipu kerajaan dan dirinya sendiri mengeluarkan duit KWSP untuk memberi benda lain, bukan komputer untuk mengembangkan pengetahuan mereka! Ini salah siapa, kerajaan atau masyarakat?

Mengapakah budak2 kita suka main "game" komputer tanpa mengira masa siang atau malam? Ini kerana mereka tidak dididikan ibubapanya dengan cara yang betul (and please don't tell me that this is also the government responsibility to teach these children not to get addicted to computer game, k). Main "game" komputer merupakan satu hiburan, dan budak2 kita tidak salah atau jahat memainkan "game" komputer asalkan mereka dididik dengan cara yang sihat. Kalau mereka dididik Nasha, mampuslah "future" generasi kita yang akan datang!!!!

Today is Saturday and enjoy yourself Ayahanda Tun. As for the Israel-Palestine conflict, it will not be solved due to religion. We don't have to go far Ayahanda Tun, just look at this Nasha, we will know it is impossible to re-educate them when it involves religion. PAS rules Malaysia, Malaysia Boleh ke??????

msi's Gravatar msi

June 13, 2009 at 9:12 am | Permalink

Nasha Bin Edwin,

sekarang terbukti lah yg anda memang tak pernah pergi sekolah. Pergi la baca balik buku sejarah tingkatan 1 sampai 5. Takpun, pergi masuk sekolah balik.

DAH Ikhwan's Gravatar DAH Ikhwan

June 13, 2009 at 7:12 am | Permalink

YAB Tun,

Saya setuju penuh dengan pandangan Tun. Adalah suatu perkara yang tidak baik untuk masyarakat jika benchmark pendidikan didasarkan kepada kemampuan masyarakat Melayu luarbandar yang rendah. Ini akan melambatkan kemajuan pendidikan di bandar dan seluruh Malaysia amnya.

Sesuatu perlu dibuat untuk meningkatkan kemampuan pelajar luarbandar dengan cepat seperti yang dicadangkan oleh Tun dalam artikel ini. Untuk ini pemimpin terutama pemimpin pembangkang janganlah mempolitikkan isu ini dan menggadaikan masa depan anak2 kita.

Saya juga ingin mencadangkan suatu pendekatan lain seperti dilaksanakan di Hong Kong. Di sana kerajaan membenarkan sekolah atas pilihan dan kemampuan masing masing menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Dengan kaedah ini kini ada 1/3 daripada seluruh sekolah di Hong Kong menggunakan Bahasa Inggeris.

Jika dilaksanakan di Malaysia, kaedah ini lebih demokratik dan mampu melahirkan persekitaran pendidikan dan masyarakat yang lebih dinamik. Graduan dari sistem ini mampu menampung keperluan negara dalam bidang penterjemahan, bidang pendidikan tinggi terutama di institut pengajian tinggi swasta, sektor pelancungan, tugas luar negara dan keperluan dalam syarikat multinational. Ia juga mampu menjadi benchmark kepada seluruh sistem pendidikan negara.

Untuk jangka panjang, seharusnya hanya ada dua aliran di Malaysia, iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan Jenis Inggeris. Tidak perlulah kerajaan meneruskan sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah sekolah ini sepatutnya bertaraf sekolah privet sahaja.

Sistem yang ada sekarang hanya hasil kompromi politik semasa dan tidak akan mampu melahirkan 1 Malaysia yang kita mimpikan.

Untuk artikel penuh, sila lawati blog saya.

DAH Ikhwan

blog address dahalmi.wordpress.com

penditaputra's Gravatar penditaputra

June 13, 2009 at 6:23 am | Permalink

dear tun

it is good to know that our government is aimed to make english as compulsory for every student. of course, it is expected that the issue will call for various assumption whether positive or otherwise.

as i am the one who like to converse myself in mastering other languages, it is look possible for me to every one to hardly make themselves conversant in english, french, arabic or else.

even try so hard, i am not dare to claim myself being so perfect but it has done me a lot of goodness. yes, during this time, those who do not know english will left behind.

the thing the students worried about is if english is keen to be made compulsory, they will lost their big smile when seeing the exam result, why not? they still can score for geography, pendidikan islam or else with A's but not for english, they say that the lower grade is spoiling the result slip. caused them a big shame.

as to the time when material is being a focus, people seemed to cut all the way to success. it doesn't matter for them to be in such a low level people unless they can have all the things that make others call them a life bearer.

To compete with others, we must have everything and we cannot avoid such competition as the one who comes challenging us bring together a superb intelligent with them.

alchemist johor's Gravatar alchemist johor

June 13, 2009 at 4:37 am | Permalink

Salam buat Tun Dr Mahathir yang dikasihi,

Saya juga amat pelik dengan kementerian pendidikan kita hari ini. Kenapa mereka yang berkuasa di kementerian tersebut tidak dapat menerangkan seperti yang Tun terangkan dari no 4 hingga no 23. Amat sukarkah menerangkan secara berhemah dan rasional mengenai sesuatu isu berkaitan pendidikan kita. Atau orang dalam kementerian pendidikan sendiri tidak berminat dengan bidang pendidikan yang mereka ceburi.

Pendapat saya tentang sejarah, media perdana juga patut selalu memainkan peranan menyampaikan ilmu yang berkaitan. Misalnya bila tiba hari kebangsaan, media perdana patut menceritakan kembali sejarah seperti Bukit Kepong, ataupun berkaitan Leftenan Adnan Saidi. Jadikan mereka yang terkorban dalam kita mempertahankan tanahair atau ketika era kita menempuh pembebasan dari penjajah/kemerdekaan sebagai simbol menaikkan semangat bangsa dan merintis perpaduan rakyat selalu. Selain itu ianya sebagai penghargaan kepada waris wira-wira kita.

Sedihnya tidak ramai yang tahu siapa itu Sarjan Jamil dan perihal peristiwa dan maklumat berkaitan anggota polis dan keluarga yang terkorban semasa mempertahankan balai bukit Kepong yang sekarang ini menjadi simbolik penentangan kuat orang Melayu terhadap komunis pada waktu itu. Ramai juga yang tidak tahu peristiwa berkaitan dengan pengorbanan Leftenan Adnan Saidi hinggakan menjadi mainan salah seorang pengarang Harakah yang mengatakan beliau meletupkan diri bagi memusnahkan rahsia kerajaan British dari tentera Jepun dan mengaitkan beliau seperti pengebom berani mati Palestin dan baruah British!

Apa yang menjadi tandatanya besar adalah apakah sejarah berkaitan dengan negara kita yang tersayang ini boleh diubah sewenang-wenangnya mengikut kepentingan individu atau parti pembangkang tanpa badan yang boleh melindungi fakta sejarah berkenaan. Tiada tindakan yang diambil terhadap mereka yang menulis kembali sesuatu sejarah mengikut kepentingan diri malah menjadikan ianya sebagai mainan dan lawak bagi penyedap cerita. Kerajaan patut fikirkan dengan serius tentang perkara ini!

Saya fikir Sejarah juga patut wajib lulus bagi mengimbangi ilmu teknologi dan arus kemodenan sesuatu bangsa agar menjadi panduan dalam kehidupan bermasyarakat dan menjadikan seseorang itu lebih berhemah tinggi.

Sekian dahulu. Terima kasih.

ibubie's Gravatar ibubie

June 13, 2009 at 4:28 am | Permalink

salam TUN.

kerajaan tengah lembik TUN. orang tinyai2 la diao rang. itu la, ini lah. buat itu tak betul, buat ini tak betul. yang kononye berjuang untuk martabatkan bahasa melayu tu pun, belum tentu untuk bahasa melayu tu. Nampak macam ada unsur2 politik je.

tapi saya percaya, banyak juga yg setuju penggunaan bahasa inggeris dalam pengajaran sains-math. kecuali mereka yg target anak2 dieorang tamat tingkatan 5 je tak setuju.

bahasa melayu pun hala tujunye sampai mane pun. kat dalam negara pun mintak kerja nak kena fasih bahasa inggeris. malah keutamaan jika fasih mandarin. kalau mintak government baru ada pakai. takan semua dapat government.

ibubapa yg mahu anak2 mereka belajar lebih tinggi dari setakat spm tu la yg tak kisah penggunaan bahasa inggeris dalam pengajaran sains-math.ibubapa jenis ni bukan golongan orang yg high educate pun.tapi dieorang tau zaman sekarang bahasa inggeris penting.belajar sains= halatujunye menjadi seorang doktor,saintis dll.bahasa pengajaran pun inggeris.

dipendekan cerita,biarkan lah yang nak bodoh tu terus bodoh.yang nak bijak tu,jangan biarkan yang bodoh tu jadi penghalang.cari lah alternatif sendiri. kerajaan tak mampu nak bantu sebab yang setuju pengajaran dalam bahasa inggeris ni tak buat mogok...

mat_a's Gravatar mat_a

June 13, 2009 at 3:05 am | Permalink

mungkin juga semua nak dibuat senang supaya org yang terlibat kelihatan bagus. Jika ujian dibuat susah sangat tak ramai pula yang boleh dapat A, contohnya. Nanti banyak pula orang menyoal org yg terlibat, termasuk guru, guru besar, guru pelawat, pejabat pendidikan dan sebagainya. Susah pula mereka nak menjawab. Nanti di kata tak tahu mengajar.

Jadi yang paling mudah buat ujian lebih mudah, semua dapat A, nampak semua pandai semua bagus dan kita bersorak ramai-ramai...

akee's Gravatar akee

June 13, 2009 at 2:57 am | Permalink

nowaday what also seem 'susah' for many of the malays. only politic is easy for them. mainly bcoz of your love to them, pampered them too much in the past till sleep also the food comes to their mouth. their backbone became weak to compete with others by now. only place they can compete now is UMNO (same2 people). you try to let them learn the easy way & it doesnt work much. sometimes i feel many human need to learn by hardship, then only what they learn will be written into their bone.

you have made the ship too high-tech for Badawi or Najid to steer.

too many magic buttons they do not know about. dont think you can easily find a good captain to steer this ship. even if that someone can steer it, dont think he can pass the temptation test if he see the gold in the store.

Justin Wong's Gravatar Justin Wong

June 13, 2009 at 2:57 am | Permalink

Sepuluh tahun dahulu, saya masih belajar di sekolah menengah. Saya masih mengingati kepayahan untuk menguasai mata pelajaran matematik tambahan walaupun saya amat menyukainya. Saya berasa kecewa akan guru tersebut yang menyebabkan mata pelajaran tersebut membosankan. Tentulah, saya berpendapat mungkin adalah kerana masa itu tiada perisian (software) untuk mengajar serta bahasa penggunaan adalah bahasa Melayu. Sekarang, kesemuanya sudahpun berlainan.

Pada pandangan saya, bukannya tanpa mengguna komputer untuk belajar maka tak baik. Hanya, seperti kata-kata Dr.Mahathir, kebaikan dengan penggunaan komputer adalah kerana dapat mengulangi subjek-subjek yang terlalu mendalam untuk difahami semasa diajar buat kali pertama. Pada masa yang sama, saya juga berasa penciptaan perisian tersebut haruslah bermakna untuk dipelajari, dan jika tidak, macamlah dididik oleh guru matematik yang membosankan.

Pendapat kedua saya bukanlah berpendapat bahawa penggunaan bahasa Melayu untuk mengajar matematik tak berkesan. Hanya, penggunaan bahasa Melayu dalam ilmu matematik terlalu terhad. Saya masih ingat saya bertungkus-lumus mencari cara kerja untuk salah satu subjek matematik dari laman web, tetapi oleh kerana kebanyakan nama topik-topik itu dalam bahasa Inggeris, tidak dapat saya cari jawapannya.

Ketiga, saya amat meminati mata pelajaran sejarah. Sehingga kini, saya kadang-kala masih melayari laman web untuk membaca sejarah Malaysia dan dunia. Sebagai seorang rakyat Malaysia, sejarah Malaysia haruslah diketahui. Bagi saya, selain kegunaan sejarah yang telah disampaikan oleh Dr Mahathir, saya berpendapat sejarah juga adalah untuk kita mengingati kesalahan dahulu supaya tidak diulangi. Tentulah, memang adanya orang yang suka mengguna titik hitam dalam sejarah Malaysia untuk disebut dan dibesar-besarkan bagaikan ingin mencetuskan peristiwa tersebut sekali lagi. Itu hanya bukan kegunaan sejarah yang betul malah menyebabkan sejarah menjadi suatu mata pelajaran yang tidak diminati ramai.

Kesemua kata-kata di atas hanyalah pandangan saya dan lazimnya bukan untuk mengadu cara pembelajaran yang dilalui dan bukanlah untuk menggerami sesiapa atas pandanganku terhadap sejarah. Jika saya tersebut kata-kata yang menyakitkan hati, saya memohon ribuan ampun dan maaf.

Sebagai penghujung kata, saya hanya berharap, Malaysia terus maju, tidak berundur, aman harmoni antara kaum, dan yang bersekolah boleh mendapat ilmu pengetahuan yang bernas untuk masa hadapan mereka.

donnaopi's Gravatar donnaopi

June 13, 2009 at 2:01 am | Permalink

jgn risau tun. Yang bersuara lantang mempertikaikan hak melayu sumenya tak tau sejarah dan tak da ilmu. Yang ada ilmu sumenya duk diam dan buat keje masing2. tak mo campur hal2 politik.

sitinur's Gravatar sitinur

June 13, 2009 at 1:50 am | Permalink

mmmm.....naper ek bapak ek kita ong melayu suka na bila nengok seseorg tu berkupiah bersongkok berserban lagik la di anggap mempunyai iman seteguh air...bukan nak aibkan sesape....tapi kalulah mmg mengikut segala suruhan ugama tanpa sikit pun was2...digelar ustaz(takto mmg belaja agama smpi peringkat tertinggi ke dak..)berceramah pun melarang buat maksiat masih muda(dia pun penyanyi dulu rocker la pendakwah..ong kuat pas lagik..)

yg peliknyer kisah rumahtangga jd tayangan umum....tuduh ong lain sebar keburukkan dia siap keluar hadis lagi...tapi cakapnyer tak serupa bikin....cakap lain buat lain...pantang betol saya ngan ong mcm nih....nengok gelagat dia masa p mahkamah syriah pun mcm ong gila bukan mcm ong warak...jadi tanggapan saya ada lah llki melayu ni mmg cakap tak serupa bikin n ong melayu suka ikut tanpa berfikir...main ikut jer sbb dia kaler cakap boleh kuar hadis..kuar ayat al quran....aiyohhh..penat lah.....ni najib nih tak belajar dr kesilapan pak lah kut nih...makin lama makin sesak nafas di buatnyer...

azienmat's Gravatar azienmat

June 13, 2009 at 1:49 am | Permalink

Dahulu, (10-15 tahun saja) jarang sekali kita mendengar pelajar yang mendapat 10A1 malah mendapat A pun bukan main susah. Dengan tiba2 pelajar menjadi begitu pintar sekali, hinggakan boleh dikatakan setiap sekolah ada pelajar mendapat full A's. Ntah dimana silapnya?

Saya tak fikir pelajar sekarang menjadi begitu pandai dan pintar, begitu juga guru2nya terror sangat mengajar sampai mendapat result secemerlang itu! (PPSMI pun merungut..)

Kembalikan keputusan peperiksaan seperti waktu dulu, jika betul pelajar semakin cerdik sekalipun maka kita sepatutnya susahkan lagi pembelajaran dan peperiksaan mereka. Supaya kita menghasilkan pelajar dan guru yang lebih pintar dan berdaya saing.

Biarkan kurang pelajar yang full A's tetapi kualiti yang ada mereka benar2 teruji dan jangan kita bangga dengan ramainya pelajar 'cemerlang' tetapi sebenarnya tin kosong dan tak sepadan dengan result. (Agak-agak lahhhhhhhhhhhh)

-P/s: Begitu juga datukship atau tansrishop, tolonglah hadkan bilangannya (dah berapa kali nak cakap!). Jangan dicheap sell kan! dilelongkan ianya, tolonglah. Dah belambak-lambak dah woi (Sampaikan shah rukh khan boleh dapat datuk, penyanyi yang tak diminati ramai senang2 dapat datuk dan duta indonesia pun bergelar TAN SRI! Apa cerita nih!)

HLong's Gravatar HLong

June 13, 2009 at 1:41 am | Permalink

Dearest TUN,

Good health to you and your whole family....

I am absolutely agree with you that the criteria of awarding the sijil should not be brought down! No one will appreciate the sijil anymore since it is easily available.

The problem with MALAYSIA right now is the the OUT-FLOW of good students that obtained colourful result in SPM/STPM but NOT qualified to get any sponsor to study further and contribute to the country!

This is the FACT TUN.....there are so many chinese, Indian.....those NON BUMI students that hitted the full dinstintions but they surprisingly never get any sponsor to student abroad! So what happen to these students? They go Singapore....and most of they would eventually belong to Singapore because they would be sponsored by Singapore Government! What's a shame to Malaysian Government in this case.

What the new PM/DPM do in this case when being asked? Stupid answer by DPM " ooooo...i think our student getting too many subjects and they scores too many As. It is time for us to review that!" This is totally different case with different answer!

so, no matter how beautiful we are describing the SEKOLAH or SIJIL and how to improve to the standard would finally goes to drain since we are indeed so bias to just one race!

What is ONE MALAYSIA idea is all about if we are still subject to QUOTA system?! For me this system don defer from "KASTA SYSTEM" in Indian culture!

Salam TUN.....MAY GODS BLESS YOU & FAMILY HEALTH.....

fawz's Gravatar fawz

June 13, 2009 at 1:25 am | [Permalink](#)

Kenapa sampai begitu sekali? Ada pula pihak yang mengkehendaki sistem pembelajaran yang tidak berkualiti. Masa saya sekolah dulu subject "General Knowledge" pun ada (non-examination 'extra' subject) dan sering pertandingan "quiz" tentang "General Knowledge" di-adakan. Kita semua suka subject ini kerana menarik dan kita semua berseronok pada setaip sesi quiz. Bukan-kah lebih banyak pengetahuan itu lebih baik daripada kurang pengetahuan.

dr Hamidi's Gravatar dr Hamidi

June 13, 2009 at 1:08 am | [Permalink](#)

Salam sejahtera...

mohon untuk menyambung link entri ini ke dalam blog saya.

aziz's Gravatar aziz

June 13, 2009 at 12:43 am | [Permalink](#)

Saya rasa hairan dimasjid ada setengah ustaz mengajar terus dari buku bahasa Arab dan menyampaikan dalam bahasa melayu tetapi apabila bertemu dengan teman2 sama belajar di Mesir saya tidak pernah mendengar mereka bercakap dalam bahasa Arab. Apa sebab ini terjadi? Saya dan isteri boleh bertutur dalam bahasa Inggeris tetapi apabila bercakap dengan anak2 mereka menjawab dalam bahasa Melayu. Keputusan peperiksaan bahasa Inggeris diperengkat sekolah dan unversiti semuanya A. Saya tak tahu dimana silapnya. Mereka pula bukan kerja dengan Kerajaan atau GLC. Mereka malu hendak cakap bahasa Inggeris dengan kami agaknya, takut Grammar tak betul.

ina's Gravatar ina

June 13, 2009 at 12:24 am | [Permalink](#)

Cerita pasal sekolah dan sijil bukan cerita baru. Dulu masa saya sekolah menengah saya dapati guru kelulusan SPM atau maktab lebih bijak mengajar pelajarinya jika dibandingkan dengan guru berkelulusan universiti.

Selepas itu mereka yang berijazah tidak pandai buat kerja jika dibandingkan dengan mereka lepasan Institut Latihan perindustrian atau mana-mana kursus kemahiran jangka pendek.

Sekarang belajar untuk dapat sijil. Sijil itu harapan untuk duduk atas kerusi di pejabat sahaja. Makan kenyang la tu. Kalau ada saudara mara orang atasan boleh ada harapan nak dapat kerja. Nasib sabut timbul, nasib batu tenggelam.

Bila sijil dah tidak ada harga, import pekerja untuk buat kerja. Lepas itu tak sangka pula pekerja import pun sama juga. Inilah zaman 21.

Saya rasa hanya sektor pekerjaan swasta bolih memainkan peranan keutamaan penguasaan Bahasa Inggeris. Siapa yang berusaha lebih mereka akan berjaya. Semua orang kena cermin diri dan tahu hala tuju. Jangan nanti asyik duduk salahkan kerajaan saja.

sitinur's Gravatar sitinur

June 13, 2009 at 12:18 am | Permalink

Assalamualaikum...he he he....menikam kalbu....ntahlah dgn pemimpin la...bukan meneruskan kegemilangan n kemajuan negara....tapi meneruskan n menenggelamkan kegemilangan negara lagi ada....mungkin

saya jer kut yg terasa la ni duk rasa najib meneruskan misi pak lah utk mundur ke belakang walo diwar2kan visi yg terbilang takut jadi temberang....yelah duk manjang nak ikut cakap jiran jer...apa salahnyer ikut jer blue print yg dah bapak buat yg dah sah ada banyak kebaikan yg akan kita dapat.....lepas pak lah berenti suka gak tgk berita tv..tapi la ni dah makin tawar hambar...nape yek...

paper pun selamat ari bapa utk bapak semuga segala usaha n amalan bapak mendapat limpahan rahmat n keberkatan dari Allah hendakNya...

aminnnnnnn.....saper2 yg duk rasa nak muntah ijo nak kata saya bodek bapak..aaa..teruskan muntah sbb saya adalah saya.....

auntieudo's Gravatar auntieudo

June 13, 2009 at 12:09 am | Permalink

Assalamualaikum Tun yang saya hormati.

Saya seorang guru Bahasa Inggeris di sebuah sekolah menengah di Seri Kembangan. Bagi menarik minat anak-anak didik saya, saya pernah membawa kelas yang murid-muridnya boleh dikirakan paling pandai ke makmal komputer, kononnya untuk memperkenalkan blogging sebagai satu cara menulis journal.

Malangnya, kebanyakan komputer di dalam makmal tersebut tidak boleh digunakan untuk sambungan internet. Sambungan internet pula sangat lah lambat. Terbuang 2 waktu tanpa apa-apa hasil.

Untuk kelas yang murid-muridnya nakal dan tidak menunjukkan minat untuk belajar, saya pernah membawa mereka ke makmal komputer untuk latihan 'listening'.

Malangnya, mereka yang nakal ini tak minat pun nak 'listen'. Mereka lebih suka berbual. Bagi melengkapkan latihan yang diberi mereka akan salin dari kawan....sekadar menyalin....tulisan mereka pun tak boleh nak dibaca!

Anak-anak didik saya bukannya dari luar bandar. Mereka tinggal di pinggir bandar. Ramai di antara mereka dari keluarga yang berpendapatan rendah. Di antaranya ada yang dari rumahtangga yang bermasalah.

Kebanyakan mereka tidak nampak keperluan bagi mereka untuk belajar Bahasa Inggeris...atau belajar apa saja! Mereka ke sekolah oleh kerana terpaksa.

Ini adalah di antara realiti keadaan di sekolah. Guru-guru terpaksa menjadi 'baby-sitters' kepada murid-murid seperti ini.

There are lots more that I'd like to say. But then what's the point?

Saya hanyalah seorang guru, seperti guru-guru yang lain, yang menerima berbagai arahan...yang hanya menyebabkan saya jadi tak tentu arah?.....hilang arah? (meminjam ungkapan dari Timbalan YDP semasa sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah!)

azmany's Gravatar azmany

June 12, 2009 at 11:58 pm | Permalink

Isu sekolah ini sudah acap kali dibahaskan dikalangan masyarakat kita dan rata-rata saya dapati majoriti tidak puas hati dengan sistem pendidikan. Tun pun tidak puas hati.

Masalah nya ialah lain orang tidak puas hati dengan lain isu. Satu kumpulan mahu sekolah lebih menekankan hal akademik supaya anak-anak dapat keputusan peperiksaan yang lebih cemerlang – sehinggakan anak-anak dari darjah 3 sudah dihantar ke tuition tambahan!

Terdapat pula satu kumpulan yang mahukan kurang penekanan terhadap akademik sijil dan mahukan sistem akademik yang lebih all-rounded – dimana penekanan terhadap aktiviti ko-kurikular diberikan tumpuan sewajarnya kerana ia akan membentuk pelajar yang lebih cergas dan cerdas.

Ada juga kumpulan yang mahukan pendidikan yang lebih islamik. Dan tentunya ada kumpulan yang berpendapat sistem sekolah kebangsaan terlalu islamik.

One upon a time, the Minister of Education is a senior minister post that is highly coveted en route to being a Prime Minister candidate. Nowadays, the post is a hot seat and punching bag for everyone with an opinion on how the national education system should be.

One thing for sure – the system of the last 10 years have failed to deliver workforce that meets the requirement of employers. Most employers agree that new (local) graduates are not good enough. However, very few complaints is about technical deficiencies. Most of the complaints is about poor aptitude.

Unfortunately, most of the arguments or suggestions talk about all sort of things, everything but addressing the poor aptitude issue.

Faiz Al-Kelantani's Gravatar Faiz Al-Kelantani

June 12, 2009 at 11:21 pm | Permalink

SEJARAH tetap penting walaupun saya seorang mahasiswa perubatan... SEJARAH lah sumber kekuatan MELAYU-ISLAM untuk mempertahankan HAKnya di MALAYsia.

zonan999's Gravatar zonan999

June 12, 2009 at 11:11 pm | Permalink

Salam Tun.

Saya juga berasa demikian. Dulu saya masih ingat semasa di darjah 5 & 6 kami belajar tentang Ilmu Alam kemudian diubahsuai namanya kepada Geografi. Saya masih ingat sampai sekarang cerita penanam tembakau di Kelantan, ladang nenas di Johor, penanam Koko di Ghana, ladang getah di Malaysia, penangkap ikan di Jepun.

Anak saya yang masih bersekolah rendah sering mengeluh kerana terpaksa mengangkut buku yang lebih berat dari mereka dan matapelajaran yang membosankan. Jika mereka saja yang berkata demikian, pasti saya menganggap mereka mals, tidak mahu belajar. Namun purata anak anak jiran saya juga mengeluh sedemikian.

Mungkin pelajaran saya tidak tinggi, setinggi professor yang mengkaji KBSR, namun saya berpendapat sesetengah mata pelajaran tidak sesuai diajar diperingkat sekolah rendah. Mata Pelajaran seperti Kemahiran Hidup lebih sesuai diajar semasa Ko-Kurikulum bukan sebagai matapelajaran wajib. Matapelajaran Kajian Tempatan lebih sesuai diajar semasa sekolah Menengah kerana ia berbentuk pengkhususan sebaliknya matapelajaran Geografi lebih sesuai di sekolah rendah kerana ianya lebih menarik minat pelajar sekolah rendah.

Saya bersetuju dengan pendapat Tun agar tidak dipermudahkan perolehan sijil sekolah kerana jika sesuatu jika mudah didapati, pasti ianya tiada harga lagi. Namun kehendak dan minat pelajar dan guru perlu dipertimbangkan dan bukan membuat dasar kurikulum atas minat dan kehendak pembuat itu sendiri.

Wassalam.

AzMa's Gravatar AzMa

June 12, 2009 at 10:59 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Tahniah buat Tun kerana sentiasa MENYEDARKAN BANGSA MELAYU yang memang MUDAH LUPA.

6. Mungkin sejarah tak ada kena mengena dengan jenis kerja yang akan dibuat oleh kita. Tetapi tanpa sejarah kita tidak tahu siapa kita, dari mana kita datang dan kenapakah kita berada di sini dan tidak di tempat lain. Apabila kita tidak tahu dari mana kita datang, maka sukar bagi kita menentukan kearah mana kita akan pergi. Mungkin kita percaya kita sedang maju ke hadapan tetapi sebaliknya kita sedang undur ke belakang.

1. Sedih melihat Bangsa Melayu yang tak mahu menjadikan sejarah lalu sebagai pedoman hidup untuk masa hadapan, tidak mustahil sejarah lama akan berulang kembali dan BANGSA MELAYU akan dijajah sekali lagi.

2. Bangsa PENDATANG cuba untuk memadamkan sejarah BANGSA MELAYU agar anak melayu yang lahir selepas merdeka menganggap hak mereka dengan bangsa lain adalah sama di TANAH MELAYU ini.

3. Tidak mustahil TANAH MELAYU akan menjadi seperti Singapura dimana asalnya kepunyaan MELAYU tapi sekarang dah menjadi MILIK ORANG.

4. Apakah pentingnya JAMBATAN KETIGA buat SINGAPURA? Sedangkan JAMBATAN BENGKOK belum pun dimulakan pembinaannya. Mesti ada UDANG BESAR di sebalik MEE.

5. AWAS BANGSA MELAYU dengan BINTANG TIGA.

Moga Tun sihat selalu.

RadziSi's Gravatar RadziSi

June 12, 2009 at 10:59 pm | Permalink

SALAM BUAT TUN!

apalah orang malaysia dari dahulu sampai sekarang tak habis-habis dengan bahasa malaysia wajib....bahasa inggeris wajib...sejarah wajib....ugama islam wajib...ilmu alam wajib....sukatan pelajaran yang sedia diwujudkan selepas merdeka sepatutnya dah cukup mantap buat masa sekarang ini...tetapi masih lagi terciari-cari macam mekanik baru hendak buat tuning(penalaan) kereta...berbulan-bulan mencuba....tak boleh-boleh juga ...ini sistem pembelajaran malaysia...dah semakin rosak...sekejab...bahasa inggeris PPSMI lah...sekejab bahasa malaysia...kalau dah bahasa inggeris boleh dipelajari dengan mudah apalagi...kuat kuasakan lah sampai bila-bila ...BAHASA MALAYSIA...YANG JADI MANGSA KANAK-KANAK MALAYSIA...KALAU DI SEKOLAH SRJK LAGILAH KANAK-KANAK YANG MENJADI MANGSA ...SEMUA IBUBAPANYA HENDAKKAN ANAK-ANAKNYA PANDAI SEMUA BAHASA(MISTI ADA SEBAB)+POLITIK SEKALI... BUDAK-BUDAK SEKOLAH MENENGAH PUN SAMA...CERDIK PANDAI KITA DAH TAK PANDAI LAGI AGAKNYA...SEBAB HIDUP MEREKA DAH TERLAMPAU SELESA...GAJI PUN DAH MENGALAHKAN ANAK -ANAK RAJA...MANA NAK FIKIR LEBIH-LEBIH LAGI...CAKAP DALAM TV MENGALAHKAN AHLI POLITIK...SINGAPURA DAH MERDEKA PUN ...DARI MALAYSIA PULAK TU...SEMUA MEREKA NAMPAKNYA KETAWAKAN ORANG-ORANG KITA YANG MASIH TERCARI-CARI HALATUJUNYA...MACAM ORANG BUTA ...MENCARI JALAN PULANG...APALAH SUSAHNYA...KALAU SUSAH SANGAT NAK FIKIR ...SAYA RASA HAPUSKAN SAHAJA BAHASA MALAYSIA ...SEMUA GUNA BAHASA INGGERIS...NANTI SELEPAS 20 TAHUN KITA BACA DOA...BACA TALKIN SEMUA DALAM BAHASA ARAB ATAU INGGERIS BARULAH HEBAT AGAKNYA....BARULAH SAMA TARAF MACAM ORANG-ORANG AFRIKA...MAAFKAN SAYA TUN KALAU SAYA SILAP....TETAPI ITULAH HAKIKATNYA SEKARANG INI....KITA MASIH TAKUT...TERLUPA...MUDAH LUPA...

Ibrahim TehAbdullah's Gravatar Ibrahim TehAbdullah

June 12, 2009 at 10:47 pm | Permalink

Saya amat bersetuju dengan pendapat Tun mengenai penggunaan software dalam menguasai sesuatu bidang ilmu. Malah sekarang ini telah menjadi kebiasaan menggunakan kaedah video bagi menerangkan dengan lebih jelas sebarang cabang ilmu.

Untuk mencapai ke arah itu, adalah lebih baik lagi jika kita dapat menguasai bahasa-bahasa dari mana datangnya ilmu tersebut. Pada masa ini bahasa-bahasa Inggeris, Jerman, Cina, Jepun, Francis dan Arab adalah merupakan bahasa-bahasa ilmu yang ternama di dunia. Jika kita kurang menguasai bahasa-bahasa ini bermakna terlepaslah peluang kita mendapat pelbagai bidang ilmu yang belum kita capai.

Isu bahasa bukanlah satu isu yang patut digunakan bagi menunjukkan bahawa akulah sahaja pejuang bahasa dan negara. Tanpa penguasaan bahasa Inggeris dan Arab, adalah mustahil perkataan-perkataan seperti diskusi, organisasi (cedukan dari bahasa Inggeris) dan sekolah, madrasah (cedukan dari bahasa Arab) akan terdapat dalam bahasa Melayu pada hari ini.

Oleh itu, orang-orang Melayu hendak berfikir habis-habisan sebelum bersetuju untuk menghapuskan penggunaan bahasa Inggeris dalam penguasaan ilmu.

Rimba Emas's Gravatar Rimba Emas

June 12, 2009 at 10:42 pm | Permalink

Salam buat Tun berdua moga dirahmati Allah s.w.t

1. Dalam Islam wajib ialah perkara yang perlu dilakukan dan berdosa jika ditinggalkan. Agaknya dalam sistem peperiksaan kita jika gagal subjek ini gagallah keseluruhannya. Sekarang subjek Bahasa Inggeris sebaris dengan Bahasa Malaysia.

2. Bagi Rimba Emas jika cara ini dapat meningkatkan pengetahuan Bahasa Inggeris teruskan lah mengapa nak bantah... malah baik juga jika di terapkan kepada agama Islam.

3. Cuma yang masih menyesak di fikiran sekarang ialah ada orang yang lulus Phd tapi terlibat juga dalam kes mencuri... ada ilmu yang tertinggal...

4. Ada yang lulus dalam pengajian agama Islam tapi masih beragama Yahudi... semua ini menjadi tanda tanya ada yang tak kena dengan kebersanan proses pembelajarannya.

5. Persoalan ini menyebabkan berbagai pendapat telah diperkatakan

oleh pengkaji-pengkaji cendekiawan Islam dalam buku-buku karangan mereka dengan berbagai rujukan atas hadis dan al-Quran.

6. Dalam Al-Quran sendiri menceritakan bagaimana rasul-rasul Allah s.w.t terpaksa melalui berbagai ujian dalam menegakkan agama Islam. Ini memungkinkan kita bahawa betapa lemahnya kefahaman ilmu milik kita jika dibandingkan dengan keluasan kefahaman ilmu milik Allah s.w.t.

7. Dalam selemah-lemahnya ilmu kefahaman milik kita yang boleh dijadikan contoh ialah soal kejadian buah-buahan yang diberikan Allah s.w.t kepada kita. Kita selalunya lebih memandang kepada hasil "NIKMAT BUAH" dan cara dapat kita miliki daripada memikirkan "PROSES KEJADIAN BUAH ITU". Kita kurang mengkaji proses perkahwinan jantan dan betina hasil pendebungaan yang telah menghasilkan buah kerana jauh dimata.

8. Proses yang jauh dimata selalunya dapat mendekatkan diri kita kepada Allah s.w.t... jika kita 'khusyuk' tanpa gangguan persoalan di depan mata.

9. Orang yang lalai kerana "NIKMAT BUAH" ini selalu juga terlalai mengingatkan Allah s.w.t sebagaimana melupai "PROSES KEJADIAN BUAH ITU".

10. Walaupun cadangan yang kita keutarakan amat baik tapi disebabkan kelalaian kita terhadap "PROSES KEJADIAN BUAH ITU"... telah berkait-kait juga atas perkara yang kita tahu tidak membawa kesan yang besar kalau tersilap pilih.

11. Wajib kita laksanakan hukum Allah s.w.t dahulu sebelum mewajibkan hukum ciptaan kita.

12. WALLAHUA'LAM...

Hajar's Gravatar Hajar

June 12, 2009 at 10:41 pm | Permalink

Salam YAB dan Di Kasih Tun,

1. Betul telahan Tun. Kebanyakan pelajar pergi ke sekolah dan juga ke Universiti SEMATA-MATA untuk DAPATKAN SIJIL, bukan untuk menguasai ilmu yang diajar.

2. Lagi satu, kebanyakan pelajar belajar untuk dapatkan gred

shamslider's Gravatar shamslider

June 12, 2009 at 10:36 pm | Permalink

kesimpulan nya Tun,pendapat saya,.masih terdapat dikalangan kita rakyat Malaysia yg masih bersikap ambil mudah,sikap tidak apa-apa,gelojoh dan suka untuk mendapat sesuatu yg sukar dgn cara yg paling mudah bg mereka..yg akhirnya,.apa yg mereka kecapai itu hanya satu kejayaan yg tidak mempunyai apa-apa,.tidak mendapat anugerah untuk merasa nikmat atas kejayaan mereka..Mlaysia Boleh Tun..

nj's Gravatar nj

June 12, 2009 at 10:24 pm | Permalink

Salam Sejahtera Tun,

Dasar Pendidikan Negara perlu dilihat semula. Kalau tidakpun di 'overhaul', setidak-tidaknya ia perlu diperbaiki lagi.

Pakar sejarah Prof. Emeritus Khoo Kay Kim pun bersependapat dalam hal ini. Sila rujuk di sini

Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha ke arah perpaduan sejati dengan menyatakan sokongan kita kepada Kempen Satu Sekolah Untuk Semua (SSS) dengan menandatangani petition di sini kerana kempen ini menyeru agar Kementerian Pelajaran mengkaji semula (in-depth study) Dasar Pendidikan yang ada sekarang.

Buktikan bahawa setiap kita ini adalah berjiwa Malaysia yang sejati.

“SATU BANGSA, SATU NEGARA, SATU BAHASA”

NJ

NASH's Gravatar NASH

June 12, 2009 at 10:24 pm | Permalink

SALAM TUN,

BETUL TUN ANAK ANAK SEKARANG TIDAK KENAL SEJARAH. TIDAK SAPERTI SAYA DAHULU KENA BELAJAR SEJARAT ORANG INGGERIS PULA, SAPERTI NEPOLEON. NELSON, KUBLAI KHAN DAN DISEGI UGAMA GURU NANA, GHANDI, MOHD ALI GINA, BUDDHA DLL. TETAPI ANAK ANAK SEKARANG BILA ORANG BUGIS SERANG JOHOR DAN PARAMASWARA YG MENYEBAB JATUH MELAKA PUN TAK TAHU. APATAH LAGI CERITA TENTANG PETANI ASALNYA HAK KEDAH DAN TERGADAI DISEBABKAN BUNGA EMAS SAHAJA.SEDIKIT LAGI PULAU SINGAPURA YG ASALNYA HAK MALAYA PUN TAK TAHU.

DISEGI ILMU ALAM PULA KETIKA SAYA BELAJAR PETA DUNIA, BELAJAR DIMANA ADA KAWASAN GANDUM,TERNAKAN KAMBING BERI BERI, KAWASAN RANTAI GUNUNG BERAPI DAN GEMPA BUMI DAN NAMA ARUSAN LAUTAN (SEA CURRENT)SERTA 'GREAT BARRIER RIFT'DLL. DAHULU TIADA BUKU2 RUJUKAN.BUKU TEK ITULAH SATU SATUNYA YANG KENA HAFAL. PEMERINTAH SEKARANG PATUT SEDAR TENTANG MUSTAHAKNYA SEJARAH DAN ILMU ALAM TAMBAHAN PULA MEREKA TERDIRI DARIPADA ORANG ORANG LAMA. KALAU MEMEGANG JAWATAN UNTUK HIDUP SELESA, BANGSA SENDIRI YG RUGI

NASH

shamslider's Gravatar shamslider

June 12, 2009 at 10:14 pm | [Permalink](#)

menggunakan sistem software adalah amat bagus,.saya amat bersetuju dgn pandangan Tun,.cuma salah satu persoalannya.Dimasa ini,adakah pihak berkaitan sanggup untuk mengeluarkan perbelanjaan untuk membeli,menyelenggara peralatan yg harus disediakan untuk tujuan pembelajaran ini??.ianya adalah mahal dan ianya akan menjadi lebih mahal sekiranya pihak yg diberi tender "mark up" harga berlebih-lebihan untuk mendapat keuntungan lumayan..

mamalinn's Gravatar mamalinn

June 12, 2009 at 10:13 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,

Sebab tu lah sekarang banyak yg dah lupa asal usul...jadi kacang lupakan kulit! Berani mempersoalkan kedaulatan sultan dan perlembagaan....bukan tak belajar sejarah tp saja tak nak faham isi kandungan sejarah...punya la kurang ajar!

shamslider's Gravatar shamslider

June 12, 2009 at 9:58 pm | [Permalink](#)

Berkenaan sejarah,.ianya penting juga,.secara umum nya ianya bukan shj membuatkan kita tahu hala tuju kita,tahu salasiah kita,.ttp yg lebih penting dgn sejarah,.kita akan tahu mengenang budi dan tidak menjadi spt kacang lupakan kulit..

shamslider's Gravatar shamslider

June 12, 2009 at 9:38 pm | Permalink

salam Tun,.ini adalah pertama kali saya mberi komen diruangan Tun.

Saya amat bersetuju berkenaan isu untuk mewajibkan bahasa inggeris sbg salah satu mata pelajaran supaya pelajar harus lulus didalam peperiksaan SPM..

Spt yg saya jangkakan,akan ada ramai dikalangan kita org melayu yg akan membangkang cadangan ini..samada mereka terus membangkang setelah berfikir atau membangkang secara melulu dan membabi buta..

Pada hemat saya,perkataan LULUS sepatutnya sudah cukup untuk membolehkan para pelajar tersenyum dan bersyukur..

Grade 8E(skg) atau dizaman saya dulu GRADE P8,,sudah lulus,.F9 baru gagal...susah sgt ke bg mereka para pelajar untuk mendapat sekurang-kurangnya GRADE 8E?? Lainlah kalo nak kena dpt A1 A2 atau C3 baru lulus..

apat's Gravatar apat

June 12, 2009 at 9:34 pm | Permalink

Sebab apa berlaku perihal begini? Sebab MALAS! Malas dalam segala hal. Malas nak belajar, malas nak hafal, malas nak memahami,dll. Semua benda nak senang. Kalau ada usaha dan cara, takkan ada masalah.

Ihsan Nasir's Gravatar Ihsan Nasir

June 12, 2009 at 9:29 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun..nk tanye dgn lebih terperinci apekah maksud sebenar Tun dlm post kali nie..saya kurang jelas..boleh terangkan dgn lebih mendalam lg??

crazy diamond's Gravatar crazy diamond

June 12, 2009 at 9:08 pm | Permalink

Tun,

Topik kali ini amat bertepatan dengan Nasha B. Edwin, jika beliau dapat mengkaji dengan penuh teliti tanpa dipengaruhi oleh perasaan beliau, pasti beliau akan dapat memahami maksudnya.

yeop zarul's Gravatar yeop zarul

June 12, 2009 at 8:45 pm | Permalink

ASKM Tun,

1. Setuju Matapelajaran sejarah diwajibkan.(dlm islam pun kene belajar sejarah jugak kan)

2. Ummm, rasanya kene jugak satukan sistem pendidikan malaysia dahulu sebelum pegi ke langkah seterusnya, jika kita berniat memalaysiakan malaysia....rofl

rarunasalam's Gravatar rarunasalam

June 12, 2009 at 8:43 pm | Permalink

Tun

timely advise to those who think they can succeed without the hardwork...yes, study hard...study smart...!!!

(Ravi)

mr k's Gravatar mr k

June 12, 2009 at 8:28 pm | Permalink

Asalamualaikum Tun,

Pembelajaran dulu dan sekarang amat berbeza.

Dulu..kalau tak dapat jawab..dapat hadi rotan dari cikgu..so kita berebut2 balik rumah ulangkaji pelajaran.

Sekarang...jangan kata rotan...bila kene tegur..mula nak melawan cikgu. Jangan digadaikan ilmu kerana semata2 sehelai sijil. Sijil tidak ada erti jika pengisian nya langsung takder...umpama "menang sorak, kampung tergadai"

Khalas.

alfred lam's Gravatar alfred lam

June 12, 2009 at 8:19 pm | Permalink

I was a student few year before this. I score A for SEJARAH(SPM) and P.AM(STPM). But it was funny that I does not know well about our country such like the past tokoh-tokoh and the historical incidents and the democracy system and more.

The thing is we do not know how important it is in every subject that we learn. My school teacher did not make the class interesting. The whole learning process need to be change. Every subject need to be linked with the "real world", what was the career that will be using that particular subject and how it works?

My teacher is reading the text book and make some changes when interpreting the words. That was totally wasting time. Usually I will sleep during all the class. The standard of teaching is very low. Usually they will use the words "this is government sector not private...." meaning government sector must show the low standard?

The key thing might because of the culture. Our education culture make us know nothing even after going school for so many years. Like me, I failed all the subject in my primary school. I don't know a single word on english. But I

score 4A in stpm is totally by my own effort. And I choose not to go for local university that shock my classmate and all the teacher. It was because I want to learn something from my course that I choose not to get the certificate by a well known local university.

Something need to be change, I don't know what and how it works. The learning process must be useful for us. Make every knowledge stay in our long term memory only in that way we will never forget and therefore it will be useful in the future.

HOT ZOOM's Gravatar HOT ZOOM

June 12, 2009 at 8:17 pm | Permalink

Salam,

Bersijil tapi tak berilmu tak ada gunanya. Berilmu tapi tak bersijil tidak diiktiraf.

Sijil dan ilmu perlu bergandingan.

Kenapa boleh dibangkitkan bersijil tapi tak berilmu.

Syarat untuk memperolehi sijil adalah kerana berilmu, jadi tidak timbul bersijil tapi tidak berilmu.

Jika ujud juga perkara ini maka perlu di renung dan difikirkan sebab-musababnya.

Ujudkan pelajar sekarang ini bersijil tapi tidak berilmu?

Apa salahnya pelajar yang berkemampuan mengambil banyak 'subjek' untuk peperiksaan?

Mungkinkah nanti para pelajar ini akan 'lawan tauke' jika mereka lebih berilmu dari orang terdahulu.

Adakah mungkin ini yang berada dalam benak fikiran para karyawan negara sekarang?

Lebih banyak ia pelajari 'subjek' lebih beilmulah dia.

Jadi kenapa mahu disekat mereka-mereka ini kerana mereka ini mengambilnya kerana mereka berkemampuan.

Jika mereka ini tidak berkemampuan, mahukan mereka mengambil sebegitu banyak 'subjek' untuk masuk dalam peperiksaan dan mereka sendiri akan kerugian kerana perlu mengejar semua 'subjek' untuk mereka jawab ketika peperiksaan?

Saya rasa tidak sama sekali, hanya yang berkemampuan saja inginkannya.

Jadi tak perlu disekat jika mereka ini benar-benar mampu.

Semuanya adalah ilmu.

Maka tidak timbul masalah 'subjek' wajib bagi mereka.

Bagi mereka ini semuanya wajib.

TAK PERLU HALANG PELAJAR YANG MAHU MENGAMBIL BANYAK 'SUBJEK' KERANA MEREKA MAMPU DAN SEMUNYA ADALAH ILMU.

<http://www.zoompanas2.com>

shahrul's Gravatar shahrul

June 12, 2009 at 8:16 pm | [Permalink](#)

perhaps the policy maker has forgotten their own roots

I'm a Malaysian's Gravatar I'm a Malaysian

June 12, 2009 at 8:00 pm | [Permalink](#)

Salam lagi daripada saya,

Saya ingin menambahkan bahawa mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran yang paling menarik walaupun saya seorang pelajar aliran sains. Kandungan dalam sejarah lebih kepada pendekatan cerita jika berbandingkan dengan fakta. Oleh itu, saya hanya menghayati cerita dalam sejarah dan lansung tidak menghafalnya perkataan demi perkataan. Oleh itu, tulisan esei sejarah saya selalu amat baik berbanding dengan soalan objektif.

Marilah kita menghayati sejarah kita dan tidak menghafalnya demi sijil semata-mata. Fikirkanlah ubahalah, dan teladanilah pengajaran yang diperolehi dalam mata pelajaran sejarah. Dengan ini, majulah, amanlah negara tercinta kita, Malaysia.

Sekian lagi daripada saya.

I'm a Malaysian's Gravatar I'm a Malaysian

June 12, 2009 at 7:54 pm | [Permalink](#)

Salam Sejahtera Tun,

Tun, izinkan saya memberikan sedikit pandangan terhadap pendidikan di negara kita sekarang.

Pendidikan di Malaysia kini terlalu mementingkan penghafalan. Segala mata pelajaran di sekolah rendah, menengah mahupun universiti terlalu berorientasikan penghafalan buku. Tidak kira mata pelajaran sastera atau sains, jika pelajar pandai menghafal, dia pasti dapat A. Fenomena ini telah menyebabkan banyak pelajar tidak menggunakan akal mereka. Saya membantah mereka yang kononnya 'study smart' disebabkan teknik belajar yang berentakan lagu atau irama sebagai naif. Cara belajar tersebut lansung tidak mengajak supaya pelajar berfikir panjang. Oleh sebab itu, walaupun kanak-kanak kita seperti lebih cerdik daripada kanak-kanak Barat, mereka akan mendahului kita semasa dewasa.

Di sekolah dahulu, apabila rakan saya menanyakan saya soalan, saya akan selalu suruh mereka baca lagi dan berfikir secara teliti. Walaupun terdapat segelintir rakan yang berpendapat bahawa saya kedekut pengetahuan, ramai yang faham akan niat saya. Saya juga telah menjadi guru sandaran selama dua bulan mengajar mata pelajaran biologi dan sains. Selama dua bulan itu juga saya selalu ajak supaya anak murid saya buka minda mereka dan jangan hafal sebelum memahami fakta dalam buku. Saya terharu apabila seorang pelajar merayu supaya saya jangan tinggalkan mereka kerana dia hanya memahami pelajaran yang saya berikan, walaupun saya sering memarahi mereka.

Belajar di universiti dalam jurusan kejuruteraan memburukkan keadaan lagi. Kami hanya diseru supaya menghafal langkah kerja tanpa memahami teori dan logik di sebalik langkah kerja tersebut. Perkara ini membuat saya amat tertekan dalam pembelajaran. Namun, saya masih dalam meneruskan pelajaran dengan agak baik dengan merujuk pelbagai buku untuk memahami teori dan logiknya.

Saya juga amat pilu melihat sikap ibubapa masa kini yang amat suka bersaing sehinggakan anak usia tadika mereka dibandingkan dengan anak lain. Mereka ini menghantar anak usia mereka ke kelas tuisyen! Fenomena ini amatlah bahaya disebabkan anak mereka mungkin akan menjadi fobia buku pada masa depan walaupun kelihatan cerdik semasa kecil. Saya dan ramai rakan yang ajak cemerlang sekarang merupakan budak bodoh yang emak kami marahi semasa kecil. Namun, sifat ingin berjaya sendiri yang telah membawa kami ke tahap sekarang, bukannya persaingan ibubapa.

Mengulas tentang Negeri Terengganu yang menggantikan buku dengan komputer riba, saya berpendapat bahawa ia merupakan satu tindakan yang bodoh, naif, dan berbau politik. Walaupun komputer riba ringan dan dapat memuatkan banyak maklumat, ia masih merupakan satu pelengkap ilmu, bukan sumber ilmu utama. Perkara ini jelas dilihat di universiti apabila ramai pelajar sanggup mengeluarkan beratus-ratus untuk membeli buku walaupun salinan komputer boleh didapati dengan percuma. Membaca dan belajar di hadapan skin amat meletihkan mata. Justeru, keadaan ini menghilangkan minat pelajar untuk belajar.

Selain itu, penggunaan skin layar LCD di sekolah juga amatlah tidak berkesan. Saya dan rakan-rakan selalunya lebih berminat apabila guru menggunakan papan hitam untuk mengajar. Dan kami juga pernah menyuruh guru supaya jangan menggunakan skin LCD walaupun tulisan papan hitamnya teruk. Banyak guru pakar dan guru cemerlang juga tidak pernah menggunakan cakera padat dan skin LCD untuk mengajar.

Perkara ini dapat saya sendiri alami semasa menjadi guru sandaran. Saya mendapati bahawa pelajar lebih mudah mengingati pelajaran apabila saya menggunakan papan hitam dan menjerit. Mungkin pelajar lebih mudah mengingati suara guru dan tulisan guru yang unik daripada suara robot dan tulisan komputer yang terlalu seragam.

Dalam isu bahasa pula, saya amat setuju dengan pelaksanaan Tun dalam isu PPSMI. Saya merupakan seorang pelajar sains di sekolah menengah dan pelajar kejuruteraan sekarang. Semasa di sekolah menengah, saya telah menggunakan buku antarabangsa yang ditulis oleh Douglas C. Giancoli bertajuk Physics for Science and Mathematics sebagai rujukan saya di Tingkatan Enam. Di universiti pula, kami menggunakan banyak buku rujukan antarabangsa selain buku teks yang ditetapkan oleh pensyarah. Belajar sains sememangnya dalam Bahasa Inggeris sememangnya penting kepada kami. Tanpa buku rujukan antarabangsa, kami pasti ketinggalan.

Saya amat keliru dengan kenyataan pihak tertentu yang mengaitkan PPSMI dengan kedaulatan Bahasa Melayu. Walaupun di dalam kelas guru kami menggunakan Bahasa Inggeris, saya akan bertutur dalam Bahasa Melayu dengan guru saya di luar kelas. Kami hanya MEMPERGUNAKAN, MENGAMBIL KESEMPATAN terhadap Bahasa Inggeris untuk mencari ilmu dalam bidang sains. Di hidupan seharian, Bahasa Melayu sebagai bahasa kami juga. Saya dengan bangganya mendapat A2 dalam Bahasa Melayu SPM dan A- dalam kertas Bahasa Melayu Universiti. Walaupun pencapaian saya bukanlah yang terbaik, namun, saya pasti saya dapat mengalahkan banyak ahli politik dan kononya pejuang Bahasa Melayu dengan mudah. Saya amat suka memetik kesalahan tatabahasa ahli politik semasa dalam ucapan di kaca televisyen. Persoalan saya, mereka sering 'memperjuangkan Bahasa Melayu' dengan tidak menggunakan Bahasa Melayu dengan, tepat dan baku? Mereka langsung tidak pandai berbahasa Melayu dengan baik dan betul! Ada di antara mereka pula merupakan graduan politik yang tidak pernah belajar mata pelajaran sains dan matematik pun, setakat PMR mungkin adalah. Hak apa yang mereka punyai untuk menyangkal tindakan seorang bekas perdana menteri (kesalahan tatabahasa yang diterima- sepatutnya menteri perdana-hukum DM) yang berkelulusan medikal yang bergelar TUN?

Untuk menamatkan kenyataan saya kali ini, saya sekali lagi menyeru semua supaya berfikirlah selalu dalam pelajaran ataupun perkara lain yang dilakukan. Gunakanlah akal otak yang dikurniakan Tuhan. Janagn kita abaikan otak kita semata-mata wujudnya komputer di dunia ini. Hayatilah ilmu pengetahuan dalam pelajaran sehayat kita ini. Walaupun ilmu tulin tidak membawa harta wang kepada kita, sekurang-kurangnya kita dapat menghayati dan memahami dunia indah yang dicipta Tuhan.

Sekian daripada saya,

Salam lagi kepada Tun dan pembaca sekalian.

YangBetul's Gravatar YangBetul

June 12, 2009 at 7:44 pm | Permalink

Salam Tun dan pembaca semua,

1. Satu lagi topik asas yakni berkenaan PENDIDIKAN yang perlu diberi perhatian penuh. Baca, faham, teliti, justeru laksanakan.
2. Saya amat bersetuju dgn Tun yang mencetus topik SEKOLAH. Dan berpendapat, kaedah pembelajaran di kebanyakan sekolah-sekolah di Malaysia masih bersifat exam-oriented. Sijil dulu, ilmu kemudian. Ya, penuh dengan ilmu tanpa sijil pun adakalanya susah. Jadi?
3. Wajib tidak bermakna perlu di gred lulus atau gagal di setiap darjah atau tingkat.
4. Sedang dunia terus menerus membicarakan bagaimana untuk menimba ilmu secara lebih berkesan dan optimum, apa yang perlu ditambah dan diolah.
5. Sebaliknya, di Malaysia rancak membicarakan apa yang mereka boleh kurangkan dalam mata pelajaran. Seolah-olah apa yang dipelajari adalah BEBAN kepada pelajar-pelajar. Amat menyedihkan.
6. Lihat sahaja polisi negara India seumpamanya, yang melahirkan rakyat boleh berbahasa inggeris. Merata-rata mereka mencari rezeki di US, UK dan negara-negara besar yang lain. Cekap dalam bidang IT dan sebagainya.
7. Ternyata berbaloi kerana memberi pulangan terhadap negara India dari banyak segi terutama ekonomi.
8. Sedang China menyusun agar lebih ramai graduan menguasai bahasa inggeris dalam tahun-tahun yang mendatang, Malaysia masih mahu berbincang tentang sebaliknya.
9. Tidak terbayangkah impak terhadap negara: Pelancongan, Ekonomi dan sebagainya.
10. Saya berdoa lebih ramai rakyat Malaysia keluar dan lawat negara-negara lain, supaya dapat mencelikkan lagi mata dan hati supaya minda lebih terbuka untuk menilai apa yang baik dan buruk dari sistem pembelajarannya di luar negara. Berfikir!
11. Bagaimana agaknya pemimpin-pemimpin agung sejarah Islam menakluki dan mendidik masyarakat dunia tentang Islam kalau bahasa-bahasa tidak dikuasai.
12. Bagaimana Nabi boleh bertutur dengan binatang-binatang yek? Bahasa apa yang di pakai? Ingat magik ker? Sudah la, bangun lah dari mimpi yang amat panjang. Sesungguhnya AQ banyak dgn perumpamaan. Sesungguhnya AQ itu untuk orang-orang yang berfikir.

13. Cara pendidikan di sekolah perlu digubah, maksudnya, membantu merangsang minda pelajar untuk berfikir sendiri lebih baik dari menyuap saja ke mulut mereka.

Wassalam.

amin tan's Gravatar amin tan

June 12, 2009 at 7:39 pm | Permalink

Dear Tun,

The topic on perlekehkan umno and chin ping really put you in bad light. you tried to imply that any one who supports bringing chin ping or allowing chin ping back to malaysia is anti umno and racist. Every one can see that you are playing dirty politics and cause unnecessary loss of non malay votes to BN. If racial animosity is stoked for a hidden agenda it is not good for you as well as for the nation.

Menghafal al Quran adalah Sunnah nabi dan sangat digalakkan, sama ada faham atau tidak. Jika faham Quran sudah tentu lebih baik dan lagi baik jika diamalkan kandungan kitab suci alQuran. Percaya kepada Quran adalah rukun iman. Quran kata jangan makan babi orang2 beriman tidak makan babi. Quran kata tutup aurat orang2 beriman tutup aurat. Quran kata samiakna wa atokna. Dengar dan patuh. Tak payahlah kata tutup aurat panas, pakaian tak sesuai. Orang2 islam wajib baca, faham dan amalkan Quran. Orang2 islam bernasib baik mempunyai agama yang begitu lengkap dan sempurna. Rugilah mereka yang bukan islam. Ada ilmu teknikal yang tinggi, harta yang banyak isteri yang cantik tidak bermakna, jika seseorang itu kufur.

amin tan

im's Gravatar im

June 12, 2009 at 7:34 pm | Permalink

Assalamualaikum

tiada apa hendak saya komenkan.

tapi saya ingin bertanya,

1. kenapa semua benda hendak dipermudahkan?
2. hendaklah kita hanya menunggu dan melihat anak kita terkejut apabila melangkah ke alam kehidupan selepas sekolah menengah samada di universiti, politeknik, intitusi pengajian tinggi lain atau di alam pekerjaan?
3. kenapa semua tidak mahukan cabaran?

saya faham, perkara ini amat berat lebih lagi kepada orang orang diluar bandar. kita perlu mencari satu jawapan bagi masalah ini.

janganlah campur adukkan politik dengan agama dan ilmu. semoga kita akan terus menjadi oarang orang yang serba boleh dan berkemampuan dalam semua bidang. ameen

BadjingIreng's Gravatar BadjingIreng

June 12, 2009 at 7:26 pm | Permalink

Betul tu Tun! Saya ni lulusan Overseas School Certificate (Tingkatan 5) saja pada tahun 1973. Saya sekarang cuma pegawai N.32 berkhidmat dengan salah sebuah jabatan kerajaan di Sabah.

Bahasa pengantar masa tu adalah bahasa Inggeris. Namun berkat “susahnya” membiasakan diri dengan bahasa Inggeris pada waktu itu, sekarang ini penguasaan bahasa Inggeris saya jauh lebih baik daripada kebanyakan lulusan universiti luar negara pada masa ini! Kadang-kadang kesian saya kepada rakan-rakan sekerja yang ada ijazah dari luar negeri .. tapi apabila terpaksa bercakap dalam bahasa Inggeris, teruk sangat sebutan dan tatabahasanya, sehingga selalu membuat saya tertawa terbahak-bahak!

Hasil daripada penguasaan bahasa Inggeris yang baik, saya boleh enjoy menonton wayang Inggeris tanpa bersusah payah membaca subtitle. Dan pengetahuan komputer saya juga bolehlah saya anggap cukup baik sekarang ini kerana saya belajar secara tidak formal dengan membaca sendiri buku-buku tentang komputer yang kebanyakannya dalam bahasa Inggeris. Alhamdulillah saya boleh assemble sendiri PC dan membaiki kerosakannya .. mempelajari penggunaan pelbagai software untuk kebaikan dan kesenangan diri sendiri dalam menjalankan tugas.

Berbual dengan orang asing yang fasih berbahasa Inggeris tiada masalah bagi saya. Rasanya macam cakap Melayu saja. Semuanya kerana untuk memperolehi sijil O.S.C. dan lulus bahasa Inggeris pada tahun 1973 itu memang susah!

Maka saya sokong penuh pendapat Tun bahawa jika sijil sudah begitu mudah diperolehi, maka ia tidak akan dihargai lagi, tidak akan berguna untuk dapat kerja dan tak berguna untuk meneruskan pelajaran lebih tinggi juga.

Saya ingin menambah .. ada sijil tapi tak ada ilmu tidak menjamin seseorang itu boleh menjadi pekerja yang baik dan memberikan perkhidmatan yang boleh dibanggakan.

Bak kata orang Melayu dulu-dulu: Berburu ke padang datar, dapat rusa belang kaki; berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi!

Salam dari Kota Kinabalu.

sel's Gravatar sel

June 12, 2009 at 7:25 pm | Permalink

ASWT YAB TUN,

Itu lah hakikatnya. Sesuatu yang payah di perolehi akan lebih di HARGAI. Sebab itulah orang dulu yang mengharungi jerih perit mencapai kemerdekaan lebih menghargai erti KEMERDEKAAN dari org zaman sekarang. Malah mereka mengatakan kita terlalu hidup dalam NOSTALGIA mengingati sejarah.

Mungkin suatu masa nanti PENYESALAN akan tiba apa bila kemerdekaan

sudah tiada lagi.

Dan Lagi Generasi kini tidak seketal dulu. Kerana mahu yang SENANG-SENANG AJE. Mereka tak tahu bila untuk "WORK HARD" dan bila untuk WORK SMART"..... SUBHANALLAH

SALAM

Sel

Altec Lansing's Gravatar Altec Lansing

June 12, 2009 at 7:20 pm | Permalink

Salam Hormat buat Tun.

Saya berpendapat daripada BI dijadikan matapelajaran wajib lulus baik Sejarah dijadikan matapelajaran wajib lulus.

Ini kerana pelajar sekarang bukan sahaja buta sejarah dunia malahan sejarah tanah air sendiri juga.

Sy sebagai guru sejarah kadangkala sedih apabila soalan ada gambar piramid diatas dan bentuk soalan "namakan bangunan di atas" dijawab dengan "kon" atau "tiga segi". kalau pembaca semua menjadi guru apa dalam fikiran anda?

sedangkan soalan begitu pun tak dapat ini kan pula soalan yg lebih sukar..... Tanya apa-apa tentang negara sendiri pun tak tau....

Jadi TUN.....

Cadangkanla supaya Sejarah menjadi matapelajaran Wajib LULUS. "Bangsa yang lupa sejarah akan mengulangi kesilapan bangsanya"

Sekian

che set's Gravatar che set

June 12, 2009 at 7:17 pm | Permalink

Salam sejahtera Tun sekeluarga yang dikasihi,serta juga semua para pejuang Che Det.

Tun bijak memudahkan perkara yang sukar.Bukannya menyukarkan perkara yang mudah.Saya rasa tujuan kita dihantar ke sekolah oleh ibu bapa adalah untuk mengelak daripada menjadi orang yang tidak tahu,lemah dan tidak berdaya fikir yang akhirnya akan menjadikan kita orang yang lemah.Orang yang lemah akan menjadi masyarakat yang lemah.Masyarakat yang lemah ini tidak akan mampu untuk memahami.Apabila tidak faham,maka sukarlah untuk menyelesaikan masalah hidup yang senantiasa mendatangi kita.Akhirnya muncul barisan kepimpinan dari golongan yang lemah ini yang mendakwa diri sebagai ulama pewaris nabi.Mereka ini lebih hebat dari nabi.Rosak wajah Islam apabila tutur kata dan cara berfikir dihidangkan ke seluruh alam.Atas nama Islam mereka bangga membawa ketidaksejahteraan kepada ummah.Kasihannya, tiadanya jiwa pemaaf.

yiemega's Gravatar yiemega

June 12, 2009 at 6:58 pm | Permalink

Ayahnda Tun,

Anaknda bersetuju dengan pandangan yang ayahnda Tun berikan, tak kan sekolah semata-mata untuk dapatkan sijil, kalau begitu baik pergi Jabatan Pendaftaran Negara, kat sana orang tak sekolah pun boleh dapat sijil...

<http://www.suaragenerasimuda.com>

milshah's Gravatar milshah

June 12, 2009 at 6:54 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Topik kali ini ada mengenai Pendidikan di Malaysia. Kita semua akui ilmu adalah penting untuk sesebuah bangsa maju. Justeru itu, kita dapat lihat sejak kemerdekaan lagi, kerajaan amat menitikberatkan pendidikan.

Saya pernah jumpa seorang rakan saya yang katanya dia belajar untuk lulus periksa sahaja dan akan lupa selepas lulus periksa tersebut.

Walaubagaimanapun, persoalan lebih penting bagaimanakah ilmu itu di sampaikan dan adakah ilmu itu benar-benar digunakan oleh pelajar-pelajar itu atau sekadar lepas periksa?

Saya katakan ini kerana saya lihat pendidikan negara kita terlampau exam based. Pelajar-pelajar dikehendaki menghafal apa-apa yg dipelajari. Apabila timbul soalan dalam kertas periksa, pelajar-pelajar ini dikehendaki meluahkan apa-apa jawapan yang telah mereka hafal. Persoalannya adakah cara pendidikan ini efektif? Pelajar yang terbaik adalah pelajar yang kuat ingatan dan hafalannya.

Dengan sebab inilah, saya rasa kita tak perlu terkejut apabila terdengar ada antara graduan-graduan kita yang lulus dengan cemerlang mendapat ijazah, akan tetapi gagal mendapat pekerjaan. Mengapa mereka gagal mendapat pekerjaan? Majikan-majikan mendapati mereka ini mempunyai masalah komunikasi yang serius, lemah dalam memberi pandangan secara kritis, kreatif, dan membina.

Harus diingat, pelajar-pelajar ini sejak dari sekolah rendah sehinggalah ke universiti, mereka diajar untuk menghafal. Bukan untuk memberi pandangan secara kritis, kreatif dan membina.

Saya pernah pergi ke KL Sentral dan sementara menanti untuk membeli tiket ke KLIA, ada satu keluarga orang putih. Saya tertarik dengan telatah mereka. Ada seorang ibu, seorang bayi dan seorang kanak-kanak lelaki. Apa yang berlaku ialah, kanak-kanak lelaki telah memukul bayi itu.

Dalam masyarakat kita, tindakan yang akan diambil ialah ibu memukul atau memarahi kanak-kanak lelaki itu kerana telah memukul bayi itu tanpa perlu memberi apa-apa penjelasan. Akan tetapi apa yang dilakukan oleh ibunya? Dia tidak memarahi atau memukul kanak-kanak itu. Sebaliknya ibunya bertanya "Why did you hit your sister?"... "Do you think its right for you to do that?". Ini menyebabkan kanak-kanak itu terdiam dan berfikir dan memberi penjelasan. Saya tergamam seketika.

Dari sini kita dapat lihat, dalam sebuah keluarga pun, di usia yang begitu kecil, mereka telah diajar untuk memberi pendapat, diajar untuk mempersoalkan sesuatu, berfikir secara kreatif dan tidak mengikut sesuatu secara membuta tuli.

Apabila kanak-kanak membesar dan dibesarkan dalam persekitaran sebegini, tak mustahil mereka inilah yang akan jadi the next Bill Gates, Abraham Lincoln, Albert Einstein, Steve Jobs, the right brothers, Henry Ford dan sebagainya.

Melalui pemikiran kreatif dan tidak menerima sesuatu keadaan yang sedia ada, barulah boleh diwujudkan perisian Microsoft windows, idea pembebasan hamba2, terwujudnya idea tenaga nuklear, terwujudnya iPhone yang menjadi barangan idaman remaja2 masakini, terciptanya kapal terbang yang pertama, tercipta pembuatan kereta besar-besaran yang pertama.

Saya akui ini cara orang US dan banyak benda telah dicipta oleh mereka. Lagi satu cara pendidikan adalah cara Jepun.

Jepun pula suka meniru atau plagiarism. Mereka suka meniru orang yang berjaya. Dengan itu mereka juga akan menjadi orang yang berjaya.

Orang Jepun bukanlah pencipta kereta atau kapal terbang yang pertama. Tapi mereka dapat lihat kemajuan yang dicapai oleh US dan Eropah dalam bidang industri. Dari itu mereka meniru, bagaimana nak buat kereta, kapal terbang dan sebagainya. Satu sifat orang Jepun ini mereka ini kuat bekerja. Suka sangat balik kerja lewat-lewat malam.

Pada mulanya mereka meniru dalam pembuatan kereta dan industri2 berat yg lain. Strategi ini bagus, kerana ini dapat mengelakan dari kesilapan "reinventing the wheel". Kalau sudah tercipta buat apa nak cipta lagi. Membuang masa sahaja.

Tapi mereka juga ada satu lagi nilai iaitu Kaizen atau pembaharuan berterusan. Apabila mereka sudah mahir meniru, sampai satu tahap mereka sudah terlalu mahir sbb terlalu buat benda yang sama, akhirnya mereka sendiri membuat perubahan dan kemajuan dah akhirnya mereka berjaya mengalahkan orang US dan Eropah dan menjadi ekonomi ke 2 terbesar selepas US.

zabidimohamed's Gravatar zabidimohamed

June 12, 2009 at 6:46 pm | Permalink

org melayu semua nak mudah dan free.

akumelayu's Gravatar akumelayu

June 12, 2009 at 6:44 pm | Permalink

SALAM TUN....

Saya bersyukur akhirnya dpt saya memberi komen dilaman web tun. sudah beberapa kali saya mencuba tetapi tidak berjaya.saya mmg amat mengkagumi tun ...jasa dan pengorbanan tun sukar utk ditandingi oleh pemimpin lain.

Saya seorg ibu yg mempunyai 3 org ank yg masih bersekolah. Betul apa yg dikatakan tun... saya amat bersetuju. Sejarah patut diajar semula terutamanya di peringkat tahun 1 lg. Tetapi biarlah dgn cara yg menyeronokkan. Cthnya melalui skrin bergambar.. tayangan vcd ke... Dlm seminggu 1 @ 2 jam pn dah memadai. nak belajar lama2 pn tkut bosan pula . Lg pn sekolah sekarang byk sgt subjek yg diajar.

Apa yg saya tgk skrg ni melayu kita terlampau mementingkn diri mereka sendiri. Tak kiralah dlm bidang korporat, politik bahkan dlm sektor perkilangan seolah2 semangat sayangkan bangsa itu sudah tidak wujud lg. Bangsa lain kita boleh tgk semangat syg kn bangsa mereka amat ketara. Bila mereka dah berjaya mereka sanggup membantu bangsa mereka yg susah. Sedangkn org melayu bila sudah berjaya lupa asal usul mereka sendiri. Jalan mendongak ke langit mcm hina sgt nak tunduk kebawaah... Walaupun tidak semuanya tp kebanyakannya mmg begitulah org melayu. Kesian bangsa kita Tun.. Tun tgk la hari ini kita bercakaran sesama kita ... bangsa lain tunggu masa saja nak kenakan kita

Sampai bila kita nk tgk org melayu begitu . jgn hendak menang sorak ... kampung kita gadaikan. Apa akan kita wariskn pd anak2 kita... Itulah SEJARAH yg mengingatkan mereka akan asal usul mereke sendiri.... Sekian terima kasih Tun.....

Anak kampung's Gravatar Anak kampung

June 12, 2009 at 6:38 pm | Permalink

Tun yang dihormati

Segala-galanya terletak pada minat seseorang dan mempunyai semangat patriotik yang tinggi. seseorang itu akan berusaha menguasai berbagai ilmu dan bercita menjadi hebat serta dapat mempertahankan Negara daripada ancaman musuh. Akhirnya hidup aman. Ini lah matlamat akhir sebenarnya.

Bagaimana pun, Kerajaan mesti ada strategi yang betul dan berkesan untuk rakyatnya menjadi berkualiti.

Nothing but wind's Gravatar Nothing but wind

June 12, 2009 at 6:21 pm | Permalink

Dear Tun DR M,

It is a welcome comment from you on the direction Malaysian Education is heading. What is the point to have a very beautiful plate (Certificates) and there is no food (knowledge) on it? We could also put it that we must pull the student up to meet the standard set and not reduce the education standard to meet the student capacity.

The education policies and its implementation in the west is generally ideal which we could emulate. There, history class is conducted like drama or plays but here the same old method is used i.e. Read and listen or dialogues. I do not deny that there are some creative and hardworking history teachers who take the trouble to use the information technology in teaching history. However, the number is too negligible.

In the study on Mathematics, the usage of calculator was not common those days. You have to compute the answer using your brain, pencil & paper. Those who studied mathematics this way, till now could compute the answer faster using mental calculation and memory. However, today, even for simple computation the student will need calculator

As for the language subjects it is very common that a student only has primary school competency even though he is at SPM level. What they have been studying for so long and what had been taught to them so far.

This clearly is a reason to be alarmed. A quick remedy is vital to solve the above shortcomings

char koay teow's Gravatar char koay teow

June 12, 2009 at 6:20 pm | [Permalink](#)

salam Tun,

sejarah tidak boleh diubah suai,apa yg terjadi tidak boleh diubah,soalannya mengapa buku teks sekolah rendah hingga sekolah menengah boleh muncul pelbagai versi(version) dari dulu tahun 80 an waktu saya di sekolah rendah hingga hari ini saya baca buku teks anak saya dah belain rasa(kandungan) !!?

apa dah terjadi,HANG TUAH is HANG TUAH.

pyan's Gravatar pyan

June 12, 2009 at 6:14 pm | [Permalink](#)

Salam TUN,

It is a very insight thought of you.

Niat adalah perkara yang paling utama dalam sesuatu perkara. Jika kita kesekolah untuk sijil, maka kita akan dapat sijil. Jika kita ke sekolah untuk ilmu, maka kita akan dapat Ilmu dan sijil.

pakbelalang's Gravatar pakbelalang

June 12, 2009 at 5:54 pm | [Permalink](#)

Dear Tun,

The day Rosmah got

pakbelalang's Gravatar pakbelalang

June 12, 2009 at 5:52 pm | [Permalink](#)

Dear Tun,

Masaalahnya sekarang pentadbir dalam Kementerian Pelajaran semuanya haprak dan HP6. Apabila pentadbir di Kementerian tidak cekap dan kurang ilmu maka inilah jadinya kepada dasar pelajaran kita. Mereka tak ada vision langsung bagaimana nak meningkatkan prestasi pelajaran sekolah.Dalam hal ini saya rasa Hishamuddin telah gagal melaksanakan tanggung jawabnya semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran. His KPI is GROUND ZERO.

bustamam's Gravatar bustamam

June 12, 2009 at 5:42 pm | Permalink

Kurikulum dan kokurikulum perlu ada keseimbangannya.

Hussein Ismail's Gravatar Hussein Ismail

June 12, 2009 at 5:39 pm | Permalink

Yg Bhg Tun,

Komen saya terhadap Para tulisan Tun di atas

“Dahulu kita dikehendaki baca dan hafal. Di sesetengah negara Islam masih dilihat kanak-kanak berkumpul di keliling guru (ustaz) di masjid dan membaca Al-Quran dan kitab-kitab dengan suara yang nyaring. Apakah mereka faham atau tidak saya tak tahu. Apakah kelulusan guru dan adakah sijil yang dikeluarkan?”

Kenapa Tun tidak cuba berusaha mengambil tahu tentang perkara ini dan InsyaAllah kalau ada usaha yang ikhlas Tun akan dapat jawapannya sendiri.

Kalaulah tersangat minat kepada bahasa Perancis, mengapa tidak Tun berusaha juga ke arah mencari jawapan kepada persoalan ini?

Wallahu'alam.

Furydose's Gravatar Furydose

June 12, 2009 at 5:34 pm | Permalink

Ramai yang tak sedar akan kepentingan pendidikan. Ramai menganggapnya hanya untuk dapat sijil supaya dapat kerja. Inilah mentaliti pelajar, terutama di universiti. Nak tahu stereotaip yang ada pada golongan pelajar universiti? Tekan link dibawah:

<http://beyonduni.blogspot.com/2009/03/ciri-ciri-pelajar-yang-telah.html>

Saya juga ingin kongsi kata-kata seorang tokoh yang berbunyi:

zoff's Gravatar zoff

June 12, 2009 at 5:32 pm | Permalink

Salam Tun,

Susah bila pihak yang mendesak dihapuskan PPSMI, Bahasa Inggeris wajib lulus dan lain-lain bukanlah pakar-pakar yang menyumbangkan kepada kemajuan sains dan teknologi negara kita.

Lainlah kalau yang membantah itu (sebagai contoh) seorang pakar fizik (Rakyat Malaysia) yang telah menemui pelbagai formula dan ilmu sains baru yang berjaya memajukan negara kita bertegas Bahasa Inggeris tidak perlu dalam pengajian sains dan teknologi.

Sebaliknya mereka yang meminta bersungguh-sungguh Bahasa Inggeris ini dilupakan terus adalah mereka yang hidup mencari makan dengan berkhayal untuk berkarya.

Arjuna's Gravatar Arjuna

June 12, 2009 at 5:29 pm | Permalink

Pada pandangan saya, subjek Sejarah adalah subjek yang wajib dipelajari oleh generasi muda sekarang di sekolah. Kurangnya penekanan dan pemahaman terhadap sejarah akan menyebabkan generasi muda lupa asal usul sehingga sanggup menyetepikan perpaduan kerana tidak sensitif terhadap hak kaum lain serta mudah dipengaruhi pihak berkepentingan. Subjek Sejarah merupakan identiti kepada pembangunan sesebuah negara bangsa yang pastinya amat penting dalam memastikan kelangsungan pembangunan yang berterusan.

Saya bimbang..Jika tidak diberi penekanan dari sekarang.. generasi muda tidak sensitif terhadap hak kaum lain... bukan Melayu perlu tahu kepentingan orang Melayu dan begitulah juga sebaliknya. Agak malang, sekarang ini orang Melayu sendiri lupa asal usul sehingga sanggup menderhaka dan melawan sultan yang menjadi tonggak kedaulatan negara serta payung kepada orang Melayu dan agama Islam.

Semua golongan perlu mengambil tahu perkara sensitif ini kerana dengan cara ini kita dapat mengekalkan keharmonian dan memantapkan lagi perpaduan rakyat seluruh Negara.

liza's Gravatar liza

June 12, 2009 at 5:28 pm | Permalink

salam buat Tun serta keluarga tercinta.

Betul lah seperti yg dikata, Dulu kami tahu tentang sejarah dan hafal tentang sejarah Malaysia dan juga dunia, juga dng Bahasa Inggeris nya,

Skrng klu tanya ada yg tak tahu jawab, Ibu bapa zaman skrg klu kita kata wajibkan Bahasa Inggeris dan sejarah mula lah nak bangkang dan tak sedia memanjang, mula lah bagi alasan org kg tak cukup kemudahan lah tak cukup kemudahan insfastucture lah,klu dari generasi dulu sampai sekarang asyik kata tak cukup kemudahan , bila nak cukup nya klu macam tu hingga generasi akan dtng pun macam tu jelah org melayu kita, tak ada kesanggupan dan kesediaan untuk berubah dan merubah keadaan,org bandar dan juga kg sama saja susah nya, cuma mahu atau tidak saja ,

fairuzstone's Gravatar fairuzstone

June 12, 2009 at 5:28 pm | Permalink

Assalamualaikum YABhg Tun,

Saya memang bersetuju seratus peratus apa yang Tun keutarakan ini. Memang amat malang jika anak-anak kita tidak tahu serba sedikit tentang dirinya, dari mana asal-usulnya dan mengapa dia boleh macam sekarang hidup aman, mewah dan senang? Kenapa ya Tun, perkara sebegini boleh berlaku?

Fairuz Bin Kamarulzaman

eliza's Gravatar eliza

June 12, 2009 at 5:25 pm | Permalink

Assalamualaikum ayahanda Tun:

Thank you for highlighting the current issues faced by students and parents. History and Geopraphy were the few subjects I liked while at school, though I must say, having good teachers is the main contributing factor. I was fortunate to have passionate teachers who cared the students.

I agree with you about using software and tools for learning. My kids for example, use Google translate to look up for words and sentences in Mandarin. Though not perfect, they can at least search relevant words on their own. There are others applications available, home-developed like <http://www.mandarin4all.com/>, but one would need to pay to use the application.

Google Map and Earth are applications made available for free to find places and to see the world in real time. It makes learning more fun and meaningful. I am not promoting Google here, but these are tools made available for free to aid learning and to make learning more interactive.

E-learning, unfortunately, is not widely accepted in Malaysia, even among those who are ICT literate. Classroom learning are more accepted by the community. Many local software players can provide the content and software, but if the teachers, schools and learning institutions do not promote and adopt the use of software and services, the current situation of more supply than demand will continue.

My two sen thoughts on this and thank you for supporting the use of software for learning.

-eliza

pakpandir08's Gravatar pakpandir08

June 12, 2009 at 5:16 pm | Permalink

Tujuan sekolah bukan semata-mata untuk pengetahuan dan sijil ... namun ia merupakan satu process pembelajaran ... sebab itulah budaya dan suasana sekolah adalah amat penting dari segi pembinaan minda seseorang sejak kecil ...

masih ingat dahulunya sekolah tidak mendapat bantuan sepenuh kerajaan. Sejak kecil lagi, setiap tahun kena berulang-ulang "mengemis" tandatangan ketua kampung atau orang kenamaan tempatan, agar mendapatkan kelulusan pemohonan bantuan buku teks ... hati berdebar-debar pada detik pengumuman keputusan siapa yg layak mendapat bantuan buku teks ... kalau gagal, habislah ibu-bapa cemas kerana terpaksa meminjam wang untuk beli buku teks ...

sejak kecil lagi merayau-rayau di kampung halaman, dengan tangan kiri memegang kad derma sekolah ... meminta derma dari satu keluarga ke satu keluarga yg lain ... untuk mendapatkan kewangan bagi mengisi tabung sekolah, yg digunakan untuk memperbaiki dinding yg dimakan anai-anai, meja kerusi yg buruk, dan menanggung kos operasi sekolah ...

begitulah suasananya ... dan secara tidak langsung suasana ini mencetuskan pemahaman yg mendalam pada semua murid sekolah sejak kecil lagi, bahawa hidup memanglah sukar ... dan sekiranya ingin menerusi hidup yg penuh kecabaran, seseorang itu mestilah berdikari dan diri di atas kaki sendiri ... terutamanya apabila budak-budak ini melihat dengan mata sendiri, titik peluh guru dan diri mereka, yg selama ini menyumbang sedikit sebanyak dalam proses pembinaan sekolah ...

selama ini, cabaran demi cabaran perlu ditembusi, terutamanya di dunia ini yg tiada penyakit rabun warna ... segala perkara yg dialami dinilai dengan warna ... lampu trafik pun berwarna-warni ... walaupun usaha yg diberikan untuk mencapai keputusan cermerlang, malangnya entah kenapa tiada peluang untuk menjejaki pintu universiti tempatan yg dijadikan cita-cita sejak kecil lagi ... bersyukur nya ibu-bapa mendapat bantuan pinjaman wang dari saudara-mara, untuk melanjutkan pelajaran di kolej swasta tempatan ... namun perasaannya berbeza sekali ... setiap kali melalui kawasan universiti tempatan, wujudnya tanggapan dan perasaan bahawa itu kawasan larangan ... apabila terjumpa graduan-graduan yg bersenyum di dalam kawasan larangan, wujudnya perasaan gembira juga atas mereka yg bernasib baik ini, dan harap mereka menghargai peluang yg diberikan, kerana bukan semua yg bernasib baik ...

kerana suasana inilah, menjadi dorongan kepada diriku agar lebih bertabah ... dan sebab itulah "jasa" Tun ini pasti dikenangai selama-lamanya untuk diriku

az5161's Gravatar az5161

June 12, 2009 at 5:15 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun, manusia sekarang ni dah macam tak boleh ...berfikir secara rasional lagi...Mungkin sekarang ni banyak yang istant jadi sijil pelajaran pun mereka nak yang instant...lulus 2 3 subjek je dah boleh dapat sijil...itu yang mereka nak ke??? Ini lah padah nya kalau TERLALU banyak sangat bercakap tapi kerja tak buat...Saya rasa pelik le Tun kenapa orang nak tentang sangat2 sesuatu ilmu yang boleh membawa manfaat kepada anak-anak mereka....budak-budak tu kalau disuruh mereka buat apa jugak, mereka akan ikut...yang buat kecoh dan huru hara ni orang tua-tua yang tk berakal ni... dia orang ni ingat dia orang akan menongkat langit ke??? hidup selama lamanya....yang akan tinggal ni besok adalah budak2 sekolah ni nanti....sanggup kah orang tua-tua yang tak berakal ni tinggalkan generasi yang akan datang ni nanti yang tk berilmu....Ya Allah...beri lah taufiq dan hidayah mu kepada mereka-mereka ini Ya Allah....Amin.....

ooi's Gravatar ooi

June 12, 2009 at 5:12 pm | Permalink

Mempelajari bahasa English sangat penting. Kalau tak faham lagi baik pergi terjun longkang. Kerja di rantau orang (saya kerja di Bahrain), kalau tak fasih bahasa orang putih habis lah.

Ataturk's Gravatar Ataturk

June 12, 2009 at 5:09 pm | Permalink

Dear Tun,

What we are having is the result of myopia and pandering to losers.

Imagine if we had not messed around with the “O” and “A” level system.

I am a product of that system. I think I am reasonably good in my English (much to the amazement of the British themselves) and equally good in Bahasa Malaysia.

So I have the best of both worlds.

But what did we do. We pandered to losers and decided to settle for mediocrity.

We are reaping what we sowed and will continue down the path of mediocrity if we keep pandering to losers.

Something about losers, because they are losers they want everybody to join them.

And the government seems to be hell bent on helping them (because each of them has a vote) instead of building them to be winners.

At least during your time, Malaysians did start believing in themselves and the “Malaysia Boleh” was a source of inspiration.

The last PM (Pak Lah) was below mediocre. We will have to see where Najib will take us. Meanwhile, I will pray for this beloved country, which seems to be getting screwed to the ground.

Best Regards,

Ataturk

bzz's Gravatar bzz

June 12, 2009 at 5:05 pm | Permalink

Tun

Ada ramai pemegang ijazah di syarikat saya yg ada sijil tapi tidak ada ilmu. Hinggakan yg ada pemegang SPM jauh lebih ‘berilmu’ berbanding yg ada sijil. Macam tak boleh fikir. Kadang-kadang saya hairan, kenapalah ada mereka yg bersijil ni lembab sangat? Belajar ke meniru masa di U?

Itu baru kerja.

Cuba tanyakan tentang sejarah, pengetahuan am, berita semasa, ekonomi dan perkara lain. Kalau itu bukan kerja dia, ada harapan mereka langsung tak tahu! Tapi kalau tanya pasal penceramah yg bercerai, artis yg seksi, artis ngorat artis mana, cerita rempit, AF dan hiburan yg lain. Mengalahkan Karam Singh Walia ceritanya... Siap angkat tangan untuk bangkang kalau tak setuju.

Baik kita banyak ilmu tapi sikit sijil berbanding banyak sijil tapi sikit ilmu.

aswadi's Gravatar aswadi

June 12, 2009 at 5:04 pm | Permalink

Salam..

Apabila bahasa inggeris dan sejarah di umumkn sebagai tidak wajib, kerisauan timbul di hati saya. Memang betul ape yang di cakapkan oleh Tun. Mungkin selepas ini ramai pelajar yang tidak akan mengambil subjek sejarah ini. Subjek ini memang tidak di sukai ramai oleh ramai pelajar kerana memerlukan pembacaan yang banyak tetapi sedarlah bahawa kesannya ke atas pelajar amat besar dan tidak mustahil pada masa akan datang sejarah bukan lagi subjek di sekolah. Dan pada masa itu, sesiapa yang hendak belajar sejarah Malaysia perlu ke negara lain yang menawarkan subjek tersebut. Jangan kita menjadi seperti negara Turki yang mana mereka sendiri tidak tahu sejarah negara mereka.

Saya sebenarnya sangat iri hati mereka yang belajar sains dan matematik dalam bahasa inggeris. Percayalah pada peringkat universiti nanti, perkara tersebut akan membantu anda. Saya merupakan pelajar luar bandar dan tidak di dedahkan kepada bahasa inggeris yang banyak. Oleh itu, kini saya struggle untuk menguasai bahasa tersebut.

FIKIRLAH UNTUK GENERASI AKAN DATANG

sekian

Shah's Gravatar Shah

June 12, 2009 at 5:00 pm | Permalink

Tun da best..Tun la pmimpin terbaik di Malaysia..hrp2 akan ada pmimpin smcm Tun akan dtg..sya bangga mnjadi rkyat Malaysia kerana Tun..tq Tun..

zharif's Gravatar zharif

June 12, 2009 at 4:59 pm | Permalink

salam tun

saya bersetuju sekiranya kelima-lima subjek teras diwajibkan untuk menjadi syarat lulus dan mendapat sijil. Kalau semua nak senang baik tak payah pergi sekolah dan duduk sahaja di rumah.Tak boleh dimanjakan sangat

<http://pre-lawrian.blogspot.com>

goggie's Gravatar goggie

June 12, 2009 at 4:50 pm | Permalink

Salam Tun,

English language for Science and Maths, is still hanging or is it going to be HISTORY! China is moving and going to be the biggest population English speaking nation in the world.

Now, English language a compulsory 'pass' subject, is an on going debate. Guess, its going to be an issue for the next decade.

History is next. What about SEX education? Concluded?

I suggest, 'Thinking' - Creative thinking, Constructive Thinking, etc.etc as core subjects.

Does not matter – in BM or BI as long as the future generation can THINK! Good for the future politicians too!

This is UNTHINKABLE.

BlueGene's Gravatar BlueGene

June 12, 2009 at 4:44 pm | Permalink

Assalam alaikum

YABhg Tun Dr. M dan seluruh felo chedet

Teringat dengan kata-kata sinis Prof Emeritus Dr Khoo Kay Kim yang mengatakan bahawa sekolah di Malaysia tidak melahirkan pelajar yang berkualiti dari segala semua segi apatah lagi penguasaan ilmu.

Pelajar era sekarang hanya ke sekolah kerana mereka diberitahu oleh ibu-bapa “mesti pergi ke sekolah” tetapi tidak diberitahu secara jelas untuk apa ke sekolah.

Sekolah sama ada ternama atau tidak, tidak penting. Ilmu yang diperoleh dari sekolah itu lebih penting. Kalau sekolah ternama sekalipun tetapi pelajarinya tidak berilmu, maka sekolah itu perlu “dicuci” sebersih-bersihnya.

Pepatah latin ada menyebut “Non scholae sed vitae discimus” yang membawa maksud “Kita menuntut ilmu bukan untuk sekolah tetapi untuk kehidupan.”

Sekolah sekarang mungkin sudah tidak mampu melahirkan orang seperti Dr M Jegathesan yang berjaya mewakili Malaysia ke sukan olimpik pada usia yang muda. Sekolah sekarang hanya melahirkan “penghafal mati” apa yang dipelajari di sekolah tetapi tidak digunakan di dalam kehidupan seharian. Janganlah hairan kalau-kalau sekarang ini budak lulusan universiti pun banyak kena tipu peraduan gores dan menang yang ditungguangi oleh orang yang tidak pernah masuk universiti.

Secara jujur, saya katakan bahawa sekolah di zaman penjajahan British lebih baik. Bersistematik dan benar-benar ke arah pencapaian ilmu.

Untuk berilmu kita tidak boleh bergantung semata-mata dengan sekolah/universiti dan guru. Kita perlu banyak mengkaji, membaca, berkomunikasi, dan sebagainya. Dan yang penting ialah rajin berusaha menuntut ilmu walaupun rambut kita mulai dipenuhi uban.

Tun, saya masih ingat lagi dengan “RAJIN, BACA, USAHA.” Dan saya masih pegang ketiga-tiganya sehingga kini. Banyak juga ilmu yang saya dapat. Saya sudah mampu membaca lebih daripada dua bahasa (B Melayu, B Inggeris).

Kementerian pelajaran/pendidikan, para penggubal dasar pendidikan/pelajaran, cendekiawan, bijak pandai, ibu-bapa dan lain-lain perlu berusaha untuk meletakkan satu anjakan paradigma agar pemerolehan ilmu semaksimum mungkin terleksana.

Malaysia mempunyai sistem pendidikan yang boleh dikira baik. Asas pun sudah ada cuma mengalami masalah pelaksanaan. Itu saya akui.

Sijil setinggi mana pun statusnya tidak berguna juga kalau tuan punya sijil lebih dangkal orang yang tidak pernah sekolah.

PPSMI penting untuk ilmu. Artikel yang saya tulis dalam blog saya seperti di bawah;

Memansuhkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) daripada sistem pelajaran kebangsaan boleh diibaratkan seperti membuang sesuatu yang baik atas nama

Oumono's Gravatar Oumono

June 12, 2009 at 4:43 pm | Permalink

permudahkan cara ini bukan bererti membantu generasi tapi akan menyusahkan balik di masa depan. saya pn ingat dlo saya sekolah bukan main susah nk dpt pangkat 1. dan hanya segelintir dapat agregat bawah 10.sekarang macam da jadi trend.kat mana-mana pn ble jumpa student dapat 20A1.timbul persoalan adakah pelajar kita tiba-tiba terlalu pintar ataupun pelajaran sudah menjadi terlalu senang.

Tidak semua sistem yang ada adalah sempurna. Semua sistem perlu diperbaiki dari masa ke semasa mengikut keperluan. Dato Sri Najib mengumumkan kerajaan beliau bukan lagi jenis kerajaan yang know-it-all dan akan sentiasa terima feedback dari rakyat. Apakah perkara ini beliau akan ambil perhatian?

Hazman Abu Bakar

Nasha Bin Edwin's Gravatar Nasha Bin Edwin

June 12, 2009 at 4:39 pm | Permalink

SAYA FIKIR SEJARAH YANG TUN MAKSUDKAN SEJARAH UMNO KOT...SEBAB SEJARAH YANG PALING BANYAK DALAM BUKU SEJARAH DI MALAYSIA IALAH PERJUANGAN UMNO...YANG LAIN SEKADAR SAMPINGAN SAJA. JADI BUKU SEJARAH KE NA LEBIH MEMAPARKAN KISAH SEMUA YANG BERLAKU DALAM ZAMAN BERKENAAN BUKANNYA TERPILIH MENGIKUT ALIRAN POLITIK. PENGGUNAAN SOLFWARE DALAM P&P ADALAH SANGAT BAIK TETAPI JIKA MURID TIDAK DIBEKALKAN PERALATAN YANG CUKUP IA HANYA TINGGAL DALAM ALMARI SAJA. DI SEKOLAH MEMANG DAPAT DILAKUKAN TETAPI BILA PELAJAR IRU SAMPAI RUMAH IA TIDAK LAGI DIBUKA ATAU DIGUNAKAN. SEBABNYA MASIH RAMAI IBU BAPA TIADA KOMPUTER DAN BUTA KOMPUTER. TAK PERCAYA CUBA PERGI KE KAWASAN LUAR BANDAR. KERAJAAN HARUS MENYEDIAKAN SATU RANCANGAN SUPAYA SEMUA ISI RUMAH DI MALAYSIA ADA KOMPUTER. BARULAH APA YANG TUN CAKAPKAN AKAN DIMANFAAT SEPENUHNYA. TAPI BUDAK SEKARANG NIE LEBIH SUKA BUKA SOLFWARE GAME DARIPADA SOLFWARE SAINS, MATEMATIK, BM, BI, SEJARAH ATAU KAJIAN TEMPATAN.

Rozy's Gravatar Rozy

June 12, 2009 at 4:36 pm | Permalink

Salam Ayahanda Tun Dr. Mahathir...saya setuju penuh dengan apa yang Tun tuliskan disini... Apa dah jadi dengan SisTem Pendidikan sekarang? Semakin turun mutu pembelajaran. Tidak ditekankan kesungguhan menuntut ilmu seperti tahun2 50,60,70 an dahulu..Pelik dan ajaib apa akan berlaku....Harapan agar ada ketegasan untuk mengangkat nilai ilmu kepada tempat yang sepatutnya. Tiada tolak ansur untuk memartabatkanya. Tanpa campor tangan pelbagai pihak bukan membantu tetapi merumitkan. Sejarah harus dipelajari dan Bahasa Inggeris harus diutamakan untuk kita maju n bersaing didunia tanpa sempadan... Hapuskan fikiran yang jumud...pentingkan masa depan generasi kita . Sekian terima kasih.

Rozy's Gravatar Rozy

June 12, 2009 at 4:35 pm | Permalink

Salam Ayahanda Tun Dr. Mahathir...saya setuju penuh dengan apa yang Tun tuliskan disini... Apa dah jadi dengan SisTem Pendidikan sekarang? Semakin turun mutu pembelajaran. Tidak ditekankan kesungguhan menuntut ilmu seperti tahun2 50,60,70 an dahulu..Pelik dan ajaib apa akan berlaku....Harapan agar ada ketegasan untuk mengangkat nilai ilmu kepada tempat yang sepatutnya. Tiada tolak ansur untuk memartabatkanya. Tanpa campor tangan pelbagai pihak bukan membantu tetapi merumitkan. Sejarah harus dipelajari dan Bahasa Inggeris harus diutamakan untuk kita maju n bersaing didunia tanpa sempadan... Hapuskan fikiran yang jumud...pentingkan masa depan generasi kita . Sekian terima kasih.

<http://chedet.cc/blog/?p=272>